

# World Congress

FOR ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION

## HUMAN DEVELOPMENT

Editor : Tareq Ladjal

*"Intellectuals Stimulate Transformation"*

**10-11th OCTOBER 2011  
(MONDAY & TUESDAY)**

**ORGANIZER**

**DEPARTMENT OF ISLAMIC  
HISTORY AND CIVILIZATION**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES  
UNIVERSITY OF MALAYA**



**UNIVERSITY  
OF MALAYA**  
*The Leader in Research & Innovation*



ISBN 978-963-41326-9-9



9 789834 132699

HUMAN DEVELOPMENT  
TAREK LADJAL

FIRST EDITION @ OCTOBER  
2011

EDITORS IN CHIEF

MOHD ROSLAN MOHD NOR  
ABDULLAH YUSOF  
FAISAL @ AHMAD FAISAL ABDUL HAMID

EDITED BY:

TAREK LADJAL, Ph.D (Chief)  
NURUL WAHIDAH FAUZI  
ASMA WARDAH SURTAHMAN

LAYOUT AND DESIGN BY:

UMMU ZAINAB AL-ABIDAH ZAINAL ABIDIN  
SITI ZALEHA HAMZAH  
NABILAH MOHD RAZIF

PUBLISHED BY:

DEPARTMENT OF ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION  
ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES  
UNIVERSITY OF MALAYA

PRINTING BY:

DEPARTMENT OF ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION  
BLOCK C, ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES  
UNIVERSITY OF MALAYA, 50603,  
LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR.

**PRICE : RM 35.00**

## Kandungan

<b>1. Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilaiannya Dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini</b> <i>Mashitah Sulaiman, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali</i>	1
<b>2. Hubungkait Etika Profesional Dalam Pembangunan Organisasi Menurut Perspektif Islam</b> <i>Zawiah Hj. Mat, Siti Arni Basir</i>	25
<b>3. Idea Imam Shafi'i Dalam Bidang Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal</b> <i>Wan Zulkifli Wan Hassan, Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, Azizi Umar</i>	37
<b>4. Merekonstruksi Tamadun Islam Sebagai Tamadun Dunia Masa Hadapan: Cabaran Dan Strategi Pembinaan Tamadun Ummah</b> <i>Mashitah Sulaiman, Marina Munira Abdul Mutalib</i>	57
<b>5. Penerapan Unsur-Unsur Pembentukan Akhlak Dan Moral Pelajar Dalam Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) Di IPTA</b> <i>Faridah Che Husain, Fakhrul Adabi Abdul Kadir</i>	75
<b>6. Pengaruh Dan Sumbangan Islam Dalam Pembangunan Peradaban MenurutmPerspektif Malik Bennabi (1905-1973) Dan 'Ali Shari'Ati (1933-1977)</b> <i>Khairiah Binti Mohd Yassin, Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar</i>	93
<b>7. Peranan Manusia dalam Pembentukan dan Pembangunan Kebudayaan Islam Menurut Perspektif Malik Bennabi (1905-1973)</b> <i>Khairiah Mohd Yassin, Wan Suhaimi Wan Abdullah</i>	111
<b>8. Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan</b> <i>Noor Hafizah bt. Mohd Haridi, Fakhrul Adabi b. Abd. Kadir</i>	121
<b>9. Isu-Isu Dakwah Majalah Milenia Muslim Menjana Masyarakat Intelektual</b> <i>Nabilah binti Mohd Razif</i>	135
<b>10. Dunia Islam Dengan Kedudukan Geografinya Yang Strategik Serta Kepelbagaian Sumber Hasilnya: Analisa Tuntutan kesatuan Dan Kerjasama Yang Lebih Sempurna</b> <i>Ahmad Zaki Ibrahim@Berahim</i>	155
<b>11. Islam Between Human Inspiration And Divine Revelation: A Counter-Argument To The Theory Of Cultural Vacuum By Hourani</b> <i>Zulkarnain Mohamed</i>	173

## 12. Behavioral Management In Islam

Muhammad khan Malik

183

13. أهمية التربية البدنية والرياضية في الإسلام وأثر ذلك على الثقافات المحلية للمجتمعات

الإسلامية

199

محمد ناجي شاكر أبوغنيم

# Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilaiannya Dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini

Mashitah Sulaiman\*

Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali\*

## Abstrak

*Agama sememangnya telah banyak memberikan sumbangan kepada kehidupan dan ketamadunan manusia. Salah satu daripada sumbangan agama kepada kehidupan dan ketamadunan manusia ini adalah melalui peranannya yang membentuk pandangan alam (weltanschauung) manusia, mengawal segala kelakuan dan tingkah laku manusia, serta menyediakan sistem kerohanian yang berupaya menjawab pelbagai persoalan besar (ultimate questions) yang bersifat ontologikal dan metafizik yang sentiasa menggusarkan diri manusia sekiranya tidak difahami dengan baik. Kertas ini membincangkan tentang penilaian tahap kefahaman agama dalam kalangan belia Melayu, Cina, India dan lain-lain di Lembah Kelang. Selain itu, kajian ini juga melihat penghayatan agama dalam kehidupan belia pada zaman moden kini. Sebanyak 195 borang soal selidik diedarkan di lokasi terpilih sekitar Lembah Kelang secara rawak mudah (simple random). Data dianalisis secara deskriptif melalui peratusan dan purata (min). Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden menganggap agama membantu dalam menyelesaikan masalah dalam hidup. Semakin tinggi pergantungan kepada tuhan, maka semakin tinggilah juga agama untuk membantu menyelesaikan masalah dan menyeimbangkan antara keperluan fizikal, emosi, rohani, intelek dan sosial manusia. Dapatan juga menunjukkan perbandingan terhadap tahap kefahaman dan penghayatan terhadap amalan agama antara etnik yang berbeza.*

**Kata Kunci:** Pembangunan, Mapan (sustainability), Peranan, Agama, Belia, Kehidupan.

**Key words:** development, sustainability, role, religion, youth, life.

## Pendahuluan

Agama merupakan salah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Dikatakan sebagai hanya salah satu aspek di sini, kerana manusia dari sudut pandangan antropologi dan sosiologi, mempunyai banyak lagi aspek yang mempengaruhi kehidupannya seperti ekonomi, masyarakat, politik, keadaan psikologi dan emosi, kehidupan kekeluargaan dan banyak lagi. Namun begitu, rata-ratanya para sarjana berpendapat bahawa agama merupakan salah

---

\* Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.

\* Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

satu aspek atau elemen yang sangat berpengaruh atau mempunyai dampak ke atas kehidupan manusia.<sup>1</sup> Malah pengaruh dan dampak yang diberikan oleh agama ke atas manusia dan kehidupannya bukanlah sesuatu yang sangat baru ditemukan dalam sejarah dunia dan ketamadunan manusia. Seperti yang dijelaskan oleh gemulah Profesor Frederich Max Muller (1823-1900), yang juga merupakan antara sarjana ilmu kajian agama yang sangat prolifik dalam syarahan ‘*The Hibbert Lectures*’ pada tahun 1878:

*Agama bukanlah suatu penemuan yang baru. Biarpun ianya tidak setua dunia yang tidak kita ketahui, tetapi ia adalah setua dunia yang kita ketahui. Sesudah sahaja kita mengetahui hampir semua pemikiran dan perasaan manusia, kita mendapati bahawa manusia memiliki agama atau agama yang memilikinya. Dokumen-dokumen tulisan tertua hampir kesemuanya di setiap tempat adalah bersifat keagamaan. “Dunia kita” seperti yang dikatakan oleh Herder (Johann Gottfried von Herder, ahli sejarah, falsafah dan teologi bangsa Jerman yang lahir tahun 1744 dan meninggal tahun 1803), “meminjam benih semua kebudayaan yang lebih tinggi daripada tradisi keagamaan, sama ada tulisan atau lisan.”<sup>2</sup>*

## Definisi dan Ciri-ciri Agama

Perbincangan tentang takrifan agama dalam kerangka perbahasan akademik telah banyak dilakukan oleh para sarjana dari pelbagai perspektif. Manakala di luar dunia akademia pula, mungkin terdapat lebih banyak lagi definisi-definisi agama yang turut dibahaskan. Hal ini disebabkan pemikiran di luar dunia akademia adalah sangat tidak terkawal atau tidak mempunyai sistem yang tersusun (atau sekurang-kurangnya bersistematik) berbanding dengan dunia akademik. Di sini, kami bawakan beberapa definisi agama yang telah dibawakan oleh para *literati* terkemuka dunia.

1. Karl Marx (1818-1883) pernah mengatakan bahawa agama itu adalah candu kepada masyarakat di dunia.
2. Edward Burnett Tylor (1832-1917) pula menyentuh definisi yang paling minima bagi agama sebagai kepercayaan kepada makhluk ghaib (*supernatural*).
3. Sigmund Freud (1856-1939) berpendapat, hasil daripada penyiasatan psikoanalisis terhadap minda bawah sedar mendedahkan bahawa kepercayaan-kepercayaan keagamaan sangat selari dengan fantasi kehidupan kanak-kanak, berkenaan kehidupan seksual ibubapa seseorang dan konflik-konflik dalamnya yang membawa kepada kewujudan agama.
4. Emile Durkheim (1858-1917) menyebutkan bahawa agama ialah suatu sistem yang menyatukan kepercayaan dan amalan berkenaan perkara-perkara yang suci, yakni, perkara-perkara yang dipisahkan daripada

---

<sup>1</sup> Yinger, John Milton (1970), *The Scientific Study of Religion*, New York: Macmillan Publishing Co., h. vii.

<sup>2</sup> Max F. Muller (1901), *Lectures on the Origin and Growth of Religions as Illustrated by the Religions of India*, London & Bombay: Longmans, Green & Co., h. 4.

- perkara-perkara biasa dan dianggap sebagai larangan – kepercayaan dan amalan ini menyatukan semua ahlinya dalam sebuah komuniti yang dipanggil gereja, iaitu kepada sesiapa yang mengikutinya.
5. Alfred North Whitehead (1861-1947) berpendapat bahawa agama ialah apa yang seseorang itu lakukan dalam keadaannya ketika bersendirian (*solitariness*).
  6. Clifford Geertz (1926-2006) mengatakan agama ialah satu sistem simbol-simbol yang berperanan untuk menghasilkan perasaan hati (*mood*) dan motivasi yang kuat, bersifat merebak (*pervasive*) dan bertahan lama (*long-lasting*) dalam diri manusia dengan memformulasikan konsep-konsep yang umum tentang kewujudan dan memakaikannya dengan suatu aura yang kelihatan sangat benar, sehingga perasaan hati (*mood*) dan motivasi itu tadi juga kelihatan secara uniknyanya benar.<sup>3</sup>

Dalam sebuah buku, *Understanding Religion*, oleh seorang sarjana ilmu perbandingan agama iaitu, Eric J. Sharpe (1933-2000), beliau telah menghuraikan bagaimana berlakunya insiden yang menyebabkan timbulnya kepelbagaian dan berbilang-bilang definisi agama dalam sejarah manusia. Secara ringkasnya, terdapat dua jenis definisi yang dapat diklasifikasikan daripada semua definisi yang telah dihasilkan ini iaitu definisi taktikal (*tactical definition*) dan definisi deskriptif (*descriptive definition*).<sup>4</sup>

Definisi taktikal dapat difahami sebagai satu bentuk terjemahan kepada maksud agama yang dilakukan oleh para sarjana atau pemikir bersempena polemik atau kontroversi yang berlaku dalam sesebuah fenomena, fahaman dan amalan keagamaan. Oleh itu, definisi taktikal ini secara langsungnya tidak menghuraikan definisi agama secara eksplisit atau hanya sangat sedikit menghuraikan definisi agama, tetapi sebenarnya lebih menceritakan peribadi orang yang melakukan pendefinisian tersebut. Contohnya, definisi Karl Marx (1818-1883), pengasas fahaman komunisme, bahawa agama ialah candu masyarakat lebih menceritakan sudut pandang Karl Marx yang sangat komunis dan materialis, berbanding maksud agama itu sendiri. Oleh itu, beliau hanya akan menekankan pendefinisian berdasarkan pandangan sarwa (*worldview*) binaannya yang melihat agama sebagai suatu yang bukan materi (*immaterial*) dan menentangnya. Kesimpulannya, definisi taktikal ini mungkin kelihatan sangat hikmah atau bijak tetapi ianya tidak menghuraikan secara terperinci makna agama, sebaliknya hanya melakukan perlambangan atau singkatan (*epitome*).

Definisi deskriptif pula dapat difahami sebagai suatu definisi yang akan menghuraikan maksud agama melalui elemen-elemen utama yang wujud dalam agama, sifat-sifat yang sinonim dengan agama ataupun ciri-ciri yang sangat dekat dengan agama. Ini dijelaskan oleh Sharpe, katanya:

---

<sup>3</sup> Semua ungkapan dan definisi ini dipetik dan diterjemahkan daripada rujukan John Bowker et. al. (2005), *Oxford Concise Dictionary of World Religions*, Oxford: Oxford University Press, h. xviii.

<sup>4</sup> Eric J. Sharpe (1994), *Understanding Religion*., London: Duckworth, h. 33-36.

*Terjemahannya: Jelasnya, oleh itu, 'definisi-definisi agama' (yang dikemukakan) boleh jadi mempunyai tujuan-tujuan tertentu, bergantung kepada niat-niat tertentu dan persepsi-persepsi awal oleh mereka yang mendefinisikannya. Tanpa diragukan, definisi taktikal dan definisi deskriptif kedua-duanya akan menghuraikan sesuatu tentang agama sama ada dalam salah satu aspeknya; tetapi secara umumnya definisi taktikal lebih menceritakan keadaan minda orang yang mendefinisikan berbanding fenomena yang sedang dikaji. Berdasarkan perkara ini, perkataan 'agama' berfungsi dalam keadaan-keadaan yang sama di mana perkataan 'seni' dan 'musik' didefinisikan. Keadaan ini menyebabkan perkataan-perkataan ini difahami secara berbeza mengikut tempat, budaya dan waktu di mana kepelbagaian idiosinkrasi (keanehan dan kepelikan) dapat dijangkakan.<sup>5</sup>*

Jelasnya di sini, para sarjana saling berbeza pendapat berkenaan definisi agama. Hal ini dapat dirumuskan berlaku kerana terkesan daripada beberapa faktor dalaman (daripada diri pengkaji agama) dan luaran (bukan daripada diri pengkaji agama) yang sangat signifikan. Contohnya Peter Connolly, seorang sarjana daripada Chichester Institute of Higher Education, United Kingdom berpendapat:

*Terjemahannya: Huraian tepat dan objektif tentang fenomena dan tradisi keagamaan tidak berlaku dengan sendirinya. Semua huraian ini adalah daripada mereka melakukan kajian terhadapnya bermula daripada satu titik permulaan. Mereka ini membawa bersama mereka pendapat-pendapat awal berkenaan subjek yang sedang mereka kaji dan, walau bagaimana naif pun sesuatu itu, satu metodologi atau satu set metodologi untuk mendapatkan maklumat dan memahaminya.<sup>6</sup>*

Oleh itu, semua ini dapat disimpulkan berlaku hasil daripada perkembangan intelektual masyarakat dunia, khususnya dalam dunia akademik (*academia*). Dari satu kajian ke satu kajian yang telah dijalankan, maka

---

<sup>5</sup> *Ibid.* h. 35. Kata beliau: "Evidently, therefore, 'definitions of religion' may serve different purposes, depending on the particular intentions and presuppositions of whoever formulates them. Doubtless tactical definitions and working definitions alike will all tell us something about religion in one or other of its aspects; but generally speaking the former will tell us rather more about the state of mind of their creator than about observable phenomena. In this regard the word 'religion' functions in ways very similar to words like 'art' and 'music.' The way in which they are understood varies so much in different areas, cultures and periods that idiosyncratic variations are only to be expected."

<sup>6</sup> Peter Connolly (1999), *Approaches to the Study of Religion*, London and New York: Cassell, h. 1.

Tegas beliau: "Accurate, objective accounts of religious phenomena and religious traditions simply do not exist in their own right. All accounts of religion are accounts by people who approach their study from a particular starting-point. They bring with them a set of assumptions about the nature of their subject matter and, however naive it might be, a method or set of methods for obtaining information and making sense of it."



menghasilkan pelbagai penemuan dan dapatan sehingga dalam masa yang sama juga mengakibatkan 'agama' terpaksa melalui bedah siasat (*post-mortem*) yang berkali-kali.

Namun begitu, biarpun terdapatnya perbezaan yang sangat merunsingkan ini, agama tetap dianuti oleh ramai manusia sejak daripada manusia awal sehinggalah ke hari ini. Malahan, terdapat sesetengah pendapat mengatakan bahawa para ateis yang tidak beragama pun diklasifikasikan sebagai mereka yang menganut fahaman dan kepercayaan 'tidak beragama' (*atheisme*).

Secara literalnya, Kamus Dewan Edisi Ketiga memberikan dua definisi agama iaitu: pertama, kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya iaitu kepercayaan pada yang Maha Kuasa. Definisi keduanya pula ialah kepercayaan pada sesuatu dewa dan lain-lain (yang dipuja dan sebagainya yang dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa)<sup>7</sup>. Menurut penelitian Dr. Haji Orang Kaya Rahmat, perkataan agama yang digunakan dalam Bahasa Malaysia pada hari ini adalah secara etimologinya berasal daripada Bahasa Sanskrit yang bermaksud keadaan yang teratur, kerana asalnya perkataan ini membawa maksud daripada gabungan dua kalimah yakni 'a,' iaitu 'tidak' dan 'gama,' iaitu kacau<sup>8</sup>. Oleh itu, a-gama atau 'tidak kacau' di sini, membawa maksud bahawa agama mengatur kehidupan manusia dan menyusunnya agar sentiasa aman dan harmoni.

Bagaimanakah daripada sebuah kepercayaan yang berada di lubuk hati dan benak minda seseorang boleh memberi kesan kepada keteraturan kehidupan seseorang seperti yang didasari dalam maksud etimologi 'a-gama' tadi? Ini berlaku kerana manusia itu sendiri terdiri daripada pelbagai unsur yang sangat berkait rapat dan menyempurnakan antara satu dengan yang lainnya. Walhasil, kepercayaan yang terbuku dalam sanubari seseorang akan terserlah warnawarninya (kepercayaan tersebut) daripada refleksi yang dipaparkan melalui pergerakan, percakapan, tingkahlaku dan lain-lain aktiviti fizikal.

Dalam alam Melayu, konsep *Din* juga diperkenalkan sebagai ganti perkataan agama. *Din* ialah agama dengan erti dan maksud yang sangat mendalam. *Din* asalnya adalah perkataan Arab dan digunakan secara umum oleh masyarakat Melayu sebagai fahaman yang sebenar tentang agama. Dalam hal ini, maksud *Din* sangat berkait rapat dengan konsep yang dibawa oleh Islam tentang agama. Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah menjelaskan maksud *Din* ini dengan keterikatannya kepada dunia Islam dalam bukunya: *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*.<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 'agama.'

<sup>8</sup> H.O.K. Rahmat (1984), *Dari Adam Sampai Muhammad*, Kota Bharu Kelantan: Pustaka Press Sdn. Bhd, h. 66.

<sup>9</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur:ISTAC,h. 41-90. Dalam *Risalah Untuk kaum Muslimin*, beliau juga menjelaskan pemahaman kebudayaan Barat terhadap agama. Menurut Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, kebudayaan

Di samping Al-Attas, Almarhum Dr Muhammad Abdullah Darraz (1894-1958) juga telah lebih awal melakukan penelitiannya yang tersendiri terhadap kalimah *din* ini dan melihat kesesuaiannya untuk digunakan kepada semua agama, Islam dan bukan Islam.<sup>10</sup> Malah terdapat berbilang ayat dalam al-Quran al-Karim yang menjelaskan hal ini sesuai dengan bilangan 68 kali kalimah *din* ini didatangkan. Contohnya seperti maksud firmanNya ini: "Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNya lah berserah diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa dan hanya kepada Allah lah mereka dikembalikan."<sup>11</sup> Maka, adalah suatu realiti terdapatnya pelbagai agama di dunia ini dan terdapat juga tafsiran yang universal bagi agama yang boleh dipakaikan kepada semua agama, termasuklah Islam dan bukan Islam.<sup>12</sup>

Oleh itu, dengan definisinya yang lebih terperinci (daripada definisi Kamus Dewan di atas), Darraz menginterpretasikan agama sebagai: "Kepercayaan kepada kewujudan zat atau zat-zat - yang ghaib - yang tinggi, yang mempunyai perasaan dan kuasa, dan juga mempunyai autoriti dan tadbir ke atas perkara-perkara yang dikehendaki manusia, kepercayaan yang membangkitkan rasa bermunajat (minta perlindungan) kepada zat yang agung ini dalam keadaan suka dan takut, dalam keadaan tunduk dan membesarkan (zat agung ini)." Dalam ibarat yang lebih ringkas, agama ialah "Kepercayaan kepada zat ketuhanan, yang amat utama untuk ditaati dan disembah (melalui peribadatan)."<sup>13</sup>

---

Barat telah menanggapi agama itu dalam tiga bentuk yang utama. Tiga bentuk inilah yang menjadi manifestasi pengertian agama dalam kehidupan masyarakat Barat. Kata beliau: "Yang pertama adalah bahawa agama itu berasas pada satu Tanzil daripada Tuhan Yang Hak kepada insan yang dilangsungkan dengan perantaraan wahyu yang diturunkan olehNya kepada nabi atau rasulNya". Pengertian begini dipegang oleh mereka yang percaya akan kebenaran agama; yang kedua adalah bahawa agama itu sehimpunan kepercayaan-kepercayaan tahyul, termasuk cara-cara meangsungkan ibadat atau penghambaan diri sebagaimana yang telah ditetapkan-pengertian begini dipegang oleh mereka yang tidak percaya akan kebenaran agama; yang ketiga adalah bahawa agama itu sehimpunan pendapat-pendapat dan undang-undang yang disusun dan direka oleh para bijaksana dan failasuf bagi keperluan kesejahteraan dan ketenteraman khalayak ramai masharakat insan, bagi mencegah hawa-nafsu, dan bagi membina serta menjamin tattertib dalam pelbagai golongan dan lapisan masharakat insan-pengertian begini dipegang oleh mereka yang bersikap tiada peduli terhadap agama sebagai agama, akan tetapi menganggap agama itu penting hanya bagi kegunaannya sebagai alat negara." Lihat: Al-Attas (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 26-27.

<sup>10</sup> Darraz, Muhammad Abdullah, (1990), *Al-Den BuhĒth Mumahhadah Li Diresah TĒrĒkh Al-AdyĒn*, Kuwayt: Dar Al-Qalam, h. 28.

<sup>11</sup> Al-Quran Al-Karim, *Surah Ali Imran*, 3: Ayat 83.

<sup>12</sup> Lihat juga karangan ini 'Agama-agama dalam Al-Quran al-Karim: MaġmĒd Al-SharĒf, (1970) *Al-AdyĒn FĒ Al-QurĒn*, Kaherah: Dar Al-Maarif, h. 315-322.

<sup>13</sup> Darraz, Muhammad Abdullah (1990), *Al-DĒn BuhĒth Mumahhadah Li DirĒsah TĒrĒkh Al-AdyĒn*, Kuwayt: Dar Al-Qalam, h. 52. Berikut adalah takrifan *din* menurut almarhum:

"الدين هو (الاعتقاد بوجود ذات -أو ذوات - غيبية - علوية، لها شعور واختيار، ولها تصرف وتدبير للشئون التي تعنى الإنسان، اعتقاد من شأنه ان يبعث على مناجاة تلك الذات السامية في رغبة ورهبة، وفي خضوع وتمجيد.)"  
وبعبارة موجزة، هو ((الإيمان بذات إلهية. جديرة بالطاعة والعبادة))."

Oleh itu, daripada takrifan atau definisi di atas, agama telah dikenalpasti dalam pelbagai jenis dan rupanya, merangkumi dua dimensi yang utama iaitu kepercayaan dan tindakan. Kepercayaan dan tindakan yang dihasilkan oleh agama ini juga perlu difahami sebagai elemen yang sangat berkait rapat atau dalam erti kata yang lain, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya merangkumi kepercayaan sahaja tanpa tindakan. Malah begitu juga sebaliknya, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya hanya melibatkan tindakan sahaja tanpa sebarang kepercayaan.

Kesimpulannya, agama adalah satu realiti yang sangat dominan dalam kehidupan manusia. Dampaknya sangat jelas dan utama dalam kehidupan manusia daripada tamadun yang terawal sehinggalah ke hari ini. Oleh itu, kajian terhadap agama bukan sahaja dilakukan oleh ahli teologi sahaja, malah ahli sejarah, ahli sosiologi, ahli antropologi, ahli psikologi dan banyak lagi.

### **Peranan Agama Dalam Kehidupan Manusia**

Agama sememangnya telah banyak memberikan sumbangan kepada kehidupan dan ketamadunan manusia. Salah satu daripada sumbangan agama kepada kehidupan dan ketamadunan manusia ini adalah melalui peranannya yang membentuk pandangan alam (*weltanschauung*) manusia, mengawal segala kelakuan dan tingkah laku manusia, serta menyediakan sistem kerohanian yang berupaya menjawab pelbagai persoalan besar (*ultimate questions*) yang bersifat ontologikal dan metafizik serta sentiasa menggusarkan diri manusia sekiranya tidak difahami dengan baik.<sup>14</sup> Malah menurut beberapa pandangan ahli psikologi klasik dan moden, agama sememangnya membantu dalam membentuk kehidupan seseorang dengan membentangkan pemahaman yang diperlukan oleh seseorang berkenaan maksud kehidupan; yang termasuk dalamnya asal kehidupan, tujuan dan akhir perjalanan kehidupan manusia atau *Fiqh al-Hayah*. Melalui pemahaman yang asas inilah, maka seseorang itu dapat menjalankan kehidupan sehariannya dengan penuh fokus dan yakin dengan apa yang dipercayainya. Berikut adalah

---

<sup>14</sup> Persoalan-persoalan besar ini boleh difahami seperti dalam huraian Profesor Dr Idris Zakaria berikut: Hidup adalah suatu kumpulan aktiviti manusia yang tentunya wujud bersamanya masalah atau beberapa masalah. Dan kita dapati dalam cara-gaya hidup manusia sepanjang sejarahnya sering mengalami “hilang punca” apabila masalah-masalah segera kehidupan (*immediate problems*) seperti keperluan-keperluan peribadi, kelompok, masalah pengurusan, hubungan sesama manusia, kebudayaan dan seumpamanya dicampur sekaligus dengan masalah-masalah asas kehidupan (*ultimate problems*) seperti erti kehidupan, tujuan dan matlamat hidup, erti manusia dan kemanusiaan, dari mana datangnya manusia dan apa kesudahannya, apakah hakikat alam semesta ini dan lain-lain yang diajukan melalui persoalan apa (*what*), bila (*when*), bagaimana (*how*), dari mana (*where from*), dan ke mana (*where to*). Soalan-soalan ini bersifat filosofi, sudah semestinya lebih rumit dari jenis di atas. Tetapi ia penting dipecahkan justeru ia merupakan perkara asas kehidupan. Kejayaan dalam hidup di dunia ini bergantung kepada kejayaan memecahkan persoalan-persoalan berkenaan. Jadi, persoalan tentang dunia dan hakikatnya wajar difahami dahulu. Lihat Idris Zakaria (2000), “Falsafah Hidup Manusia: Perbandingan Antara Islam, Hindu-Buddha, Kristian Dan Ideologi Moden”, (Paper). *Siri Muhadharah Pemikiran Islam Yang Ke-10*, Menara Yayasan Islam Terengganu, 27 November 1999, hlm. 1-2.

penjelasan Dr. Baltus mengenai kepentingan mempunyai pandangan yang jelas berkenaan maksud dan tujuan kehidupan:

*It is desirable not only to determine the purpose of life in a universal sense but also to work out the primary purpose of your individual life. It is not necessary that you interpret the meaning of life in the same way as someone else, but it is important that your life have meaning and purpose. Determination of your life's primary purpose will affect all your other goals. Often a person's primary purpose is closely related to one's religious beliefs or a basic belief in the origin of life.*<sup>15</sup>

Oleh hal yang demikian, agama dilihat mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memberikan panduan kepada manusia tentang corak kehidupan yang perlu dilaluinya. Malah hakikat ini telah pun berlangsung sekian lama dalam sejarah manusia. Hakikat ini juga turut diakui oleh seorang tokoh besar disiplin psikologi yang juga seorang ateis dalam sebuah naratifnya yang agak kritikal terhadap agama. Kata beliau: *"Religion has clearly performed great services for human civilization. It has contributed much towards the taming of the asocial instincts. But not enough. It has ruled human society for many thousands of years and has had time to show what it can achieve."*<sup>16</sup> Seterusnya, beliau menyambung hujahan beliau dengan beberapa pandangan yang sangat sinikal dan agak spekulatif terhadap peranan agama dalam sejarah manusia. Ujar beliau:

*If it had succeeded in making the majority of mankind happy, in comforting them, in reconciling them to life and in making them into vehicles of civilization, no one would dream of attempting to alter the existing conditions. But what do we see instead? We see that an appallingly large number of people are dissatisfied with civilization and unhappy in it, and feel it as a yoke which must be shaken off; and that these people either do everything in their power to change that civilization, or else go so far in their hostility to it that they will have nothing to do with civilization or with a restriction of instinct. At this point it will be objected against us that this state of affairs is due to the very fact that religion has lost a part of its influence over human masses precisely because of the deplorable effect of the advances of science. We will note this admission and the reason given for it, and we shall make use of it later for our own purposes; but the objection itself has no force.*<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Baltus, Rita K (2000), *Personal Psychology: For Life And Work*, Ohio: Glencoe McGraw Hill, h.

348.

<sup>16</sup> Freud, S. (1961), *The Future of an Illusion*, (Translated by James Strachey), New York & London: W. W. Norton & Company, h. 47-48.

<sup>17</sup> Ibid. Permasalahan antara agama dan sains sebenarnya adalah masalah persepsi yang ditimbulkan oleh manusia yang meletakkan kedua-duanya sebagai saling berlawanan dan bercanggah. Dalam erti kata yang lain, asas letaknya percanggahan dalam isu ini adalah pada sudut epistemologi. Kemudiannya merebak kepada sudut metafizik, etika, estetika, ontologi, kosmologi, dan lain-lain lagi. Isu ini telah dibincangkan beribu-ribu tahun lamanya

Meskipun terdapat pelbagai persepsi yang dizahirkan terhadap agama, baik mahupun buruk, positif ataupun negatif, agama adalah suatu realiti yang tidak asing dalam menentukan pandangan sarwa (*worldview*), kepercayaan, perkataan, tindakan dan amalan seseorang. Dalam perkataan yang lain, agama juga mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memberikan pengaruh kepada sikap mental dan gerak-geri seseorang dalam kehidupannya sehari-hari. Manusia dalam hal ini mengambil agama sebagai rujukannya, motivasi dan pembimbing dalam setiap keputusan kehidupannya sama ada pada peringkat individu atau *personal*, kekeluargaan, masyarakat dan antarabangsa.

## **Agama dalam Kehidupan Belia**

Golongan belia adalah golongan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat dan merupakan golongan yang mempunyai bilangan yang sangat ramai dan merupakan golongan untuk membangunkan negara pada masa akan datang. Seharusnya golongan belia ini mempunyai satu kehidupan yang mempunyai hala tuju baik untuk mereka sendiri ataupun sebagai warganegara Malaysia. Merujuk Swee, belia yang umurnya antara 15-29 tahun mewakili 26.3% daripada keseluruhan jumlah penduduk pada tahun 2015 nanti. Populasi belia merupakan kumpulan paling dominan pada tahun 2020. Unjuran statistik pada tahun 2000 menggambarkan peningkatan belia berumur bawah 40 tahun adalah tinggi sehingga mencecah 50.0% pertambahannya dan mereka akan mewakili dua pertiga Malaysia (31 juta belia) manakala proposi kumpulan belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah sekitar satu pertiga (10 juta - anggaran unjuran berdasarkan statistik tahun 2000, 75 peratus berumur bawah 40 (16.5 juta daripada 22 juta rakyat Malaysia)).<sup>18</sup> Rentetan itu, segala perilaku dan aktiviti golongan belia ini sudah pasti akan memberi impak yang besar kepada pembangunan masyarakat sosial berbilang kaum di Malaysia ini. Salah satu perkara asas yang paling penting adalah isu kepercayaan kepada agama dan peranan agama itu sendiri kepada golongan belia ini.

Dasar Pembangunan Belia Negara mentakrifkan belia sebagai mereka yang berumur antara 15-40 tahun<sup>19</sup>, manakala klasifikasi belia oleh Azimi Hamzah dll.<sup>20</sup>, adalah di antara umur 15-35 tahun sahaja dengan pembahagian tiga kumpulan umur iaitu awal belia (15-20), pertengahan belia (21-24) dan akhir belia

---

dalam sejarah manusia seiring dengan sejarah perkembangan pemikiran manusia. Terdapat artikel yang menarik yang telah ditulis oleh Albert Einstein berkenaan isu ini. Lihat: Einstein, Albert (2006), "Religion and Science: Irreconcilable?" *Religion in America: Primary Sources in US History Series*, James T. Baker (Ed.), Canada: Thomson-Wadsworth, Vol. 2, h. 367-369.

<sup>18</sup> Azimi Hamzah & Zanariah Mohd Nor (2007), *Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju, Laporan Penyelidikan*, Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional, Universiti Putra Malaysia.

<sup>19</sup> Norizan Sharif (2003), "Perpaduan Belia Pelbagai Agama di Malaysia", Dalam *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>20</sup> Azimi Hamzah dll., (2007), *Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building*, Serdang: Institute for Social Science Studies (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

(25-35). Oleh itu, untuk tujuan penyelidikan ini yang memberi fokus kepada golongan belia maka hanya umur awal belia sehingga akhir iaitu kadar umur di antara (15-35) tahun digunakan.

Tahap penghayatan dan kefahaman agama dalam kalangan belia dipengaruhi oleh faktor tempat atau persekitaran. Kajian yang dilakukan di Barat mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tempat dan tahap religiosity remaja.<sup>21</sup> Sementara itu kajian yang dilakukan oleh Krauss dan Azimi terhadap belia Islam di Malaysia yang tinggal di bandar dan luar bandar juga mendapati bahawa tahap keagamaan (*religiosity*) belia luar bandar adalah lebih tinggi berbanding daripada belia yang tinggal di bandar. Menurut Krauss dan Azimi perbezaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor modenisasi yang membawa pengaruh dan budaya barat yang berlaku di kawasan bandar berbanding di luar bandar.<sup>22</sup>

Di Malaysia sendiri, Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2003 dan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan penglibatan dalam gejala sosial bermula seawal umur 10 tahun. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh PDRM, sebanyak 76,403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun tersebut di seluruh Malaysia iaitu melibatkan jenayah berbentuk kekerasan dan jenayah harta benda. Apa yang menyedihkan belia kini jahil mengenai kewajipan terhadap agama kerana tidak mempunyai pengetahuan dan pengamalan agama yang sempurna. Masalah ini disebabkan ibu-bapa mereka juga tidak melaksanakan suruhan agama di rumah, jahil al-Quran dan tidak memandang serius hal-hal berkenaan agama. Malah yang lebih kritikal ialah ada antara mereka yang mempunyai pengetahuan agama tetapi tidak mengamalkannya. Kesannya adalah anak-anak mereka mengambil sikap sambil lewa terhadap agama.<sup>23</sup> Dari pandangan Islam, sebenarnya keruntuhan akhlak luaran berpunca daripada akhlak dalaman yang tiada langsung hubungan dengan Allah s.w.t. Apa yang perlu diketahui bahawa akhlak yang mulia sebenarnya berpunca daripada kesucian rohani seseorang itu terhadap Allah s.w.t.<sup>24</sup>

Menurut Starawarji jika kita ingin meneliti dan mempelajari perkembangan perasaan agama pada remaja atau belia, kita tidak dapat mengabaikan faktor-faktor terpenting dalam pertumbuhan remaja/belia itu, antara lain ialah unsur-

---

<sup>21</sup> Roger W. Stump (1986), "Regional Variations in the Determinations of Religious Participation," *Review of Religious Research*, Vol. 27, no.3, h. 208-255. Paul H. Chalfant & Heller L. Peter (1991), "Rural/Urban Versus Regional Differences in Religiosity," *Review of Religious Research*, Vol. 33, No.1, h.76-86.

<sup>22</sup> Krauss S. E. & Azimi, H, (2005), *Muslim Women and Peace: Toward Understanding the Role of Islamic Religiosity as a Contributor to Nation Building*, Manuskrip Tidak Diterbitkan, Institute for Community and Peace Studies (PEKKA), Universiti Putra Malaysia.

<sup>23</sup> Zawawi Ahmad (1984), *Kaedah dan Teknik Pengajaran: Pendidikan Islam*, Petaling Jaya:International Book Service.

<sup>24</sup> Tajul Ariffin Nordin (1997), "Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Satu Pendekatan Bersepadu." *Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral Dan Nilai Dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

unsur pertumbuhan mental remaja.<sup>25</sup> Di mana idea-idea agama, dasar-dasar keyakinan dan pokok-pokok ajaran agama, pada dasarnya diterima oleh seseorang pada masa kecilnya. Pokok ajaran-ajaran agama yang diterimanya pada waktu kecil itu akan berkembang dan bertambah subur apabila anak atau belia yang menganut kepercayaan itu tidak mendapat kritikan-kritikan dalam hal agama itu. Dan apa yang bertumbuh dari kecil itulah yang menjadi keyakinan yang dipegangnya melalui pengalaman-pengalaman yang dialaminya atau dirasakannya.

## Metodologi Kajian

Kajian ini tertumpu kepada golongan belia di sekitar lembah Kelang memandangkan kawasan ini adalah kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang padat dan mengalami pembangunan yang pesat dari segi infrastruktur dan pemodenan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan persampelan rawak mudah "*random sampling*" kepada golongan muda yang merangkumi belia yang sudah bekerja, tidak bekerja dan belia yang masih menuntut di institusi pendidikan.

Borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dari pelbagai latarbelakang kaum dan agama, sekitar umur di antara 15-35 tahun. Oleh kerana negara Malaysia berlatar belakangkan masyarakat majmuk dari pelbagai kaum maka responden akan dipilih berdasarkan nisbah 5:3:2 bagi Melayu: Cina India & lain-lain seperti yang digunapakai dalam kajian Prof. Azimi Hamzah dan Zanariah Mohd Nor berkenaan "Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju".

Berdasarkan model "*Muslim Religiosity & Personality Inventory*" – MRPI (yang telah dirumuskan oleh Prof. Dr. Azimi et. al.), kajian ini membuat penilaian kepada responden dalam beberapa aspek. Berdasarkan model MRPI terdapat Empat (4) aspek iaitu Pendangan Semesta Islam, Konsep Pencipta, Konsep Kewujudan – Transendence dan semua cakupan agama. Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian ini, sedikit penyesuaian dilakukan terhadap model ini mengambil kira latar belakang responden yang berbilang bangsa dan agama, anutan atau pegangan. Untuk tujuan kertas kerja ini, perbincangan tertumpu kepada dua aspek berikut iaitu, pandangan semesta dan tahap penghayatan terhadap agama. Skala pengukuran tahap keagamaan dan personaliti yang digunakan adalah sebanyak 5 Tahap iaitu 1- Sangat Rendah, 2- Rendah, 3- Sederhana, 4- Tinggi dan 5- Sangat Tinggi. Dapatan kajian dari borang kaji selidik yang diedarkan akan dianalisis secara analisis deskriptif dan inferensi. Pembahagian skor untuk soalan positif dan negatif adalah seperti Carta 1 di bawah:

---

<sup>25</sup> Starawarji, *Pengertian Kedispilinan*, (Online posting), 19 April 2009, <http://starawaji.wordpress.com/2009/04/19/pengertian-kedisiplinan>


## Carta 1 Pembahagian Skor bagi Soalan Seksyen 2 Pandangan Semesta

Jawapan	Item Positif	Item Negatif
Tidak sama sekali selari dengan pandangan saya	1	5
Kurang sama dengan pandangan saya	2	4
Saya tidak pasti	3	3
Sama seperti pandangan saya	4	2
Amat bertepatan dengan pandangan saya	5	1

Soalan positif pada seksyen 2A ialah item 1, 4, 5, 6, 7, 9, sementara item negatif pula ialah 2, 3, 8, 10, 11 dan 12. Soalan positif pada seksyen 2B pula ialah item 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7.


### Dapatan Kajian

#### Demografi Responden



Rajah 1 Jantina Responden

Rajah 1 menunjukkan taburan jantina responden yang mewakili sebanyak 195 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 43.1% (84 orang) adalah lelaki manakala 56.9% (111 orang) pula adalah perempuan.



Rajah 2 Kumpulan Etnik Responden

Rajah 2 pula menunjukkan komposisi etnik responden yang terdiri daripada Melayu 27.7% (54 orang), Cina 25.6% (50 orang), India 45.6% (89 orang) dan lain-lain 1.0% (2 orang).



Responden merupakan golongan belia yang berumur di antara 15-35 tahun. Sebanyak 76.4% (149 orang) berumur di antara 15-20 tahun, 17.4 % (34 orang) berumur di antara 25-35 tahun sementara 6.2% lagi (12 orang) berumur di antara 21-24 tahun.

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Secondary school dan below	121	62.1	62.1	62.1
	Diploma	28	14.4	14.4	76.4
	Undergraduate	37	19.0	19.0	95.4
	Master	9	4.6	4.6	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Jadual 1 Tahap Pendidikan Responden

Responden terdiri daripada latarbelakang pendidikan yang berbeza-beza. Kebanyakan responden masih menuntut di peringkat menengah (62.1%, 121 orang). Manakala responden yang sedang menuntut di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing adalah sebanyak 14.4% (28 orang) dan 19% (37 orang). Selebihnya, sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana iaitu sebanyak 4.6% (9 orang).

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Gender	246.91	696.301	-0.084	0.901
Race	246.28	695.026	-0.031	0.902
Age	247.07	692.805	0.024	0.901
Education	246.82	691.894	0.032	0.902
Parents' Job	245.14	699.526	-0.102	0.904
2A1	244.03	672.602	0.517	0.898
2A2	246.93	703.902	-0.194	0.904
2A3	246.36	707.633	-0.207	0.906
2A4	244.71	662.567	0.396	0.898
2A5	244.3	658.758	0.61	0.896
2A6	244.21	671.249	0.422	0.898
2A7	244.42	669.492	0.423	0.898
2A8	246.52	700.715	-0.122	0.904

2A9	244.43	674.102	0.299	0.899
2A10	246.56	689.712	0.041	0.902
2A11	246.29	696.845	-0.06	0.904
2A12	246.65	703.733	-0.184	0.904
2B1	244.18	671.622	0.467	0.898
2B2	244.35	666.672	0.573	0.897
2B3	243.85	673.657	0.527	0.898
2B4	244.56	663.763	0.547	0.897
2B5	244.05	662.564	0.65	0.896
2B6	244.31	670.008	0.428	0.898
2B7	244.86	663.34	0.508	0.897

### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.900	70

Jadual 2 Keboleh Percayaan (*Reliability*) Soalan Kajian

Jadual 2 menunjukkan keboleh percayaan instrumen kajian setelah dianalisis dengan menggunakan analisis Cronbach Alpha terhadap 70 soalan yang terdapat dalam borang kaji selidik. Item-item yang berkualiti tinggi ialah soalan-soalan yang signifikan secara statistik. Menurut Azimi et. Al. (2007), item yang signifikan ialah item yang dengan menggunakan Cronbach Alpha sekiranya item dibuang, nilai lebih besar daripada item alpha yang diseragamkan (*the standardized item alpha*). Soalan kaji selidik memiliki tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.9. Menurut McCroskey semakan kebolehpercayaan pada tahap tinggi iaitu 0.9 dan hal ini juga di persetujui oleh Azimi et. al.<sup>26</sup>

### Pandangan Sejagat Belia Pelbagai Etnik Terhadap Agama

	A. Agama memberi makna dalam kehidupan anda.	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Purata
1	Kepercayaan kepada agama dapat membantu menyelesaikan masalah dalam hidup.	4.78	4.30	4.33	5.00	4.45
2	Ajaran dan nilai keagamaan tidak memberikan apa-apa makna dalam kehidupan saya.	4.81	3.94	4.54	3.50	4.45
3	Agama adalah tradisi yang perlu ditinggalkan selaras dengan kemajuan semasa sains dan	4.50	3.30	3.83	4.00	3.88

<sup>26</sup> McCroskey (1970), dalam Supyan Hussin & Azhar Jaludin (2006), *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd, Azimi Hamzah et. al (2007), *Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building*, Serdang: Institute for Social Science Studies (IPSAS).


	teknologi.					
4	Agama adalah satu kebudayaan yang perlu diikuti mengikut kaum masing-masing.	3.06	3.94	4.11	3.00	3.76
5	Tuhan adalah tempat bergantung dalam apa jua situasi.	4.63	3.74	4.13	4.50	4.17
6	Kehidupan beragama menyeimbangkan keperluan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial setiap manusia.	4.67	3.94	4.22	3.50	4.27
7	Budaya atau perkara baru boleh diterima selagi ia tidak bertentangan dengan agama.	4.54	3.68	4.02	2.50	4.06
8	Agama menghalang manusia untuk mencapai kemajuan kebendaan dan kemodenan.	4.46	3.68	4.02	3.00	4.05
9	Tanpa agama semua manusia akan hidup dalam keadaan porak-peranda dan kacau-bilau.	4.67	3.48	4.00	3.50	4.05
10	Agama adalah penghalang kepada diri seseorang individu untuk menjadi ahli masyarakat yang baik.	4.41	3.62	4.17	3.00	4.08
11	Saya merasakan agama mengongkong kebebasan dan kehidupan peribadi saya.	4.52	3.28	3.70	3.00	3.81
12	Ajaran agama hanya dipenuhi oleh perkara mitos dan kisah dongeng yang tidak membantu peningkatan atau perkembangan intelektual individu.	4.65	3.60	4.22	3.50	4.17
<b>Jumlah Purata Keseluruhan</b>		53.7	44.5	49.29	42	49.2
<b>Purata Keseluruhan bagi setiap etnik x/12=</b>		4.5	3.7	4.1	3.5	4.1

Jadual 3 Purata Tahap Pandangan Sejagat Terhadap Makna Agama Dalam Kehidupan Belia Berdasarkan Etnik.

Jadual 3 menunjukkan tahap pandangan sarwa (*worldview*) responden terhadap makna agama dalam kehidupan mereka berdasarkan etnik. Sebahagian besar responden daripada pelbagai etnik bersepakat bahawa kepercayaan agama membantu menyelesaikan masalah kehidupan mereka dengan darjah kefahaman yang tinggi. Dapatan ini konsisten dengan tahap kefahaman tentang tuhan merupakan tempat bergantung dalam apa jua situasi. Hanya etnik Cina menunjukkan kefahaman persetujuan pada tahap yang sederhana yang

menghampiri tahap tinggi. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan pada tahap keertian 0.01 (*2-tailed*) dengan nilai 0.510 antara item tuhan sebagai tempat bergantung dalam apa juga situasi dengan item “kehidupan beragama menyeimbangkan keperluan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial setiap manusia”. Ini bermaksud semakin tinggi pergantungan kepada tuhan maka semakin tinggi kehidupan agama tersebut menyeimbangkan keperluan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial seseorang.

Sementara itu, dapatan juga mendapati bahawa Responden Melayu dan India memahami peranan agama yang selari dengan kemajuan sains dan teknologi dalam arus teknologi kini berbanding dengan responden Cina dan lain-lain. Ini dibuktikan dengan 3 dapatan daripada soalan yang konsisten dan berhubungan secara signifikan antara satu sama lain iaitu, agama menghalang manusia untuk mencapai kemajuan kebendaan dan kemodenan di mana min responden Cina dan lain-lain adalah rendah pada tahap sederhana berbanding Melayu dan India. Item ini memiliki hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.01 (*2-tailed*) dengan nilai positif 0.563 dengan ajaran dan nilai agama tidak memberi makna kepada saya. Dapatan ini juga konsisten dengan dua dapatan lain iaitu “saya merasakan agama mengongkong kebebasan dan kehidupan saya, dan ajaran agama hanya dipenuhi oleh perkara mitos dan kisah dongeng yang tidak membantu peningkatan atau perkembangan intelektual individu. Responden Cina dan lain-lain mempunyai nilai skor yang rendah iaitu pada tahap sederhana ke tinggi berbanding dengan responden Melayu dan India. Dapatan juga mendapati bahawa responden Melayu tidak merasakan agama mengongkong kebebasan dan kehidupan peribadi mereka. Pandangan ini berbeza dengan responden India, Cina dan lain-lain yang berada pada aras sederhana. Dalam hal di atas, walaupun agama dalam konteks kehidupan moden dengan kemajuan sains dan teknologi dianggap tidak selari dari pandangan responden Cina dan lain-lain, namun kesemua responden amat memahami keperluan agama dalam menyelesaikan masalah hidup.



Rajah 3 Skala Indeks Toleransi daripada Persepsi dalam Isu Hubungan Etnik.


Etnik Melayu dan India masing-masing menunjukkan tahap kefahaman terhadap agama yang tinggi. Walaupun begitu, tahap kefahaman etnik Melayu tinggi sedikit berbanding etnik India. Etnik Cina dan Lain-lain pula berada pada tahap yang sederhana. Walaupun begitu, tahap kefahaman etnik Cina sedikit menghampiri aras tinggi berbanding dengan etnik Lain-lain.

	<b>B. Adakah kepercayaan kepada agama mendorong kepada pelaksanaan ibadat dan amalan kebajikan.</b>	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>Purata</b>
1	Menjaga kebersihan adalah sebahagian daripada tanggungjawab beragama.	4.78	3.90	4.21	5.00	4.30
2	Saya akan peruntukkan masa untuk bertafakkur (mengingati) Tuhan dan mendengar syarahan agama.	4.46	3.78	4.12	4.00	4.13
3	Saya bertanggungjawab menjaga , menghormati dan menyayangi ibubapa saya dan bersedia membantu orang tua yang memerlukan bantuan.	4.80	4.26	4.76	3.50	4.63
4	Saya selalu pergi ke masjid atau rumah ibadat untuk menunaikan ibadat.	3.94	3.56	4.15	2.00	3.92
5	Hubungan yang baik dengan Tuhan akan turut menjamin hubungan yang baik dengan manusia lain, haiwan dan persekitaran.	4.69	3.94	4.57	3.00	4.43
6	Saya tetap menyertai program-program rekreasi/ riadah tanpa mengabaikan suruhan agama.	4.69	3.84	4.07	3.00	4.17
7	Saya selalu meluangkan masa untuk membaca buku-buku agama saya walaupun saya sibuk.	3.89	3.34	3.61	4.00	3.62
<b>Jumlah Purata Keseluruhan</b>		31.25	26.62	29.49	24.5	29.2
<b>Purata Keseluruhan bagi setiap etnik <math>\times/7=</math></b>		4.5	3.8	4.2	3.5	4.2

Jadual 4 Perbandingan purata tahap pandangan seagat terhadap penghayatan agama dalam amalan dan amal kebajikan dalam kalangan belia berdasarkan etnik.

Jadual 4 pula memperlihatkan tahap pandangan sarwa (*worldview*) responden terhadap penghayatan dalam amalan dan amal kebajikan dalam agama dalam kalangan belia berdasarkan kumpulan etnik. Dapatan menunjukkan bahawa responden bagi kesemua etnik iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain

mengamalkan kebersihan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab beragama. Dalam kenyataan “saya memperuntukkan masa untuk bertafakur (mengingati) Tuhan dan mendengar syarahan agama”, hanya etnik Cina menunjukkan aras sederhana yang menghampiri aras tinggi manakala etnik Melayu, India dan lain-lain menunjukkan aras penghayatan amalan yang tinggi. Dalam aspek kehidupan beragama serta kaitannya dengan hubungan sosial, kemasyarakatan dan hubungan dengan alam serta makhluk lain pula, responden Melayu, Cina dan India memperlihatkan aras pengamalan yang tinggi berbanding etnik Lain-lain. Hal ini dapat dilihat menerusi soalan 2B5 iaitu, “hubungan yang baik dengan Tuhan akan turut menjamin hubungan yang baik dengan manusia lain, haiwan dan persekitaran” dan 2B6 iaitu, “saya tetap menyertai program-program rekreasi/riadah tanpa mengabaikan suruhan agama”. Akan tetapi dari segi amalan yang berkaitan komitmen responden untuk pergi ke masjid atau rumah ibadat untuk melakukan ibadat, etnik India menunjukkan aras amalan yang tinggi berbanding etnik lain iaitu, Melayu sederhana menghampiri tinggi (3.94), Cina pada aras sederhana (3.56), manakala etnik Lain-lain pula pada aras rendah. Walaupun dari aspek amalan agama yang zahir (ibadah di rumah ibadat), responden agak berbeza tahap amalannya, namun dari aspek tanggungjawab agama untuk menjaga, menghormati dan menyayangi ibu bapa dan kesediaan responden membantu orang tua yang memerlukan bantuan aras yang ditunjukkan adalah tinggi (kecuali etnik Lain-lain sedikit rendah dengan nilai purata 3.5). Dapatan juga mendapati bahawa bagi responden Melayu, Cina dan India (kecuali etnik Lain-lain), kesibukan membataskan masa mereka untuk membaca buku-buku agama mereka dan aras yang ditunjukkan oleh mereka ialah rendah yang menghampiri tinggi.



Rajah 4 Skala Indeks Penghayatan Amalan dan Amal Kebajikan Agama Dalam Kalangan Belia Pelbagai Etnik

Rajah 4 menunjukkan indeks penghayatan amalan dan amal kebajikan agama dalam kalangan belia pelbagai etnik. Dapatan memperlihatkan bahawa etnik Melayu mencapai tahap yang tinggi dalam amalan agama, disusuli oleh etnik India yang juga berada rendah sedikit pada aras yang sama (iaitu, tinggi). Sementara itu, etnik Cina berada pada aras sederhana yang menghampiri aras tinggi dengan purata min 3.8. Manakala etnik Lain-lain pula (iaitu etnik Iban dan Murut) berada pada tahap yang sederhana dalam aspek ini.

1.	Kefahaman Agama	4.5	3.7	4.1	3.5
2.	Penghayatan Amalan Agama	4.5	3.8	4.2	3.5

Jadual 5 Perbandingan Kefahaman dan Amalan Agama dalam Kalangan Belia Pelbagai Etnik.

Jadual 5 menunjukkan perbezaan antara tahap kefahaman dan amalan agama dalam kalangan belia pelbagai etnik di Lembah Kelang. Dapatan menunjukkan bahawa etnik Melayu mempunyai tahap kefahaman yang selari dengan amalan mereka dan berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan etnik lain-lain yang menunjukkan tahap kefahaman agama yang selari dengan amalan. Namun begitu tahap kefahaman dan amalan mereka berada pada aras yang sederhana.

Sebaliknya, terdapat sedikit perbezaan antara responden dalam kalangan etnik India dan Cina dalam tahap kefahaman dengan amalan dalam agama. Etnik Cina mempunyai tahap kefahaman dan amalan pada aras yang sederhana. Namun begitu, amalan mereka sedikit tinggi berbanding kefahaman. Berbanding dengan etnik Cina, Etnik India pula menunjukkan tahap kefahaman dan amalan yang tinggi. Bagaimanapun, sama seperti etnik Cina, tahap amalan agama mereka lebih tinggi sedikit berbanding kefahaman dalam agama.

Kesimpulannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa etnik Melayu dan India mempunyai tahap kefahaman dan penghayatan dalam amalan agama yang tinggi. Sebaliknya, etnik Cina dan lain-lain berada pada aras yang sederhana dalam kedua-dua perkara di atas.

### Perbincangan

Dapatan di atas memperlihatkan tahap kefahaman dan amalan agama dalam kalangan belia di Lembah Kelang. Walau bagaimanapun dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan belia di Malaysia memandangkan lokasi kajian tertumpu di kawasan bandar. Responden juga diwakili kebanyakannya dalam kalangan pelajar yang menuntut di peringkat menengah (62.1%) dalam lingkungan usia 15-20 tahun (76.4%). Dari segi kefahaman dan penghayatan, dapatan menunjukkan bahawa etnik Melayu dan India mempunyai kefahaman dan penghayatan yang jelas dan tinggi. Sebaliknya, etnik Cina dan lain-lain berada pada aras yang sederhana.

Walaupun begitu, dapatan awal kajian ini memperlihatkan tahap kefahaman dan amalan agama dalam kalangan awal belia yang berada di kawasan bandar.

### Kesimpulan

Agama memainkan peranan yang penting dalam membentuk pandangan semesta dan budaya hidup seseorang individu dan masyarakatnya. Agama tidak hanya sebagai satu pegangan kepercayaan atau amalan yang bersifat ritual, malah ia juga merupakan satu sistem hidup yang mengatur kehidupan dalam menentukan matlamat hidup sama ada di dunia mahupun kehidupan selepas mati. Dapatan dalam perbincangan di atas mengupas pandangan responden terhadap kehidupan beragama dan peranannya dalam bentuk amalan dan penghayatan terhadap amal kebajikan. Ringkasnya, Agama telah dikenalpasti dalam pelbagai jenis dan rupanya, merangkumi dua dimensi yang utama iaitu kepercayaan dan tindakan. Kepercayaan dan tindakan yang dihasilkan oleh agama ini juga perlu difahami sebagai elemen yang sangat berkait rapat atau dalam erti kata yang lain, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya merangkumi kepercayaan sahaja tanpa tindakan. Malah begitu juga sebaliknya, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya hanya melibatkan tindakan sahaja tanpa sebarang kepercayaan.

## **Bibliografi**

### *Al-Quran Al-Karim*

Abd. Halim Tamuri & Khadijah Abd. Razak (2003), "Pengajaran akhlak di sekolah Menengah: Persepsi Pelajar-pelajar," *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara Tradisi dan Inovasi*, Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 68-79.

Abd. Kadir, Mohd. Najib, et al. (2003), "Penerimaan Nilai-Nilai Murni Agama Di Malaysia: Cabarannya Di Alam Baru," dalam *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.  
Syed Muhammad Naquib (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC.

Awang, Jaffary et al. (2003), *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azimi Hamzah & Zanariah Mohd Nor (2007), "Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju," *Laporan Penyelidikan*. Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional: Universiti Putra Malaysia.

Azimi Hamzah et. al. (2007), *Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building*, Serdang: Institute for Social Science Studies (IPSAS).

Azimi Hamzah, Krauss, Steven Eric; Sidek, Turiman, Rumaya, Jamiah, Khairul Anwar, Azma, & Hasnan (2007), *Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building*. Serdang: Institute for Social Science Studies (IPSAS).



- Azimi, Turiman, Sidek, Rumayah, Khairul Anwar, Hasnan, Azma, Krauss & Jamiah (2005), "Religiosity and Personality Index: Implications for Nation Building," *IRPA Report*.
- Baltus, Rita K. (2000), *Personal Psychology: For Life And Work*, Ohio: Glencoe McGraw Hill.
- Chalfant, Paul H. & Peter, Heller L (1991), "Rural/Urban Versus Regional Differences in Religiosity," *Review of Religious Research*, Vol. 33, No.1, h. 76-86.
- Connolly, Peter (1999), *Approaches to the Study of Religion*, London and New York: Cassell.
- Darraz, Muhammad Abdullah (1990), *Al-Den BuhĒth Mumahhadah Li Diresah TĒrĒkh Al-AdyĒn*, Kuwayt: Dar Al-Qalam.
- Einstein, Albert (2006), "Religion and Science: Irreconcilable?" dalam James T. Baker (Ed.), *Religion in America: Primary Sources in US History Series*. Canada: Thomson-Wadsworth. Vol. 2. 367-369.
- Eitzen, D. Stanley & Zinn, M. Baca (2004), *Social Problems*, Ninth Edition, Pearson Education, Inc.
- Eric J. Sharpe (1994), *Understanding Religion*, London: Duckworth.
- Freud, S. (1961), *The Future of an Illusion*. (Terj. James Stratchey), New York & London: W. W. Norton & Company, h. 47-48
- H.O.K. Rahmat (1984), *Dari Adam Sampai Muhammad*, Kota Bharu Kelantan: Pustaka Press Sdn. Bhd.
- [http://ms.wikipedia.org/wiki/Perlembagaan\\_Malaysia](http://ms.wikipedia.org/wiki/Perlembagaan_Malaysia) (8/06/09).
- <http://www.sabah.gov.my/jheains/sebaranamweb/kertas2004/roslan.pdf>.
- [http://www.youth.org.my/ippbm/dokumen/fb/11-Gejala\\_Sosial.pdf](http://www.youth.org.my/ippbm/dokumen/fb/11-Gejala_Sosial.pdf). (8/06/09)
- Idris Zakaria (2000), "Falsafah Hidup Manusia: Perbandingan Antara Islam, Hindu-Buddha, Kristian Dan Ideologi Moden," (Paper). *Siri Muhadharah Pemikiran Islam Yang Ke-10*. Menara Yayasan Islam Terengganu, 27 November 1999.
- John Bowker et. al. (2005), *Oxford Concise Dictionary of World Religions*, Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan* (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kendall, Diana (2004), *Social Problems In A Diverse Society*, Third Edition, Boston:Pearson Education.
- MaîmĒd, Al-SharĒf (1970), *Al-Addin fi al-Quran*, Kaherah: Dar Al-Maarif, h. 315-322.
- McCroskey (1970), dalam Supyan Hussin & Azhar Jaludin (2006), *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Mohd Roslan bin Mohd Saludin (2004), *Peranan Dan Pengaruh Nilai (Values) Agama Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Kontemporari Dari Perspektif Sains Politik*, Kuala Lumpur: Pusat Syariah, Undang-Undang & Sains Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muller, F. Max (1901), *Lectures on the Origin and Growth of Religions as Illustrated by the Religions of India*, London & Bombay: Longmans, Green & Co.
- Robertson, Roland (1997), *Agama Dalam Analisis Dan Interpretasi Sosiologi*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharif, Norizan (2003), "Perpaduan Belia Pelbagai Agama di Malaysia," dalam *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharpe, Eric J.(1994), *Understanding Religion*. London: Duckworth.
- Stark, R & Glock, C.Y. (1997), *Dimensi Beragama Dalam Analisis Dan Interpretasi Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Starawarji, *Pengertian Kedisiplinan*, (Online posting), 19 April 2009, <http://starawaji.wordpress.com/2009/04/19/pengertian-kedisiplinan>
- Stump. Roger, W (1986), "Regional Variations in the Determinations of Religious Participation," *Review of Religious Research*, Vol. 27, no.3, h. 208-255.
- Sulaiman Ibrahim (2003), "Kepercayaan Agama dan Kepentingannya Dalam Masyarakat Majmuk," *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suparlan, Parsudi (1997), *Pengantar Agama Dalam Analisis Dan Interpretasi Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swee, Hock Saw (2007), *The Population of Peninsular Malaysia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Tajul ariffin Nordin (1997), "Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Satu Pendekatan Bersepadu." Kertas Kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral Dan Nilai Dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara, Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Weber, Max, (1997), *Beberapa Perkara Tentang Agama Dunia. Dalam Agama Dalam Analisis Dan Interpretasi Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yinger, John Milton (1970), *The Scientific Study of Religion*, New York: Macmillan Publishing Co.

Zakaria, Idris (2003), "Nilai-nilai Universal Dan Perpaduan Rakyat Malaysia. Tumpuan: Kaum Cina Dan Melayu," dalam *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Ahmad (1984), *Kaedah dan Teknik Pengajaran: Pendidikan Islam*, Petaling Jaya: International Book Service.



# Hubungkait Etika Profesional Dalam Pembangunan Organisasi Menurut Perspektif Islam

Zawiah Hj. Mat\*

Siti Arni Basir\*\*

## Abstrak

*Etika menjadi asas utama dalam merealisasikan kecemerlangan sesebuah organisasi. Para sarjana telah banyak membincangkan tentang etika dan kepentingannya dalam pengurusan. Kewujudan pelbagai masalah yang melibatkan salah laku seperti penyelewengan, rasuah, salah guna kuasa, tidak beretika dan sebagainya sentiasa dipaparkan melalui media cetak mahupun elektronik. Perkara seperti ini bukan hanya memberi impak negatif pada individu terlibat bahkan organisasi juga menerima kesannya. Sekiranya tidak ditangani secara berkesan akan menjejaskan prestasi organisasi. Justeru, Islam telah menyediakan kerangka yang lengkap sebagai asas kepada pembentukan etika bersumberkan al-Quran dan Hadis. Tujuan kertas kerja ini akan menjelaskan etika profesional secara literatur menurut perspektif Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan etika dan hubungkait etika profesional dengan organisasi yang digarispandu oleh Islam. Kertas kerja ini juga akan menerangkan bagaimana etika profesional dapat membantu organisasi mencapai kecemerlangan. Etika profesional Islam yang mengandungi nilai spiritual akan membawa individu dan organisasi kepada kejayaan kerana ianya tidak hanya membataskan ukuran fizikal semata-mata, tetapi lebih penting lagi memberi penekanan kepada perlunya akhlak yang baik di kalangan pekerja dan pihak pengurusan.*

**Kata kunci:** *hubungkait, etika profesional, organisasi, perspektif Islam.*

## Relationship Organizational Development Professional Ethics in the Islamic Perspective

### Abstract

*Ethics is the main foundation of excellence in the realization of an organisation. The scholars have a lot of discussion about ethics and its importance in management. The existence of various problems involving misconduct such as fraud, corruption, abuse of power,*

---

\* Pensyarah di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

\*\* Pensyarah Kanan Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*unethical and so on are displayed on the electronic and print media. Things like this not only have a negative impact on the individuals involved but also the organization affected. If not handled effectively can effect organizational performance. Thus, Islam has provided a complete framework as the basic for the formation of ethical sourced the Qur'an and Hadith. The purpose of this paper will describe the professional ethics literature according to the Islamic perspective, the factors that influence the formation of professional ethics and ethical relationships with organisations by Islam. This paper will also explain how professional ethics can help organizations achieve excellence. Professional ethics of the spiritual values of Islam that will bring individuals and organizations to success because it not only limits the physical size alone, but more importantly to emphasize the need for good behaviour among employees and management.*

**Keywords:** *relationship, professional ethics, organization, an Islamic perspective.*

## **Pengenalan**

Peranan etika profesional sangat penting dalam sesebuah organisasi. Ia akan menjadi panduan bagi setiap individu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang selaras dengan amalan dan budaya kerja cemerlang serta pengurusan berkualiti bagi mencapai visi dan matlamat organisasi. Sekiranya etika profesional tidak dipraktikkan oleh setiap individu dalam organisasi akan membawa kepada pelbagai masalah seperti tidak cekap dalam menjalankan tugas, tidak mencapai objektif organisasi, berlaku penyelewengan, tiada integriti, tidak jujur dan sebagainya. Justeru dalam membincangkan hubungkait etika profesional dalam pembangunan organisasi, terlebih dahulu dijelaskan etika profesional menurut perspektif Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan etika, fungsi kod etika dalam organisasi, perbuatan-perbuatan yang melanggar etika, hubungkait etika profesional dengan organisasi yang digarispandu oleh Islam dan bagaimana etika profesional dapat membantu organisasi mencapai kecemerlangan.

## **Etika Profesional Menurut Perspektif Islam**

Etika secara umumnya merujuk kepada perilaku atau perangai yang baik dan buruk. Kebiasaannya menjadi ketetapan bagi sesuatu sistem nilai yang dipersetujui oleh umum. Merujuk kepada Kamus Dewan, etika bermaksud ilmu berkaitan prinsip-prinsip akhlak, moral atau prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan<sup>1</sup>. Menurut perspektif Islam, etika kebiasaannya dikenali sebagai akhlak. Akhlak dari aspek bahasa berasal daripada perkataan Arab, jamak kepada perkataan *al-khuluq* atau *al-khulq* yang bererti tabiat atau budi pekerti. Dari segi istilah pula, menurut

---

<sup>1</sup> Noresah Baharom, et al. (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.345.

sarjana Islam Ibn Miskawayh dan al-Ghazali, menerangkan akhlak adalah suatu keadaan yang melekat pada jiwa manusia, yang darinya lahir perbuatan-perbuatan dengan mudah, tanpa melalui proses pemikiran atau pertimbangan. Mereka telah mengkategorikan keadaan jiwa kepada dua bahagian. Pertama, sifat-sifat yang telah ada semenjak kejadian manusia seperti seseorang cepat marah hanya kerana sebab masalah kecil. Kedua, sifat-sifat yang diperoleh dengan kebiasaan atau latihan yang pada mula-mula dengan pertimbangan dan pemikiran, kemudian diamal secara berterusan sehingga menjadi sifat dan tabiat. Sekiranya keadaan kejiwaan tersebut melahirkan perbuatan yang baik dan terpuji menurut pandangan akal dan syarak ia dinamakan akhlak mulia, tetapi sebaliknya ia disebut akhlak buruk<sup>2</sup>.

Manakala profesional, merujuk kepada Hornby (1996), perkataan profesional sebagai '*a person qualified or employed in one of the professions or a highly skilled and experienced person*'<sup>3</sup>. Profesionalisme juga didefinisi sebagai setiap anggota organisasi yang mempunyai ilmu yang tinggi dan kemahiran yang mencukupi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi menghasilkan budaya kerja cemerlang dan pengurusan berkualiti seterusnya dapat menyelesaikan masalah secara profesional bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkesan. Justeru itu, setiap anggota organisasi perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan bidang tugas masing-masing agar mencapai tahap kompetensi dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi<sup>4</sup>.

Apabila dihubungkan etika profesional menurut perspektif Islam ianya merujuk kepada individu atau warga kerja kesemuanya perlulah mempunyai peribadi atau tingkah laku yang baik dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan di samping menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi, mempunyai kemahiran yang kompeten dan selari dengan kehendak syariat Islam. Dalam erti kata lain, etika profesional Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis.

Begitu juga dalam pentadbiran Islam, etika merupakan aspek yang sangat penting. Menurut sarjana Islam terkenal iaitu al-Buraey (1985), nilai dan etika merupakan asas kepada model pentadbiran Islam<sup>5</sup>:

*The Islamic administrative model is a value-oriented, model that seeks to maximize Islamic values and ethical standards. This model as a subsystem of the total Islamic system has as its central task - and this is in its very genesis - to construct and administrative order on a viable, ethical basis. In the execution*

---

<sup>2</sup> Imran Effendy Hasibuan (2003), *Pemikiran Akhlak Syekh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari*. Indonesia: Pekanbaru Riau, LPNU Press, h.73-74.

<sup>3</sup> Hornby, A.S, Jonathan Crowther (eds). (1996), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Walton Street: Oxford University Press, h.924.

<sup>4</sup> Mohd Tab Salleh, et al. (1991), *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN, h.55.

<sup>5</sup> Buraey, M. (1985), *Administrative Development: an Islamic Perspective*, Kegan Paul International Limited: England, h.341.

*of this task, it's very spirituality- that is, a unique morality – is at work: it is asceticism in this world. Economic and material well being and the utilization of nature for human ends are integral parts of that morality.*

Kenyataan di atas, jelas memberi gambaran bahawa model pentadbiran Islam perlulah berorientasikan nilai-nilai Islam dan piawaian etika Islam ke arah membawa pentadbiran yang maju, berdaya saing dan beretika. Asas-asas nilai dan etika Islamlah yang dapat membina kerohanian dan moral manusia menjadi baik dan unik dalam pentadbiran Islam.

## **Fungsi Kod Etika Dalam Organisasi**

Kod etika merupakan dokumen rasmi yang menyatakan nilai-nilai utama sesebuah organisasi dan peraturan-peraturan etika yang diharapkan untuk dipatuhi oleh semua ahli dan organisasi tersebut. Kebiasaannya kod etika menekankan perkara-perkara berikut<sup>6</sup>:

- a) Norma-norma profesional yang perlu dipatuhi.
- b) Akauntabiliti dan tanggungjawab profesional.
- c) Bentuk-bentuk penyelewengan yang perlu dihindarkan.
- d) Norma-norma profesional yang diterjemahkan dalam tingkahlaku yang khusus.
- e) Bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan.

Dengan adanya kod etika bagi setiap organisasi, secara tidak langsung memberi inspirasi dan rangsangan kepada setiap individu atau warga kerjanya supaya mempunyai tingkah laku yang baik dan beretika dalam menjalankan tugas yang diberi. Menurut McGraw (2004)<sup>7</sup>:

*Codes of ethics often restrict the number of workers that may practice the occupation, thus maintaining higher salaries than would occur from natural market forces, restrict advertising thereby reducing competition, and attempt to limit professionals' discussion of issues of concern to the general public. Many codes of ethics, whether directly or indirectly, aim to restrict the membership of profession. Such restrictions are typically*

---

<sup>6</sup> Mohd Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h.142-143.

<sup>7</sup> McGraw, D.K. (2004), A Social Contract Theory Critique of Professional Codes of Ethics, *International Journal of Information, Communication and Ethics in society*, Vol. 2, h. 238-239.



*justified as necessary to ensure competence and quality of services.*

Berdasarkan kenyataan di atas, beliau juga turut bersetuju dengan adanya kod etika bagi setiap organisasi secara langsung mahupun tidak langsung bertujuan untuk mengawal ahli-ahlinya mematuhi tingkahlaku dalam kerjaya masing-masing ke arah memastikan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Jelas bahawa kod etika diperkenalkan adalah untuk memastikan warga kerja dalam organisasi tersebut mematuhi etika dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dan tidak berlaku sebarang salah laku atau penyelewengan yang bertentangan dengan nilai-nilai insaniah (dalaman) dan norma-norma organisasi.

### **Perbuatan-Perbuatan Yang Melanggar Etika**

Menurut Vee & Skimore (2003) menyenaraikan perbuatan-perbuatan yang menyalahi etika iaitu<sup>8</sup>:

- i. Rasuah: menawarkan barangan atau perkhidmatan atau wang kepada orang-orang tertentu dengan tujuan untuk mendapat perhatian istimewa dalam urusan jual beli atau mendapatkan projek korporat.
- ii. Penipuan: memanipulasi dan melanggar amanah.
- iii. Melanggar kerahsiaan: tindakan pekerja yang mendedahkan kepada umum atau pengurusan atasan tentang perlakuan buruk majikan atau pengurusan. Membongkaran kerahsiaan (*whistle blowing*) tidak selalunya betul dan hanya boleh dilakukan jika keempat-empat syarat iaitu keperluan, kesesuaian, keupayaan dan pilihan terakhir telah dipenuhi.
- iv. Kecuaian: gagal melaksanakan langkah-langkah penjagaan yang dikehendaki sehingga boleh menyebabkan kecederaan kepada orang yang layak menerima penjagaan tersebut.

Selain daripada perbuatan-perbuatan yang menyalahi etika seperti disebutkan di atas, terdapat juga beberapa penafsiran dan pemahaman seperti berkelakuan tidak sopan, tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugas, tidak menepati masa, tidak jujur, tidak integriti dan banyak lagi sifat-sifat negatif yang lain dikategori dalam perbuatan menyalahi etika. Justeru ianya perlu dijaui agar setiap individu atau warga kerja menjadi seorang pekerja yang beretika dalam menjalankan tanggungjawab yang diberi.

### **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Etika Profesional**

Umum mengetahui bahawa dalam kehidupan manusia terdapat banyak faktor yang menjadi pendorong kepada tingkahlaku seseorang untuk menjadi

---

<sup>8</sup> Vee, C. & Skitmore, M. (2003), Professional ethics in the construction industry, *International Journal of Engineering, Construction and Architectural Management*, Vol. 2, h. 117-127.

insan yang berperibadi mulia mahupun sebaliknya. Begitu juga dalam sesebuah organisasi, terdapat tujuh faktor pendorong kepada pembentukan etika profesional sama ada faktor luaran mahupun dalaman. Namun demikian, faktor-faktor ini saling berkait rapat antara satu sama lain, antaranya ialah:

### **1. Manusia (*human being*)**

Manusia merupakan makhluk yang istimewa dijadikan oleh Allah S.W.T di dunia ini. Ia dianugerahkan akal, bahasa, agama, budaya dan nilai-nilai murni jika dibandingkan dengan makhluk lain. Namun demikian Allah S.W.T. telah mencipta manusia berbeza dalam aspek fizikal, mental, pengetahuan dan sebagainya. Sebaliknya Allah S.W.T. menjadikan manusia secara fitrahnya berkeupayaan mempraktikkan etika dan moral yang baik atau buruk mengikut kemampuan masing-masing<sup>9</sup>. Sebagai contoh dalam organisasi Jepun, penekanan utama adalah aspek kemanusiaan sebagai paksi utama yang membawa kejayaan organisasi. Bagi mereka manusia yang diciptakan tuhan jika dapat diadun dengan cara yang betul akan memberi pulangan yang sebaiknya<sup>10</sup>.

### **2. Pendidikan**

Pendidikan merupakan faktor yang cukup penting dalam membentuk etika dan tingkahlaku seseorang untuk menjadi baik mahupun buruk. Pendidikan yang diterima secara formal dan tidak formal amat penting dalam pembentukan etika seseorang<sup>11</sup>. Sekiranya pendidikan yang diterima sejak kecil lagi dengan pendidikan yang baik daripada keluarga ia turut mempengaruhi etika seseorang sehingga dewasa dan sebaliknya. Menurut Syed Othman al-Habshi (1998), beliau menyatakan bahawa ilmu pengetahuan merupakan faktor pendorong terpenting dalam setiap kehidupan seseorang individu untuk menjadi seorang yang berakhlak mulia. Sekiranya seseorang tersebut bekerja dalam mana-mana organisasi ia secara langsung akan memberi kesan yang positif kepada pembangunan organisasi.

### **3. Adat dan Norma Kehidupan**

Adat dan norma salah satu elemen penting yang banyak mempengaruhi pembentukan etika yang baik mahupun buruk. Umumnya adat merujuk kepada peraturan yang biasa diamalkan sejak turun temurun di dalam sesuatu masyarakat sehingga ia menjadi adat kebiasaan<sup>12</sup>. Kebiasaannya nilai dalam adat dan norma kehidupan ini diterima majoriti oleh semua masyarakat di sesuatu tempat dan memberi impak yang cukup besar dalam pembentukan etika seseorang.

### **4. Keinginan/Naluri (*Instinct/Gharizah*)**

---

<sup>9</sup>Mustafa Haji Daud (1996). *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. h. 10.

<sup>10</sup> Abd. Razak Omar, Nor Zanah Jamari (2001). *Etika Perniagaan dalam Sistem Tripartite Malaysia*. Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen, h.141.

<sup>11</sup> Mustafa Haji Daud (1996), *op.cit*, h.15.

<sup>12</sup> Noresah Baharom, et al. (2002), *op. cit*. h., 7.

Pengaruh keinginan dan naluri seseorang juga memainkan peranan penting dalam pembentukan etika. Sekiranya naluri seseorang berdasarkan pertimbangan akal semata-mata ia akan memandu seseorang kepada nilai etika yang negatif. Namun sekiranya naluri atau keinginan seseorang berdasarkan pertimbangan akal di samping faktor penghayatan agama yang kuat dan mempunyai kesedaran berasaskan penilaian agama ia akan terarah kepada nilai-nilai etika yang positif<sup>13</sup>.

## **5. Keturunan**

Faktor keturunan juga menjadi salah satu faktor yang turut mempengaruhi pembentukan peribadi etika seseorang. Sekiranya seseorang itu lahir dari keluarga yang mementingkan agama secara tidak langsung ia akan dididik dengan asas agama yang kuat sebaliknya ia akan membawa kepada kurangnya penghayatan dan pengamalan agama berdasarkan warisan daripada keluarga masing-masing. Menurut Solomon (1984) menyatakan baik buruk perilaku seseorang itu banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh peraturan masyarakat termasuklah asal usul keluarga secara langsung banyak membentuk perilaku seseorang individu.

## **6. Suasana Persekitaran**

Faktor suasana persekitaran ia melibatkan pengaruh suasana tempat tinggal, pengaruh pergaulan, media cetak, media massa, organisasi sosial dan sebagainya. Di samping itu, pengaruh kebudayaan setempat juga boleh membawa kepada pengaruh etika seseorang sama ada baik atau buruk. Pergaulan dengan rakan-rakan dalam kehidupan seharian juga adalah menjadi faktor pembentukan etika dalam diri seseorang<sup>14</sup>. Menurut Sabri Hj Hussin (2001), pembentukan etika dan peribadi juga boleh dipengaruhi oleh perasaan seseorang dan pemikiran yang terbina melalui pengaruh persekitaran<sup>15</sup>.

## **7. Faktor-faktor Organisasi**

Setiap organisasi pengurusan, pihak atasan merupakan *role model* yang merupakan contoh dan ikutan terbaik kepada pekerja-pekerja bawahannya. Ia turut memberi kesan kepada corak pemikiran dan tingkahlaku yang baik dan buruk daripada pihak atasan. Justeru organisasi yang baik dan cemerlang kebiasaannya bermula dengan perilaku atau nilai-nilai murni yang diamalkan daripada pihak atasan. Adalah mustahil pihak pengurusan tertinggi yang tidak beretika melahirkan sebuah organisasi yang mempunyai staf yang beretika mulia<sup>16</sup>. Jelaslah bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi etika profesional mempunyai perkaitan langsung dalam pembentukan diri seseorang individu. Faktor-faktor inilah yang membentuk seseorang mempunyai etika baik mahupun buruk. Etika yang baik akan terangkum

---

<sup>13</sup> Mustafa Haji Daud (1996), *op.cit*, h.12.

<sup>14</sup> Muhammad Nasri Md. Hussain, et al. (2006). *Etika Perniagaan Pendekatan Perspektif Islam*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd. h.39.

<sup>15</sup> Sabri Hj. Hussin (2001). *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. Selangor: ALJ Publications, h.1.

<sup>16</sup> Muhammad Nasri Md. Hussain, et al. (2006), *op.cit*, h.39.

dalam kualiti jujur, ikhlas, amanah, telus, adil, timbang rasa, kemanusiaan tinggi dan sebagainya. Sekiranya nilai-nilai ini dipraktikkan oleh setiap individu akan menghasilkan kualiti kerja yang cemerlang dan bersifat ibadah dalam ertikata yang luas<sup>17</sup>.

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa pembentuk etika seseorang mempunyai kaitan dengan faktor dalaman dan luaran termasuklah latar belakang keluarga, adat dan norma kehidupan, pendidikan yang diterima, suasana persekitaran dan faktor-faktor organisasi. Setiap faktor-faktor tersebut saling berkait antara satu sama lain yang jelas telah menjadi pendorong kepada seseorang membentuk sahsiah diri yang baik mahupun sebaliknya.

### **Hubungkait Etika Profesional Dengan Organisasi Yang Digarispandu Oleh Islam**

Sepertimana dijelaskan di atas, bahawa sesungguhnya etika profesional Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis. Ia merupakan wahyu daripada Allah S.W.T. Justeru setiap manusia perlulah memahami, menghayati dan mengamalkannya untuk menjadi manusia yang beriman dan bertakwa sekaligus mempunyai peribadi yang mulia. Manakala organisasi ialah badan atau institusi yang diwujudkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti secara kolektif dalam kehidupan manusia. Setiap organisasi telah diwujudkan oleh sekumpulan manusia dengan mempunyai matlamat tertentu yang dipersetujui secara bersama. Ia melibatkan interaksi antara manusia, pengemblengan usaha bersama serta penggunaan peralatan dan teknologi terkini, pengkhususan tugas dan peranan, mempunyai strategi, kaedah dan struktur organisasi bagi mencapai matlamat organisasi seterusnya pembangunan masyarakat dan negara. Secara jelasnya, pengurusan organisasi melibatkan dua aspek iaitu aspek teknikal dan aspek kemanusiaan. Aspek teknikal meliputi pembahagian tugas, carta organisasi, peralatan dan kemudahan dan sebagainya. Manakala aspek kemanusiaan melibatkan perkara-perkara berkaitan interaksi dan komunikasi, kepimpinan, dorongan, resolusi konflik, pengetahuan dan kemahiran dan sistem nilai<sup>18</sup>.

Menurut pandangan Syed Othman Al-Habshi, beliau telah menyatakan bahawa dalam mana-mana pengurusan organisasi untuk mencapai kecemerlangan, ia tidaklah hanya bergantung kepada strategi yang melibatkan struktur, sistem, kekuatan, kelemahan, cabaran dan peluang dalam organisasi tersebut. Malahan aspek yang menjadi keutamaan adalah penguasaan ilmu, sama ada ilmu yang diwahyukan daripada Allah S.W.T kepada manusia khususnya ia merujuk kepada Al-Quran mahupun ilmu daripada sains ('ulum) iaitu menerusi pengalaman, pemerhatian dan penyelidikan<sup>19</sup>.

---

<sup>17</sup> Asyraf Hj. Ab Rahman, et al., 2006. *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Terengganu: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, KUSTEM. h.5.

<sup>18</sup> Abd. Halim el-Muhammady (1996), *Pengurusan Dalam Islam*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah. h.125.

<sup>19</sup> Syed Othman Alhabshi (1998), *Islam Knowledge and Ethics: A Pertinent Culture for Managing Organisations*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM),h.9-14.

Sehubungan itu, jelaslah bahawa hubungkait etika profesional dalam pembangunan organisasi menurut perspektif Islam, mempunyai kaitan rapat antara manusia khususnya individu atau warga kerja yang bekerja dengan organisasinya. Asas utama adalah nilai-nilai insaniah setiap pekerja perlulah dihayati dan diamalkan berasaskan syariat, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran di samping matlamat, visi dan strategi organisasi perlulah digembleng secara bersama bagi mencapai kecemerlangan organisasi.

### **Bagaimana Etika Profesional Dapat Membantu Organisasi Mencapai Kecemerlangan**

Etika profesional merupakan aspek yang penting dalam membantu setiap organisasi mencapai kecemerlangan. Nilai-nilai insaniah (dalaman) setiap individu atau warga kerja perlulah disemai, dipupuk, dibaja dan dipraktikkan dengan asas-asas Islam iaitu ketakwaan kepada Allah S.W.T. yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Andaian operasi di dalam merealisasikan pengurusan organisasi, kekuatan fizikal, mental dan intelektual tidak mungkin dapat ditonjol dan digunakan dengan sepenuhnya sehingga ke peringkat optima seandainya ciri dalaman manusia iaitu hati dan sanubari mereka tidak dipupuk dan dibaja. Hati dan sanubari merupakan kunci kekuatan yang akan membuka pintu kecemerlangan di dalam kehidupan manusia. Kepentingan membina ciri-ciri dalaman ini dan gambaran peranan hati dan sanubari di dalam kehidupan manusia dibayangkan oleh sebuah hadith Nabi Muhammad S.A.W. yang berbunyi<sup>20</sup>:

*Ketahuiilah bahawa dalam tubuh badan itu ada sepotong daging. Kiranya ia elok, maka eloklah seluruh tubuh badan itu. Dan kiranya ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuh badan itu pula. Ia itu adalah hati.*

Berdasarkan penjelasan hadis di atas, jelas memberi gambaran bahawa hati merupakan aspek penting yang memberi pengaruh besar kepada manusia. Oleh itu, setiap manusia perlulah mendidik hati dengan sifat-sifat yang mulia (*mahmudah*). Antara sifat-sifatnya ialah amanah, bijaksana, ikhlas, benar, adil, telus, syukur, bersih, kasih sayang, dedikasi, integriti, kesefahaman dan sebagainya. Sekiranya nilai-nilai ini diamalkan oleh setiap warga kerja secara langsung dapat membantu pembangunan fizikal organisasi dengan begitu mudah. Lebih jelas lagi, setiap warga kerja perlulah bermula dengan pembinaan hati yang suci dan bersih dengan mengamalkan nilai-nilai yang baik sekaligus dapat mengelakkan daripada perkara-perkara negatif dalam hati masing-masing. Contohnya, apabila seseorang individu mempunyai peribadi yang baik dengan mudah ianya dapat mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama. Di samping itu, seseorang yang baik juga sentiasa menjadi *role model* kepada orang lain dan mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang. Dalam erti kata lain, setiap individu atau warga kerja yang berakhlak mulia secara langsung memberi impak positif kepada pembangunan serta kecemerlangan organisasi tersebut.

---

<sup>20</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/e-hadith>, 19 Ogos 2011.

Secara ringkasnya, untuk mencapai kecemerlangan dalam sesebuah organisasi bukan hanya menekankan kepada faktor-faktor fizikal dalam organisasi sahaja bahkan ianya perlu seiring dengan nilai-nilai insaniah (spiritual) yang wujud dalam diri setiap pekerja dengan prinsip, matlamat dan gagasan organisasi tersebut. Oleh sebab itu, amalan etika profesional perlu difahami dan dihayati oleh setiap warga kerja di semua peringkat. Justeru, pembentukan nilai etika profesional yang digariskan menurut perspektif Islam mengutamakan kedua-dua aspek spiritual (dalaman) dan fizikal yang melibatkan warga kerja dan organisasi. Dengan adanya peribadi mulia berasaskan keimanan yang kukuh pada Allah S.W.T akan dapat dilindungi daripada hasutan syaitan untuk melakukan kejahatan serta bentuk penyelewengan. Secara tidak langsung apabila setiap warga kerja mempunyai peribadi yang mulia, bekerja bersungguh-sungguh, tekun, bertanggungjawab, amanah dalam melaksanakan tugas yang diberi sekaligus akan membawa kepada matlamat dan kejayaan sesebuah organisasi.

## **Kesimpulan**

Rumusan daripada penjelasan di atas, menunjukkan bahawa etika profesional dan pembangunan organisasi mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain. Etika profesional Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis. Setiap individu atau warga kerja dalam organisasi perlulah mempunyai etika atau perilaku sepertimana yang digaris pandu berdasarkan syariat Islam. Jelaslah bahawa etika berperanan untuk membentuk peribadi yang luhur, insan kamil dan hidup dalam ketenangan. Tanpa etika setiap individu akan gagal dalam hidupnya. Sesungguhnya peranan etika merupakan aspek yang amat penting dalam mencorakkan kehidupan insan mahupun kehidupan masyarakat dan negara secara global. Dalam aspek pembangunan manusia, nilai etikalah yang membentuk perangai dan tingkahlaku seseorang ke arah yang baik dan buruk. Begitu juga, dalam sesebuah pengurusan organisasi, kepentingan nilai etika seseorang akan mendorong pencapaian dan imej yang bersih untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan mendokong aspirasi dan matlamat organisasi ke arah kejayaan. Sehubungan itu, jelaslah bahawa etika profesional Islam yang mengandungi nilai-nilai insaniah (spiritual) dan fizikal mampu membawa individu dan organisasi ke arah kecemerlangan kerana ianya tidak hanya membataskan kepada aspek fizikal semata-mata, bahkan lebih memberi penekanan kepada perlunya akhlak yang baik di kalangan warga kerja dalam pembangunan organisasi.

## **Bibliografi**

- Abd. Halim el-Muhammady (1996), *Pengurusan Dalam Islam*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abd. Razak Omar, Nor Zanah Jamari (2001). *Etika Perniagaan dalam Sistem Tripartite Malaysia*. Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.
- Asyraf Hj. Ab Rahman, et al., 2006. *Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*. Terengganu: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, KUSTEM.

Buraey, M. (1985), *Administrative Development: An Islamic Perspective*, Kegan Paul International Limited: England.

Hornby, A.S, Jonathan Crowther (eds). (1996), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Walton Street: Oxford University Press.

<http://www.islam.gov.my/e-hadith>

Imran Effendy Hasibuan (2003), *Pemikiran Akhlak Syekh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari*. Indonesia: Pekanbaru Riau, LPNU Press.

McGraw, D.K. (2004), A social contract theory critique of professional codes of ethics, *International Journal of Information, Communication and Ethics in society*, Vol. 2, h. 235-242.

Mohd Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Tab Salleh, et al. (1991), *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN.

Muhammad Nasri Md. Hussain, et al. (2006). *Etika Perniagaan Pendekatan Perspektif Islam*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Mustafa Haji Daud (1996). *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Noresah Baharom, et al. (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabri Hj. Hussin (2001). *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. Selangor: ALJ Publications.

Syed Othman Alhabshi (1998), *Islam Knowledge and Ethics: A Pertinent Culture for Managing Organisations*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).

Vee, C. & Skitmore, M. (2003), Professional ethics in the construction industry, *International Journal of Engineering, Construction and Architectural Management*, Vol. 2, h. 117-127.





# Idea Imam Shafi'i Dalam Bidang Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal

Wan Zulkifli Wan Hassan\*

Nazri Muslim\*\*

Nik Yusri Musa\*\*\*

Azizi Umar\*\*\*\*

## Abstrak

*Kemahiran interpersonal merujuk kepada algoritma mental dan berkomunikasi yang digunakan semasa komunikasi dan interaksi sosial untuk mencapai kesan atau keputusan tertentu. Konsep asas yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal ialah seperti konsep sendiri, sikap, sakhsiah, nilai dan matlamat. Ia akan membantu mewujudkan seorang individu yang berkebolehan dan berkeyakinan semasa berinteraksi dengan persekitarannya seterusnya dapat membina kecemerlangan dalam pembangunan manusia dan tamadun sesebuah negara. Antara tokoh yang boleh diketengahkan kepada masyarakat dalam bidang ini adalah Imam Shafi'i. Meskipun beliau lebih dikenali dalam masyarakat di Malaysia sebagai tokoh perundangan, namun artikel ini mampu mendedahkan kepada masyarakat tentang beberapa pengalaman dan idea beliau yang sangat berharga dalam bidang ini sehingga diiktiraf sebagai reformer di zaman beliau termasuk dalam perkara yang berkaitan pembangunan manusia.*

**Kata Kunci:** Idea, Imam Shafi'i, Pembangunan Manusia, Kemahiran Interpersonal.

## Imam Shafi'i's Thoughts in Human Development: An Interpersonal Skill Outlook

### Abstract

*Interpersonal skill refers to an algorithm of mental and communication adopted in social and communication interaction in achieving specific impact and decision. Fundamental concepts of interpersonal communication include self-independence, attitude, personality, value and goal. These attributes undeniably help creating an individual capable of interacting confidently with his surroundings which is a prerequisite for the development of a civilized society. One prominent figure who contributes significantly*

---

\* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

\*\* Pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

\*\*\* Pensyarah kanan Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

\*\*\*\* Pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*to this field was Imam Shafi'i. Even though Imam Shafi'i is well known in the Muslim world as a notable legal scholar, this article attempts to expose his valuable thoughts and contributions to this field which acclaimed him as one of the reformist in the field of human development.*

**Keywords:** *Human Development, Interpersonal skill, Imam Shafi'i*

## **Pengenalan**

Antara tokoh yang mempunyai nilai-nilai kemahiran interpersonal yang boleh diketengahkan kepada masyarakat dalam usaha ke arah pembangunan tamadun yang cemerlang adalah Imam Shafi'i r.a. Di Malaysia, Imam Shafi'i bukanlah suatu nama yang asing bagi masyarakat Islam di Malaysia kerana pengamalan mazhab di Malaysia adalah berpandukan mazhab Shafi'i. Meskipun beliau dikenali umum sebagai seorang tokoh akademik dalam bidang fiqh dan perundangan Islam, namun sebahagian besar di kalangan masyarakat Islam di Malaysia kurang didedahkan dengan pandangan dan ketokohan beliau dalam kemahiran interpersonal yang mampu membangunkan modal insan yang baik.

Sedangkan apabila dikaji, beliau antara tokoh yang terbaik yang boleh diketengahkan kepada masyarakat dalam pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal yang selari dengan pengetahuannya yang mendalam tentang ajaran Islam. Ini kerana, beliau bukan sahaja mempunyai ilmu yang sangat mendalam mengenai syariat Islam, bahkan beliau juga mempraktikkan ilmunya dalam amalan pergaulannya dengan masyarakat. Berbekalkan sendiri, sikap, personaliti yang unggul dan nilai yang tinggi, beliau dapat mengetengahkan kemahiran interpersonal yang ada padanya sekali gus dapat membina masyarakat yang berakhlak. Kemahiran tersebut bukan sahaja melibatkan keluarga, kawan-kawan dan masyarakat Islam bahkan terhadap masyarakat bukan Islam, masyarakat antarabangsa, pegawai-pegawai kerajaan dan pemerintah ketika itu. Justeru dalam kertas ini, penulis akan memaparkan sebahagian daripada pengalaman Imam Shafi'i mengenai kemahiran interpersonal dalam berhadapan dengan pemerintah, para ilmuwan, masyarakat awam, dan institusi kerajaan. Di samping itu, penulis mengemukakan beberapa idea dan nasihat beliau mengenai pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal.

## **Pengalaman Imam Shafi'i Dalam Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal**

Dalam artikel yang terbatas ini, penulis akan mengutarakan beberapa aspek sahaja yang dirasakan dapat membantu masyarakat untuk mengenali Imam Shafi'i dari sudut latar belakang beliau yang boleh menyumbang ke arah pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal semenjak beliau masih kecil sehingga menempuh alam dewasa. Antara faktor penting yang mendorong Imam Shafi'i mempunyai kredibiliti dalam pembangunan manusia melalui hubungan interpersonal adalah disebabkan faktor keturunannya yang mulia.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *Manaqib al-Imam al-Syafi'i*, Kaherah: Maktabah al-'Allamah, h. 4 dan 132; Abu Bakr Ahmad b. 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (1417H/1997M), *Tarikh Baghdad*, Mustafa 'Abd al-Qadir (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.2, h. 68.

Hubungan Imam Shafi'i dengan insan tersayang dan dunia luar sudah diserlahkan dan digambarkan oleh Allah s.w.t semasa beliau berada dalam perut ibunya lagi. Semasa ibunya mengandungkan beliau, ibunya pernah bermimpi seolah-olah cahaya planet Musytari terpancar keluar dari kemaluannya sehingga ke negeri Mesir dan ia merebak ke negeri-negeri lain. Beliau dilahirkan di desa Ghaza, Palestin pada tahun 150H dalam keadaan yatim yang tidak pernah dapat merasai belaian tangan bapa yang memanjakannya. Namun ia memberi suatu kelebihan kepada Imam Shafi'i untuk membina sahsiah yang tinggi sehingga mampu berdikari, memimpin dirinya dan belajar melalui pengalaman dalam menempuh kehidupan yang mencabar serta berhadapan dengan pelbagai reaksi masyarakat.<sup>2</sup>

Imam Shafi'i juga dianggap orang yang mempunyai tahap kemahiran interpersonal yang tinggi dalam keluarganya. Beliau mempunyai 4 orang anak hasil daripada perkahwinan dengan isterinya Humaydah bt. Nafi' b. 'Uyaynah b. 'Amr b. 'Uthman b. 'Affan. Dengan kemahiran tersebut Imam Shafi'i berjaya mendidik anaknya yang sulung bernama Abu 'Uthman Muhammad b Idris sebagai kadi di Bandar Halab. Imam Shafi'i juga mampu mengawal emosinya dan bersabar menghadapi dugaan yang besar ketika anak lelakinya yang kedua iaitu al-Hasan meninggal dunia semasa masih kanak-kanak lagi. Imam Shafi'i mempunyai dua orang anak perempuan iaitu Fatimah dan Zaynab. Banyak pengalaman pahit yang dihadapi oleh Imam Shafi'i dan keluarganya dalam kehidupan, namun dengan berbekalkan kemahiran interpersonal yang tinggi dalam mendidik sebuah keluarga, beliau dapat mengharunginya dengan tenang terutama semasa beliau berhadapan dengan fitnah semasa berada di Yaman.<sup>3</sup>

Antara bekalan dan usaha yang membentuk Imam Shafi'i sebagai tokoh akademik yang terbilang dan seorang yang mempunyai kemahiran interpersonal yang hebat ialah pembinaan sahsiah yang tinggi. Ini kerana beliau bukan sahaja kuat mencari, mengkaji dan menyelidiki ilmu tetapi beliau juga kuat melakukan ibadat kepada Allah s.w.t. yang mendorong beliau cemerlang dari sudut mentaliti dan spiritual. Kekuatan beliau dalam melakukan ibadat dirakamkan oleh al-Rabi' b. Sulayman:<sup>4</sup>

*"Imam Shafi'i membahagikan malamnya kepada tiga bahagian. Pertama untuk mengarang, kedua untuk bersembahyang dan yang ketiga untuk tidur"*

Semenjak kecil lagi, ibunya mendidik beliau agar tidak memutuskan hubungan antara manusia khususnya hubungan dengan keluarganya yang terdekat dan bimbang akan kehilangan identitinya sebagai seorang Quraysy dan beberapa hak sebagai Bani Hasyim bagi memperoleh sedikit keperluan hidup dalam menghadapi kesempitan hidup meskipun melalui jalan yang sukar. Penghijrahan beliau bersama ibunya Hafidah dari Ghazah, Palestin ke Makkah

---

<sup>2</sup> Al-Bayhaqi Ahmad b. al-Husayn (1391H), *Manaqib al-Syafi'i*, Kaherah: al-Halabi, j. 1, h. 73; al-Baghdadi (1417H/1997M), *op. cit.*, j. 2, h. 54; Ibn Kathir (1411M/1990H), *op. cit.*, j. 10, h. 61-129.

<sup>3</sup> al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 17.

<sup>4</sup> al-Hafiz Abu Na'im al-Asbahani Ahmad b. 'Abd Allah (t.t), *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiyat*, Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi, j. 9, h. 135.

membuka lembaran kepada Imam Shafi'i mewujudkan hubungan interpersonal secara meluas kerana Makkah merupakan pusat dan ejen globalisasi Islam yang masih kekal sehingga sekarang.<sup>5</sup>

Kehidupan susah yang dilalui oleh Imam Shafi'i telah mendidikannya menjadi personaliti yang unggul agar tidak mudah dipengaruhi oleh kekayaan dunia dan kemewahannya. Ini adalah di antara faktor yang mendorong beliau mempunyai jiwa dan hati yang ikhlas sekali gus menjadi perangsang kepadanya untuk menghayati perasaan manusia sekelilingnya dan mengerti pelbagai perkara yang melibatkan diri dan kehidupan mereka. Hal ini mampu melahirkan rasa tanggungjawab sosial yang diperlukan dalam urusan masyarakat dan menjalinkan hubungan dalam kalangan anggotanya.<sup>6</sup>

Oleh kerana kehidupan beliau diselubungi kemiskinan, beliau tidak menunjukkan reaksi yang kurang menyenangkan terhadap ibunya dan masyarakat sekelilingnya dengan meminta sedekah di tepi-tepi jalan. Namun apa yang beliau lakukan adalah mencatat hadis-hadis yang dipelajari daripada gurunya di kulit-kulit kayu dan belulang. Walau bagaimanapun, dengan kemahiran interpersonal yang ada padanya, beliau pergi ke pejabat-pejabat kerajaan dan meminta keizinan dari pihak pejabat untuk memanfaatkan kembali kertas-kertas yang terpakai. Dengan keberkatan yang diberi oleh Allah s.w.t, beliau dapat menghafal banyak daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Hal ini menyebabkan beliau berjaya menghafal kitab *Muwatta'* karangan Imam Malik b. Anas dalam usia sepuluh tahun.<sup>7</sup>

Antara keadaan yang menggambarkan beliau seorang yang memahami hubungan interpersonal antara murid dan guru dari sudut pendidikan ialah sifat jujur yang diserlahkan oleh beliau.<sup>8</sup> Pada umur yang masih muda, Imam Shafi'i telah didedahkan dengan suasana kehidupan masyarakat di pendalaman. Beliau dihantar oleh ibunya ke suatu tempat di luar Kota Mekah iaitu di perkampungan suku Huzayl. Suku Huzayl merupakan kabilah Arab yang besar di utara Semenanjung Arab, suku kabilah yang dinisbahkan kepada datuk mereka ialah Huzayl b. Mudrikah b. Ilyas b. Madar. Di situ Imam Shafi'i banyak mempelajari dan menimba ilmu dan pengalaman termasuk kemahiran yang melibatkan budaya

---

<sup>5</sup> al-Baghdadi (1417H/1997M), *op. cit.*, j.2, h. 57; Rasyad Hasan Khalil (1423H/2002M), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah: Jami'ah al-Azhar, h. 296.

<sup>6</sup> Muhammad Abu Zahrah (1987), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 439.

<sup>7</sup> 'Abd al-Rahman al-Syarqawi (1411H/1991M), *op. cit.*, h. 131; 'Abd al-Fattah Husayni al-Syaykh (1408H/1988M), *op. cit.*, h. 111; , Muhammad Abu Zahrah (1987), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 438; al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 9; Rasyad Hasan Khalil (1423H/2002M), *op. cit.*, h. 296; 'Abd al-Ghani al-Daqqar (t.t), *al-Imam al-Syafii Faqih al-Sunnah al-Akbar*, Beirut: *Dar al-Qalam*, h. 5-8 dan 44.

<sup>8</sup> Muhammad Abu Zahrah (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 455; Ibn Khallakan, *Wafayat al-A'yan*, Beirut: Dar al-Thaqafah, j. 1, h. 566; Abu Zakariyya Muhy al-Din b. Syaraf al-Nawawi, *Tahzib al-Asma' wa al-Lughat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 50; Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *Manaqib al-Imam al-Syafi'i*, Kaherah: Maktabah al-'Allamah, h. 41; 'Abd al-Qahir b. Tahir b. Muhammad al-Baghdadi (t.t), *al-Farq bayn al-Firaq*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 27; Sufi Hasan Abu Talib (1410H/1990M), *Tatbiq al-Syari'ah al-Islamiyyah fi al-Bilad al-'Arabiyyah*, c. 3, Kaherah: Dar al-Nahdah, h. 160; 'Abd al-Rahman al-Syarqawi (1411H/1991M), *Al'imamah al-Fiqh al-Tis'ah*, Beirut: Dar al-Syuruq, h. 123

masyarakat Arab dan hubungan interpersonal. Ini kerana kaum Huzayl merupakan kaum yang kaya dengan pelbagai maklumat berhubung bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab.<sup>9</sup>

Dalam masa yang sama beliau sempat mempelajari ilmu yang berkaitan sejarah dan beberapa kemahiran yang lain. Di antaranya beliau mahir dalam menunggang kuda, memanah, perubatan, astronomi dan ilmu firasat.<sup>10</sup> Justeru tidak hairanlah, dalam usia yang masih muda iaitu 15 tahun, gurunya Muslim b. Khalid al-Zinji telah mengizinkan beliau mengeluarkan fatwa setelah melihat Imam Shafi'i mempunyai kemahiran dari sudut ilmu, cara penyampaian ilmu dan hubungan beliau dengan guru, kawan-kawannya serta masyarakat. Ini sekali gus dapat membangunkan masyarakat ketika itu dengan keintelektualan yang tinggi.<sup>11</sup>

Semasa berada di Makkah, Imam Shafi'i telah berjaya mewujudkan jaringan sosial dengan guru, anak muridnya serta masyarakat luar apabila beliau muncul sebagai seorang ilmunan yang tinggi dalam bidang tafsir, *fiqh* dan bahasa Arab. Ini diakui sendiri oleh gurunya Sufyan b. 'Uyaynah dan juga mereka yang berkunjung ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji. Ini kerana dalam usianya masih muda, beliau diberi kebenaran untuk mewujudkan majlis-majlis ilmu yang di adakan di dalam Masjid al-Haram.<sup>12</sup>

Dalam usaha mencari guru atau ulama yang berkaliber, Imam Shafi'i tidak membelakangi hubungan dengan ibunya yang tersayang. Ini kerana beliau terlebih dahulu meminta nasihat dan restu daripada ibunya meskipun umur beliau sudah menjangkau 20 tahun dan bergelar seorang ulama. Ibu beliau menyenaraikan beberapa orang ulama dan guru yang sepatutnya Imam Shafi'i mempelajari daripada mereka.<sup>13</sup>

Meskipun Imam Shafi'i sudah dianggap seorang tokoh ulama yang disegani di Makkah, tetapi ia menganggap ilmu yang ada padanya belum memadai. Beliau ingin meningkat sendiri dan personaliti dengan mewujudkan hubungan interpersonal dengan seorang tokoh hadis di Madinah iaitu Imam Malik. Sebelum Imam Shafi'i menyatakan hasratnya untuk menyambung belajar di Madinah, beliau terlebih dahulu memberanikan diri untuk memohon keizinan dari ibunya. Ini menggambarkan Imam Shafi'i amat menitik beratkan mengenai hubungan dengan ibunya walaupun ia melibatkan kariernya sendiri. Pada peringkat permulaannya, Imam Shafi'i hampir membatalkan hasrat untuk menyambung pelajar di Madinah rentetan beliau melihat ibunya dalam keadaan

---

<sup>9</sup> Yaqut b. 'Abd Allah al-Hamawi al-Rumi (1399H/1979M), *Mu'jam al-Buldan*, Beirut: Dar Ihyā' al-Turath al-'Arabi, j. 6, h. 67 dan 168.

<sup>10</sup> al-Bayhaqi (1391H), *op. cit.*, h. 102; al-Baghdadi (1417H/1997M), *op. cit.*, j. 2, h. 44; Syam al-Din Muhammad b. 'Uthman al-Dhahabi (1405H/1985M), *Sir A'lam al-Nubala'*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, c. 3, j. 1., h. 49; al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 119-120.

<sup>11</sup> al-Baghdadi (1417H/1997M), *op. cit.*, j.2, h. 62; al-Bayhaqi (1391H), *op. cit.*, h. 102-103. Ibn Kathir (1411M/1990H), *op. cit.*, j. 10, h. 251; Muhammad Abu Zahrah (1987), *Tarikh al-Madhab al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 439; 'Abd al-Fattah Husayni al-Syaykh (1408H/1988M), *op. cit.*, h. 111.

<sup>12</sup> al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 11; Muhammad Abu Zahrah (1948M), *al-Imam al-Syafi'i, Hayatuh wa 'Asruh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi., h. 41-42.

<sup>13</sup> 'Abd al-Rahman al-Syarqawi (1441H/1991M), *op. cit.*, h. 131-132.

sedih dan keberatan mengizinkannya menyambung pengajiannya. Lantas beliau memohon kemaafan dari ibunya jika hasrat tersebut boleh menyebabkan ibunya bersedih sehingga sanggup membatalkan hasratnya dalam kekal belajar di Mekkah.<sup>14</sup>

Pendirian yang ditunjukkan oleh Imam Shafi'i menyebabkan ibunya merasa terharu bukan kerana Imam Shafi'i ingin menyambung pengajian tetapi ia bersedih kerana kurang mampu menanggung perbelanjaan Imam Shafi'i semasa dalam perjalanan ke Madinah. Bahkan ibunya menyatakan bahawa antara cita-cita yang diinginkan olehnya adalah ia dapat melihat Imam Shafi'i menjadi seorang yang mencintai ilmu, cinta pada hikmah dan menjadi mansia yang bertaqwa kepada Allah s.w.t. Lalu ibunya mengizinkan Imam Shafi'i menyambung pelajar ke Madinah berbekal semangat yang tinggi dan mengharapakan pertolongan daripada Allah s.w.t.<sup>15</sup>

Kemahiran interpersonal yang dimiliki oleh Imam Shafi'i terserlah juga apabila beliau berjaya mendapatkan surat sokongan daripada gabenor kota Mekah ketika itu dan bekas gurunya sendiri iaitu Ibn Khalid al-Zinji sebelum beliau berangkat ke Madinah. Dengan berbekalkan ilmu di dada dan surat sokongan tersebut, Imam Shafi'i bertolak ke Madinah dan menyerahkan surat tersebut kepada gabenor Madinah. Pada mulanya gabenor tersebut enggan membawa Imam Shafi'i bertemu dengan Imam Malik kerana beliau merupakan ulama yang disegani bukan sahaja oleh orang-orang biasa tetapi juga pemerintah ketika itu. Namun kemahiran komunikasi yang dimiliki Imam Shafi'i, akhirnya gabenor tersebut sanggup membawa beliau menemui Imam Malik.<sup>16</sup>

Antara tokoh ulama Madinah yang paling rapat dengan beliau adalah Imam Malik b. Anas r.a. Imam Shafi'i merupakan antara anak murid yang sangat dikasihi oleh Imam Malik. Sehingga gurunya amat tertarik dengan kemahiran komunikasi Imam Shafi'i apabila berbicara. Imam Malik pernah mengarahkan Imam Shafi'i membaca kitab al-Muwatta' sebanyak satu halaman kepada murid-murid Imam Malik. Setelah beliau selesai membacanya satu halaman, Imam Malik inginkan beliau menghabiskannya ke halaman yang lain kerana terpesona dengan suara Imam Shafi'i dan cara bacaannya yang mantap di samping nada yang sangat berkesan.<sup>17</sup>

Beliau juga menjalin hubungan yang baik dengan beberapa ulama lain antaranya Ibrahim b. Sa'ad al-Ansari, 'Abd al-'Aziz b. al-Darudi, Muhammad b. Abu Sa'id b. Abu Fadik dan lain-lain lagi. Dengan ini, beliau dapat menguasai *fiqh*

---

<sup>14</sup> H. Luqman Hakim (2002), *Riwayat Hidup Imam Syafii: Seorang Pelajar Teladan*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 3-5.

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> al-Baghdadi (1417H/1997M), *op. cit.*, j. 2, h. 60; Ibn Kathir (1411M/1990H), *op. cit.*, j. 10, h. 251; Yaqut al-Hamawi (1399H/1979M), *op. cit.*, j. 17, h. 284; al-Razi (t.t.), *op. cit.*, h. 9-10.

<sup>17</sup> Muhammad Abu Zahrah (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 439.

aliran Madinah yang diperkenalkan oleh Imam Malik dan ulama-ulama yang berada di Madinah.<sup>18</sup>

Setelah kematian gurunya Imam Malik menyebabkan Imam Shafi'i mengambil keputusan untuk kembali ke Mekah kerana beliau tidak lagi mampu menanggung kos kehidupannya di Madinah. Ditakdirkan semasa Imam Shafi'i pulang ke Mekah, tiba satu delegasi yang terdiri dari kalangan pembesar-pembesar Yaman melakukan lawatan ke Hijaz khususnya di Mekah. Pada ketika itu, pembesar-pembesar dari kalangan kaum Quraysy memperkenalkan Imam al-Syafi'i kepada delegasi tersebut. Oleh kerana Imam Shafi'i mempunyai personaliti yang tinggi sama ada dari sudut intelektual mahupun spritual, beliau ditawarkan sebagai pegawai Najran oleh pembesar-pembesar Yaman. Beliau menerima tawaran tersebut dan melaksanakan tugas sebagai pegawai tersebut dengan penuh keadilan dan bertanggungjawab.<sup>19</sup>

Ketika berada di Yaman juga, Imam Shafi'i berkesempatan menjalin hubungan akademik dengan beberapa orang guru. Beliau mempelajari *fiqh* daripada Matarraf b. Mazin, Hisyam b. Yusuf, 'Amr b. Abu Salamah murid al-Awza'i dan menguasai *fiqh* al-Layth daripada Yahya b. Hassan murid kepada Imam al-Layth. Antara sifat toleransi dan keterbukaan Imam Shafi'i dalam menjalin hubungan interpersonal, beliau bukan sahaja berguru dengan ulama Sunni tetapi juga dengan ulama Syi'ah seperti Sulayman b. Muqatil dan lain-lain lagi.<sup>20</sup>

Walaupun sikap keadilan dan tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Imam Shafi'i ketika menjalankan tugas, namun masih terdapat sebahagian masyarakat Najran kurang senang dengan sikap sedemikian. Ini kerana mereka suka mengampu para pegawai dan orang-orang kenamaan bertujuan untuk mengaut kepentingan diri mereka. Justeru Imam Shafi'i dituduh oleh mereka sebagai pemberontak dan mengetuai kumpulan yang ingin menggulingkan kerajaan 'Abbasiyyah yang ketika itu dipimpin oleh Harun al-Rasyid. Ini dikatakan antara faktor yang menyebabkan Imam Shafi'i pergi ke Iraq.<sup>21</sup>

Dalam menghadapi konflik tersebut, Imam Shafi'i dan mereka dituduh dibawa ke pusat pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah ketika itu untuk dibicarakan di hadapan Khalifah Harun al-Rasyid. Oleh kerana kebijaksanaan dan kemahiran komunikasi yang ada pada Imam Shafi'i, beliau berjaya menangani konflik tersebut sehingga terlepas daripada tuduhan dan dibebaskan.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, pembebasan Imam Shafi'i tersebut perlu disusuli dengan jaminan Muhammad b. al-Hasan al-Shaybani yang merupakan seorang ulama besar di Baghdad ketika itu. Dialah yang memainkan peranan penting dalam memastikan Imam Shafi'i terselamat daripada tuduhan tersebut. Ini kerana Imam Shafi'i pernah

---

<sup>18</sup> Al-Razi, *op. cit.*, h. 11; Yaqut al-Hamawi (1399H/1979M), *op. cit.*, j. 17, h. 284; Ibn Abu Hatim al-Razi (1953M), *Adab al-Syafi'i wa Manaqibuh*, Kaherah: Maktabah al-Khanji, h. 196; Muhammad Abu Zahrah (1948M), *al-Imam al-Syafi'i*, *op. cit.*, h. 41-42

<sup>19</sup> Muhammad Abu Zahrah (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 441.

<sup>20</sup> *Ibid*-al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 11; Abd al-Rahman al-Syarqawi (1441H/1991M), *op. cit.*, h. 137.

<sup>21</sup> al-Razi (t.t), *op. cit.*, h. 4.

<sup>22</sup> *Ibid*.

mewujudkan hubungan persahabatan dengan Muhammad b. al-Hasan semasa mereka berdua belajar dan berada di Madinah.<sup>23</sup>

Suasana keintelektualan yang berlaku di Baghdad banyak menyumbang kepada keluasan dan keterbukaan Imam Shafi'i dalam ilmu pengetahuan. Terdapat banyak ilmu yang dihasilkan di Yunan, Parsi dan Hindi diterjemahkan ke dalam bahasa Arab yang boleh menyebabkan berlakunya perkembangan pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Dengan perkembangan tersebut, tidak hairan jika Imam Shafi'i merebut peluang untuk menimba segala ilmu yang memberi manfaat kepadanya di samping mendapat inspirasi dalam mengemukakan hujah dan perdebatan ilmiah. Lantaran itu, beliau mampu berhadapan dengan masyarakat dan dapat menegakkan setiap kebenaran dan menolak segala kebatilan yang berlaku dalam perdebatan ilmiah.<sup>24</sup>

Senario politik yang tidak menentu di Baghdad semasa zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, memaksa Imam Shafi'i berhijrah ke Mesir sekitar tahun 199H/815M walaupun beliau ditawarkan oleh khalifah al-Ma'mun sebagai kadi di Baghdad. Penghijrahannya ke Mesir adalah untuk memperkukuhkan disiplin ilmunya. Ini kerana, di Mesir terdapat beberapa orang dari kalangan murid Imam Malik dan Imam al-Layth b. Sa'ad. Namun Imam al-Layth tokoh ulama Mesir yang tersohor itu telah meninggal dunia semasa kedatangan Imam Shafi'i. Tambahan pula, pemerintahan Mesir ketika itu al-'Abbas b. 'Abd Allah b. al-'Abbas b. Musa b. 'Abd Allah b. 'Abbas merupakan dari keturunan Quraisy.<sup>25</sup>

Majlis-majlis ilmiah terus diadakan oleh Imam Shafi'i di Masjid 'Amr b. 'As pada setiap hari. Keadaan ini boleh mengekalkan reputasi Imam Shafi'i dalam menjalin hubungan yang baik dengan para ulama dan masyarakat tempatan. Beliau meninggal dunia pada malam Jumaat selepas waktu 'Isya' 27 rejab pada tahun 204H bersamaan 4 Januari tahun 820M semasa umurnya menjangkau 54 tahun.<sup>26</sup>

### **Idea Imam Shafi'i Mengenai Pembangunan Manusia Melalui Kemahiran Interpersonal**

Terdapat banyak idea Imam Shafi'i mengenai pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal yang mampu dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian terutama yang melibatkan hubungan antara individu. Ia merangkumi pembentukan sendiri dan personaliti seseorang dalam menjalin

---

<sup>23</sup> Muhammad al-Khudari Bik (1385H/1965M), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, h. 234-235; Muhammad 'Ali al-Says (t.t), *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Matba'ah Muhammad 'Ali al-Subayh, h. 95-96; 'Abd al-Rahman al-Syarqawi (1411H/1991M), *op. cit.*, h. 140-141.

<sup>24</sup> Jad al-Haqq 'Ali Jad al-Haqq (1411H/1991M), *al-Fiqh al-Islami Nasy'atuh wa Tatawwaruh*, Kaherah: Dar al-Syabab, h. 75; Muhammad Abu Zahrah (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 453-454; Sufi Hasan Abu Talib (1410H/1990M), *op. cit.*, h. 138-139.

<sup>25</sup> Rasyad Hasan Khalil (1423H/2002M), *op. cit.*, h. 298; Muhammad Abu Zahrah (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, h. 449.

<sup>26</sup> *Ibid.*



hubungan interpersonal, kemahiran sosial, komunikasi, konflik dan cara menangannya, kepimpinan dan kelebihan menjalinkan hubungan interpersonal.

### **Kendiri dan Personaliti**

Dalam membentuk kendiri, sikap, sahsiah dan nilai seseorang dalam interpersonal, Imam Shafi'i menekankan betapa penting seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan agar matlamat dalam hubungan antara individu terhasil dengan berkesan. Ini kerana, apabila seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam sudah semestinya ia akan memberi manfaat kepada orang lain. Hal ini penting kerana orang yang berpengetahuan akan membicara atau berkomunikasi dengan individu yang lain dalam bentuk yang baik dan tersusun. Berbeza dengan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan akan berbicara menurut mentalitinya yang ada.<sup>27</sup>

Bagi Imam Shafi'i, antara keistimewaan seseorang dalam membentuk kendirinya adalah seseorang tahu mengenai dirinya sendiri namun ia adalah sulit dan bersifat peribadi dan tidak diketahui oleh orang lain. Dalam hal ini, Imam Shafi'i pernah menegaskan bahawa kemuliaan seseorang apabila dia mampu menyembunyikan kefakirannya sehingga orang lain menyangka dirinya seorang yang berada. Begitu juga kemuliaan seseorang apabila dia tidak menunjukkan sifat marahnya sehingga orang lain menyangka dia merestui sesuatu perkara. Antara ketinggian kendiri seseorang juga apabila dia mampu menyembunyikan ekstremnya sehingga orang lain menyangka dia adalah seorang yang tenang.<sup>28</sup>

Dalam membina personaliti yang baik dan unggul, Imam Shafi'i menyarankan kepada manusia agar cuba mengelakkan diri daripada bergaul dengan orang-orang bodoh dan sesetengah ilmuwan yang tidak menginsafi diri dan tidak. Beliau meletakkan ukuran kepada kredibiliti, kepuasan dan kepercayaan terhadap seseorang adalah dilihat kepada jumlah ramai orang yang ingin mendampingiya atau mempunyai ramai sahabat. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, seseorang individu tersebut perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk membina persahabatan antara sesama manusia dengan meningkatkan dari sudut pengenalan dan persefahaman antara mereka.<sup>29</sup>

Hubungan interpersonal yang dihidupkan dan disemarakkan oleh seseorang akan membantunya mencapai tahap personaliti yang tinggi di sisi Allah s.w.t dan mencapai beberapa keistimewaan dan keutamaan. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Shafi'i iaitu seseorang itu akan memperoleh keredaan Allah s.w.t kerana Allah dan para malaikat amat menyukai terhadap orang yang mewujudkan hubungan interpersonal. Di samping itu hubungan interpersonal juga seseorang itu akan disegani dan dihormati oleh masyarakat yang berada di sekelilingnya serta mampu menambahkan pahala amal seseorang setelah dia meninggal dunia. Dengan hubungan interpersonal, ia berjaya memupuk kasih sayang dan saling menggembirakan kedua belah pihak dalam pergaulan seharian, boleh menambahkan rezeki dan dilanjutkan usia.

---

<sup>27</sup> 'Abd al-Rahman al-Mistawi (2005), *Diwan al-Shafi'i*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 129.

<sup>28</sup> *Ibid*, h. 137.

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 34.

Selain itu, dengan hubungan interpersonal ini iblis dan syaitan bertambah gelisah dan sakit hati.<sup>30</sup>

## Kemahiran Sosial

Imam Shafi'i juga menggariskan beberapa panduan kepada masyarakat agar mencari dan mendapatkan sahabat atau individu yang sejati dalam mewujudkan hubungan interpersonal. Ini kerana menurut beliau persahabatan tulen memang sukar dicari. Hanya mereka yang benar-benar bersahabat dengan hati tulus dan ikhlas dapat mencari erti persahabatan tulen.<sup>31</sup>

Menurut Imam Shafi'i sahabat yang sejati tidak akan melakukan perkara yang boleh menyinggung hati dan perasaan seseorang. Justeru kawan yang tidak boleh dimanfaatkan ketika susah mampu menjadi musuh kepada seseorang dan jauh sekali menjadi sebagai kawan. Tidak ada yang abadi dan tidak ada kawan yang sejati kecuali yang menolong kawannya ketika susah. Antara saranan yang diketengahkan oleh Imam Shafi'i adalah menziarahi kawan yang sedang sakit menderita.<sup>32</sup>

Amalan ziarah orang sakit merupakan amalan yang dituntut oleh Islam kerana ia dapat mengeratkan hubungan interpersonal. Amalan ini seharusnya dilakukan pada bila-bila masa bukan hanya ketika seseorang ditimpa sakit. Bahkan amalan tersebut diamalkan oleh Rasulullah s.a.w terhadap kaum keluarganya, orang tua, orang bujang dan lain-lain.

Oleh sebab itu Imam Shafi'i sentiasa berharap agar mendapat sahabat sejati yang komitmen dalam bersahabatan dan tidak luntur sama ada dalam keadaan suka atau duka. Luahan tersebut diabadikan dalam syair beliau yang bermaksud:<sup>33</sup>

*"Belum pernah aku bertemu di dunia ini seorang sahabat yang setia dalam duka. Pada hal hidupku sentiasa bersilih ganti antara suka dan duka. Jika suka melanda, aku sering bertanya: 'Siapakah yang sudi menjadi sahabatku?' Pada waktu aku senang, sudah biasa ramai yang akan iri hati, namun bila giliran aku susah mereka pun bertepuk tangan".*

Menurut Imam Shafi'i antara ciri sahabat yang baik adalah individu yang sering bersamanya dan yang menjaga nama baiknya ketika hidup atau selepas mati. Hubungan interpersonal seumpama ini sering kali diidamkan oleh semua individu dan sudah pasti hubungan tersebut akan kekal lama dan setia antara satu sama lain.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup> *Ibid*, h. 58 .

<sup>31</sup> *Ibid*, h. 144.

<sup>32</sup> *Ibid*, h. 144 .

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 50.

<sup>34</sup> *Ibid*, h. 34.

Antara langkah yang perlu diambil dalam usaha untuk mengekalkan hubungan interpersonal adalah dengan cara saling menghormati, tidak membuat persepsi negatif, mencerca dan membenci di antara satu sama lain. Ini kerana menurut Imam Shafi'i sesiapa menghormati orang lain, tentulah dia akan dihormati. Begitu juga barang siapa menghina orang lain, tentulah dia juga akan dihinakan. Oleh sebab itu sesiapa berbuat baik kepada orang lain, maka Allah akan bagi kepadanya satu pahala. Sebaliknya barang siapa berbuat jahat kepada orang lain, nescaya Allah akan membalasnya dengan seksa yang dahsyat.<sup>35</sup>

Dalam mewujudkan hubungan interpersonal, Imam Shafi'i pernah mengingatkan masyarakat mengenai pasang surut hubungan persahabatan antara individu. Ini kerana terdapat individu yang menunjukkan sikap yang tidak setia dalam hubungan persahabatan. Sedangkan berinteraksi secara positif amat diperlukan dalam hubungan persahabatan. Ramai manusia hari ini mempunyai rakan tetapi rakan mereka hanya bersama dengan mereka ketika senang atau wujud kepentingan-kepentingan tertentu dan meninggalkan mereka ketika susah dan menderita. Oleh sebab itulah perlu bagi manusia mencari sahabat atau rakan yang berkualiti. Saranan ini dapat dilihat secara jelas dalam syair Imam Shafi'i yang bermaksud :<sup>36</sup>

*"Aku dapat bergaul secara bebas dengan orang lain ketika nasib aku berada dalam keadaan yang baik. Namun, ketika musibah menimpa diriku, aku dapatkan mereka seolah-olah seperti roda zaman yang tidak mahu bersahabat dengan keadaan".*

Sedangkan rakan yang berkualiti atau sahabat sebenarnya mampu memberi bantuan dalam menstabilkan emosi dan meredakan tekanan ketika menghadapi masalah atau dilanda duka. Ini disebabkan persahabatan merupakan kesan kemahiran interpersonal yang kurang diberikan perhatian, sama ada oleh remaja atau masyarakat umum. Menurut Imam Shafi'i, keperibadian seseorang terserlah adalah berpunca dari sanubari seseorang. Dalam diri manusia itu ada dua macam potensi iaitu penipuan dan rayuan. Imam Shafi'i' membuat analogi tentang dua keadaan tersebut iaitu penipuan seperti duri jika dipegang dan rayuan diibaratkan bunga jika dipandang. Apabila seseorang memerlukan pertolongan orang lain, bersikaplah seperti api yang dapat membakar duri atau penipuan itu.<sup>37</sup>

Imam Shafi'i telah mendedahkan antara ciri dan sifat individu yang tidak jujur dalam persahabatan yang perlu dijaui adalah suka mencemuh dan tidak mengambil peduli jika sahabatnya dalam keadaan sakit. Individu yang mempunyai sifat dengki jika sahabatnya berada dalam suasana bahagia dan bergembira jika sahabatnya dalam keadaan menderita. Agak malang dan sedih jika seseorang mahu kebaikan boleh dinikmati oleh sahabatnya sedangkan sahabatnya sendiri mahukan keburukan menimpa dirinya.<sup>38</sup>

---

<sup>35</sup> *Ibid*, h. 124 .

<sup>36</sup> *Ibid*, h. 50 .

<sup>37</sup> *Ibid*, h. 85.

<sup>38</sup> *Ibid*, h. 91 dan 96 .

## Komunikasi

Komunikasi antara perkara yang diambil berat oleh Imam Shafi'i kerana menurut beliau seseorang termasuk para nabi tidak akan terlepas dan terselamat dari akibat dari ancaman lisan dan kata-kata manusia. Oleh itu Imam Shafi'i menyarankan manusia agar menjaga lidahnya daripada kata-kata yang lalai dan mengaibkan orang lain. Bahkan menurut beliau lagi, seseorang yang selalu dan banyak bercakap kadang-kadang boleh menyebabkan dia memiliki personaliti yang rendah. Kebiasaan lidah seseorang itu berkomunikasi dengan baik atau buruk adalah disebabkan dia telah terbiasa dengan komunikasi seumpama itu. Sifat seseorang tersembunyi disebalik lidahnya. Oleh itu, sesiapa yang mencari kesilapan dirinya sendiri lebih baik daripada mencari kesilapan orang lain.<sup>39</sup>

Menurut Imam Shafi'i, kadang-kadang komunikasi lisan tidak memberi apa-apa kebaikan jika ia tidak selari dengan kehendak mata orang yang berkomunikasi. Ini kerana komunikasi lisan akan baik jika ia sesuai dengan kehendak komunikasi bukan lisan seseorang itu.<sup>40</sup>

Ketika berinteraksi, Imam Shafi'i mengemukakan beberapa cara dan langkah sewajarnya yang perlu diambil oleh seseorang semasa perundingan atau perdebatan. Antaranya adalah seseorang yang mengutarakan sesuatu hujah dan pendapatnya jangan bersikap sombong dan berbangga diri. Sebaliknya perlu dia berbincang dengan sopan dan beradab terutama ketika berada di khalayak ramai. Di samping itu, teguran dan nasihat kepada seseorang perlu sesuai pada tempat dan keadaan. Jangan sesekali menegur seseorang di khalayak ramai kerana ia boleh mengaibkannya. Lebih baik membuat teguran kerana Allah dan secara bersendirian dengan orang yang terlibat agar dia tidak merasa malu.<sup>41</sup>

Di samping itu, Imam Shafi'i mengemukakan idea yang berguna kepada umat Islam tentang etika berdiskusi dan memberi teguran kepada sesiapa sahaja. Antara lain beliau menegaskan sebagaimana berikut:<sup>42</sup>

*“Jika engkau ialah orang yang mempunyai kelebihan dan pengetahuan tentang pertikaian pendapat orang-orang terdahulu dan orang pada masa kini, berdebatlah dengan orang yang engkau ajak berdebat dengan jiwa yang tenang, penuh kearifan, sikap ramah dan hargai pendapat teman serta jangan bersikap angkuh. Ambillah apa yang engkau anggap baik dan benar, dari mereka yang lawan cakapmu sama ada yang ramah atau yang bersikap kasar. Di samping itu, tunjukkanlah kesungguhanmu kepada mereka yang berada di sekelilingmu yang menunjukkan bahawa diri mereka adalah benar dan suka menyombongkan diri. Ini kerana, bersikap emosi dalam suasana seperti itu akan menimbulkan perpecahan dan pemisahan diri”.*

---

<sup>39</sup> *Ibid*, h. 58.

<sup>40</sup> *Ibid*, h. 123 .

<sup>41</sup> *Ibid*, h. 74 dan 76.

<sup>42</sup> *Ibid*, h. 65 .

Dalam berkomunikasi, Imam Shafi'i menyarankan agar seseorang tidak dipengaruhi oleh perasaan yang boleh menonjolkan dirinya. Oleh sebab itu ketika berkomunikasi atau berdebat, beliau mencadangkan agar seseorang tidak menunjukkan sikap marah dan tidak menyebut keburukan orang lain kerana matlamat berkomunikasi atau berdebat adalah untuk mencari kebenaran bukannya ketinggian.<sup>43</sup>

Apabila seseorang berkomunikasi dengan seseorang yang tidak beradab disebabkan mentalitinya kurang atau bodoh, antara langkah yang disarankan oleh Imam Shafi'i adalah tidak memberi respon dan jawapan terhadap kata-kata, tuduhan dan cacian yang dilontarkan kepadanya. Imam Shafi'i membuat suatu analogi yang cukup indah melalui syairnya iaitu:<sup>44</sup>

*"Berkatalah sesuka hatimu untuk menghina kehormatanku. Maka diamku dari orang yang menghina adalah suatu jawapan. Bukanlah ertinya aku tidak memiliki jawapan, tetapi tidak pantas bagi seekor singa melayani kerenah anjing-anjing".*

Imam Shafi'i pernah mendedahkan sikap marah yang ditunjukkan oleh seseorang boleh dilihat melalui sama ada dalam bentuk komunikasi lisan dan bukan lisan. Beliau mengatakan apabila orang bangsawan dan cendekiawan merasa marah mereka akan menzahirkannya dalam bentuk tindakan. Namun apabila orang bodoh merasa marah, mereka akan menzahirkannya dalam bentuk kata-kata.<sup>45</sup> Dalam menyalurkan sesuatu maklumat melalui saluran komunikasi sama ada dalam bentuk bertulis atau lisan, Imam Shafi'i telah menggariskan beberapa panduan yang perlu dilakukan oleh seseorang apabila berkomunikasi terutama mengutarakan sesebuah puisi iaitu:<sup>46</sup>

- 1) Penyair yang tidak boleh diterima apabila terdapat dalam puisinya unsur-unsur yang boleh menjuruskan kepada keinginan nafsu terutama pemujaan wanita yang merangsangkan nafsu, unsur-unsur pujaan melulu yang tidak menggambarkan kebenaran pengucap disebabkan hipokrit, mendapatkan keuntungan moral dan material dan sebagainya, unsur-unsur puisi yang boleh timbul permusuhan dan fitnah dalam kalangan masyarakat dan puisi yang mempunyai unsur-unsur celaan dan penghinaan terhadap orang lain.
- 2) Penyair yang boleh diterima apabila terdapat dalam puisi atau syairnya unsur-unsur yang tidak menjuruskan kepada perkara mungkar dan maksiat. Begitu juga, pengucapan dalam puisi dan syairnya sememangnya datang dari kehendak sebenar emosinya dan menggambarkan keindahan rohani dan kesempurnaan moral.

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 32 dan 34.

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 140.

<sup>46</sup> Hikmah Salleh (1984), *Dirasah Fanniyyah fi Shi'r al-Shafi'i*, Beirut: 'Alam al-Kutub, h. 37.

## Konflik Dan Cara Menangani

Imam Shafi'i telah mengemukakan beberapa idea dan panduan dalam permasalahan yang berkaitan konflik dan cara untuk mengatasinya. Terdapat rujukan dan sumber terbaik bagi melihat cara dan idea Imam al-Shafi'i memperincikan perkara konflik atau perselisihan adalah melalui kitabnya *al-Risalah*. Secara umumnya, beliau (1309H) mengklasifikasikan konflik kepada dua bahagian iaitu konflik yang ditegah dan konflik yang tidak ditegah (harus). Klasifikasi ini dapat difahami melalui pandangan beliau (1309H).<sup>47</sup>

*"Sesungguhnya aku dapati ulama-ulama dulu dan sekarang berlainan pendapat (konflik) pada sesetengah urusan mereka. Maka adakah boleh (harus) yang demikian itu? Berkata (Imam Shafi'i) kepadanya: Konflik tersebut ada dua bentuk, pertamanya konflik yang ditegah (al-ikhtilaf al-muharram), aku tidak mengatakan demikian (haram) pada bentuk yang satu lagi (konflik yang kedua). Konflik yang haram ialah konflik dalam perkara-perkara yang Allah SWT telah mengemukakan hujah-hujah dalam al-Quran, hujah melalui lidah nabinya dengan keterangan yang jelas. Tidak boleh untuk orang-orang yang mengetahuinya berkonflik pada perkara tersebut".*

Adapaun konflik yang harus iaitu pada nas-nas dalam al-Quran dan hadis yang terbuka untuk ditafsirkan dan boleh difahami secara analogi. Pada ketika itu, orang yang mahu membuat penafsiran dan analogi berpegang kepada pengertian yang ada dalam lingkungan makna nas atau analogi walaupun berbeza dengan pandangan pihak lain. Idea Imam Shafi'i (1309H) boleh dilihat secara jelas dalam kitabnya *al-Risalah* yang bermaksud:<sup>48</sup>

*"Dan apa-apa daripada itu yang boleh ditafsirkan dan difahami melalui analogi, lalu orang yang mentafsirkan atau menganalogi berpegang kepada makna yang dalam lingkungan pengertian khabar (nas tersebut) atau secara analogi; sekiranya orang lain berbeza pandangan dengannya mengenainya:- Aku tidak katakan bahawa disempitkan ke atasnya kesempitan khilaf pada perkara yang telah dinaskan".*

Dalam pada itu, Imam Shafi'i mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil dan ditangani oleh seseorang apabila berhadapan dengan pelbagai kerenah dan konflik sesama manusia sama ada konflik idea, kepentingan atau seumpamanya. Antaranya adalah menunjukkan sikap sabar di atas kesilapan yang dilakukan oleh sahabatnya yang dicintai. Cuba memaafkannya kerana dengan berbuat demikian akan memadamkan perasaan dendam kesumat dan permusuhan terhadapnya. Langkah yang diketengahkan oleh Imam Shafi'i dapat dilihat dengan jelas dalam syairnya yang bermaksud:<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> al-Shafi'i, Muhammad b. Idris (1309H), *al-Risalah*, Saudi Arabia: al-Maktabah al-Shamilah, j. 1 h. 560.

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Abd al-Rahman al-Mistawi (2005), *Diwan al-Shafi'i*, *op. cit.*, h. 36.

*"Ketika aku menjadi pemaaf dan tidak mempunyai rasa dengki, hatiku lega, jiwaku bebas daripada bara permusuhan. Ketika musuhku berada di hadapanku, aku sentiasa menghormatinya". "Semua itu kulakukan agar aku dapat menjaga diriku daripada kejahatan. Aku nampakkan keramahan, kesopanan dan rasa persahabatanku kepada orang yang kubenci, seperti aku nampakkan hal itu kepada orang yang kucintai".*

Selain itu, Imam Shafi'i juga menyarankan agar seseorang dapat mengawal emosinya dengan bermanis muka meskipun terhadap individu yang dibencinya seolah-olah hatinya penuh dengan kasih sayang di samping meninggalkan persepsi jahat terhadap seseorang dan tidak perlu diulanginya lagi. Justeru ketenangan dalam menghadapi situasi ini, seseorang akan memperoleh kebajikannya.<sup>50</sup>

Antara teori yang dikemukakan oleh Imam Shafi'i dalam menghadapi konflik yang tidak mampu ditangani adalah dengan mengasingkan dan cuba mengelakkan diri dari terjebak dalam kancah konflik tersebut. Langkah tersebut adalah lebih baik daripada bergaul dengan orang yang mempunyai niat jahat. Oleh sebab itu, Imam Shafi'i menyeru manusia agar mencari sahabat yang takwa. Jika tidak peroleh, langkah sewajarnya yang perlu diambil adalah hidup menyendiri dan elak daripada bergaul dengan orang jahat dan orang yang tidak tahu membezakan yang baik dan buruk.<sup>51</sup>

Dalam menggapai kejayaan dalam matlamat kehidupan, seseorang manusia tidak akan menjalin hubungan yang baik dengan individu jahat yang boleh mendorongnya ke arah kesesatan dan kemusnahan dalam kehidupan. Betapa buruk implikasinya terhadap diri seseorang sehingga Imam Shafi'i membuat suatu perumpamaan yang cukup menggerunkan. Beliau lebih sanggup bertemankan anjing-anjing daripada manusia yang jahat dan merosakkan kehidupan manusia. Ini kerana menurut Imam Shafi'i, sehinahinanya anjing, ia masih dapat menunjukkan jalan untuk tuannya yang tersesat, tidak seperti manusia jahat yang selamanya tidak akan memberi petunjuk. Justeru Imam menyarankan manusia agar menyelamatkan diri mereka, menjaga lidah kerana dengan demikian tentu seseorang akan hidup bahagia walaupun terpaksa hidup sendiri.<sup>52</sup>

## **Kepimpinan**

Dalam konteks kepimpinan, terdapat banyak perbincangan yang diutarakan oleh Imam Shafi'i sama ada dari sudut kelayakan seseorang sebagai pemimpin, sifat sebagai pemimpin, gaya kepimpinan dan sebagainya. Kebanyakan idea dan pengalaman yang ditunjukkan oleh Imam Shafi'i mengenai kepimpinan adalah selari dengan kehendak Islam. Idea dan gaya kepimpinan yang diperkenalkan oleh Imam Shafi'i merangkumi pendidikan, nilai-nilai kreativiti dan pengurusan yang tinggi dalam kepimpinan yang boleh dijadikan contoh dan teladan kepada

---

<sup>50</sup> *Ibid*, h. 23.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 129.

<sup>52</sup> *Ibid*, 44.

pemimpin umat Islam agar segala perancangan dan kegiatan yang dilakukan oleh pemimpin mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.<sup>53</sup>

Beliau pernah menyatakan bahawa seseorang yang gila kuasa atau sangat berkeinginan untuk menjadi ketua, kemungkinan besar cita-cita tersebut tidak tercapai disebabkan keegoan yang ada padanya. Oleh itu, Imam Shafi'i pernah membuat suatu analogi bahawa kadang-kadang cara manusia menguruskan kehidupan mereka seperti politik dan pemerintahan adalah lebih teruk jika mahu dibandingkan dengan binatang.<sup>54</sup>

Terdapat lima instrumen kepimpinan yang telah diutarakan oleh Imam Shafi'i agar seorang pemimpin tersebut mempunyai kredibiliti yang tinggi iaitu benar dalam berkomunikasi dengan rakyat, menyimpan rahsia, melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin, sentiasa memberi nasihat kepada rakyat dan menunaikan amanah dengan jujur dan ikhlas.<sup>55</sup> Antara fungsi seorang pemimpin yang kreatif menurut Imam al-Shafi'i (1400H) adalah seorang pemimpin mesti pandai mewujudkan suasana menang-menang iaitu semua pihak berpuas hati. Walaupun agak sukar untuk dicapai, namun dengan adanya sifat keadilan dalam diri seorang pemimpin dalam memutuskan sesuatu keputusan dan tindakan, maka apa yang mahu dicapai akan terlaksana.

Walau bagaimanapun, menurut Imam Shafi'i sesiapa sahaja termasuk pemimpin kebiasaannya tidak mampu untuk memenuhi semua kehendak manusia. Namun apa yang perlu dilakukan adalah meningkatkan dan memperbaiki hubungan yang baik antara dirinya dengan Allah s.w.t. Dengan ini, seseorang atau pemimpin itu tidak perlu bimbang apa yang diperkatakan dan dipersoalkan oleh manusia.<sup>56</sup>

Dalam situasi apabila seseorang berinteraksi dengan pemimpin, antara nasihat yang diutarakan oleh Imam Shafi'i adalah mengikis sikap sebagai seorang pengampu kepada pemimpin dan sentiasa mendampingi pemimpin kerana dibimbangi pemimpin itu tidak membawa seseorang itu ke arah apa yang diredhai oleh Allah s.w.t. Kenyataan beliau ini boleh dilihat melalui puisinya yang dianggap kreatif sebagaimana berikut ('Abd al-Rahman, 2005. *Diwan al-Shafi'i*).<sup>57</sup>

*“Di mana-manapun seorang raja berada, janganlah bernaung di pintunya. Apa yang engkau inginkan daripada seorang raja? Bila raja murka, dia akan mengejarmu dan bila hatinya lega dia akan terasa bosan terhadapmu. Berlindunglah hanya kepada Allah s.w.t dan jauhilah pintu para raja. Sesungguhnya berdiri di pintu seorang raja merupakan suatu penghinaan”*

---

<sup>53</sup>Wan Zulkifli Wan Hassan (2009), Pandangan dan Pengalaman Imam Shafi'i Dalam Kepimpinan, dalam Khalim Zainal, Abdul Salam Yusuf dan Zaharah Hassan, *Kepimpinan: Kreativiti, Pengurusan dan Pendidikan*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM, Selangor, h. 43-61.

<sup>54</sup>'Abd al-Rahman al-Mistawi (2005), *Diwan al-Shafi'i*, *op. cit.*, h..139 dan 144.

<sup>55</sup>*Ibid*, h. 132.

<sup>56</sup>*Ibid*, h. 135.

<sup>57</sup>*Ibid*, h. 94.



## Kesimpulan

Imam Shafi'i bukan sahaja dikenali sebagai seorang tokoh akademik, bahkan beliau juga mempunyai pengalaman dalam pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal. Dengan kepakaran dan kebijaksanaan yang ada, beliau dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dalam usaha membangunkan masyarakat melalui hubungan interpersonal. Beliau bukan sahaja mempunyai pengalaman dalam pembangunan manusia, bahkan terdapat banyak idea dan nasihat yang sangat bernas sebagai penyumbang kepada pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal. Ini disokong oleh sifat-sifat yang ada pada beliau sebagai seorang ulama dan tokoh akademik bukan sahaja dihormati oleh rakyat bahkan pemerintah ketika itu. Kebanyakan pandangan dan pengalaman yang dipancarkan oleh Imam Shafi'i mengenai pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal adalah selari dengan kehendak Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Justeru, pengalaman dan idea pembangunan manusia melalui kemahiran interpersonal yang ditunjukkan oleh Imam Shafi'i merangkumi pelbagai peringkat yang boleh dijadikan contoh dan teladan kepada umat Islam agar segala bentuk hubungan interpersonal yang dilakukan oleh mereka mampu membangunkan ketamadunan manusia sekali gus mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.

## Bibliografi

- 'Abd al-Ghani al-Daqqar (t.t), *al-Imam al-Syafii Faqih al-Sunnah al-Akbar*, Beirut: *Dar al-Qalam*.
- 'Abd al-Qahir b. Tahir b. Muhammad al-Baghdadi (t.t), *al-Farq bayn al-Firaq*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- 'Abd al-Rahman al-Mistawi (2005), *Diwan al-Shafi'i*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- 'Abd al-Rahman al-Syarqawi (1411H/1991M), *Ai'mmah al-Fiqh al-Tis'ah*, Beirut: Dar al-Syuruq.
- Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *Manaqib al-Imam al-Syafi'i*, Kaherah: Maktabah al-'Allamah.
- Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *Manaqib al-Imam al-Syafi'i*, Kaherah: Maktabah al-'Allamah.
- Abu Bakr Ahmad b. 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (1417H/1997M), *Tarikh Baghdad*, Mustafa 'Abd al-Qadir (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Zakariyya Muhy al-Din b. Syaraf al-Nawawi, *Tahzib al-Asma' wa al-Lughat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bayhaqi Ahmad b. al-Husayn (1391H), *Manaqib al-Syafi'i*, Kaherah: al-Halabi.

al-Hafiz Abu Na'im al-Asbahani Ahmad b. 'Abd Allah (t.t), *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiyat*, Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi.

al-Shafi'i, Muhammad b. Idris (1309H), al-Risalah.

H. Luqman Hakim (2002), *Riwayat Hidup Imam Syafii: Seorang Pelajar Teladan*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Hikmah Salleh (1984), *Dirasah Fanniyyah fi Shi'r al-Shafi'i*, Beirut: 'Alam al-Kutub.

Ibn Abu Hatim al-Razi (1953M), *Adab al-Syafi'i wa Manaqibuh*, Kaherah: Maktabah al-Khanji.

Ibn Khallakan, *Wafayat al-A'yan*, Beirut: Dar al-Thaqafah.

Jad al-Haqq 'Ali Jad al-Haqq (1411H/1991M), *al-Fiqh al-Islami Nasy'atuh wa Tatawwaruh*, Kaherah: Dar al-Syabab.

Muhammad Abu Zahrah (1948), *al-Imam al-Syafi'i, Hayatuh wa 'Asruh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhammad Abu Zahrah (1987), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhammad 'Ali al-Says (t.t), *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Matba'ah Muhammad 'Ali al-Subayh.

Muhammad al-Khudari Bik (1385H/1965M), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.

Rasyad Hasan Khalil (1423H/2002M), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah: Jami'ah al-Azhar.

Sufi Hasan Abu Talib (1410H/1990M), *Tatbiq al-Syari'ah al-Islamiyyah fi al-Bilad al-'Arabiyyah*, c. 3, Kaherah: Dar al-Nahdah.

Syam al-Din Muhammad b. 'Uthman al-Dhahabi (1405H/1985M), *Sir A'lam al-Nubala'*, Beirut: Mua'ssasah al-Risalah, c. 3.

Wan Zulkifli Wan Hassan (2009), *Pandangan dan Pengalaman Imam Shafi'i Dalam Kepimpinan*, dalam Khalim Zainal, Abdul Salam Yusuf dan Zaharah

Hassan, *Kepimpinan: Kreativiti, Pengurusan dan Pendidikan*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM, Selangor. h. 43-61.

Yaqut b. 'Abd Allah al-Hamawi al-Rumi (1399H/1979M), *Mu'jam al-Buldan*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.



# Merekonstruksi Tamadun Islam Sebagai Tamadun Dunia Masa Hadapan: Cabaran Dan Strategi Pembinaan Tamadun Ummah

Mashitah Sulaiman\*  
Marina Munira Abdul Mutalib\*\*

## Abstrak

*Tamadun Islam pernah berada di puncak keagungannya dan menjadi tamadun global pada suatu ketika. Setelah kejatuhan empayar Turki Uthmaniyah, masyarakat Islam mendapati diri mereka sukar untuk bangkit lantaran penjajahan demi penjajahan dan perpecahan wilayah-wilayah empayar Islam yang diasingkan mengikut ketuanan penjajah. Walaupun kini negara-negara umat Islam telah lama bebas dari cengkaman pihak kolonial, namun keadaan mereka masih tidak banyak berubah, berbanding masyarakat daripada tamadun lain. Kelesuan umat ini perlu ditangani segera agar ia tidak menjadi fitnah kepada kesucian Islam yang menjadi teras pembinaan peradaban umat Islam. Kertas kerja ini mengupas isu-isu dan kemelut yang mengekang kemajuan masyarakat Islam hingga menjadi hambatan kepada mereka untuk bangkit bagi membina peradaban ummah yang unggul. Lantaran itu, strategi dan usaha bersepadu perlu dilakukan bagi menilai tahap pencapaian dan punca masalah yang membelenggu umat Islam dunia amnya dan di Malaysia khususnya serta mencari penyelesaiannya agar penantian Islam sebagai tamadun unggul masa hadapan menjadi realiti.*

**Kata kunci:** membangunkan semula, Tamadun Islam, cabaran, strategi.

## Pengenalan

Keagungan Tamadun Islam silam pada zaman Rasulullah, para sahabat, semasa zaman pemerintahan Islam di Baghdad dan Andalusia sering kali dijadikan contoh tentang kesyumulan Islam dan kecemerlangan umatnya. Kecemerlangan Tamadun Islam adalah disumbangkan oleh ajaran Islam yang berpaksikan tauhid dan melihat segenap cakupan kehidupan manusia dalam *worldview* yang menyeluruh. Pandangan semesta Islami (*Islamic Worldview*) melihat segala bentuk pembangunan dan hubungan manusia sama ada dengan alam atau sesama manusia kesemuanya mempunyai pertanggungjawaban kepada dan hubungannya dengan Allah S.W.T yang Maha Esa. Namun begitu, pada hari ini umat Islam hanya boleh berbangga dengan nostalgia sejarah silamnya, lantaran kemerosotan pembangunan di sebahagian besar dunia Islam. Pencapaian

---

\* Pensyarah di Pusat Pengajian Teras Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

\*\* Pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

Tamadun Islam semasa masih tidak menunjukkan petanda yang memberangsangkan berdasarkan pencapaian semasa dalam aspek ekonomi, sosial dan politik. Namun begitu, perkembangan mutakhir di kebanyakan Dunia Islam telah memperlihatkan perkembangan yang walaupun sedikit tegang, namun terdapat beberapa perubahan dari segi kesedaran sosial.

### **Iktibar Daripada Kejatuhan Empayar Islam**

Sejarah telah memperlihatkan bahawa kejatuhan empayar Eropah merupakan suatu titik kebangkitan empayar Islam. Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W bertahan hingga sekian lamanya dan tidak sampai 100 tahun, agama Islam tersebar luas ke serata dunia hingga ke pelusuk Negeri China. Kegemilangan Islam yang didokong oleh ajaran Nabi Muhammad S.A.W pada awalnya sangat unggul dan meninggalkan kesan yang banyak akhirnya runtuh, disusuli dengan serangan musuh dari Timur dan Barat. Keruntuhan Islam di Kota Baghdad oleh Kerajaan Mongol (1258 M) dan kejatuhan Kota Granada ke tangan tentera salib (pada akhir kurun ke-15 M) telah meranapkan semua kesan-kesan peninggalan Islam pada ketika itu termasuklah pembunuhan cendekiawan Islam dan pemusnahan khazanah ilmu. Buku-buku karangan ulama Islam tersohor dirampas dan juga dibakar untuk melenyapkan keagungan Islam yang pernah suatu ketika menjadi kekuatan umat Islam. Kesan daripada ini juga, ramai cendekiawan Islam melarikan diri jauh ke rantau Asia dan menjadi agen penting misi dakwah Islamiyyah di Kepulauan Melayu sekitar kurun ke 14.

Walaupun ramai pengkaji sejarah telah menulis beberapa faktor penting yang menyumbang kepada kejatuhan empayar Islam, Mahayudin di dalam bukunya berpendapat bahawa rata-rata penganalisis Tamadun Islam seperti Ibn Khaldun, Jurji Zaidan dan Welhausen telah mencapai kata sepakat bahawa punca utama keruntuhan empayar Islam ialah disebabkan *asabiyyah*.<sup>1</sup> *Asabiyyah* yang dimaksudkan ialah “kehilangan kepercayaan agama dan ideologi politik, kemunculan semangat kepuakan dan ideologi perkauman yang sempit.”<sup>2</sup> Faktor *asabiyyah* ini memang tidak dapat disangkal lagi jika kita mengambil iktibar daripada kegawatan politik di Asia Barat pada ketika ini antaranya kejatuhan legasi Husni Mubarak yang telah mengundang satu reformasi rakyat dan rusuhan politik yang masih tidak berkesudahan. Begitu juga di Libya, ekoran daripada ketidakstabilan politik semasa dan campurtangan kuasa asing telah memaksa Gaddafi untuk meletakkan titik noktah dalam pemerintahan beliau yang sudahpun menjangkau suatu tempoh masa. Beberapa negara Islam lain termasuk Bahrain, Tunisia, Yemen Algeria menyaksikan trend kebangkitan demonstrasi dalaman yang sama di tempat masing-masing. Namun demikian, masih terlalu awal untuk

---

<sup>1</sup> Mahayudin Haji Yahaya (1997), *Kejatuhan Tamadun Islam dan Iktibar Daripadanya*, Dalam Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah et. al, *Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke-15 Hijrah/ 21 Masihi*, Ibn Khaldun (1960), *Wajarah al-Thawafah wa al-Irsyad al-Qawmi (dalam Bab 1)*. Kaherah; Jurji Zaydan (1978), *History of Islamic Civilization*. New Delhi: Khitab Bhavan; J. Wellhausen (1973), *The Arab Kingdom and Its Fall*, London: Curzon Press.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 43.

menjangka nasib dan masa depan politik di kebanyakan negara Islam kini. Apa yang pasti, umat Islam sudah tidak mampu untuk berkompromi dengan pemerintah yang mementingkan diri sendiri dan tidak betah memperjuangkan nasib rakyat jelata.<sup>3</sup>

## **Cabaran Dalam Memajukan Peradaban Muslim**

Pergantungan umat Islam terhadap sains, teknologi, ekonomi dan politik Barat perlu diakhiri dengan perancangan bersepadu. Ini supaya konsep pandangan hidup yang Islami terhadap pembangunan tamadun ummat dapat difahami dan keterikatannya dengan konsep pemodenan mengikut acuan Barat dapat dileraikan kerana inilah faktor yang menghambat kemajuan umat kini. Telah tiba masanya masyarakat Islam melihat kembali dan menyedari bahawa mereka mempunyai kekuatan dan panduan yang jelas bagi membangunkan dan memajukan peradaban ummah dalam sains dan teknologi, ekonomi serta politik. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa beberapa fenomena yang mencengkam umat Islam perlu dirungkaikan dan dicari jalan keluar khususnya berkaitan penglibatan dan pembangunan Dunia Islam keseluruhannya dalam beberapa aspek penting yang berasaskan Islam.

### **Pertama: Cabaran Dilema Dalam Menangani Perubahan Dunia Yang Kian Maju, Moden Dan Pesat**

Terdapat pendapat yang mengatakan masyarakat Islam kini berhadapan dengan dilema disebabkan sindrom "*Falling between Two Stools*". Antaranya, dilema sama ada untuk mengutamakan kehidupan dunia atau menfokus semata-mata kepada kehidupan akhirat; dilema untuk mengamalkan gaya hidup era baru atau gaya masa lalu, iaitu ketika zaman awal Islam; dilema untuk memenuhi tuntutan jasad sahaja atau tuntutan roh semata-mata dan dilema sama ada menerima atau menolak modenisasi yang berteraskan kepada kemajuan sains dan teknologi.<sup>4</sup> Umat Islam seharusnya jelas akan tuntutan al-Quran sebagai petunjuk kehidupan dunia dan akhirat. Kerana kejayaan hidup di akhirat adalah bergantung kepada sejauhmana kehidupan di dunia disempurnakan sebaiknya sebagai bekalan hidup di akhirat. Tugas manusia sebagai khalifah sudah pasti menuntut kesempurnaan tanggungjawab dengan cara terbaik bagi memberi keseimbangan dalam mengurus dan kemakmuran muka bumi.

### **Kedua: Cabaran Penguasaan Dalam Sains Dan Teknologi**

Umat Islam masih lagi tidak mampu untuk menguasai sains dan teknologi semasa, malahan hanya menjadi pengguna (*user*) dan bukannya pencipta teknologi (*the inventor of technology*). Kelemahan ini berpunca daripada

---

<sup>3</sup> Temuramah bersama dengan Prof. Redzuan Othman pada 13 Ogos 2011 (Sabtu), pada pukul 12:45 tengahari di Kajang, Selangor.

<sup>4</sup> Abu Bakar Majeed (2009), *Cabaran Kontemporari Terhadap Hubungan Sains dan Islam, Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*, 26-27 Mac 2009, Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 4.

kurangnya penguasaan umat Islam dalam bidang ilmu khususnya yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Bagi sesetengah sarjana, cabaran dasar umat Islam ini berpunca daripada masalah pemahaman asal usul ilmu pengetahuan (epistemologi) dari aspek pendidikan yang membentuk asas kognitif, cabaran sejarah dan cabaran ekonomi sebagai cabaran penting yang perlu diberi perhatian sekiranya Dunia Islam mahu menerapkan dan membudayakan sains dan teknologi di dalam masyarakat dan budaya Islam masa kini.<sup>5</sup>

### **Ketiga: Cabaran Epistemologi Ilmu**

Cabaran dari segi epistemologi dilihat apabila asas ilmu dalam sains kelihatannya bertentangan dengan Islam yang menuntut cadangan "pengislaman" ilmu sains oleh beberapa pemikir Islam kontemporari seperti Seyyed Hossein Nasr, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Adi Setia. Sains dikatakan lahir dari budaya barat yang sekular sedangkan sains Islam berasaskan tauhid. Sebenarnya kritikan terhadap cabaran epistemologi ini bukan sahaja datang dari pemikir Islam tetapi juga oleh pemikir Barat seperti Richard Rorty dan mereka dari fahaman pasca-modenis. Cuma bezanya kritikan pemikir Barat berasaskan fahaman humanisme dan falsafah Barat, sedangkan pemikir Islam berasaskan al-Quran dan falsafah Islam. Namun begitu, persamaan antara mereka ialah keduanya memberi respon terhadap modeniti di mana sains dianggap sebagai mendirikan asas pemikiran moden.

Menurut Nasr, proses penyerapan sains moden ke dalam negara Islam harus melalui proses penapisan yang teliti dan berhati-hati kerana sains moden diasimilasi berdasarkan pandangan alam, paradigma dan sistem nilai yang amat berbeza daripada tradisi Islam. Beliau menegaskan bahawa masyarakat Islam tidak perlu hanya berpandukan sains moden, tetapi haruslah membangunkan sains mereka sendiri dan ia merupakan model alternatif berbanding model yang disediakan oleh sains moden. Dalam erti kata lain, cabaran ini bagi pemikir Islam menjelaskan di mana perselisihannya di antara epistemologi sains dan epistemologi Islam dan apakah kedudukan sains berbanding Islam dari sudut epistemologi? Adakah pembudayaan sains dalam masyarakat dan budaya Islam memerlukan penerimaan sains sebagai *episteme*, atau memadai sains itu diterima hanya atas *utility* atau bentuk *technoscience*, di mana pertembungan epistemologi dan kepercayaan tidak lagi menjadi masalah? Sekiranya ia menjadi masalah maka persoalan falsafah perlu ditangani.<sup>6</sup>

Jelasnya, persoalan akar epistemologi ini sebenarnya jika tidak diselesaikan boleh membawa kepada hilangnya keyakinan umat Islam terhadap ilmu Islam, kerana apa yang dikatakan sebagai sains dan teknologi serta istilah-istilah dalam bidang tersebut hanya dilihat dari kaca mata barat yang berkebetulan pada masa ini menguasai kedua-dua bidang tersebut. Kesannya agama

---

<sup>5</sup> Mohd Hazim Shah (2009), Cabaran Kontemporari Terhadap Hubungan Sains dan Islam, *Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*, 26-27 Mac 2009, Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<sup>6</sup> *Ibid.*



khususnya Islam dituduh tidak selari dengan sains dan teknologi moden barat. Oleh itu, persoalan pokok ini memerlukan perhatian yang serius agar pengintegrasian sains dan Islam dapat dilakukan selaras dengan tuntutan Islam.

#### **Keempat: Cabaran Sejarah**

Tamadun Islam sering dirujuk sebagai bukti untuk menunjukkan bagaimana Tamadun Islam pernah menerajui perkembangan sains di peringkat global pada zaman pertengahan. Persoalannya, sekiranya Tamadun Islam boleh menerpa kecemerlangan pada masa silam, kenapa tidak sekarang?. Bolehkah kita menyahut cabaran sejarah dengan menggunakan pendekatan baru untuk menanganinya. Dalam konteks ini, cabaran sejarah terdiri daripada pertama, bagaimana kita memahami dan mengiktiraf pencapaian ilmu dalam Tamadun Islam silam, dan kedua, bagaimana pada masa yang sama kita tidak leka dengan kejayaan Islam tersebut tetapi mencari pengajaran di sebalik kejayaan dan kegagalan untuk menghadapi masa hadapan. Hal ini memerlukan pendekatan dan pemikiran yang mempertemukan sejarah dengan dunia kini, ia dalam masa yang sama merupakan persoalan bagaimana kita menyelaraskan tradisi dan modeniti dalam dunia Islam.<sup>7</sup>

#### **Kelima: Masalah Ketiadaan Budaya Fikir Yang Kreatif Dan Inovatif**

Menurut Muhammad Natsir, bekas Perdana Menteri Indonesia, yang menyingkap empat gejala kelemahan yang menghambat kebangkitan umat Islam ketika ini sedang dilanda oleh masalah: ketiadaan inventarisasi, hobi bermusuhan, tidak menghargai diri dan rakus pada dunia serta takut kepada risiko. Beliau menambah bahawa akibat kemufilsan daya fikir sehingga umat Islam tidak mampu mengembangkan dan memanfaatkan potensi yang mereka miliki.<sup>8</sup> Hal ini berpunca daripada pembentukan sikap yang menyebabkan tidak wujud daya saing yang tinggi dan sifat berani berhadapan dengan cabaran.

Umat Islam pada hari ini masih lagi tidak mampu menyaingi pencapaian golongan bukan Islam, sedangkan negara-negara Islam mempunyai limpahan kekayaan dan sumber alam. Seringkali kemunduran dan kemiskinan yang melanda Dunia Islam-termasuk dalam kategori negara-negara Dunia ketiga, diletakkan kesalahan kepada orang lain. Tidak dinafikan senario dan kemelut yang melanda kebanyakan Dunia Islam disumbangkan oleh faktor sejarah penjajahan yang panjang di negara-negara tersebut sehingga pergantungan dan keterikatan mereka kepada sistem penjajah menjadi pengekang kepada mereka. Namun begitu, situasi ini boleh diubah sekiranya sikap positif dibina dengan disusuli oleh tindakan yang berhemah. Umat Islam mesti mengubah hidup mereka kepada 'takdir' yang lebih baik. Seharusnya penilaian dibuat terhadap kemajuan semasa mereka kerana umat Islam dianjurkan sentiasa bermuhasabah, bertafakkur dan merancang untuk kecemerlangan diri, keluarga dan masyarakat. Untuk itu sikap yang buruk seperti bertangguh-tangguh, leka dengan kesenangan, tidak yakin

---

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Siddiq Fadil (1992), *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h. 145.

dengan kemampuan diri, sikap tidak acuh atau bersungguh perlu dikikis kerana inilah cabaran utama yang menyekat kemajuan mereka selama ini. Umat Islam ada kalanya leka dengan keselesaan dan kemewahan yang dimiliki. Seharusnya kita mengambil iktibar daripada peristiwa yang melanda umat terdahulu agar kesilapan ini tidak berulang.

### Keenam: Cabaran Sosial Dan Pendidikan Negara-Negara Islam

Walaupun semestinya umat Islam adalah umat yang paling terpanggil dengan seruan “Iqra’”, namun realiti semasa menunjukkan ia berlaku sebaliknya. Peratusan kadar literasi di negara Islam masih amat rendah, walaupun pada suatu ketika umat ini menerajui “*Intellectual leadership*” dunia dalam pelbagai bidang.<sup>9</sup> Kadar literasi dalam kalangan orang dewasa di negara-negara OIC pada tahun 2009 menunjukkan bahawa tahap pendidikan di kalangan umat Islam masih rendah di sesetengah negara. Adalah menjadi satu cabaran untuk mewujudkan kembali masyarakat berilmu “*knowledge based society*”.

Negara	Peratus	Negara	Peratus
Malaysia	92.46	Bahrain	91.36
Mauritania	57.45	Bangladesh	55.90
Morocco	56.08	Benin	41.65
Mozambique	55.06	Brunei	95.29
Nigeria	60.82	Chad	33.61
Palestine	94.60	Comoros	74.15
Qatar	94.72	Cote d'Ivoire	55.26
Saudi Arabia	86.13	Gabon	87.71
Senegal	49.70	Gambia	46.50
Sierra Leone	40.92	Guinea	39.46
Sudan	70.21	Guinea-Bissau	52.20
Syria	84.19	Iraq	78.06
Tajikistan	99.67	Kazakhstan	99.68
Turkey	90.82	Kyrgyzstan	99.24
Turkmenistan	99.56	Libya	88.86
Uzbekistan	99.33	Yemen	62.39

**Jadual 4 :** Kadar Literasi di Negara-Negara OIC Pada Tahun 2009

Sumber: *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRTCIC/Ankara Centre)*

<sup>9</sup> Mustaffa Kamil Ayub (1994), Kata Pengantar, Dalam Hilmy Bakar Almascaty, *Ummah Melayu: Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, h. xi.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh umat Islam ialah cabaran dalam pencapaian tahap ekonomi, sains & teknologi dan pembangunan insan iaitu kebolehan dunia Islam untuk menggembelngkan sains dan teknologi bagi membangunkan ekonomi dan menuju ke arah negara maju. Ia boleh dilihat melalui pelbagai segi dengan pelbagai kayu ukur sama ada GNP atau GDP per kapita, atau menilai pencapaian negara-negara Islam dari segi kemajuan sains dan teknologi dengan melihat petunjuk-petunjuk S&T seperti perbelanjaan R&D sebagai peratus GDP, bilangan penyelidik bilangan penerbitan dan paten dengan merujuk kepada kajian UNESCO, pencapaian negara-negara Islam dilihat dari segi pembangunan insan dengan merujuk kepada indeks pembangunan insan yang menilai bukan sahaja dari segi GNP tetapi dari segi kesejahteraan penduduk dengan melihat taraf pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Namun apa yang menyedihkan ialah secara perbandingannya, dunia Islam ketinggalan dari negara-negara bukan Islam dengan sedikit pengecualian (Turki), walau apa juga kayu ukur yang kita gunakan.<sup>10</sup>

Negara	R&D (%)	Negara	R&D (%)
Uganda	0.81	OIC Average	0.38
Malaysia	0.69	OIC Arab	0.40
Turki	0.66	OIC Afrika	0.52
Tunisia	0.63	OIC Asia	0.33
Bangladesh	0.62		
Morocco	0.62	World	2.28
Mozambique	0.59	Low Income	0.73
Sudan	0.34	Middle Income	0.85
Azerbaijan	0.30	High Income	2.45
Pakistan	0.22		
Kazakhstan	0.22	East Asia & Pasific	1.23
Kyrgyzstan	0.20	Europe & Central Asia	0.98
Kuwait	0.20		
Egypt	0.19	Israel	4.72
Indonesia	0.05	United States	2.67
Brunei	0.03	South Korea	2.64
Burkina Faso	0.17	China	1.31

Sumber: *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRTCIC/Ankara Centre)*

Jadual 1 Perbelanjaan R&D sebagai Peratusan GDP (1996-2003)

Negara	Per Juta Penduduk	Negara	Per Juta Penduduk
Jordan	2,636	Syria	54
Azerbaijan	1,431	Uganda	37
Iran	1,279	Burkina Faso	33
Tunisia	1,047	Libya	854
Morocco	782	OIC Average	525
Kazakhstan	721	OIC Asia	527
Kyrgyzstan	457	OIC Arab	769

<sup>10</sup> Mohd Hazim Shah (2009), *op.cit.*

Sudan	394	OIC Africa	131
Turki	378		
Malaysia	356	Middle Income	725
Guinea	342	High Income	3,781
Brunei	274		
Kuwait	242	Europe & Central Asia	1,993
Indonesia	207	East Asia & Pasific	708
Saudi Arabia	140	South Asia	119
Mozambique	132		
Gabon	109	United States	4,605
Pakistan	86	India	119
Bangladesh	77	China	708

---

Sumber: *Statistical, Economic and Social Research and Tranning  
Centre for Islamic Countries (SESRTCIC/Ankara Centre)*

---

Jadual 2 Bilangan Penyelidik dalam R&D (1996-2004)

Negara	Bilangan	Negara	Bilangan
Turki	87,629	Niger	590
Egypt	27,237	Libya	586
Iran	21,596	Albania	456
Saudi Arabia	16,830	Togo	422
Malaysia	10,894	Mozambique	416
Morocco	10,035	Kyrgyzstan	407
Lebonan	9,149	Yemen	396
Nigeria	8,774	Brunei	375
Pakistan	7,844	Palestine	263
Tunisia	7,453	Tajikistan	176
Jordan	6,513	Guinea-Bissau	175
Kuwait	5,900	Guyana	151
Indonesia	5,087	Mauritania	138
Algeria	4,984	Chad	111
Bangladesh	4,686	Sierra Leone	108
Uzbekistan	3,725	Tukmenistan	94
Oman	2,399	Afghanistan	59
Cameroon	2,351	Suriname	38
Kazakhstan	2,242	Maldives	25
Uganda	2,025	Djibouti	23
Azerbaijan	2,010	Comoros	18
Senegal	2,004	Somalia	16
U.A.E	1,961		
Syria	1,324		
Benin	1,263	Jumlah OIC	275,999
Guinea	1,107	Jumlah OIC Asia	147,494

Sudan	1,070	Jumlah OIC Arab	105,218
Cote d'Ivoire	1,015	Jumlah OIC Afrika	23,287
Burkina Faso	970		
Bahrain	840	Finland	86,608
Iraq	772	Greece	65,107
Gambia	745	Ireland	60,609
Qatar	736	Hungary	48,832
Gabon	619	Stanford University	59,905
Mali	592	MIT	39,738

---

Sumber: *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRTCIC/Ankara Centre)*

---

Jadual 3 Bilangan Penerbitan Makalah Sains (1996-2005)

### **Ketujuh: Cabaran Ekonomi Negara-Negara Islam**


Negara-negara Islam amat kaya dengan sumber alam dan buminya berbanding negara-negara maju. Namun begitu, dari segi manfaat dan perkongsian sumber kekayaan masih terbatas sehingga wujud negara Islam yang kaya tetapi membazir, manakala negara yang mundur, hidup melarat. Kadar kemiskinan, hutang luar dan kemunduran masih tinggi dalam kalangan negara-negara Islam. Sesungguhnya, pembangunan ekonomi negara-negara Islam masih lagi rendah dan bergantung kepada nilai pasaran Barat. Pada hari ini tempas impak negatif krisis kewangan dan ekonomi global turut dirasai oleh negara-negara Islam, bersama-sama negara-negara maju dan membangun, serta terus menerus melembabkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pengangguran.

Laporan yang dikeluarkan oleh IMF, *World Economic Outlook* melaporkan bahawa rentetan daripada kejatuhan ekonomi global, kebanyakan negara-negara serata dunia mengalami penurunan pertumbuhan sebagaimana direkodkan dalam tahun 2002-2007. Daripada 181 negara yang mempunyai kadar pertumbuhan dalam GDP per kapita mengalami kejatuhan daripada 161 dalam tahun 2007, kepada 143 pada tahun 2008 dan seterusnya 70 dalam tahun 2009. Bilangan negara yang mencapai kadar pertumbuhan sekurang-kurangnya 4 peratus telah jatuh daripada 91 negara dalam tahun 2007 kepada 60 dalam tahun 2008. Manakala data pada tahun 2009 menunjukkan hanya 17 negara yang kesemuanya negara-negara membangun mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 4 peratus. Jangkaan semasa menunjukkan bahawa bilangan ini akan meningkat kepada 33 negara pada tahun 2010 terdiri daripada negara-negara membangun.<sup>11</sup> Kadar peratusan dari segi populasi penduduk, GNP dan nilai eksport bagi negara-negara OIC berbanding negara-negara maju dan lain-lain negara membangun adalah seperti Rajah 1.

---

<sup>11</sup> *Annual Economic Report on the OIC Countries 2010*. (2010), Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRTCIC).

Rajah 1 Kedudukan Negara-Negara OIC dalam Populasi, Output dan Eksports Dunia, 2009 (%)



Sumber: Annual Economic Report 2010 on the OIC Countries, SESRIC. hlm. 14.

Rajah 1 Kedudukan negara-negara OIC berbanding negara-negara maju dan lain-lain negara membangun dari segi populasi, GNP dan nilai Export.

### Kelapan: Cabaran kepimpinan dan kesatuan masyarakat

Umat Islam perlu menunjukkan model kepimpinan yang baik dan berwibawa. Kepimpinan yang dimaksudkan ialah tokoh yang memenuhi ciri-ciri kepimpinan sebagaimana digariskan di dalam Islam. Pemimpin yang berwibawa mampu menyatukan masyarakat dan ummah serta bekerjasama dalam kalangan Dunia Islam. Peristiwa Perang Teluk contohnya, mengajar ummah bahawa persengketaan sesama Islam, hanya menguntungkan musuh-musuh Islam.<sup>12</sup> Terdapat banyak isu dalam kalangan ummah yang boleh menyatukan kita, antaranya isu pendudukan dan kekejaman Israel ke atas bumi Palestin yang tidak berkesudahan, walaupun telah beberapa kali dibincangkan di peringkat negara-negara anggota OIC, usaha untuk mengenakan tekanan terhadap Israel masih belum mencecah tahap maksimum. Oleh itu, perpaduan dalam kalangan ummah dalam konteks internal dan external sesebuah negara Islam dalam situasi Dunia Islam sekarang perlu diusahakan dan persengketaan sesama ummah hendaklah ditangani dengan segera.

<sup>12</sup> Mustaffa Kamil Ayub (1994), "Kata pengantar", Dalam Hilmy Bakar Almascaty, *Ummah Melayu: Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd. h. xi.

## Kesembilan: Cabaran budaya dan identiti ummah

Dunia Islam pada hari ini terpaksa berhadapan dengan cabaran '*global life sytle*' yang sebahagiannya mengancam identiti mereka. Gejala krisis identiti ini amat ketara dalam kalangan generasi muda. Ia melibatkan persoalan budaya liar, kepenggunaan, budaya ilmu, fesyen berpakaian yang juga mempengaruhi akhlak dan tingkahlaku seperti berfoya-foya atau lepak, dan ini sebenarnya melambangkan identiti mereka.

Dunia Islam pada hari ini belum cukup bersedia menyediakan model kepada tamadun-tamadun yang lain khususnya dalam konteks zaman moden. Umat Islam sememangnya pernah menguasai tiga perempat dunia, namun penampilan model dan kemampuan dalam persaingan tamadun pada hari ini amat diperlukan.<sup>13</sup>

Tamadun Barat sebenarnya sedang resah dengan kedudukannya sendiri. Justeru itu, pelbagai usaha dilakukan bagi mewajarkan penerusan dominasi dan monopoli terhadap tamadun lain. Malahan dalam kalangan sarjana-sarjana Barat sendiri mengakui bahawa dengan dominasi Tamadun Barat untuk sekian lama, dunia berhadapan dengan keganasan, ancaman terhadap alam sekitar, ancaman penggunaan senjata nuklear, wabak penyakit (AIDS), pemanasan global, peningkatan konflik dan sebagainya.<sup>14</sup>

Adalah menjadi satu cabaran kepada ummat Islam untuk menampilkan semula kemampuan Tamadun Islam dalam menangani permasalahan dunia dengan mengenengahkan paradigma baru sebagai tamadun yang unggul dan berwibawa. Jika pada suatu ketika dahulu, Tamadun Islam mampu berperanan untuk memayungi dunia ini dengan dasar kerohaniannya yang mantap, tidak mustahil untuk tamadun ummat kini mengembalikan putaran sejarah sepertimana disebut oleh Ibnu Khaldun dalam teori "*cyclical*"nya. Jatuh bangun sesebuah tamadun bergantung kepada nilai akhlak seperti mana di sebut oleh Malek Ben Nabi dan Prof. Akbar S. Ahmad. Hakikat ini pernah dirakamkan oleh al-Quran:

*"Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu Kami gilirkan di antara manusia (agar mereka mendapat pengajaran)".*

*(Surah 3:140)*

Kesimpulan yang boleh dirumuskan daripada kesemua cabaran di atas ialah negara-negara OIC masih jelas ketinggalan dalam pencapaian ekonomi, pendidikan, R&D, sains dan teknologi berbanding dengan negara-negara bukan OIC. Lantaran itu strategi sesuai bagi pembangunan negara-negara Islam perlu dirancang agar faktor kemunduran, dilemma dan kemelut yang melanda umat ini

---

<sup>13</sup> Ibid., hlm xiii.

<sup>14</sup> Ibid.

dapat ditangani segera. Bersama-sama kita renungi kenyataan Dr. Yusuf al-Qardhawi yang menggambarkan keadaan Umat Islam kini<sup>15</sup>:

- Umat yang lupa diri, sedangkan mereka umat terbaik.
- Umat yang tenggelam di belakang timbunan kemajuan material.
- Umat yang daya fikirinya jumud, selalunya mengikut dan tidak berupaya.
- Umat yang kekuatan ekonominya tidak berfungsi.
- Umat yang kuantitinya belum berguna walaupun jumlahnya besar.
- Umat yang kekuatan jiwanya tidak berdaya, akibat mengutamakan kekuatan jasmani daripada rohani.
- Umat yang sistem pendidikan dan media massanya tidak menyokong pembinaan keislaman ummah.

## **Strategi Merekonstruksi Tamadun Islam**

Keadaan kini semakin mendesak untuk memartabatkan peradaban umat dan masyarakat Islam di serata tempat. Antara usaha yang mungkin boleh dilihat membantu dalam melonjak kemajuan ekonomi ummah ialah:

### **1. Penghayatan Cara Hidup Islam dengan Ilmu Pengetahuan Islam dan Ilmu Semasa**

Perlu ada usaha yang berterusan untuk menggalakkan penghayatan cara hidup Islam dan pengajian ilmu-ilmu Islam di pelbagai peringkat, pada setiap ruang dan setiap kesempatan. Masyarakat perlu didedahkan dengan ilmu Islam yang sebenarnya sering memberi motivasi yang tinggi kepada ummatnya untuk terus mencipta kejayaan sama ada di dunia mahupun di Akhirat. Pembinaan *worldview* atau *weltangstung* Islam yang murni dapat menjelaskan kepada umat Islam akan matlamat akhir hidupnya iaitu untuk menjadi umat terbaik dan khalifah di muka bumi ini yang sentiasa menjunjung amanah Allah SWT dengan penuh tanggungjawab. Kefahaman tentang konsep *al-Falah* dalam Islam perlu dijelaskan sebagai pembina motivasi dalam meneruskan kehidupan. Diskusi-diskusi pengajian Islam perlu diadakan di peringkat pentadbiran, institusi, negara, antarabangsa sebagai satu usaha menanam budaya ilmu dalam masyarakat yang seterusnya dapat membina satu suasana hidup Islam yang harmoni dan diredhai oleh Allah SWT.

### **2. Penguasaan Sains dan Teknologi Semasa**

Aspek pembangunan sains dan teknologi tidak boleh dikesampingkan. Justeru, antara strategi untuk membudayakan sains dan teknologi masyarakat Islam ialah pertama, menjadikan budaya berfikir sains sebagai amalan dalam aktiviti seharian. Ini melibatkan aktiviti pemikiran kritis, dan kreatif yang memerlukan pengamatan,

---

<sup>15</sup> Hilmy Bakar Almascaty (1994), *Ummah Melayu: Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., hlm. 20.



proses cerapan, melakukan hipotesis dan membuat keputusan. Strategi ini boleh dilakukan melalui pembentukan dasar-dasar sosial dan pendidikan yang memberi penekanan kepada keperluan masyarakat yang berfikir kritis dan saintifik.<sup>16</sup> Dorongan yang membina sikap ingin tahu' perlu diterapkan agar galakan terhadap penyelidikan dan kajian untuk mendalami sesuatu bidang menjadi budaya dalam masyarakat Islam. Hal ini kerana perasaan ingin tahu mempunyai kaitan dengan budaya berfikir secara kreatif dan kritis. Pemenang Hadiah Nobel 1999, iaitu Ahmed Zewail mungkin boleh dijadikan contoh untuk menerapkan budaya berfikir secara saintifik dalam kehidupan. Beliau telah menanamkan perasaan ingin tahu untuk mencari jawapan tentang bagaimana kayu boleh bertukar menjadi gas dan cecair mudah terbakar sebagai titik awal penglibatannya dalam bidang kimia.<sup>17</sup>

Kedua, dalam konteks pendidikan di sekolah mahupun pusat pengajian, pengajaran Fardu Ain perlu dijadikan suatu proses yang menarik agar ia lebih berbentuk bukan sahaja amalan bahkan juga membina pengetahuan dan penghayatan yang mendalam. Sebagai contoh, penjelasan tentang pengharaman arak, perbuatan zina dan pengharaman khinzir diberi penjelasan bukan sahaja dari sudut hukum bahkan juga kebenarannya mengikut fakta sains terkini. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menarik minat generasi muda untuk mendekati sains dan minat untuk mendalami kebenaran agama.

Ketiga, Islamisasi ilmu harus dilakukan dalam sistem pendidikan negara bermula dari peringkat rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi. Hubungkait agama dengan sains perlu diterapkan agar pembelajaran dan cara berfikir sains yang mengagungkan Allah SWT dapat memberi erti kepada pelajar.<sup>18</sup>

Keempat, peningkatan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R & D) dengan kemudahan yang lengkap dan mencukupi di sekolah, universiti, akademi, makmal, taman, laut, hutan simpan dan sebagainya. Galakan harus diberikan kepada penyelidikan sama ada dalam bidang sains tulen mahupun sains sosial dan teknologi.

### **3. Pengukuhan Ekonomi Ummah dengan Penggunaan Sistem Dinar**

Isu untuk memartabatkan penggunaan mata wang dinar emas telah mula dibincangkan secara meluas terutamanya sewaktu negara-negara Asia dilanda krisis mata wang pada tahun 1998-2002. Penggunaan sistem mata wang dinar juga mampu menjadi strategi untuk melenyapkan hegemoni dolar Amerika

---

<sup>16</sup> Khalijah Mohd Salleh (2006), "Strategies for Developing Critical & Scientific Thinking Amongst The Ummah" dalam Azizan Baharuddin, *Science and Religion : An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Center For Civilisational Dialogue, Universiti Malaya, h.11

<sup>17</sup> Ratna Roshida Ab Razak (2009), Menjambatani Sains Islam: Satu Keperluan Kritikal Dalam Pembentukan Tamadun Malaysia. *Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*. 26-27 Mac 2009. Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur. h. 9.

<sup>18</sup> Khalijah Mohd Salleh (2006), "Strategies for Developing..."

Syarikat dalam sektor ekonomi semasa dunia. Ibn Khaldun dan al-Makrizi juga bersetuju pendapat bahawa emas dan perak berupaya berperanan sebagai matawang. Ini adalah kerana umat Islam telah menggunakan dinar emas sebagai mata wang dalam transaksi perniagaan dan perdagangan semenjak zaman keagungan Islam sehinggalah kejatuhan Kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1924. Malah menurut Hasanuddeen, objektif utama penggunaan mata wang dinar ini adalah untuk mewujudkan satu kesatuan di kalangan umat Islam yang menggunakan satu sistem mata wang yang stabil sifatnya berdasarkan kepada nilai semasa emas atau perak. Ini juga sebenarnya dapat mengurangkan penguasaan ekonomi Barat melalui penggunaan mata wang dolar Amerika Syarikat dan memberi kelebihan kepada Negara-negara kecil.<sup>19</sup> Sejarah telah membuktikan bahawa kerajaan Uthmani telah mengeluarkan mata wang Kerajaan Islam yang terdiri daripada emas, perak dan tembaga. Percetakan mata wang kerajaan Uthmani menjadi lambang keutuhan ekonomi Islam ini yang pernah menguasai ekonomi dunia dari tahun 1281-1924. Namun, dengan kejatuhan kerajaan Uthmani berakhirilah penggunaan mata wang kerajaan Islam yang digantikan dengan sistem sekular Barat.<sup>20</sup>

Kedua, dengan memperkukuhkan ekonomi melalui Islamisasi Sistem Ekonomi. Islamisasi Ekonomi Islam bermakna menggantikan segala bentuk sistem perekonomian sekular yang berasaskan riba, tipu daya (*ghurur*) dengan sistem ekonomi Islam yang berasaskan keadilan. Malah, menurut Hilmy Bakar mengislamisasikan sistem ekonomi memerlukan tahap-tahap tertentu menurut keadaan masyarakat tempatan yang mesti dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan. Dalam masa yang sama, peranan pakar-pakar ekonomi Islam wajar dipertingkatkan untuk mengkaji dan merumus teori ekonomi Islam yang sesuai dengan masyarakat Melayu, membuat perbandingan dengan ekonomi

---

<sup>19</sup> Hasanuddeen Abdul Aziz (2010), *Islam and Economic Globalization*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. 67-73; Noradli Ridzwan Shah Mohd Dali et al. (2004), berpendapat bahawa terdapat 3 faktor penting yang menghalang negara-negara OIC memberi kerjasama dalam hal ini iaitu terdapat perbezaan keadaan ekonomi antara negara, pergolakan politik dan kemudahan infrastruktur yang terhad. Buat masa ini hanya empat negara yang menunjukkan minat kepada penggunaan dinar emas iaitu Malaysia, Iran, Bahrain dan Sudan. Mata wang dwi sistem akan digunakan sekiranya empat buah negara tadi mengadakan perdagangan dengan negara yang tidak menggunakan dinar emas. Penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa masih gagal dilaksanakan juga disebabkan masyarakat sudah sebatian dengan sistem sedia ada. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, et al. (2005), *Fiat Money & Gold Dinar Application: An Online Survey*, In COMT 2005 Managing Future Workplaces and Issues & Challenges in the Borderless World. Sunway Lagoon Resort Hotel; Salmy Edawaty Yaacob & Hailani Muji Tahir (2009), *Realiti Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia*. <<http://www2.islam.gov.my/muamalat/kertaspersidangan/realiti-semasa-penggunaan-dinar-emas-di-malaysia>>

<sup>20</sup> Siti Zanariah Zakaria, Wan Kamal Mujani dan Noorsafuan Che Noh (2009), *Penggunaan Mata Wang Dinar: Analisa Sejarah Zaman Uthmani*. <<http://www2.islam.gov.my/muamalat/kertaspersidangan/penggunaan-mata-wang-dinar-analisa-sejarah-zaman-uthmani>>

dunia semasa dan mengemukakan kelebihan sistem ini kepada umum agar masyarakat tempatan bersedia untuk menerima sistem ini.<sup>21</sup>

Ketiga, Negara-negara Islam haruslah sepakat dan bersatu hati dalam membangunkan kegiatan ekonomi sesama mereka dan sekaligus meningkatkan ekonomi umat Islam. Ketidakstabilan ekonomi antara Negara-negara Islam yang kaya dan mundur juga turut membimbangkan. Ini ditambah dengan situasi kebanyakan Negara Islam kaya yang lebih cenderung untuk melabur dana mereka di Negara-negara Barat. Negara-negara Islam yang mundur turut menghadapi kesukaran menarik pelabur luar memandangkan kemudahan infrastruktur (pendidikan, pengangkutan, sistem kewangan) yang amat terhad. Kerjasama Negara Islam yang kaya dalam membiayai pembangunan infrastruktur dapat membantu meningkatkan pelaburan daripada pelabur-pelabur luar.

#### **4. Mengamalkan urus tadbir yang baik (*Good Governance*)**

Dalam hal ini, perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, sistem penyampaian, perkara-perkara yang berkaitan dengan proses dan prosedur pentadbiran, kebajikan dan keadilan dalam masyarakat hendaklah diurus dengan baik dan bersistematik. Sistem pentadbiran umat Islam perlu berlandaskan kepada sifat amanah, rasa tanggungjawab dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Kajian perlu dilakukan terhadap bentuk sistem tadbir urus Barat dan kesesuaiannya dengan sistem tadbir urus Islam dalam Islam. Sikap perilaku pemimpin yang mengutamakan akhlak Islam dalam pelaksanaan tugas perlu diutamakan. Apalah ertinya kecanggihan sains dan teknologi sekiranya pelaksanaannya tidak mempunyai sikap amanah, tanggungjawab dan adil. Karena birokrasi hendaklah dikurangkan seminimum mungkin dan keutamaan perlulah diberikan kepada aspek yang memudahkan urusan, kecekapan, kebajikan dan sistem pengurusan yang telus, berintegriti dan adil. Pemimpin perlu mewujudkan hubungan sosial yang baik dengan pelbagai lapisan masyarakat. Hubungan kemanusiaan amat penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat, negara dan ummah.

#### **5. Menyediakan Model Pembangunan Ummah**

Umat dan tamadun Islam perlu menjadi model kepada tamadun yang lain dari perbagai aspek. Pengemblengan pakar yang dapat merumuskan satu model yang baik sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan generasi para pengikutnya amat diperlukan. Keyakinan harus dibina untuk membangunkan kemajuan ummah dalam segenap lapangan hidup. Model yang dibina ini merangkumi aspek kepimpinan dan politik, pengurusan, pembangunan ilmu dan pendidikan, pembangunan ekonomi, pembangunan kebudayaan dan sosial, pembangunan sains dan teknologi, pembangunan ketenteraan, pembangunan insaniah dan sahsiyah, pembangunan perhubungan antarabangsa dan silaturrahim dan lain-lain yang memerlukan kajian yang mendalam.

---

<sup>21</sup> Hilmy Bakar Almascaty (1994), *Ummah Melayu Kuasa Baru Dunia Abad ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. hlm. 126.

## Kesimpulan

Setelah kejatuhan Empayar Agong Uthmaniyah pada abad ke 20, umat Islam terus menerus diselubungi kelesuan. Kesukaran untuk melihat kebangkitan peradaban ummah kini adalah lantaran keadaan negara Islam yang terpaksa tunduk dengan kekuatan dan kehebatan Barat. Walaupun begitu, umat ini perlu bangkit dan sedar bahawa kita mempunyai kekuatan yang mampu memacu kecemerlangan masa depan. Berbekalkan al-Quran sebagai panduan, dengan motivasi kecemerlangan Islam zaman silam dan diiringi usaha yang jitu, gigih serta penggembelangan tenaga semua pihak tidak mustahil matlamat untuk memartabatkan kembali peradaban ummah menjadi realiti demi kemajuan dunia sejagat yang harmoni (bukan kemajuan yang bersifat memusnahkan).

## Bibliografi

- Azam Hamzah (2006), *Sumbangan Tamadun Islam kepada Peradaban Dunia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara.
- Azizan Baharuddin (2006), *Science and Religion: An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Center For Civilisational Dialogue, Universiti Malaya.
- Hasanuddeen Abdul Aziz (2010), *Islam and Economic Globalization*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hilmy Bakar Almascaty (1994), *Ummah Melayu Kuasa Baru Dunia Abad ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Keogh, E. (January-June 2001), "An Overview of the Science of Fingerprints", *Anil Aggrawal's Internet Journal of Forensic Medicine and Toxicology*, 2001; Vol. 2, No. 1: [http://www.geradts.com/anil/ij/vol\\_002\\_no\\_001/papers/paper005.html](http://www.geradts.com/anil/ij/vol_002_no_001/papers/paper005.html);
- Khalijah Mohd Salleh (2006), "Strategies for Developing Critical & Scientific Thinking Amongst The Ummah" dalam Azizan Baharuddin. *Science and Religion : An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Center For Civilisational Dialogue, Universiti Malaya.
- Mohd Hazim Shah (2009), "Cabaran Kontemporari Terhadap Hubungan Sains dan Islam", *Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*, 26-27 Mac 2009, Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Yusof Haji Othman (2009), "Islam dan Sains Dari Perspektif Sejarah dan al-Quran". *Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*. 26-27 Mac 2009. Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Mohd Nakhaie Ahmad (2006), "The Attitude of the Muslims Towards Science" dalam Azizan Baharuddin. *Science and Religion : An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Center For Civilisational Dialogue, Universiti Malaya.
- Mustaffa Kamil Ayub (1994), "Kata pengantar", Dalam Hilmy Bakar Almascaty, *Ummah Melayu: Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Noorsalwati Sabtu (2006), "The Origin and Development of Educational Institutions In Islam From the 7th to 15th Century and its Impact on Islamic Civilization". *Jurnal CITU*. Julai 2006. Jilid 2. No. 2.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, et al. (2005), *Fiat Money & Gold Dinar Application: An Online Survey*. In COMT 2005 Managing Future Workplaces and Issues & Challenges in the Borderless World. Sunway Lagoon Resot Hotel.
- Osman Bakar (1997), Pembinaan Semula Tamadun Islam: Strategi Ke Arah Mengembalikan Kegemilangan Umat Islam dalam Bidang Sains dan Teknologi. Dlm. *Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Menghadapi Cabaran Abad Ke- 15 Hijrah/21 Masihi*, Shah Alam: Institut Teknologi Mara.
- Osman Bakar (2008), *Tauhid dan Sains: Perspektif Islam Tentang Agama & Sains*, Bandung: Pustaka Hidayah.
- Ratna Roshida Ab Razak (2009), "Menjambatani Sains Islam: Satu Keperluan Kritikal Dalam Pembentukan Tamadun Malaysia", *Seminar Islam dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*, 26-27 Mac 2009, Auditorium Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Salmy Edawaty Yaacob & Hailani Muji Tahir (2009), *Realiti Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia*.
- <<http://www2.islam.gov.my/muamalat/kertaspersidangan/realiti-semasa-penggunaan-dinar-emas-di-malaysia>>
- Siddiqi, Nourouzzaman (1986), *Tamadun Muslim: Bunga Rampai Kebudayaan Muslim*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Sulaiman Nordin (1999), *Sains Menurut Perspektif Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tariq Ramadan (2001), *Islam, The West and the Challenges of Modernity*, U.K.: The Islamic Foundation.
- M. Shabri H. Abd. Majid (2008), *Mendaulatkan Dinar Dan Dirham Sebagai Mata Uang Tunggal Dunia Islam*, The IIUM Institute of Islamic Banking & Finance

(IIiBF) International Islamic University, Malaysia (IIUM).  
<http://igolddinar.wordpress.com/2010>.

Mazilan Bin Musa (2011), *Realiti Ekonomi Umat Islam*,  
<http://www.ikim.gov.my/v5/print.php?grp=2&key=645>

# **Penerapan Unsur-Unsur Pembentukan Akhlak Dan Moral Pelajar Dalam Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) Di IPTA**

*Faridah Che Husain\**  
*Fakhrul Adabi Abdul Kadir\*\**

## **Abstrak**

*Akhlak dan moral memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah individu. Ia dapat diperolehi melalui pendidikan yang merupakan cabang utama dalam pembentukan akhlak dan moral pelajar. Pendidikan bukanlah sekadar satu proses untuk memenuhi pemikiran dengan segala ilmu yang belum diketahui, malah untuk mendidik akhlak dan jiwa, menanam diri dengan sifat terpuji, membiasakan diri dengan kesopanan yang tinggi dan mempersiapkan diri pelajar dengan suatu kehidupan murni dan sejahtera. Dewasa ini, timbul pelbagai jenis penyakit sosial ekoran kelunturan akhlak dan moral di kalangan cerdik pandai dan golongan berpendidikan tinggi. Keadaan ini jika dibiarkan pasti akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembangunan negara dan tamadun ummah. Langkah kerajaan memperkenalkan kursus TITAS di IPTA merupakan suatu tindakan yang tepat bagi mengisi keunggulan intelektual pelajar dengan unsur-unsur penerapan akhlak dan moral. Pelaksanaan kursus TITAS di IPTA adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, pasaran dan pelajar. Unsur-unsur pembentukan akhlak dan moral dalam kursus TITAS mampu mendidik sahsiah para pelajar. Justeru, kertas kerja yang berasaskan konsep ini akan membincangkan definisi akhlak dan moral, pelaksanaan kursus TITAS di IPTA, pendekatan yang digunakan dalam pembinaan akhlak dan moral serta unsur-unsur pembentukan akhlak dan moral pelajar dalam kursus TITAS.*

## **Pengenalan**

Akhlak dan moral merupakan elemen penting dalam pembinaan insan yang menjadi tunggak peradaban dan tamadun manusia. Pembinaan insan harus meliputi ciri-ciri individu yang memiliki budaya ilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kesedaran membina individu untuk menjadi insan kamil seharusnya bermula dari peringkat awal lagi dan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa.

---

\* Faridah Che Husain merupakan pensyarah SKET di Universiti Malaya

\*\* Fakhrul Adabi Abdul Kadir merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Kemajuan dan kemunduran sesebuah masyarakat turut bergantung kepada peribadi dan tingkah laku individu dalam masyarakat tersebut. Pengabaian terhadap pendidikan akhlak dan moral merupakan faktor yang menyumbang kepada berleluasanya permasalahan sosial di kalangan masyarakat masa kini. Dewasa ini pelbagai kejadian berlaku ekoran kelunturan akhlak, moral dan nilai-nilai kemanusiaan terutama di kalangan golongan yang berpendidikan. Isu seperti pelajar terlibat dalam gejala-gejala sosial sudah tidak asing lagi di negara kita. Keadaan ini jika dibiarkan akan mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan negara dan tamadun manusia.

Justeru, langkah kerajaan memperkenalkan kursus ketamadunan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) merupakan suatu tindakan yang tepat untuk mengisi ruang keintelektualan pelajar dengan elemen kerohanian. Nilai-nilai ketamadunan yang diterapkan secara langsung dalam pengajian kursus TITAS mampu mendidik akhlak dan moral pelajar. Pemantapan akhlak dan moral yang sempurna dapat melahirkan pelajar yang mampu mencetuskan kesejahteraan insan dalam sesebuah masyarakat serta menjadi agen kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun.

### **Definisi Akhlak dan Moral**

Perkataan akhlak adalah berasal dari bahasa Arab iaitu *khuluq*, yang bererti budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan.<sup>1</sup> Sementara Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haron mendefinisikan akhlak sebagai tabiat atau maruah, iaitu: "Akhlak bererti tabiat atau maruah, sering disebut juga sebagai moral dan etika. Ia merupakan sains yang mengkaji keadaan dalaman seseorang yang menjadi pendorong untuk melahirkan tingkah laku luaran. Ringkasnya, akhlak ialah gambaran batin atau keimanan seseorang".<sup>2</sup>

Menurut kitab terjemahan *Mu'jam al-Wasit*, akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa manusia, dan dengannya lahir pelbagai perbuatan baik atau buruk tanpa hajat kepada pertimbangan terlebih dahulu.<sup>3</sup> Akhlak turut didefinisikan sebagai adat kebiasaan, perangai, tabiat, maruah atau kehormatan dan juga agama. Ia juga merupakan suatu sifat atau perbuatan yang terbit dari jiwa dengan mudah tanpa memerlukan pandangan.<sup>4</sup>

Takrifan ini turut diakui oleh al-Ghazali yang cenderung melihat akhlak sebagai *ethics of the soul*. Menurut beliau lagi akhlak adalah sifat yang melekat dalam jiwa seseorang yang menjadikan ia dengan mudah tanpa banyak

---

<sup>1</sup> Aydin, Mehmet (1992), *Islamic Ethics* dalam Lawrence C. Becker & Charlotte B. Becker (eds.). *Encyclopedia of Ethics*, vol. 1. New York: Garland Publishing Inc. h.631; Noresah bt. Baharom (Hajah) (ed.) (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.25.

<sup>2</sup> Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron (2005), *Konsep Tamadun Islam, dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Skudai, Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia. h.49.

<sup>3</sup> Ibrahim Mustafa (t.t), *al-Mu'jam al-Wasit*. Turki: Maktabah al-Islamiyyah Istanbul, h.202.

<sup>4</sup> Jamil Saliba (1982), *Mu'jam al-Falsafi*. Juz.4. Beirut: Dar al-Kuttab, h.202.



pertimbangan lagi.<sup>5</sup> Sementara Ibn Manzur menyatakan akhlak sebagai gambaran dalaman manusia, iaitu sifat diri yang memberi makna tersendiri sesuai dengan status mereka diciptakan sebagai makhluk. Sifat-sifat dalaman ini seterusnya dizahirkan melalui watak dan tingkah laku mereka sama ada baik mahupun buruk.<sup>6</sup>

Selain itu, akhlak merupakan gambaran hati yang melahirkan gerak geri, tingkah laku dan tatatertib dalam pergaulan seseorang atau membawa erti tabiat atau perangai.<sup>7</sup> Sementara Miqdad Yaljan memberikan penjelasan mengenai akhlak iaitu menunjukkan sifat-sifat semula jadi pada fitrah kejadian manusia dalam keadaan bebas. Akhlak menunjukkan kepada sifat-sifat yang boleh diusahakan. Akhlak meliputi dua dimensi iaitu perlakuan dalaman atau jiwa dan luaran atau tindak tanduk yang dilahirkan seseorang. Miqdad menekankan pengertian akhlak dari segi perlakuan insan selari dengan sifat semulajadinya. Perlakuan ini dilakukan secara sedar dan dikategorikan kepada tindakan batiniah dan zahiriah.<sup>8</sup>

Manakala moral adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Latin 'mores', yang bermaksud keadaan satu-satu tindakan manusia, sama ada secara individu atau kelompok.<sup>9</sup> Selain itu, 'mores' juga bererti kebiasaan atau adat.<sup>10</sup> Istilah 'mores' ini dapat diertikan juga sebagai 'ethos' dalam bahasa Greek.<sup>11</sup>

Moral juga merangkumi perbuatan, tingkah laku atau ucapan seseorang semasa berinteraksi dengan manusia lain. Sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang jika sesuai dengan nilai dan dapat diterima serta menyenangkan lingkungan masyarakatnya, maka orang itu dianggap mempunyai moral yang baik, begitu juga sebaliknya. Istilah moral lebih berpihak kepada baik buruknya perbuatan manusia sebagai manusia. Pembicaraan tentang moral juga adalah berkaitan dengan bidang kehidupan manusia yang dinilai dari baik buruknya perbuatan seseorang sebagai manusia. Norma moral dijadikan sebagai tolak ukur untuk menetapkan betul salahnya sikap dan tindakan manusia, baik buruknya sebagai manusia.

---

<sup>5</sup> Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al- (1990), *Ihya' Ulum al-Din*, juzu' 3. Damsyik: Dar al-Khayr. h.69.

<sup>6</sup> Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, juzu' 10. Beirut : Dar Sadir. h.86.

<sup>7</sup> Ahmad Amin (1994), *Kitab al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, h.2.

<sup>8</sup> Miqdad Yaljan (1973), *al-Ittijah al-Akhlaqi Fi al-Islam*. Cet.1, Mesir: Maktabah al-Kanji, h.34.

<sup>9</sup> Ghazali Basri (2007), "Penghayatan Nilai Moral dan Akhlak Dalam Konteks Pendidikan Umat Berbilang Agama Di Malaysia", dalam Ahmad Mohamad Said & Mohd Nasir Mohd Tap, *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah. h.132.

<sup>10</sup> K. Bertens (2003), *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. h.2.

<sup>11</sup> Runes D.D. (1979). *Dictionary of Philosophy*. New Jersey, USA: Littlefield Adam and Co. h.202.

Moral juga sering dikaitkan dengan proses sosialisasi individu dan tanpa moral manusia tidak mampu melakukan proses sosialisasi. Umpamanya, dalam konteks mengajar seseorang ke arah pembentukan peribadi yang baik atau membetulkan kesalahan yang dilakukan, beberapa kaedah digunakan seperti menegur, memberi nasihat, menakutkan dengan menggunakan rotan dan sebagainya.

Berdasarkan huraian di atas dapat difahami bahawa akhlak dan moral merupakan satu pernyataan terhadap perlakuan manusia yang dianggap sebagai positif, walaupun tidak semestinya kerana ada juga istilah yang mengguna pakai pernyataan seperti akhlak buruk dan moral buruk. Ini bermaksud seseorang yang tidak berakhlak atau bermal adalah orang yang melanggar nilai dan norma beretika dalam masyarakatnya atau terlibat dalam gejala yang melunturkan akhlak.<sup>12</sup> Walaupun kedua-dua perkataan ini mempunyai persamaan, namun ia berbeza dengan konsep akhlak yang lebih dikaitkan dengan nilai ketuhanan.<sup>13</sup>

### **Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Di IPTA**

Pelaksanaan kursus ketamadunan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, pasaran dan pelajar. Kursus ketamadunan yang dikenali sebagai kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) akhirnya dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebagai memenuhi konsep universiti sebagai pembekal ilmu kepada masyarakat.<sup>14</sup> Ia merupakan suatu tindakan yang tepat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkenalkan pengajian ketamadunan atau kursus TITAS di institusi pengajian tinggi awam di negara ini.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> K. Bertens (2003), *op.cit.*, h.4.

<sup>13</sup> Akhlak adalah istilah yang digunakan oleh masyarakat Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber ini menggariskan beberapa prinsip akhlak yang menjadi panduan manusia.

<sup>14</sup> Hashim Hj. Musa (2005), "Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik Yang Holistik" dalam *Ke Arah Pengajaran TITAS & Hubungan Etnik Yang Holistik*, Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005. Diselenggara oleh Unit TITAS, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM Shah Alam, h. 2.

<sup>15</sup> Menurut Y.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak dalam ucapannya pada 9hb Julai 1997, kursus ini juga bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada para pelajar IPTA supaya memahami dan prihatin tentang Tamadun Islam dan beberapa tamadun di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut sesuai dengan konteks Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum dan agama. Di samping itu, ia juga bertujuan menyediakan para pelajar supaya mempunyai *mind-set* yang tepat serta dapat mewujudkan semangat saling kenal mengenal dan hormat menghormati antara pelbagai tamadun. Lihat Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron (2000), "Pengajian Umum di Alaf Baru" dalam Wan Kamal Mujani, *Tamadun Islam Dalam Pendidikan Liberal: Pendekatan Yang Sewajarnya Pada Alaf Baru*, Cet. 1. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM, h. 102.

Kursus TITAS telah digubal oleh Jawatankuasa Penggubal Kursus TITAS yang dianggotai oleh wakil-wakil IPTA tempatan. Kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama IPTA mulai sesi akademik 1998/1999 melalui pelbagai pendekatan mengikut kesesuaian setiap IPTA.<sup>16</sup> Pada awalnya, kursus ini telah memperuntukkan 4 jam kredit tetapi kemudiannya berubah mengikut kesesuaian pelaksanaannya di setiap IPTA.

Secara dasarnya, terdapat 10 matlamat umum kursus TITAS yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penggubal,<sup>17</sup> iaitu:

1. untuk menyemai dan memupuk persefahaman tulen dan sikap saling menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan bangsa dan budaya di negara ini, khususnya di kalangan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara demi perpaduan dan keutuhan negara,
2. untuk memperkukuh falsafah dan cara hidup Malaysia yang dicapai melalui musyawarah dan ijmak (*consultation and consensus*),
3. untuk memperkukuh jati diri Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan toleransi yang tinggi,
4. untuk memupuk nilai-nilai universal di kalangan rakyat Malaysia,
5. untuk melahirkan para siswazah yang berfikiran luas dan berpandangan sejagat selaras dengan peranan global negara Malaysia kini dan akan datang.
6. untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berperadaban tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni,
7. untuk memantapkan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia.
8. untuk melengkapkan bakal pewaris kepimpinan negara dengan ilmu yang membolehkan mereka memahami dan menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa,
9. untuk membantu melahirkan masyarakat madani dalam erti kata yang sebenarnya,
10. untuk memajukan ilmu sains peradaban demi kemajuan ilmu pengetahuan sepenuhnya.

Objektif kursus TITAS bermatlamat untuk mencapai gagasan situasi semasa di samping menimbulkan kesedaran kepada pelajar yang realitinya berhadapan dengan kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pelajar daripada pelbagai kaum yang mengikuti kursus ini dapat memupuk perasaan saling menghormati, memperkukuhkan jati diri, berilmu dan berpandangan luas serta dapat memberi sumbangan dalam membangunkan negara Malaysia. Selain itu, ia merupakan perubahan ke arah memberikan pendedahan kepada pelajar IPTA mengenai kepentingan mengenali kepelbagaian tamadun dalam sejarah peradaban dunia dan Asia.

---

<sup>16</sup> Kursus ini dilaksanakan dengan melihat kemampuan tenaga pakar, fasiliti atau kemudahan-kemudahan yang dimiliki IPTA masing-masing. *Ibid.*

<sup>17</sup> Hashim Hj. Musa (2005), *op.cit.*, h.2.

Kursus TITAS turut mengetengahkan unsur-unsur ketamadunan yang amat diperlukan bagi membolehkan pelajar peka dengan pembangunan kemanusiaan yang meliputi material dan spiritual. Aspek tamadun Islam diperkenalkan bagi membolehkan pelajar dan generasi muda menghayati latar belakang pemikiran, kebudayaan dan sejarah Islam yang berjaya mengubah *worldview* masyarakat Melayu khususnya. Pada masa yang sama, pelajar turut didedahkan dengan pelbagai aspek tamadun Asia yang mempunyai hubungan dengan sejarah dan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Pengajian ketamadunan adalah penting bagi membolehkan pelajar mengetahui keunggulan dan kelemahan bagi mempertingkatkan perancangan dan strategi pada masa hadapan. Kursus yang menepati kurikulum terkini yang diperlukan negara dan pasasan ini mampu mencetuskan idea inovasi serta mendidik akhlak dan moral pelajar. Penerapan nilai-nilai akhlak dan moral secara tidak langsung dapat membangunkan keinsanan pelajar yang merupakan agen kelangsungan perkembangan sesebuah masyarakat dan tamadun.

### **Pendekatan Dalam Pembinaan Akhlak Dan Moral**

Pembinaan akhlak dan moral perlu dimulai dengan kemantapan ilmu pengetahuan mengenai pendekatan yang terbaik dalam mendidik dan mengajar individu. Menurut al-Ghazali, manusia memiliki akhlak baik secara semula jadi semenjak dilahirkan dan sebahagian lagi berpotensi untuk merubah akhlak mereka melalui proses latihan dan kaedah pendidikan tertentu.<sup>18</sup>

Ibn Miskawayh pula menjelaskan bahawa manusia terdiri daripada dua golongan, iaitu golongan yang baik/jahat pada asalnya dan golongan yang boleh berubah kepada kebaikan atau kejahatan. Meskipun semua manusia dicipta dalam bentuk fitrah, tetapi mereka berpotensi untuk berubah menjadi baik atau buruk melalui pendidikan, latihan, undang-undang, peraturan, tunjuk ajar, nasihat, disiplin dan sebagainya. Faktor agama, nafsu, keluarga, ibu bapa, rakan, masyarakat dan suasana sekeliling memberi pengaruh besar kepada perubahan akhlak dan moral individu.<sup>19</sup>

#### **1. Agama**

Agama memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik akhlak seseorang kerana tujuan utama syariat Islam adalah untuk merubah akhlak manusia. Individu yang dibesarkan dalam suasana menghayati ajaran-ajaran syariat Islam sejak kecil akan menjadi baik dan bahagia. Pelaksanaan rukun-rukun Islam bukan sahaja merupakan latihan lahir, tetapi merupakan latihan batin. Menerusi solat berjemaah umpamanya, dapat memperbaiki akhlak manusia dari segi ikatannya dengan Tuhan dan perhubungannya sesama manusia.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al- (1990), *Ihya' 'Ulum al-Din*, juzu' 3. Damsyik: Dar al-Khayr, h. 183.

<sup>19</sup> Ibn Miskawayh (1968). *The Refinement of Character*. Constantine K. Zurayk, terj. Beirut: The American University of Beirut. h. 29-31.

<sup>20</sup> *Ibid.* h. 38, 55, 127.

## 2. Pendidikan akhlak melalui pembaikan fakulti kejiwaan manusia

Ia dimulai dengan mendidik fakulti jiwa syahwat manusia, diikuti dengan fakulti jiwa marah dan fakulti jiwa rasional manusia. Oleh itu, Ibn Miskawayh menegaskan bahawa pendidikan akhlak mesti bermula dengan mendidik tabiat makan yang dirangsangkan oleh fakulti jiwa syahwat. Tabiat makan yang baik membantu seseorang mengawal sifat marah yang berpunca dari fakulti jiwa marah dan seterusnya mendorong ke arah cintakan ilmu, kebenaran dan kebaikan yang lahir daripada fakulti jiwa rasional.<sup>21</sup>

## 3. Pendidikan akhlak melalui menuntut ilmu

Menurut Ibn Miskawayh, akhlak buruk berpunca daripada perasaan marah, takut mati dan kesedihan. Oleh itu, cara mengatasinya adalah dengan menuntut ilmu pengetahuan yang berkaitan.<sup>22</sup> Manusia perlu mengetahui perihai hakikat mati, konsep jiwa jasad dan kebahagiaan abadi. Untuk tujuan menuntut ilmu-ilmu ini, fakulti jiwa rasional perlu diperkasakan. Hanya dengan keteguhan dan kemantapan fakulti jiwa rasional sahaja manusia dapat berfikir, membuat pertimbangan dan keputusan dengan baik, menolak segala bentuk kebatilan dan pembohongan serta mengangkat martabat manusia ke tahap yang lebih mulia.<sup>23</sup>

## 4. Peranan institusi kekeluargaan

Institusi keluarga terutama ibu bapa memainkan peranan penting dalam membina akhlak mulia. Mereka bertanggungjawab untuk melatih ahli keluarga mengamalkan ajaran-ajaran syariat Islam seperti menghormati kemuliaan, mencintai kebaikan, berpihak kepada kebenaran serta memantau pergaulan dengan rakan-rakan yang tidak bermoral.<sup>24</sup> Latihan berakhlak mulia sejak kecil membolehkan kanak-kanak membesar bersama kemuliaan, sentiasa mengawal diri daripada kejahatan, mendorong melaksanakan suruhan-suruhan agama dan mematuhi peraturan setelah mereka dewasa.

## 5. Pendidikan akhlak melalui jihad melawan nafsu

Ia diperoleh melalui penguasaan ilmu pengetahuan, mengikuti jalan yang benar dan sentiasa merenungkan jiwa sendiri. Memperbaiki jiwa dapat memberi kesan yang besar kepada pembinaan akhlak mulia kerana pembawaan akhlak seseorang banyak dipengaruhi oleh kekuatan jiwanya. Selain itu, individu juga perlu membiasakan dirinya dengan sifat dan perbuatan yang baik.

## 6. Peranan guru dan rakan

Guru yang baik merupakan pendidik dimensi rohani dan jasmani manusia. Atas dasar tersebut, Ibn Miskawayh meletakkan cinta kepada guru mengatasi cinta terhadap ibu bapa. Lazimnya, latihan dan didikan yang diberikan oleh guru

---

<sup>21</sup> *Ibid.* h. 52-55.

<sup>22</sup> *Ibid.* h. 172-194.

<sup>23</sup> *Ibid.* h. 44-45.

<sup>24</sup> *Ibid.* h. 55-57.

lebih mudah dituruti oleh murid ke arah mencapai kebaikan dan kebahagiaan hidup. Pergaulan sesama rakan juga menyumbang kepada pembinaan akhlak. Rakan yang baik akan menjadi cermin kepada dirinya untuk memperbaiki dan mendidik akhlaknya ke arah yang lebih baik.<sup>25</sup>

Secara keseluruhannya, pendidikan akhlak dan moral menurut Ibn Miskawayh bertujuan untuk mewujudkan sikap yang mendorong untuk melahirkan perbuatan yang baik. Namun, tahap kemampuan dan pencapaian manusia dalam menerima pendidikan dan perubahan adalah pelbagai. Kebanyakan manusia berada di peringkat pertengahan iaitu memiliki akhlak baik dan akhlak buruk sekaligus.<sup>26</sup> Oleh yang demikian, setiap manusia digesa melakukan sesuatu perbuatan baik dan mengelakkan diri daripada terjebak dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak dan moralnya.

## **Unsur-Unsur Pembentukan Akhlak dan Moral Dalam Kursus TITAS**

Terdapat beberapa unsur pembentukan akhlak dan moral dalam kursus TITAS yang ditawarkan di IPTA. Unsur-unsur ini dikemukakan mengikut kesesuaian, keperluan dan kaitannya dengan isi kandungan yang hendak disampaikan. Unsur-unsur pembentukan akhlak dan moral dijelaskan melalui pelbagai kaedah semasa pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS iaitu unsur agama dan kepercayaan, institusi kekeluargaan, jihad serta sains dan teknologi.

### **1. Agama dan Kepercayaan**

Agama dan kepercayaan adalah salah satu unsur pembentukan akhlak dan moral pelajar yang terdapat dalam kursus TITAS. Agama merupakan kepercayaan kepada Tuhan, sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan, penerimaan ajaran dan perintah-Nya atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti seperti Dewa.<sup>27</sup> Kepercayaan pula merupakan keyakinan atau akuan tentang kebenaran sesuatu serta sesuatu yang dipercayai sejak turun temurun.<sup>28</sup>

Namun, agama dan kepercayaan adalah dua perkara yang sangat berkaitan. Agama lebih merujuk kepada satu sistem kepercayaan mengenai aspek ketuhanan. Manakala kepercayaan hanya melibatkan seorang individu dan lazimnya tidak dianggap sebagai sebuah agama. Agama juga melibatkan komuniti manusia dan fenomena seperti perlakuan seperti sembahyang, membuat sajian, perayaan dan upacara; sikap seperti sikap hormat, kasih ataupun takut kepada kuasa luar biasa dan anggapan suci dan bersih terhadap agama; pernyataan seperti jambi, mantera dan kalimat suci; serta benda-benda material seperti masjid, gereja, kuil, azimat dan tangkal.

---

<sup>25</sup> *Ibid.* h. 134-135.

<sup>26</sup> Mohd Nasir Omar (2005), *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, h. 13.

<sup>27</sup> Noresah bt. Baharom (2005), *op.cit.*, h.14.

<sup>28</sup> Noresah bt. Baharom (2005), *op.cit.*, h.1181.

Salah satu lagi ciri agama ialah ia berkaitan dengan tatasusila masyarakat. Ini bermakna agama bukan sahaja merupakan soal perhubungan antara manusia dengan tuhan, malah merupakan soal hubungan manusia dengan manusia. Ia boleh didapati dalam keseluruhan topik tamadun yang dibincangkan iaitu tamadun Islam dan Melayu yang mengenengahkan kesucian agama Islam; tamadun India dengan agama Hindu, Empat kebenaran Mulia, Lapan Jalan Mulia, Mazhab Hinayana dan Mahayana, agama Sikh; serta tamadun Cina kaya dengan kepelbagaian falsafah dan agama seperti Konfusianisme, Buddhisme Cina, Daoisme, Moisme, aliran Fa dan Islam.

Agama memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik akhlak dan moral seseorang. Individu yang dibesarkan dalam suasana menghayati ajaran-ajaran agama sejak kecil akan dapat membina peribadi dan sahsiah diri yang baik. Menurut Muhammad Uthman terdapat beberapa aspek agama dan kepercayaan tamadun-tamadun lain dalam kursus TITAS dalam membina peradaban dan peribadi manusia iaitu<sup>29</sup>:

1. Paksi diri manusia yang bersifat bukan benda tetapi zat spiritual yang perlu dijaga kesejahteraannya.
2. Kepentingan menjaga hubungan harmoni antara alam bumi dan alam langit – “the earth” – “heaven”, alam benda dan bukan benda, “material and spiritual”.
3. Kehidupan moral yang berpaksikan hubungan antara yang kebendaan dengan alam spiritual yang mengatasinya.
4. Kepentingan menjaga keharmonian hidup manusiawi dan alam sekitar buatan (“the built environment” – dengan alam sekitar tabii atau semula jadi.
5. Kepentingan menjaga institusi keluarga, termasuk keluarga berangakai.
6. Kesedaran tentang hidup yang dipengaruhi oleh simbolisme, bukan semata-mata pengalaman yang bersifat “literal”.
7. Kepentingan keseimbangan atau kedudukan harmoni antara kegiatan fizikal yang cergas dengan kontemplasi yang mendalam.
8. Kepentingan memandang masalah ekologi dari segi prinsip-prinsip intelektual Timur berdasarkan pada paras paling mendalam dengan metafizik.
9. Pembentukan kefahaman harmonis antara sains dan falsafah Timur dan pengalaman spiritual mereka yang ahli.
10. Dialog intelektual dan spiritual yang beradab antara wakil tamadun Timur demi untuk membentuk identiti budaya dan intelektual Timur untuk menghadapi globalisasi.

## **2. Institusi Kekeluargaan**

---

<sup>29</sup> Muhammad Uthman El-Muhammady (2002), “Nilai-Nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Tamadun di Malaysia”. Seminar Nilai-Nilai Peradaban dan Wawasan 2020, 29-30 Julai 2002, bertempat di Auditorium Institut Asia-Eropah, UM, anjuran Pusat Dialog Peradaban UM & Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. h.3.

Institusi kekeluargaan merupakan unsur penting yang membantu membentuk akhlak dan sahsiah pelajar dalam kursus TITAS. Pelajar didedahkan dengan prinsip-prinsip kekeluargaan sebagai asas pembentukan masyarakat yang Prinsip-prinsip ini mengandungi nilai-nilai akhlak dan moral untuk dihayati oleh para pelajar. Pembentukan keluarga merupakan unit terpenting dan asas untuk memastikan kesinambungan generasi manusia. Antaranya ialah pelajar didedahkan dengan konsep institusi kekeluargaan dalam beberapa tamadun yang amat mementingkan pemeliharaan akhlak, tatasusila dan kemuliaan manusia melalui ikatan perkahwinan.

Menurut Ali dan Aizan (2006) dan Zarina (2006), institusi keluarga dalam tamadun Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi seseorang kerana peribadi yang baik akan membentuk keluarga yang baik, seterusnya akan melahirkan masyarakat yang baik dan negara yang maju.<sup>30</sup> Kepentingan pembentukan keluarga dalam tamadun Islam turut dirasai oleh tamadun Melayu yang berasaskan Islam. Pemikiran masyarakat Melayu terhadap keluarga yang melihat tanggungjawab dua hala iaitu ibu bapa terhadap anak dan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa mampu mencetuskan penerapan nilai akhlak dan moral yang baik.

Tamadun Cina turut menjelaskan kepentingan berkeluarga keperluan mengekalkan hubungan tersebut dalam suasana harmoni. Menurut Abdul Wahid dan Faezah, kesetiaan dan pertalian yang erat merupakan asas penting dalam konsep kekeluargaan masyarakat Cina yang mengamalkan ajaran Konfusianisme.<sup>31</sup> Perkahwinan dianggap sebagai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh seorang anak untuk mengekalkan keturunan keluarga. Tanggungjawab seorang anak atau hsiao (*filial piety*) merupakan prinsip asas dalam fahaman Konfusianisme. Selain itu, terdapat beberapa konsep nilai yang harus dipatuhi oleh setiap individu dalam tamadun Cina iaitu *ren* (kasih sayang), *junzi* (sifat-sifat kebaikan termasuk kesederhanaan dan kebiasaan), 'Lima Hubungan' dan nilai-nilai sosial yang lain. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina sangat mementingkan konsep kekeluargaan.

Menurut Durant, perkahwinan dalam tamadun India adalah wajib bagi masyarakat Hindu, lelaki yang tidak berkahwin dianggap terkeluar dari kasta mereka (*outcast*) iaitu tidak mempunyai status sosial.<sup>32</sup> Biasanya perkahwinan dalam masyarakat India diatur oleh ibu bapa, dipilih oleh anggota keluarga lain

---

<sup>30</sup> Ali Mohammad & Aizan Ali@ Mat Zin (2006), "Ilmu dan Pembangunan Masyarakat Islam" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.124; Zarina Muhammad (2007), "Kekeluargaan dan Kemasyarakatan" dalam Ahmad Fauzi Hj. Murad dan Ahmad Tarmizi Talib (eds.), *Tamadun Islam*, Penerbit Universiti Putra Malaysia. h.47.

<sup>31</sup> Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim (2006), "Interaksi antara Tamadun" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.22.

<sup>32</sup> Durant, Will (1954), *The Story of Civilization*. New York: Simon and Schuster. h.489.



atau berdasarkan percintaan yang direstui oleh keluarga. Pada hari perkahwinan, pengantin akan berjanji untuk hidup bersama, memikul tanggungjawab sebagai suami isteri, mengabdikan diri kepada tuhan dengan mengekalkan hubungan harmoni sesama manusia dan makhluk lain di muka bumi serta melahirkan zuriat. Oleh sebab itu, menurut Veda, lelaki dan wanita yang berkahwin mestilah matang dari segi akal dan tubuh badan.<sup>33</sup>

Walaupun terdapat perbezaan pendekatan antara pelbagai tamadun, namun setiap satunya tetap mengatakan bahawa pembentukan keluarga amat penting dalam pembinaan tamadun manusia. Menurut Zarina pembentukan institusi keluarga amat diperlukan untuk memelihara akhlak, moral, tata susila dan kemuliaan manusia.<sup>34</sup> Nilai-nilai seperti kasih sayang, tolong menolong, kerjasama, pengorbanan, tanggungjawab, toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain dan silaturrahim dapat diperolehi seawalnya melalui sebuah institusi keluarga.

Nilai-nilai ini secara tidak langsung diterapkan dalam diri pelajar bagi mengelakkan berlakunya kehancuran dan kemusnahan dalam masyarakat. Pengabaian terhadap kepentingan institusi keluarga akan menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dan gejala tidak bermaruah ekoran kegagalan manusia melawan nafsu seperti pengabaian orang tua, penderaan anak, penderaan isteri, penagihan dadah, jenayah remaja, budaya lepak, perceraian dan sebagainya adalah berpunca daripada krisis rumah tangga.

### 3. Jihad

Jihad merupakan salah satu daripada unsur pembentukan akhlak dan moral yang dapat dilihat dalam kursus TITAS. Isu jihad diketengahkan bagi memberi tafsiran jihad yang sebenarnya kepada pelajar. Jihad sering disalahtafsirkan oleh musuh-musuh Islam yang mengaitkannya dengan keganasan atau *terrorism*, boleh menimbulkan ketakutan dan kebencian dalam masyarakat.<sup>35</sup> Kursus TITAS berperanan mengubah persepsi negatif pelajar bukan Islam terhadap jihad dengan menjelaskan bahawa keganasan, peperangan dan pembunuhan tidak terbatas kepada penganut agama tertentu.

---

<sup>33</sup> A. Mahadeva Sastri (1988), *The Vedic Law of Marriage*. Madras: Asian Educational Services. h.8-9.

<sup>34</sup> Zarina Muhammad (2006), *op.cit.*, h.47.

<sup>35</sup> Terdapat beberapa keganasan yang dilakukan oleh penganut agama lain seperti rakyat Thailand menembak secara rambang penunjuk perasaan secara aman daripada kalangan orang-orang Islam di Tak Bai, Selatan Thai pada tahun 2004, Serbia yang melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap umat Islam Bosnia dan Herzegovina, tentera Israel melakukan pembunuhan beramai-ramai di khemah pelarian Shabra dan Syatila pada tahun 1982 dan sebagainya.

Jihad merupakan antara kalimah yang banyak disebut dalam al-Quran<sup>36</sup> dan Hadis<sup>37</sup>. Kebanyakan ayat-ayat berkaitan jihad dihubungkan dengan jihad pada jalan Allah S.W.T dengan *al-mal* (harta benda) atau *al-nafs* (jiwa raga manusia). Menurut Nik Yusri jihad merangkumi segala aktiviti, perbuatan dan usaha yang dilakukan semata-mata mengharap keredhaan Allah.S.W.T.<sup>38</sup> Jihad juga memerlukan pengorbanan tenaga, pemikiran dan segala keupayaan untuk menegakkan kebenaran Islam.<sup>39</sup> Boleh dikatakan bahawa jihad merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti jihad ilmu, jihad mempertahankan kesucian Islam, jihad ekonomi, jihad politik dan sebagainya.

Antara isu jihad dalam kursus TITAS yang mengandungi unsur-unsur penerapan nilai akhlak dan moral ialah jihad yang hendak dilakukan haruslah mempunyai tujuan atau niat untuk mendapatkan keredhaan dan rahmat daripada Allah S.W.T. Peperangan bagi seorang mujahid bukanlah bertujuan untuk membalas dendam, menunjukkan keangkuhan serta kekuatan bermain senjata, sebaliknya merupakan suatu ibadah atau kewajipan bagi mempertahankan diri, agama dan negara.

Pelaksanaan jihad juga dilakukan dengan mengutamakan nyawa dan keselamatan manusia tanpa memerangi orang awam.<sup>40</sup> Islam melarang melakukan pencerobohan dan memulakan perang sesuka hati. Jihad peperangan dibenarkan bagi mempertahankan diri, agama dan negara jika peperangan itu dimulai oleh pihak musuh. Islam juga tidak sesekali membenarkan memerangi orang awam dari pihak musuh yang tidak ikut berperang seperti kanak-kanak dan kaum wanita. Tentera Islam dilarang menghina dan mengaibkan mayat musuh yang terbunuh. Ini menunjukkan nilai akhlak dan moral dalam jihad yang memberi penghormatan kepada manusia sama ada masih hidup atau yang telah meninggal dunia.

Selain itu, tentera Islam dilarang melakukan sebarang kerosakan ke atas harta benda seperti tumbuh-tumbuhan, harta benda dan sebagainya. Harta benda yang dimiliki manusia merupakan milik dan hak individu yang tidak boleh diganggu

---

<sup>36</sup> Al Baqarah : 218; Ali Imran :145, 157, 200; An Nisaa' : 74,76,77,84,95,104; Al Maidah : 35; Al Anfaal : 60,65; At Taubah : 111,120; Al Hujurat : 15; Ash Shaff :4, 11; At Tahrir: 9; Al Baqarah:258; Al Mukmin : 28-44.

<sup>37</sup> Hadis yang diriwayatkan dari Zaid bin Khalid Al-Juhani r.a. dia telah berkata: Rasulullah S.A.W telah bersabda: "Barangsiapa membantu menyiapkan perang pada jalan Allah S.A.W maka dia sudah ikut perang dan barangsiapa menjaga keluarga yang ditinggalkannya dengan baik maka dia sudah ikut perang." Kh. Ahmad Mudjab Mahalli & H.Ahmad Rodli Hasbullah (2004), *Hadis-Hadis Muttafaq 'Alaih: Bahagian Munakahat dan Mu'amalat*, Edisi 1,Cet.1, Jakarta: Prenada Media. h.277-278.

<sup>38</sup> Nik Yusri Musa (2006), "Isu Jihad dan Keganasan" dalam Zulkifli Mohamad, Nasruddin Yunos & Mohamad Sabri Haron (penyunting), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM. h.117.

<sup>39</sup> Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.) (2009), *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.58.

<sup>40</sup> Al-Baqarah: 190-192.

oleh orang lain. Namun, dalam keadaan tertentu Islam membenarkan melakukan kerosakan ke atas harta benda musuh. Kerosakan terhadap harta benda musuh dibolehkan dengan tujuan menimbulkan kegerunan yang akan menimbulkan rasa takut, lemah dan hina dalam jiwa mereka.

Dalam melaksanakan tuntutan jihad, tentera Islam dilarang bersikap kasar sebaliknya memberi layanan dan perlindungan yang sewajarnya kepada pihak musuh yang menyerah kalah.<sup>41</sup> Dalam masa yang sama, tentera Islam digesa supaya berbuat baik kepada tawanan perang dan menyampaikan ajaran-ajaran Islam supaya mereka dapat memahaminya dan tidak lagi memusuhi Islam. Selain itu, tentera Islam dilarang menyembunyi atau mengambil harta-harta yang dijadikan harta rampasan perang (*ghulul*) sehingga ia dibahagikan.<sup>42</sup>

Jelaslah bahawa jihad bukanlah sebagaimana yang difikirkan oleh masyarakat bukan Islam yang mengaitkannya dengan usaha berani mati dan sebagainya. Jihad yang dikemukakan oleh Tamadun Islam mempunyai pengertian yang amat luas dan sebagai daya ketahanan bagi memastikan kelangsungan peradaban Islam yang kaya dengan nilai-nilai akhlak dan moral yang murni.

#### **4. Sains dan Teknologi**

Sains dan teknologi merupakan salah satu unsur pembentukan akhlak dan moral yang terdapat dalam kursus TITAS. Sains dan teknologi yang dihasilkan oleh sesebuah tamadun mencerminkan keperluan-keperluan dan nilai-nilai kebudayaan tersendiri. Penemuan daripada hasil kajian sains dan perkembangan teknologi telah banyak membantu manusia melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah untuk kemajuan negara dan masyarakat.

Tamadun Islam memainkan peranan penting memperkenalkan sains dan teknologinya melalui kemunculan tokoh-tokoh ilmunan Islam dalam pelbagai bidang. Tamadun Islam cukup terkehadapan dalam tamadun ilmunan, kebendaan dan kemanusiaan. Hal ini berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran menyeru supaya manusia mengkaji dan meneliti fenomena alam untuk memahami dan mendalami ilmu pengetahuan agar dapat membina suatu tamadun yang sempurna.<sup>43</sup> Sains dan teknologi Islam adalah berdasarkan kepada kewujudan Allah dan juga menunjukkan terdapatnya pertalian antara semua yang wujud. Islam tidak terbatas kepada hubungan manusia dengan Tuhan, bahkan merangkumi semua aspek kehidupan.

Sumbangan tamadun Islam dalam bidang sains dan teknologi mampu mencetuskan idea baru di kalangan pelajar untuk melakukan inovasi terkini demi kemajuan negara. Antara bidang yang menjadikan Islam pemangkin kepada

---

<sup>41</sup> Al-Taubah: 6.

<sup>42</sup> Ali-Imran: 161.

<sup>43</sup> Sila rujuk maksud surah Luqman: 20.

perkembangan sains dan teknologi adalah seperti biologi, astronomi, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya.<sup>44</sup>

Pencapaian sains dan teknologi dalam tamadun Melayu pula mencerminkan keperluan dan nilai kebudayaan Melayu. Walaupun banyak menerima pengaruh daripada luar, namun, ia telah diubahsuai mengikut cita rasa kebudayaan Melayu sehinggakan menjadi satu bentuk lain yang menunjukkan daya kreatif kebudayaan dan kebijaksanaan tempatan (local genius).<sup>45</sup> Antara bidang yang terserlah ialah teknologi pertanian, teknologi alam bina, teknologi tekstil dan warna serta sains ukuran, timbangan dan sukatan.

Bidang sains dan teknologi dalam tamadun India lebih memberi penekanan terhadap aspek fungsi dan kepentingan secara menyeluruh.<sup>46</sup> Kesempurnaan dalam bidang kerohanian menyumbang pengetahuan kepada orang India dalam bidang sains dan teknologi. Ia turut merangkumi pelbagai bidang seperti matematik, astronomi, fizik, kimia, perubatan dan bidang logam yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan tamadun dunia.<sup>47</sup>

Bidang sains dan teknologi dalam tamadun Cina telah dikesan seawal kurun ke 15 sehingga kurun ke 11 SM. Ia sama seperti tamadun India yang menitikberatkan penekanan terhadap aspek fungsi dan kepentingan secara menyeluruh. Ia termasuklah bidang pertanian, astronomi, matematik, perubatan, optic, kimia, calendar, farmakologi, geologi, seni bina, tenunan, perlombongan emas dan pelayaran.<sup>48</sup> Manakala sumbangan besar terhadap perkembangan teknologi serta tamadun dunia ialah empat penciptaan agung iaitu teknik membuat kertas, percetakan, bahan letupan dan kompas.<sup>49</sup>

Pencapaian sains dan teknologi dalam tamadun Islam, Melayu, India dan Cina secara tidak langsung menerapkan unsur-unsur akhlak dan moral dalam diri pelajar untuk lebih berusaha dan berinovasi. Penemuan daripada hasil kajian sains dan perkembangan teknologi dalam tamadun-tamadun ini dapat memberi ilham kepada pelajar untuk melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah untuk kemajuan negara dan masyarakat serta dapat mengekalkan kelangsungan sesebuah tamadun.

---

<sup>44</sup> Ali Mohammad & Aizan Ali@ Mat Zin (2006), *op.cit.*, h.128-146.

<sup>45</sup> Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.) (2009), *op.cit.*, h.73.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h.91

<sup>47</sup> G. Sivapalan, M.Rajantharan & R.Rajakrishnan (2002), "Tamadun India: Masyarakat dan Budaya" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua.Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.278-280.

<sup>48</sup> Teo Lay Teen (2002), "Tamadun Cina: Kesusasteraan, Kesenian, Sains dan Teknologi Cina" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua.Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h.326-330.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h.330; Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.) (2009), *op.cit.*, h.106.

## Kesimpulan

Pembentukan akhlak dan moral pelajar merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu. Peningkatan potensi intelektual, rohani dan jasmani pelajar perlu dibangunkan secara seimbang supaya ia menjadi benteng kukuh dalam mendepani arus semasa yang mencabar. Ini kerana pemantapan akhlak dan moral yang sempurna mempunyai pengaruh dan kesan besar terhadap pembentukan peribadi pelajar yang bakal memimpin negara. Selain itu, ia memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan sahsiah serta sebagai pengukur utama dalam menilai kebaikan dan ketinggian budi individu.

Namun, semua ini akan dapat terlaksana melalui kefahaman, penghayatan dan pelaksanaan dalam meningkatkan pembangunan akhlak dan moral pelajar. Langkah IPTA memperkenalkan kursus TITAS merupakan sumbangan yang tidak ternilai terhadap pembinaan tamadun Malaysia dalam memastikan nilai-nilai ketamadunan dapat diterapkan bagi membentuk jati diri, akhlak dan moral pelajar. Pendedahan mengenai pelbagai tamadun memberikan pengetahuan yang amat berguna kepada para pelajar. Sekurang-kurangnya kursus TITAS dapat bertindak bagi membendung penularan gejala-gejala negatif di kalangan pelajar yang mampu memusnahkan tamadun manusia.

Selain itu, kursus TITAS mengundang kesedaran di kalangan pelajar mengenai nilai-nilai sejagat yang berjaya menyatukan pelajar yang berlatar belakang budaya yang berbeza. Kesedaran yang mendalam mengenai nilai-nilai sejagat membantu memupuk kesefahaman dalam sesebuah masyarakat. Kesedaran ini mempunyai nilai pendidikan yang tinggi dalam membentuk akhlak dan moral kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, bahasa, dan budaya.

## Bibliografi

Al-Quran al Karim

A.Mahadeva Sastri (1988), *The Vedic Law of Marriage*. Madras: Asian Educational Services.

Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron (2000), "Pengajian Umum di Alaf Baru" dalam Wan Kamal Mujani, *Tamadun Islam Dalam Pendidikan Liberal: Pendekatan Yang Sewajarnya Pada Alaf Baru*, Cet. 1. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.

Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim (2006), "Interaksi antara Tamadun" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Amin (1994), *Kitab al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi.

Ali Mohammad & Aizan Ali@ Mat Zin (2006), "Ilmu dan Pembangunan Masyarakat Islam" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Aydin, Mehmet (1992), *Islamic Ethics* dalam Lawrence C. Becker & Charlotte B. Becker (eds.). *Encyclopedia of Ethics*, vol. 1. New York: Garland Publishing Inc.

Durant, Will (1954), *The Story of Civilization*. New York: Simon and Schuster.

G. Sivapalan, M.Rajantharan & R.Rajakrishnan (2002), "Tamadun India: Masyarakat dan Budaya" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al- (1990), *Ihya'Ulum al-Din*, juzu' 3. Damsyik: Dar al-Khayr.

Ghazali Basri (2007), "Penghayatan Nilai Moral dan Akhlak Dalam Konteks Pendidikan Umat Berbilang Agama Di Malaysia", dalam Ahmad Mohamad Said & Mohd Nasir Mohd Tap. *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.

Hashim Hj. Musa (2005), "Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik Yang Holistik" dalam *Ke Arah Pengajaran TITAS & Hubungan Etnik Yang Holistik*, Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005. Diselenggara oleh Unit TITAS, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM Shah Alam.

Ibrahim Mustafa (t.t), *al-Mu'jam al-Wasit*. Turki: Maktabah al-Islamiyyah Istanbul.

Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, juzu' 10. Beirut: Dar Sadir.

Ibn Miskawayh (1968), *The Refinement of Character*. Constantine K. Zurayk, terj. Beirut: The American University of Beirut.

Jamil Saliba (1982), *Mu'jam al-Falsafi*. Juz.4. Beirut: Dar al-Kuttab.

K. Bertens (2003), *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kh. Ahmad Mudjab Mahalli & H.Ahmad Rodli Hasbullah (2004), *Hadis-Hadis Muttafaq 'Alaih: Bahagian Munakahat dan Mu'amalat*, Edisi 1,Cet.1, Jakarta: Prenada Media.

- Miqdad Yaljan (1973), *al-Ittijah al-Akhlaqi Fi al-Islam*. Cet.1, Mesir: Maktabah al-Kanji.
- Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron (2005), *Konsep Tamadun Islam, dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Skudai, Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir Omar (2005), *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Muhammad Uthman El-Muhammady (2002), “Nilai-Nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Tamadun di Malaysia”. Seminar Nilai-Nilai Peradaban dan Wawasan 2020, 29-30 Julai 2002, bertempat di Auditorium Institut Asia-Eropah, UM, anjuran Pusat Dialog Peradaban UM & Persatuan Siswazah Wanita Malaysia.
- Nik Yusri Musa (2006), “Isu Jihad dan Keganasan” dalam Zulkifli Mohamad, Nasruddin Yunos & Mohamad Sabri Haron (penyunting), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Noresah bt. Baharom (Hajah) (ed.) (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.) (2009), *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Runes D.D. (1979), *Dictionary of Philosophy*. New Jersey, USA: Littlefield Adam and Co.
- Teo Lay Teen (2002), “Tamadun Cina: Kesusasteraan, Kesenian, Sains dan Teknologi Cina” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Cet. Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zarina Muhammad (2007), “Kekeluargaan dan Kemasyarakatan” dalam Ahmad Fauzi Hj. Murad dan Ahmad Tarmizi Talib (eds.), *Tamadun Islam*, Penerbit Universiti Putra Malaysia.





# **Pengaruh Dan Sumbangan Islam Dalam Pembangunan Peradaban Menurut Perspektif Malik Bennabi (1905-1973) Dan 'Ali Shari'ati (1933-1977)**

*Khairiah Binti Mohd Yassin\**  
*Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar\*\**

## **Abstrak**

*Islam adalah sebuah agama yang universal dan syumul yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Ia merupakan agama yang berasaskan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disebar kepada seluruh manusia di setiap pelusuk bumi. Oleh itu, sebagai sebuah agama wahyu, Islam memberi pengaruh yang cukup besar dalam pembangunan sesebuah peradaban manusia. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai pengaruh dan sumbangan Islam dalam pembangunan peradaban dari perspektif dua tokoh pemikir Islam terkemuka pada abad ke-20 Masihi iaitu Malik Bennabi (1905-1973) dan 'Ali Shari'ati (1933-1977). Perbincangan ini merangkumi konsep dan doktrin Islam sebagai sebuah agama wahyu yang menjadi anutan dan kepercayaan masyarakat Muslim khususnya. Selain itu, pengaruh dan sumbangan Islam turut dibincangkan dalam konteks pembangunan peradaban dari perspektif kedua-dua tokoh berkenaan. Ini kerana Islam pada Bennabi dan Shari'ati merupakan asas utama yang menjadi pemangkin kepada manusia dalam proses membangunkan peradaban.*

**Kata kunci:** *Pengaruh dan sumbangan, Islam, Pembangunan Peradaban, Malik Bennabi, 'Ali Shari'ati*

## **Abstract**

*Islam is a universal and holistic religion which covers all aspects in human life. It is revealed to the Prophet Muhammad s.a.w. to be disseminated to all people all over the world. Therefore, as a revealed religion, Islam influences a lot to the development of human civilizations. This paper will discuss the influences and contributions of Islam in the development of a civilization from the perspective of two prominent Muslim thinkers in the 20th century namely Malik Bennabi (1905-1973) and 'Ali Shari'ati (1933-1977). The discussion includes the concepts and doctrines of Islam as a revealed religion. At the same time, the influences and contributions of Islam in the development of civilization also will be discussed*

---

\* Tutor di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah.

\*\* Pensyarah dan Penyelaras Kursus TITAS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah.

*from the perspective of Bennabi and Shari'ati, for they believed Islam is a primary catalyst for people in the process of developing their civilizations.*

**Keywords:** *Influence and contribution, Islam, development of civilization, Malik Bennabi, 'Ali Shari'ati*

## **Pendahuluan**

Sesungguhnya Islam merupakan agama yang benar di sisi Allah Ta'ala. Hakikat kebenaran dan kebaikan dalam Islam sudah termaktub dalam kitab-Nya yang suci iaitu al-Qur'an al-Karim sebagaimana yang ditegaskan dalam firman-Nya yang bermaksud; "*Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah agama Islam.*"

Namun persoalannya apakah pandangan Bennabi dan Shari'ati mengenai Islam? Benarkah Islam memberi pengaruh dan sumbangan dalam pembangunan peradaban menurut dua tokoh berkenaan? Dan apakah pengaruh dan sumbangan yang diberikan oleh Islam sebagai sebuah agama dalam konteks pembangunan peradaban?

Oleh itu berdasarkan persoalan tersebut di atas, kertas kerja ini akan menghuraikannya dalam empat konteks utama iaitu 1) Pengenalan tokoh iaitu Malik Bennabi dan 'Ali Shari'ati; 2) Konsep Islam menurut pandangan Bennabi dan Shari'ati; 3) Pengaruh dan sumbangan Islam dalam pembangunan peradaban; dan 4) Perbezaan dan persamaan pandangan kedua tokoh tersebut.

## **Pengenalan Ketokohan Malik Bennabi (1905-1973) dan Ali Shari'ati (1933-1977)**

Sesungguhnya Malik Bennabi dan 'Ali Shari'ati merupakan dua orang ilmuwan Islam yang pakar dalam bidang peradaban Islam pada zaman masing-masing. Ketokohan mereka dalam bidang akademik diakui oleh sarjana Islam mahupun Barat yang datang selepas daripada mereka. Berikut dikemukakan huraian ringkas berkenaan latar belakang ketokohan mereka sebagai seorang ilmuwan Islam tersohor abad ke-20 Masihi.

### **Malik Bennabi**

Beliau merupakan sarjana Islam yang terkemuka pada abad ke-20 Masihi. Beliau terkenal dalam bidang sosiologi kerana mengetengahkan idea pemikiran dan teori berkaitan kebudayaan, peradaban dan sejarah. Beliau dilahirkan di Constantine (*Qusantinah*), Algeria pada 1 November 1905. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga yang susah, namun dipelihara dan dididik dengan penuh kasih sayang oleh ahli keluarganya terutama ibunya iaitu Hajjah Baya dan neneknya Hajjah Zulaykha.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Malik Bennabi (1985), *Mudhakkirat Shahid Lil al-Qarn*, c. 2. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 16.

Bennabi mendapat pendidikan awal ketika berusia tiga tahun melalui kelas pengajian al-Qur'an (*Kuttab*). Beliau juga turut dihantar ke sekolah beraliran Perancis untuk mempelajari dan mendalami ilmu pengajian Barat. Ketika berusia 16 tahun, beliau dihantar belajar ke Madrasah Constantine, Algeria (kini dikenali sebagai *Lycée Franco Musulman*) dan menamatkan pengajian di sekolah tersebut ketika berusia 20 tahun.<sup>2</sup> Seterusnya ketika berusia 25 tahun, beliau menyambung pengajiannya di Paris, Perancis iaitu di *L'Ecole des Langues Orientales* (Sekolah Bahasa-bahasa Orientalis) dengan memilih jabatan bahasa 'Arab. Namun beliau tidak melepasi ujian kelayakan bahasa 'Arab menyebabkan beliau bertukar ke bidang kejuruteraan. Beliau berjaya memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal pada tahun 1935.<sup>3</sup>

Ketokohan Bennabi sebagai sarjana Islam terkemuka dinilai berdasarkan sumbangannya dalam bidang keilmuan dan keintelektualan. Sumbangan beliau yang cukup bernilai ialah menghasilkan pelbagai karya penulisan khususnya dalam bidang sosiologi berbentuk buku, novel dan artikel. Di antara buku yang dihasilkan oleh Bennabi ialah *Le Phénomène Coranique* (1946), *Les Conditions de la Renaissance* (1948), *La Vacation de l'Islam* (1954), *L'Afro Asiatisme: Conclusions la Conférence de Bandoeng* (1956), *S.O.S Algérie* (1957), *Mushkilah al-Thaqafah* (1959), *al-Sira' al-Fikri fi al-Bilad al-Musta'marah* (1960), *Hadith fi al-Bina' al-Jadid* (1960), *Ta'ammulat fi al-Mujtama' al-'Arabiyy* (1961), *Afaq Jaza'iriyah* (1964), *Mudhakkirat Shahid li al-Qarn* (1966), dan banyak lagi. Selain buku, Bennabi turut menulis sebuah novel bertajuk *Labbayk* (1947), serta beberapa buah artikel seperti *La Revolution Africaine* dan *al-Mujahid*.<sup>4</sup>

Malik Bennabi meninggal dunia ketika berusia 68 tahun iaitu pada 31 Oktober 1973. Pemergiaan Bennabi amat dirasai oleh masyarakat Islam khususnya di kawasan Timur Tengah kerana beliau telah memberikan sumbangan yang bernilai tinggi semasa hayatnya. Ketokohnya sebagai seorang sarjana Islam diiktiraf oleh golongan ilmuwan sama ada di dunia Islam mahupun Barat.

### **'Ali Shari'ati**

'Ali Shari'ati lahir pada 23 November 1933 di Mazinan iaitu di pinggir kota Mahsyad. Beliau lahir dari keluarga ulama'. Ayahnya, Muhammad Taqi Shari'ati adalah seorang ulamak yang mempunyai silsilah keluarga ulama' dari Mahsyad. Sementara ibunya adalah anak kepada Akhun Hakim iaitu ulama' besar yang juga merupakan ketua agama di Mazinan.<sup>5</sup>

Guru pertama Shari'ati adalah bapanya sendiri iaitu Taqi Shari'ati. Bapa beliau merupakan ulama' yang berbeza dari ulama' tradisonal serta tidak

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 46-48.

<sup>3</sup> *Ensiklopedia Dunia* (2005), M-Med, Jil. 13. DBP (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 219.

<sup>4</sup> Fawzia Bariun (1993), *Malik Bennabi: His Life And Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, h. 100.

<sup>5</sup> Ali Rahnema (1995), Ali Shariati: Teacher, Preacher, Rebel. In Ali Rahnema (ed), *Pioneers of Islamic Revival*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., h. 208.

meneruskan tradisi keluarganya walaupun beliau telah dipersiapkan untuk menjadi ulama' seperti bapanya. Pada awal 1940an, Taqi Shari'ati mempropagandakan apa yang beliau percaya sebagai Islam progresif dan mendirikan pusat penerbitan yang dinamakan Pusat Penyebaran Kebenaran Islam (*The Center for Propagation of Islamic Thought*) yang membuka jalan ketiga antara Marxis dan penentang kemajuan. Objektif utamanya ialah menyekat pengaruh atheis yang dipropagandakan oleh komunis serta menyedarkan intelektual Muslim yang dogmatik. Manakala pada pertengahan 1940-an, beliau membentuk Gerakan Sosialis Penyembah Tuhan (*The Movement of God Worshipping Socialist*).<sup>6</sup>

Dalam tahun 1950an, 'Ali Shari'ati dan beberapa pemuda nasionalis moden Islam di bawah Pusat Penyebaran Kebenaran Islam menyertai Gerakan Sosialis Penyembah Tuhan. Gerakan ini mencampurkan Islam dengan sosialisme saintifik yang berdasarkan monotesime dan merupakan gerakan pro-Mossadeq. Selepas 1953, berlaku rampasan kuasa Amerika terhadap kerajaan nasionalis Mossadeq. Shari'ati banyak dipengaruhi oleh Mossadeq dan kegagalannya. Baginya rampasan kuasa terhadap Mossadeq mewujudkan persekutuan trinitis jahat iaitu harta, penindas dan rakan sejenayah yang pemaaf atau ulamak rasmi. Trinitis ini merupakan sumber kejahatan sepanjang sejarah.<sup>7</sup>

Pada tahun 1958, 'Ali Shari'ati mendapat ijazah Sarjana Muda dari Universiti Mahsyad dalam bidang Penulisan Parsi. Pada 1959, beliau mendapat ijazah Sarjana dari universiti yang sama dalam bidang Bahasa Asing khususnya bahasa Arab dan Perancis. Beliau juga telah mendapat biasiswa negara untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Sorbonne, Perancis, di peringkat kedoktoran (PhD) dalam bidang sosiologi dan sejarah Islam. Di Sorbonne, 'Ali Shari'ati menjalin hubungan dengan beberapa intelektual terkenal seperti Louis Massignon, Jean-Paul Sartre, Guevera, Jacques Berque, Henri Bergson dan Albert Camus. Ketika berada di Perancis, beliau melihat adanya proses pembaratan total yang membentuk *Eropanoid* di kalangan pelajar Iran. Dari sini muncul pemikirannya yang memetakan intelektual Islam yang meniru dan intelektual sejati yang mengikut tradisi para nabi yang mempunyai tanggung-jawab dan misi sosial.<sup>8</sup>

## **Konsep dan Doktrin Islam Sebagai Sebuah Agama Menurut Bennabi dan Shari'ati**

Agama pada Bennabi merupakan suatu asas dan elemen yang membentuk serta mempengaruhi kebudayaan. Bennabi mendefinisikan agama sebagai pemangkin (*catalyseur*) yang memberi panduan kepada manusia, masa dan tanah dalam membina dan memulakan kitaran peradaban.<sup>9</sup> Agama turut berperanan penting dalam mengawal dan mengatur kehidupan setiap manusia di

---

<sup>6</sup> Ekky Malaky (2004), *Ali Syari'ati filosof etika dan artisek Iran moden*. Jakarta: Teraju, h.12.

<sup>7</sup> Ali Rahnama (1995), *op.cit.*, h. 214.

<sup>8</sup> Ekky Malaky (2004), *op.cit.*, h.19.

<sup>9</sup> Malik Bennabi (1987), *Shurut al-Nahdah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 45.

muka bumi. Ini disebabkan kewujudan agama merupakan fitrah semulajadi manusia dan suatu undang-undang yang ditawarkan kepada setiap jiwa manusia di alam semesta bermula daripada Nabi Adam a.s. sehingga umat manusia akhir zaman.<sup>10</sup> Bennabi menegaskan bahawa agama yang terbaik adalah agama Islam sebagaimana yang dipaparkan dalam *Surah Ali 'Imran* (3) ayat 19 dan *Surah al-An'am* (6) ayat 153. Bennabi turut mendukung pemikiran monotheistik yang pada dasarnya mengakui keesaan Tuhan. Tuhan Yang Esa merupakan Tuhan Yang Satu, tidak boleh dibahagi-bahagi dan bersifat sejagat.<sup>11</sup> Kepercayaan beragama tersebut berpaksikan keyakinan tawhid dalam Islam yang berdasarkan *Surah al-Ikhlâs* (112) ayat 1 hingga 4 yang menjelaskan mengenai keEsaan Allah Ta'ala.

Seterusnya menurut pandangan Shari'ati berdasarkan karya penulisannya, beliau menggambarkan Islam sebagai sebuah agama yang mampu membawa perubahan sosial disebabkan Islam dilengkapi oleh sumber yang tertinggi iaitu al-Qur'an serta personaliti-personaliti yang hebat yang membawa misi kenabian. Beliau sangat percaya jika golongan intelektual dan generasi baru sedar akan kebenaran kepercayaan ini iaitu Islam, usaha untuk perubahan sosial akan berjaya.<sup>12</sup>

### **Pengaruh dan Sumbangan Islam Dalam Pembangunan Peradaban Menurut Bennabi dan Shari'ati**

Sebelum membicarakan mengenai pengaruh Islam dalam pembangunan peradaban, kajian ini akan menjelaskan makna peradaban menurut Bennabi dan Shari'ati. Menurut Bennabi, peradaban bermaksud suatu produk yang dihasilkan oleh gabungan tiga unsur iaitu manusia, masa dan tanah.<sup>13</sup> Manakala pada Shari'ati peradaban bermaksud keseluruhan himpunan material dan rohani manusia, selain keseluruhan kekayaan material dan rohani sesuatu bangsa atau masyarakat tertentu.<sup>14</sup>

### **Pengaruh dan Sumbangan Islam dalam Pembangunan Peradaban Menurut Bennabi**

Menurut Bennabi, agama berperanan dalam membentuk karakter khas manusia. Agama yang dimaksudkan oleh Bennabi di sini ialah agama Islam. Islam sebagai sebuah agama berkeupayaan mempengaruhi pembangunan sesebuah peradaban. Pada Bennabi pengaruh Islam dalam pembangunan peradaban ialah berdasarkan huraian ringkas berikut.

#### **a. Sumber yang memberi petunjuk kepada manusia**

---

<sup>10</sup> Malik Bennabi (1984), *op.cit.*, h. 82.

<sup>11</sup> Malik Bennabi (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*. 'Abd al-Sabur Shahin (terj.), c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 191.

<sup>12</sup> *A brief Biography of Dr. Ali Shariati*, <http://www.shariati.net/bio.html>, h. 1-2.

<sup>13</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi(2006), *Vocation De L'Islam*. Bayrut: Dar Albouraq, h. 69-70.

<sup>14</sup> *A brief Biography of Dr. Ali Shariati*, <http://www.shariati.net/bio.html>, h. 1-2.

Sesungguhnya Islam membangunkan peradabannya berasaskan kebenaran dan kebaikan.<sup>15</sup> Dalam konteks ini ianya berkait rapat dengan sumber Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Bennabi menegaskan bahawa al-Qur'an merupakan sumber utama Islam, mempunyai keistimewaan yang unik kerana diturunkan hampir 1500 tahun lalu tanpa melalui sebarang bentuk perubahan dan tidak menerima sebarang jenis kepalsuan. Selain al-Qur'an, sumber kedua Islam iaitu al-Hadith yang merujuk kepada kata-kata (perkataan), tingkah laku (perbuatan) dan pengakuan (taqrir) Nabi Muhammad s.a.w. Al-Hadith merupakan sumber kedua terpenting dalam kehidupan umat manusia khususnya dalam konteks perundangan dan sumber ilmu Islam.<sup>16</sup>

Dalam konteks pembangunan peradaban, Bennabi menyatakan bahawa al-Qur'an dan al-Hadith merupakan sumber petunjuk yang memberi pengaruh cukup besar kepada umat manusia. Ini kerana al-Qur'an dan al-Hadith mendidik manusia supaya melakukan amal kebaikan dan meninggalkan amal kejahatan dalam menjalani kehidupan seharian. Misalnya didikan al-Qur'an tersebut adalah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Ta'ala dalam *Surah Ali-Imran* (3): 110 yang bermaksud:

*"Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang yang fasik."*<sup>17</sup>

Selain itu, al-Qur'an turut memimpin manusia iaitu dengan mengetengahkan sejarah umat manusia terdahulu untuk dijadikan iktibar dan peringatan yang berguna kepada mereka khususnya umat manusia akhir zaman ini. Ini kerana dengan mengetahui sejarah bangsa terdahulu, seseorang itu dapat memperbaiki dirinya dan melakukan sesuatu dengan sebaik mungkin merangkumi peranannya sebagai khalifah Allah Ta'ala dalam mengurus dan mentadbir alam ini.

## **b. Gerakan Kenabian**

Selain sumber al-Qur'an dan al-Hadith, Islam turut mempengaruhi pembangunan peradaban dari konteks gerakan kenabian yang merujuk kepada proses dakwah golongan para Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah Ta'ala kepada umat manusia. Kenabian yang dimaksudkan oleh Bennabi ialah kedatangan para nabi dan Rasul yang bermula daripada Nabi Adam a.s. sehingga nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Para Rasul yang diutuskan oleh Allah

---

<sup>15</sup>Malik Bennabi (2006), *Les Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Bayrut: Dar Albouraq, h. 41.

<sup>16</sup> Malik Bennabi (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 104, 140.

<sup>17</sup>Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2006), *Les Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*, h. 41.

Ta'ala bertanggungjawab untuk membawa risalah kenabian dan disampaikan kepada umat manusia pada zaman masing-masing.<sup>18</sup>

Sesungguhnya gerakan kenabian dalam konteks pembangunan peradaban ialah mengenai pengaruhnya dalam proses membangunkan sesebuah masyarakat. Ini kerana para Nabi yang diutuskan termasuk Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan untuk memberi keyakinan mengenai kewujudan Tuhan, membimbing manusia kepada jalan yang benar serta menyatukan seluruh umat manusia.

Daripada penghuraian di atas menjelaskan bahawa Islam sebagai sebuah agama dapat mempengaruhi pembangunan sesebuah peradaban. Berdasarkan pengaruh tersebut, Islam telah memberi sumbangannya yang tersendiri dalam proses pembangunan peradaban. Bennabi menjelaskan bahawa sumbangan Islam dalam pembangunan peradaban terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu spiritual, intelektual dan psikologikal. Berikut ialah penghuraian ringkas sumbangan Islam dalam pembangunan peradaban berdasarkan tiga aspek tersebut.

#### **a. *Spiritual***

Ia merujuk kepada ruh yang bermaksud semangat atau jiwa dalaman manusia. Istilah ruh terdapat dalam al-Qur'an yang selalunya membawa maksud inspirasi ketuhanan. Bennabi menyatakan bahawa Islam memberi sumbangan yang cukup bernilai dalam menguatkan jiwa dan ruh manusia. Ini kerana ruh Islam dapat mempersatukan jiwa-jiwa manusia dalam proses pembentukan keluarga dan masyarakat. Misalnya penyatuan di antara kaum Ansar dan Muhajirun dalam membentuk masyarakat Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.<sup>19</sup>

Selain itu, ruh Islam turut mempengaruhi kemajuan sesebuah bangsa manusia berdasarkan konsep *iqra'* (bacalah) yang diketengahkan melalui sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan disampaikan melalui gerakan kenabian iaitu berdasarkan dakwah Nabi Muhammad s.a.w. kepada seluruh manusia.

#### **b. *Intelektual***

Selain spiritual, Islam turut memberi sumbangan yang cukup bernilai dalam pembangunan peradaban iaitu dalam aspek intelektual. Ini kerana sebagai sebuah agama Islam dapat memberi dorongan motivasi kepada manusia untuk membangunkan keintelektualannya supaya dapat menghasilkan suatu peradaban yang bernilai tinggi dalam sejarah.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 35.

<sup>19</sup> Malik Bennabi (2003), *The Question Of Ideas in The Muslim World*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book trust, h. 41.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 22-26.

Selain itu, Islam turut menggerakkan akal manusia berdasarkan prinsip-prinsip keagamaan supaya memajukan diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat masing-masing. Manusia yang memahami dan menghayati ajaran Islam akan dapat melakukan sebarang bentuk perubahan dan kemajuan dalam bidang keintelektualan. Buktinya, kegiatan keilmuan dan keintelektualan berkembang pesat dalam peradaban manusia khususnya peradaban Islam semasa kemunculan tokoh ilmuwan Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina, Abu al-Wafa', Ibn Rushd sehingga Ibn Khaldun.

### **c. Psikologikal**

Selain dua aspek di atas, Islam turut memberi sumbangan terhadap aspek psikologikal dalam proses pembangunan peradaban. Sumbangan Islam yang boleh dilihat dalam konteks ini ialah ajarannya sebagai sebuah agama yang dapat memberi semangat kepada umat Islam untuk membentuk tingkah laku yang baik. Selain itu, Islam turut mendorong manusia supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat dengan membabitkan diri dalam bidang keilmuan iaitu dengan menuntut ilmu dan bidang pekerjaan iaitu bekerja menyara hidup masing-masing.<sup>21</sup>

Dalam aspek psikologi, ianya merujuk kepada tingkah laku dan sumber daya manusia yang dapat digerakkan untuk membangunkan sesebuah peradaban berdasarkan dorongan keagamaan. Bennabi turut menyatakan bahawa Islam ialah suatu fenomena berbentuk pemikiran keagamaan yang membangun dan menggerakkan sesebuah peradaban. Ini kerana pada Bennabi peradaban diumpamakannya seperti matahari yang mana ianya akan sentiasa bergerak dalam lingkungan kehidupan manusia.

## **Pengaruh dan Sumbangan Islam Dalam Pembangunan Peradaban Menurut Shari'ati**

Idea pembangunan peradaban yang diketengahkan oleh Shari'ati banyak dipengaruhi oleh agama pegangannya iaitu Islam. Oleh kerana pentingnya pengaruh agama terhadap tamadun, Shari'ati telah memberi penekanan khusus terhadap pemahaman Islam menggunakan metode yang dicadangkan. Seterusnya beliau mendatangkan beberapa faktor utama berlandaskan ajaran Islam dalam merubah masyarakat. Selain itu, Islam juga telah menyumbangkan sesuatu yang amat berharga kepada Shari'ati dalam gagasannya yang disebut sebagai Islamologi.

### **a. Pendekatan Ali Shariati dalam memahami Islam**

Perkara yang ditekankan oleh Shari'ati ialah mengenali Islam dengan betul dengan menggunakan metode yang betul.<sup>22</sup> Hal ini kerana baginya, kepercayaan

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>22</sup> Ali Shariati, *An Approach To The Understanding of Islam, Part 1* (The First Night's Lecture), <http://www.shariati.com/lesson1.html>, h.1-2.



sahaja tidak mencukupi kerana jika percaya kepada sesuatu yang tidak diketahui ianya, tidak bernilai. Justeru kita percaya terhadap Islam, kita diwajibkan mengenalinya dengan baik.

Untuk mengenali Islam tegas beliau, satu pendekatan eksklusif dalam semua perkara tidak boleh digunakan kerana Islam tidak bersifat agama satu dimensi. Islam bukanlah satu agama yang terhad kepada hubungan antara Tuhan dan manusia kerana ianya merupakan satu dimensi sahaja daripada Islam yang syumul. Untuk mengetahui dimensi tersebut, metode falsafah perlu digunakan kerana hubungan manusia dengan Tuhan adalah sebahagian daripada bidang pemikiran. Manakala dimensi yang lain ialah yang berkaitan dengan cara hidup seseorang di bumi ini. Untuk kebenaran dimensi ini, metode sosiologi dan sejarah perlu digunakan.<sup>23</sup>

Sumber utama agama Islam iaitu al-Qur'an adalah contoh pelbagai dimensi daripada pelbagai sains. Dimensi yang paling penting dalam al-Qur'an ialah aspek kemanusiaan yang terdiri daripada dimensi masyarakat, sejarah dan psikologi. Peristiwa sejarah yang berkaitan dengan kaum serta takdir sesebuah bangsa dan sebab-sebab kemunduran bangsa yang berbeza telah disebutkan di dalam al-Qur'an. Justeru itu, sejarawan perlulah mengkajinya secara saintifik. Ahli sosiologi pula perlu melihatnya melalui metode sosiologi. Manakala untuk membincangkan dan memahami masalah sains semula jadi dan fenomena alam, metode semula jadi diperlukan. Oleh kerana bidang Shariati ialah sejarah dan sosiologi, beliau menerangkan dua metode dalam sains kemanusiaan iaitu masyarakat dan kajian sejarah.

Salah satu metode (kajian sejarah) yang boleh digunakan untuk mengenali agama adalah sebagaimana mengenali seorang personaliti yang hebat iaitu terbahagi kepada dua cara iaitu; 1) Seseorang perlu secara saintifik membiasakan diri dengan pemikiran, tulisan, cadangan, ucapan, artikel dan buku personaliti tersebut; dan 2) Mengkaji kehidupannya, latar-belakang keluarganya, suasana semasa ia membesar, guru-gurunya, peristiwa yang dihadapinya dalam kehidupan, kelemahan dan kekurangannya dan lain-lain.<sup>24</sup> Begitu jugalah dengan cara mengenali agama. Idea dan pemikirannya adalah al-Qur'an manakala biografi dan penerangan agama merupakan sejarahnya. Oleh itu, untuk mengetahui Islam dengan sempurna ialah dengan melalui dua cara berikut iaitu; 1) Mengkaji al-Qur'an iaitu himpunan pemikiran, idea, sains Islam; dan 2) Mengkaji sejarah Islam yang menerangkan perubahan yang berlaku bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. hingga ke hari ini.

Metode lain yang boleh digunakan ialah tipologi. Kebanyakan ahli sosiologi percaya bahawa metode ini merupakan pendekatan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah sosiologi khususnya, iaitu dengan membanding-bezakan satu fahaman dengan fahaman yang lain. Untuk mengetahui Islam, Shari'ati juga

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 2.

<sup>24</sup> Ali Shariati (1979) *On Sociology of Islam*. Hamid Algar (terj.). Berkeley: Mizan Press, h.54.

menggunakan metode ini iaitu dengan mengetahui lima aspek agama dan kemudiannya membandingkannya dengan aspek yang sama dalam agama yang lain. Lima aspek tersebut ialah; 1) Tuhan atau tuhan-tuhan yang disembah dalam setiap agama; 2) Kitab dalam agama yang merupakan asas perundangan yang dipraktikkan; 3) Nabi atau orang yang mengaku membawa misi agama; 4) Bentuk dan penampilan mereka yang membawa misi agama sama ada manusia biasa, putera raja, ahli sains, ahli falsafah dan lain-lain; dan 5) Pengikut yang baik yang dilatih dalam agama tersebut.<sup>25</sup>

## **b. Faktor Perubahan dan Pembangunan Masyarakat**

Shari'ati menegaskan bahawa Islam adalah agama yang menitik-beratkan kemanusiaan iaitu individu dan masyarakat. Beliau cuba mengumpul jenis sosiologi agama atas asas Islam menggunakan terminologi yang dirujuk dan diambil daripada al-Qur'an. Hasil daripada kajiannya terhadap Islam dan al-Qur'an, beliau menemui cadangan saintifik bagi sejarah dan sosiologi yang digambarkan dari kebiasaan Nabi Muhammad. Al-Qur'an dan Islam memberi beliau idea tentang tema baru yang berkaitan dengan sejarah, sosiologi dan sains kemanusiaan.

Beliau mendapati masalah penting dalam sains kemanusiaan yang tidak diberi perhatian oleh sains seperti penghijrahan. Hijrah merupakan prinsip falsafah dan sosial yang dalam. Menurutnya hijrah merupakan faktor yang mempengaruhi sejarah keseluruhannya. Semua tamadun dunia dari yang tertua iaitu Sumeria dan yang terbaru iaitu Amerika diasaskan melalui hijrah. Ini bermakna seseorang yang tertawan oleh lingkungan tempat tinggalnya, menjadi terpenjara, statik serta tidak boleh berkembang dan berubah. Hijrah iaitu putusnya keterikatan masyarakat terhadap tanahnya boleh mengubah pandangan manusia terhadap alam dan mengubahnya menjadi pandangan yang luas dan menyeluruh.<sup>26</sup> Dengan demikian hijrah itu sendiri adalah gerakan dan loncatan besar manusia dalam pembangunan peradaban mereka.

Di samping faktor hijrah, terdapat beberapa faktor yang membawa perubahan dan pembangunan dalam sesebuah masyarakat yang disebut oleh Shari'ati iaitu personaliti, tradisi dan massa.<sup>27</sup> Personaliti merujuk kepada pemimpin dalam Islam; tradisi merujuk kepada agama Islam dan sumbernya iaitu al-Qur'an; dan massa merujuk kepada masyarakat.

Sebagai pemimpin dalam Islam, personaliti yang paling hebat ialah Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Shariati, jika Islam percaya dengan peranan personaliti hebat sebagai faktor asas perubahan masyarakat dan sejarah, ia akan menganggap Nabi Muhammad s.a.w. sebagai faktor perubahan. Namun misi

---

<sup>25</sup> Ali Shariati, *An Approach To The Understanding of Islam, Part 2* (The Second Night's Lecture), <http://www.shariati.com/lesson2.html>, h.1.

<sup>26</sup> Ali Syari'ati (1996), *Rasulullah s.a.w. Sejak Hijrah Hingga Wafat: Tinjauan Kritis Sejarah Nabi Periode Madinah*. Diterjemah dari buku aslinya; *Muhammad s.a.w. Khatim An-Nabiyyin Min Al-Hijrah Hatta Al-Wafat* oleh Afif Muhammad dan disunting oleh Achmad Hadi. Bandung: Pustaka Hidayah, h.13-15.

<sup>27</sup> Ali Shariati (1979), *op.cit.*, h. 5-6.

Nabi yang dijelaskan dalam al-Qur'an menyatakan bahawa baginda bertanggungjawab menyampaikan mesej. Baginda juga pernah bersedih apabila tidak dapat memimpin masyarakat ke jalan yang baginda mahukan. Allah Ta'ala menjelaskan kepada baginda yang bermaksud "*Misi kamu hanyalah untuk menyampaikan mesej. Engkau tidak perlu takut. Sampaikan berita kepada masyarakat dan tunjukkan jalan kepada mereka. Dan kamu tidak dipertanggungjawabkan ke atas perkembangan mereka*". Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang terdapat dalam al-Qur'an tidak dianggap sebagai faktor utama dalam perubahan sejarah, tetapi diperkenalkan sebagai pesuruh Allah Ta'ala yang harus menyampaikan fahaman dan kebenaran kepada manusia. Misinya berakhir di situ. Segalanya bergantung kepada manusia sama ada untuk memilih fahaman tersebut ataupun tidak. Personaliti dalam Islam tidak dianggap sebagai kuasa kreatif. Nabi-nabi juga tidak dianggap personaliti yang membawa adat kebiasaan yang baru ke dalam masyarakat. Dari perspektif sosiologi, kelebihan nabi-nabi daripada guru-guru yang lain ialah mereka lebih mengetahui dan memahami tentang ketuhanan. Sejarah telah membuktikan nabi-nabi lebih berjaya daripada pendukung reformasi yang bukan membawa misi nabi. Pendukung reformasi menyampaikan slogan mereka dengan baik di dalam buku-buku mereka tetapi mereka tidak mengubah masyarakat. Namun, nabi-nabi adalah orang yang membina masyarakat dan sejarah, tetapi ini bukan kerana mereka membawa tradisi atau adat baru tentang ketuhanan sebaliknya mereka telah menyampaikan tradisi atau adat daripada Tuhan melalui kekuatan kenabian. Mereka mencapai matlamat dan misi dengan mematuhi tradisi atau adat ini melalui kekuatan kehendak mereka.

Umumnya, manusia yang mempunyai fahaman agama menyatakan faktor yang utama dan efektif yang merubah masyarakat ialah fahaman agama atau dalam hal ini disebut sebagai tradisi. Walau bagaimanapun menurut Shari'ati, dalam pelbagai bahagian al-Qur'an, manusia (*an-Nas*) telah disebutkan. Nabi Muhammad s.a.w. dihantar membawa misi kepada manusia. Baginda bercakap kepada manusia. Baginda mempromosikan Islam kepada manusia. Manusia yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dan sejarah. Perkataan manusia adalah penting dan ianya hampir dengan maksud massa. Dalam sosiologi, massa bermaksud masyarakat manusia tanpa mengira perbezaan kelas atau kumpulan-kumpulan tertentu. Perkataan *insan* dan *bashar* juga merujuk kepada manusia cuma *insan* membawa maksud manusia yang bermoral manakala *bashar* termasuk manusia yang memiliki sifat kehaiwanan. Jelas bahawa Islam adalah fahaman pertama yang bersifat sosial yang mengambil kira manusia sebagai asas dan faktor utama dalam masyarakat dan sejarah sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat al-Qur'an iaitu dalam *Surah al-Baqarah* (2) ayat 134 Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud, "*Itulah umat yang telah lalu, mereka memproleh apa yang mereka usahakan, dan kamu memperoleh apa yang kamu usahakan, dan kamu tidak bertanggungjawab terhadap apa yang mereka perbuat*".

Seperti yang telah diketahui terdapat tiga faktor iaitu personaliti, tradisi/adat kebiasaan dan golongan massa yang menentukan nasib sesebuah masyarakat, namun dalam perspektif Islam, faktor yang paling efektif ialah golongan massa dan tradisi kerana massa mewakili jenis manusia dan tradisi

merujuk kepada undang-undang saintifik dalam masyarakat. Walau bagaimanapun menurut Shari'ati, nisbah peranan setiap faktor bergantung kepada sesebuah masyarakat. Dalam sebuah masyarakat yang mempunyai golongan massa yang progresif serta dalam banyak perkara mereka telah mencapai peringkat tertinggi dalam disiplin dan kebudayaan, peranan personaliti berkurangan. Manakala di dalam masyarakat yang belum mencapai tamadun, peranan personaliti lebih efektif.

Contohnya ialah personaliti Nabi Muhammad s.a.w. memainkan peranan yang sangat penting dalam perubahan struktur dalam peradaban. Oleh itu bagi Shari'ati, Nabi Muhammad s.a.w. merupakan faktor utama dalam perubahan masyarakatnya. Secara umumnya ada lima faktor yang membina manusia iaitu; 1) Ibu yang membina struktur serta dimensi rohani manusia, menyuburkan semangat kemanusiaan serta perasaan anak dan sentuhan istimewanya memberikan pelajaran pertama kepada anak; 2) Bapa yang membina dimensi lain ke dalam jiwa anak; 3) Sekolah yang membina bentuk dan dimensi yang jelas kepada manusia; 4) Persekitaran dan masyarakat di mana kesan persekitaran mempengaruhi perbezaan manusia yang tinggal di kampung dan bandar besar; dan 5) Budaya umum sesebuah bangsa atau dunia. Tetapi dalam kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu faktor personaliti yang unggul dalam perubahan masyarakat dan sejarah, tiada satu pun daripada lima faktor sepertimana yang telah disebutkan mempengaruhi jiwanya.<sup>28</sup> Sebenarnya ini telah dirancang supaya tiada bentuk dan disiplin yang diberikan kepadanya seperti yang biasa diberikan kepada manusia dalam zaman dan persekitarannya. Baginda telah dihantar untuk memusnahkan semua berhala dan jika baginda dibesarkan dalam persekitaran tersebut, baginda tidak akan berjaya melaksanakan misinya.

### **c. Islamologi atau ideologi Islam sebagai asas tamadun Islam**

Shari'ati memperkenalkan Islamologi dengan beberapa tujuan antaranya ialah; 1) Menunjukkan kemodenan, persamaan dan demokrasi adalah selari dengan Islam; 2) Mengenal pasti halangan-halangan untuk merealisasikan Islam yang unggul; 3) Menjawab persoalan mengapa orang yang benar-benar percaya kepada konsep Tawhid bertanggung jawab menyelesaikan halangan-halangan tersebut. Konsep dalam Islamologi yang diterangkan oleh Shari'ati ada sebelas iaitu Sarjana dan sarjana, Islam sebagai budaya dan sains lawan Islam sebagai ideologi, Idea aliran pemikiran, Infstruktur dan suprastruktur sistem kepercayaan, Pandangan alam, Falsafah antropologi, Sosiologi, Falsafah sejarah, Ideologi Masyarakat ideal dan Insan ideal.

#### **i. *Sarjana dan sarjana***

Shari'ati menerangkan perbezaan antara sarjana Islam sebenar dengan seorang yang hanya belajar Islam tetapi tidak memahaminya. Pada beliau untuk memahami aliran pemikiran khususnya aliran pemikiran Islam tidak sama dengan mendapatkan maklumat lengkap dan teknikal tentangnya. Sebaliknya harus ada

---

<sup>28</sup> Ali Shariati (1979), *An Approach To The Understanding of Islam*. Venus Kaivantash (terj.). Tehran: The Shariati Foundation and the Hamdani Publisher, h. 8-10.

perasaan mendalami agama atau ideologi untuk menemui roh dan makna yang tersembunyi dalamnya.<sup>29</sup>

## **ii. *Islam sebagai budaya dan sains lawan Islam sebagai ideologi***

Sepanjang sejarah tamadun Islam, budaya dan sains Islam menjadi perkara kompleks yang terdiri daripada teologi, interpretasi, pemikiran sejarah dan lain-lain. Kesemua ini dicantumkan membentuk sains Islam dan setiap bidang mempunyai pengkhususan. Apa yang dipelajari oleh seseorang ialah mendapat maklumat teknikal dan menjadi pakar dalam sesuatu bidang. Sebaliknya, Islam sebagai ideologi bukan pengkhususan saintifik tetapi perasaan seseorang terhadap aliran pemikiran sebagai sistem kepercayaan dan bukannya budaya.<sup>30</sup>

## **iii. *Idea aliran pemikiran***

Aliran pemikiran ialah himpunan harmoni konsep-konsep falsafah, kepercayaan agama, nilai etika dan metode praktikal yang mana melalui hubungan rasional, mencipta satu gerakan yang bermakna, bermatlamat dan bersatu di bawah satu badan yang hidup dan semua bahagian disuburkan oleh satu roh. Oleh itu, aliran pemikiran bertindak seperti galaksi di mana semua sensitiviti, tingkah laku sosial, ciri-ciri etika, falsafah, agama, idea sosial seseorang individu ibarat planet yang mengelilingi matahari. Ini adalah imej mental seseorang individu yang memiliki aliran pemikiran.<sup>31</sup>

## **iv. *Infrastruktur dan suprastruktur sistem kepercayaan***

Infrastruktur merujuk kepada asas sistem kepercayaan atau sikap yang dikembangkan daripada sistem kepercayaan yang mempunyai hubungan bersebab dengan suprastruktur. Suprastruktur pula ialah idea atau kesan yang dikembangkan daripada tiga rukun (makna, roh dan orientasi) yang membentuk ideologi dan berdasarkan infrastruktur sistem kepercayaan. Setiap aliran ideologi perlu ada infrastruktur atau sistem sokongan asas terhadap semua idea yang berkembang. Ia terdiri daripada “pandangan alam” di mana setiap aliran pemikiran tanpa terkecuali mempunyai satu orientasi sama ada bersifat ketuhanan, materialistik, naturalistik, idealistik, fasis, Marxis dan sebagainya.<sup>32</sup>

## **v. *Pandangan alam***

Pandangan alam ialah satu kefahaman tentang seseorang itu “wujud”. Oleh itu, ideologi mengembangkan pandangan alam seseorang dan kedua ini mempunyai hubungan sebab dan akibat. Seseorang yang mempunyai pandangan

---

<sup>29</sup> Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 1, <http://www.shariati.com/islamgy1html>., h. 2-6.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 6-7.

<sup>31</sup> Morteza Mutahhari (1982), *Man and Faith*. Amir Forough Abri & Mohammad Reza Talebinejad (terj.). Iran: Iran University Press, h. 51

<sup>32</sup> Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 2, <http://www.shariati.com/islamgy2html>., h.10-11.

alam “agama”, percaya bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang sedar dan berkehendak dan daripada perkiraanNya yang tepat, seseorang itu akan dibalas dengan balasan sama ada baik atau jahat bergantung kepada perbuatannya sendiri.

#### **iv. Falsafah Antropologi**

Falsafah antropologi adalah jenis ilmu yang lahir dalam aliran pemikiran tentang kemanusiaan yang bukan dalam aspek terminologi saintifik antropologi dan bukan juga makna umum kemanusiaan. Kemanusiaan merujuk kepada nilai sebenar, misi dan makna.<sup>33</sup>

#### **vi. Sosiologi**

Dalam aliran pemikiran, sosiologi bersifat harmoni dengan kecenderungan, ideal dan pandangan khusus sesebuah aliran. Bergantung pada ini, ia menghukum, mengkritik dan menilai. Namun Shari'ati menerima hujah bahawa pra-pengadilan dan ideologi dogmatik melemahkan kajian saintifik di mana pengkaji yang percaya kepada sesuatu kebenaran sebelum mengkajinya, tidak boleh menjadi pengkaji yang baik kerana kajian bermaksud meneroka, menganalisa, menjelaskan dan menyukat masalah untuk mencari kebenaran. Shari'ati mencadangkan pengkaji sebelum mengambil apa-apa keputusan mestilah bebas daripada kepercayaan tertentu atau pengertian yang ditentukan supaya keputusan kajian (bukan keputusan pengkaji), menunjukkan kebenaran kepada mereka. Kebenaran yang telah dibuktikan ini harus menjadi kepercayaan pengkaji. Selepas mencapai keputusan atau menyedari kebenaran, mereka perlu terikat dengannya dan menyedari tanggungjawab mereka kepada masyarakat.<sup>34</sup>

#### **vii. Falsafah Sejarah**

Sejarah adalah sesuatu yang berterusan, mempunyai kronologi yang ditetapkan dan bergerak mengikut hukum tertentu yang tegas. Dalam ilmu sejarah, Shari'ati mereka bentuk ia dalam aliran ideologi sebagai falsafah sejarah. Ideologi termasuk kepercayaan dan pengetahuan tentangnya. Ia menjelaskan bagaimana seseorang mesti hidup, apa yang harus dilakukan, jenis masyarakat apa yang perlu dibentuk, bagaimana sistem sosial yang ideal dicipta, apa tanggung jawab dan komitmen seseorang individu terhadap masyarakat, apa jenis konflik, hubungan, idea, keperluan, kepercayaan, nilai positif dan negatif, tingkah-laku kolektif, ukuran baik dan jahat serta identiti individu dan masyarakat yang harus dikukuhkan.<sup>35</sup>

#### **ix. Ideologi**

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 13-15.

<sup>34</sup> Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 3, <http://www.shariati.com/islamgy3html>, h.1-10.

<sup>35</sup> Ahmad Shabery Cheek (1987), *Warisan Shariati*. Kuala Lumpur: Ikraq, h.48.

Ideologi bermaksud suatu sistem kepercayaan yang mentafsirkan sosial, rasional, orientasi kelas kehidupan manusia, sistem nilai, peraturan sosial, bentuk kehidupan, individu yang ideal, situasi sosial dan kehidupan manusia dalam pelbagai dimensi. Shari'ati menegaskan bahawa pandang hidup Tawhid ialah alam yang terdiri atas serangkai tanda (*ayat*) dan norma (*sunan*). Penggunaan kata tanda (*ayat*) menunjukkan suatu gejala alam mengandungi pemahaman yang dalam.<sup>36</sup>

#### **x. *Masyarakat yang ideal (Utopia)***

Utopia yang dimaksudkan Shari'ati ialah masyarakat yang ideal. Semua falsafah, agama dan manusia mempunyai utopia yang berbeza dalam minda mereka. Dalam aliran pemikiran, masyarakat yang bertaraf tinggi bukanlah satu imaginasi tetapi masyarakat ideal dibentuk daripada ideologi aliran pemikiran tersebut. Kewujudan imaginasi ini membuktikan manusia sentiasa bergerak daripada "situasi sekarang" ke arah "situasi yang diinginkan".<sup>37</sup>

#### **xii. *Insan yang ideal (ideal prototype)***

Model manusia ialah model yang memberi panduan dan menggerakkan kita. Model ini boleh digunakan sebagai ukuran dalam kehidupan, etika, melatih dan mengajar manusia. Adalah sukar untuk mendisiplinkan manusia tanpa mengenali dan memiliki "manusia ideal" di kalangan bangsa manusia. Disiplin bermaksud "menjadi manusia" dan membawanya hampir kepada "insan kamil". Insan kamil mestilah jelas dan diketahui jenis manusia yang bagaimana.<sup>38</sup>

### **Perbezaan dan persamaan Pandangan Bennabi dan Shari'ati**

Berdasarkan penghuraian di atas menjelaskan bahawa terdapat perbezaan dan persamaan pandangan di antara Bennabi dan Shari'ati berkenaan pengaruh dan sumbangan Islam dalam proses pembangunan peradaban. Perbezaan dan persamaan pandangan mereka ialah seperti huraian ringkas berikut.

### **Perbezaan dan persamaan pandangan Bennabi dan Shari'ati mengenai Konsep Islam sebagai sebuah agama**

Sesungguhnya pandangan Bennabi dan Shari'ati berbeza dalam memperkatakan mengenai Islam sebagai sebuah agama. Ini kerana pada Bennabi agama merupakan pemangkin (*catalyseur*) yang berperanan memberi panduan kepada manusia, masa dan tanah untuk membina dan memulakan kitaran peradaban. Manakala pada Shari'ati agama ialah sesuatu yang perlu difahami dengan baik menggunakan metode yang pelbagai bersesuaian dengan aspek dan keadaan tertentu kehidupan manusia agar ianya menjadi panduan terbaik. Ini

---

<sup>36</sup> Ahmad Shabery Cheek (1987), *op.cit.*, h.41-44.

<sup>37</sup> Ali Shariati, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 4, h.15-21.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h.17-22.

kerana pada Shari'ati ada kemungkinan manusia yang silap dalam memahami dan mempraktikkan agama mereka.

Dari konteks persamaan, Bennabi dan Shari'ati menegaskan bahawa agama yang terbaik dan benar ialah agama Islam. Islam merupakan agama yang mempercayai kepada Tuhan Yang Satu iaitu Allah Ta'ala dan tiada tuhan yang disembah melainkan-Nya.

### **Perbezaan dan persamaan pandangan Bennabi dan Shari'ati mengenai pengaruh Islam dalam Pembangunan Peradaban**

Bennabi dan Shari'ati berbeza pendapat berkaitan pengaruh Islam dalam pembangunan peradaban. Ini kerana pada Bennabi Islam mempengaruhi pembangunan peradaban berdasarkan dua aspek utama iaitu sumber yang memberi petunjuk kepada manusia yang merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith, serta gerakan kenabian. Manakala pada Shari'ati terdapat tiga pengaruh utama Islam dalam pembangunan peradaban iaitu personaliti, tradisi dan golongan massa. Pada Shari'ati selalunya golongan massa merupakan pengaruh utama khusus dalam membangunkan masyarakat tetapi dalam situasi tertentu personaliti yang unggul diketengahkan sebagai pengaruh utama khusus semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Dari konteks persamaan, Bennabi dan Shari'ati berpendapat bahawa sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith serta gerakan kenabian yang berusaha menggerakkan penyatuan masyarakat untuk mencapai kemajuan yang berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Ta'ala semata-mata.

### **Perbezaan dan persamaan pandangan Bennabi dan Shari'ati mengenai sumbangan Islam dalam Pembangunan Peradaban**

Sesungguhnya Islam diakui memberi sumbangan kepada proses pembangunan peradaban manusia. Namun terdapat perbezaan pandangan di antara Bennabi dan Shari'ati berkaitan sumbangan Islam berkenaan. Ini kerana pada Bennabi sumbangan Islam dalam setiap proses pembangunan sesebuah peradaban manusia ialah berdasarkan tiga aspek utama iaitu spiritual, intelektual dan psikologikal. Tiga aspek tersebut diakui amat penting kepada seseorang manusia untuk membangunkan diri sendiri, masyarakat dan seterusnya agama dan negara masing-masing. Manakala pada pandangan Shari'ati sumbangan utama Islam dalam pembangunan peradaban ialah sumbangan intelektual yang digelarnya sebagai Islamologi yang bertujuan menunjukkan kemodenan, persamaan dan demokrasi adalah selari dengan Islam.

Dari konteks persamaan, Bennabi dan Shari'ati menyetujui bahawa antara sumbangan utama Islam dalam proses pembangunan peradaban ialah dari aspek intelektual. Ini kerana pada mereka Islam dapat membangunkan kemajuan intelektual masyarakat berdasarkan pengaruh utamanya ialah sumber al-Qur'an dan al-Hadith.



## Penutup

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa Bennabi dan Shari'ati merupakan dua tokoh Islam yang terkemuka dalam bidang peradaban. Kedua-dua tokoh tersebut menyetujui bahawa agama berperanan dalam membangunkan peradaban manusia. Pada mereka agama tersebut adalah merujuk khusus kepada agama Islam iaitu sebuah agama yang benar dan terbaik disisi Allah Ta'ala. Islam sebagai sebuah agama dapat mempengaruhi pembangunan sesebuah peradaban, selain turut memberi sumbangan yang bernilai tinggi dalam setiap proses pembangunan tersebut.

## Bibliografi

- Malik Bennabi (1985), *Mudhakkirat Shahid Li al-Qarn*, c. 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_ (1987), *Shurut al-Nahdah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_ (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_ (2003), *The Question Of Ideas in The Muslim World*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book trust.
- \_\_\_\_\_ (2006), *Les Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Bayrut: Dar Albouraq.
- \_\_\_\_\_ (2006), *Vocation De L'Islam*. Bayrut: Dar Albouraq.
- Fawzia Bariun (1993), *Malik Bennabi: His Life And Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Ali Shariati (1979), *An Approach To The Understanding of Islam*. Venus Kaivantash (terj.). Tehran: The Shariati Foundation and the Hamdani Publisher.
- \_\_\_\_\_, *An Approach To The Understanding of Islam, Part 1* (The First Night's Lecture), <http://www.shariati.com/lesson1.html>.
- \_\_\_\_\_, *An Approach To The Understanding of Islam, Part 2* (The Second Night's Lecture), <http://www.shariati.com/lesson2.html>.
- \_\_\_\_\_ (1998), *Ideologi Kaum Intelektual: Wawasan Islam*. Pengantar oleh Jalaluddin Rahmat. Bandung: Penerbit Mizan.
- \_\_\_\_\_ (1979), *On Sociology of Islam*. Hamid Algar (terj.). Berkeley: Mizan Press.
- \_\_\_\_\_ (1996), *Rasulullah s.a.w. Sejak Hijrah Hingga Wafat: Tinjauan Kritis Sejarah Nabi Periode Madinah*. Diterjemah dari buku aslinya:

Muhammad s.a.w. Khatim An-Nabiyyin Min Al-Hijrah Hatta Al-Wafat oleh Afif Muhammad dan disunting oleh Achmad Hadi. Bandung: Pustaka Hidayah.

\_\_\_\_\_, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 1, <http://www.shariati.com/islamgy1html>.

\_\_\_\_\_, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 2, <http://www.shariati.com/islamgy2html>.

\_\_\_\_\_, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 3, <http://www.shariati.com/islamgy3html>.

\_\_\_\_\_, *Islamology: The Basic Design For A School of Thought and Action*, Part 4, <http://www.shariati.com/islamgy4html>.

Ahmad Shabery Cheek (1987), *Warisan Shariati*. Kuala Lumpur: Ikraq.

Ali Rahnema (1995), *Ali Shariati: Teacher, Preacher, Rebel*. In Ali Rahnema (ed), *Pioneers of Islamic Revival*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Ekky Malaky (2004), *Ali Syari'ati filosof etika dan artisek Iran moden*. Jakarta: Teraju.

Morteza Mutahhari (1982), *Man and Faith*. Amir Forough Abri and Mohammad Reza Talebinejad (terj.). Iran: Iran University Press.

# Peranan Manusia dalam Pembentukan dan Pembangunan Kebudayaan Islam Menurut Perspektif Malik Bennabi (1905-1973)

Khairiah Mohd Yassin\*  
Wan Suhaimi Wan Abdullah\*\*

## Abstrak

*Sesungguhnya kebudayaan yang wujud dalam lingkungan sesebuah masyarakat dibentuk oleh mereka sendiri. Buktinya manusia merupakan elemen asas dan entiti utama dalam pembentukan sesebuah kebudayaan. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai manusia dan peranannya dalam pembentukan dan pembangunan kebudayaan Islam dari perspektif pemikir Islam terkemuka abad ke-20 M., iaitu Malik Bennabi (1905-1973). Di antara perbincangan utama yang diketengahkan ialah manusia dari konteks definisi, tahap-tahap perkembangan dan jenis-jenisnya. Selain itu, peranan manusia dalam pembentukan dan pembangunan kebudayaan Islam menurut Bennabi turut dikemukakan dalam perbincangan ini. Ini kerana pada Bennabi manusia dianggap sebagai suatu elemen asas bernilai tinggi yang bertanggungjawab membentuk dan membangunkan kebudayaan dalam sejarah peradaban manusia.*

**Kata Kunci:** Peranan Manusia, Pembentukan, Pembangunan, Kebudayaan Islam, Malik Bennabi

## Abstract

*The existence of culture within a society is shaped by themselves. In fact, the human being is as a basic element and entities in the formulation of a culture. This paper will discuss the role of human beings in the establishment and development of Islamic culture from the perspective of the great Islamic thinkers in the 20th century namely Malik Bennabi (1905-1973). The role of human beings in the establishment and development of Islamic culture by Bennabi will be discussed in this paper. The human being for Bennabi is considered as a basic element who is responsible to establish and develop a culture in the history of human civilization.*

**Keyword:** The Role of Human Being, Establishment, Development, Islamic Culture, Malik Bennabi

---

\* Tutor di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah.

\*\* Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

## Pendahuluan

Manusia merupakan makhluk yang diciptakan dengan pelbagai keistimewaan dan kelebihan mengatasi makhluk lain di muka bumi. Kelebihan manusia dinilai berdasarkan bentuk kejadiannya yang terdiri daripada dua unsur iaitu unsur fizikal dan spiritual.<sup>1</sup> Ini terbukti berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam *Surah al-Hijr* ayat 26-29 yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) daripada tanah liat kering (yang berasal) daripada lumpur hitam yang diberi bentuk. Dan Kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) daripada api yang sangat panas. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia daripada tanah liat kering (yang berasal) daripada lumpur hitam yang diberi bentuk. Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud.”<sup>2</sup>*

Selain itu, kelebihan manusia ialah berdasarkan daya akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala kepada setiap manusia dan tidak kepada makhluk yang lain. Akal berfungsi untuk berfikir berdasarkan pengamatan terhadap dirinya sendiri, alam semesta dan segala kewujudan yang berada di sekeliling manusia. Namun penekanan asas dalam berfikir menggunakan akal ialah mengenai kewujudan Allah yang dimanifestasikan melalui tanda-tanda-Nya berupa ciptaan<sup>3</sup> dan kitab suci<sup>4</sup>.

Kertas kerja ini akan membicarakan mengenai peranan manusia dalam pembentukan dan pembangunan kebudayaan menurut pandangan Malik Bennabi.

---

<sup>1</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *The Nature Of Man And The Psychology Of The Human Soul: A Brief Outline And A Framework For An Islamic Psychology And Epistemology*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization, h. 1.

<sup>2</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai kelebihan dan keistimewaan manusia sila rujuk *Surah al-Mu'minun* (23): 12-14.

<sup>3</sup>Di antara tanda-tanda ciptaan Allah Ta'ala ialah penciptaan alam semesta seperti langit dan bumi, sebagaimana firman-Nya dalam *Surah al-Mulk* (67): 3 yang bermaksud: *“Dialah yang menciptakan tujuh petala langit yang berlapis-lapis. Tidak akan kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pengasih. Maka lihatlah sekali lagi, adakah kamu lihat sesuatu yang cacat?”*.

<sup>4</sup> Kitab suci yang dimaksudkan ialah mukjizat yang dikurniakan kepada para Rasul yang terpilih iaitu kitab Tawrat, Zabur, Injil dan al-Qur'an, sebagaimana firman-Nya dalam *Surah Ali-Imran* (3): 50 yang bermaksud: *“Dan (aku datang kepadamu) membenarkan Tawrat yang datang sebelumnya dan untuk menghalalkan bagimu sebahagian yang telah diharamkan untukmu dan aku datang kepadamu dengan membawa suatu tanda (mukjizat) dari Tuhanmu. Kerana itu bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku.”* Lihat; Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam; Teori Ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

la akan membentangkan pandangan Bennabi mengenai manusia serta peranannya dalam pembentukan dan pembangunan kebudayaan Islam.

Justeru itu, kertas kerja ini akan mengupas persoalan tersebut dari dua konteks utama konsep manusia menurut Bennabi dan peranan manusia dalam proses pembentukan dan pembangunan kebudayaan khususnya kebudayaan Islam.

### **Konsep Manusia Menurut Malik Bennabi (1905-1973)**

Sesungguhnya manusia merupakan elemen yang menjadi daya penggerak paling penting dalam pembentukan dan pembangunan kebudayaan. Menurut Bennabi manusia mempunyai dua entiti iaitu; 1) Identiti semulajadi yang berunsurkan sifat fizikal dan spiritual tidak boleh diubah kerana telah ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Pencipta iaitu Allah Ta'ala;<sup>5</sup> dan 2) Identiti sosial yang terbentuk berdasarkan mental dan psikologi manusia melalui warisan masyarakat dan sejarah. Identiti sosial ini sentiasa berubah kerana setiap permasalahan hidup yang dihadapi oleh manusia, sama ada pada peringkat individu mahupun kelompok masyarakat, biasanya akan diselesaikan dalam bentuk dan pendekatan yang berbeza sesuai dengan keadaan persekitaran serta masa yang berbeza.<sup>6</sup>

Selain itu, manusia juga dilihat sebagai satu daripada elemen material kebudaayankerana nilainya sebagai agen penggerak yang berperanan mempengaruhi pembentukan elemen luaran kebudayaan. Nilai manusia tersebut turut memberi kesan kepada masyarakat dari tiga sudut iaitu; 1) Intelek ('*aq'l*) yang merujuk kepada akal manusia yang berkeupayaan menghasilkan pelbagai idea pemikrandi manasetiap idea pemikiran tersebutkemudiannya memainkan peranan secara fungsional dalam kehidupan seseorang; 2) Usaha ('*amal*) yang merujuk kepada proses penggunaan tenaga seseorang untuk melakukan sesuatu pekerjaan dalam membangunkan kehidupan masing-masing;<sup>7</sup> dan 3) Harta (*mal*) yang merujuk kepadasuatu bentukalat atau keperluan sosial yang mendorong kemajuan berbentuk material kepada manusia.<sup>8</sup>

---

<sup>5</sup> Malik Bennabi (2006), *Vocation De L'Islam*. Bayrut: Dar Albouraq, h. 69-70.

<sup>6</sup> Malik Bennabi (1987), *Milad al-Mujtama'*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 180-200.

<sup>7</sup> Pada pandangan Bennabi, kerja merupakan suatu himpunan dari usaha-usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk mengubah keadaannya dan menciptakan suatu lingkungan yang baru bagi dirinya. Kerja pada Bennabi turut dianggap memberi kehidupan kepada manusia. Oleh itu, setiap manusia bertanggungjawab untuk menggunakan tenaga dirinya sebaik mungkin iaitu dengan berusaha atau bekerja bersungguh-sungguh. Beliau merujuk kepada pesanan Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud bahawa "*tiada makanan apa pun yang paling baik untuk dimakan seseorang kecuali yang dihasilkan oleh tangannya sendiri, dan bahawasanya Nabi Allah Daud makan dari hasil tangannya sendiri*". Untuk maklumat lanjut berkaitan hadith tersebut sila rujuk; Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, Jil. II. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 720 (hadith ke 1966).

<sup>8</sup> Malik Bennabi (1987), *Shurut al-Nahdah*, c.4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 77.

## Peranan Manusia Dalam Pembentukan dan Pembangunan Kebudayaan Islam Menurut Malik Bennabi

Sebelum menelusuri peranan manusia dalam proses pembentukan dan pembangunan kebudayaan Islam, perlu dikemukakan definisi kebudayaan dari perspektif Malik Bennabi. Pada Bennabi, kebudayaan merupakan suatu elemen penting dalam pembangunan peradaban manusia seagat. Beliau mendefinisikan istilah *al-thaqafah* (kebudayaan) sebagai teori tingkah laku manusia.<sup>9</sup> Ini kerana kebudayaan terdiri daripada suatu himpunan elemen spiritual dan nilai-nilai sosial yang diperolehi oleh setiap individu bermula sejak kelahirannya. Dalam erti kata lain, kebudayaan merupakan suatu lingkungan persekitaran yang bertanggungjawab membentuk personaliti dan karakter setiap individu manusia.<sup>10</sup>

Kebudayaan juga bermakna ruang sosial yang mengandungi elemen luaran dan dalaman. Elemen luaran yang dimaksudkannya ialah ukuran, bunyi dan gerakan yang berasaskan material dan bersifat fizikal kerana boleh diperhatikan oleh pancaindera manusia dari sudut luaran. Manakala elemen dalaman pula ialah citarasa, adat resam dan tradisi yang dibentuk berasaskan moral dan metafizik dan bersifat spiritual kerana melambangkan dalaman sesebuah kebudayaan yang tidak boleh diperhatikan secara langsung oleh pancaindera manusia.<sup>11</sup>

Berdasarkan definisi kebudayaan di atas jelas bahawa manusia berperanan dalam membentuk dan membangunkannya. Peranan manusia dikaitkan dengan aktiviti seperti bekerja, belajar, memperbaiki hubungan sesama manusia bahkan menghidupkan kembali ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w. dalam kehidupan seharian masing-masing. Semua ini dikaitkan dengan ayat al-Qur'an dalam *Surah al-Ra'd* (13) ayat 11 yang menegaskan bahawa Allah Ta'ala tidak akan mengubah nasib sesebuah bangsa atau kaum itu melainkan mereka yang mengubah nasib mereka sendiri. Ayat al-Qur'an ini merupakan suatu bentuk tegasan daripada Allah Ta'ala bahawa kebangkitan dan keruntuhan sesebuah bangsa adalah bergantung kepada sikap dan tindakan mereka sendiri.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup>Malik Bennabi (2003), *The Question of Culture*. Abdul Wahid Lu'lu'a (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust & The International Institute of Islamic Thought, h. 50.

*Ibid.*, h. 89. Lihat juga; Zahra Boussalah (2005), "Malek Bennabi: An Analytical Study of His Theory of Civilization" dalam Kertas Kerja Seminar "*Muslims and Islam in the Chaotic Modern World: Relations of Muslims among Themselves and with Others*" di Temple University, Philadelphia, 30 September – 2 Oktober 2005, h. 9.

<sup>10</sup>Malik Bennabi (1960), *Hadith fi al-Bina' al-Jadid*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 89. Lihat juga; Zahra Boussalah (2005), "Malek Bennabi: An Analytical Study of His Theory of Civilization" dalam Kertas Kerja Seminar "*Muslims and Islam in the Chaotic Modern World: Relations of Muslims among Themselves and with Others*" di Temple University, Philadelphia, 30 September – 2 Oktober 2005, h. 9.

<sup>11</sup>Malik Bennabi (1960), *op.cit.*, h. 71.

<sup>12</sup>Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Bayrut: Dar Albouraq, h. 161-165.

Dalam memperkatakan mengenai peranan manusia, Bennabi menjelaskan bahawa setiap peranan tersebut perlu selaras dengan ajaran Islam. Ini kerana untuk membangunkan sebuah kebudayaan Islam, semuanya adalah berasaskan Islam dan bertitik tolak daripada asas berkenaan. Islam menurut Bennabi merupakan agama yang benar dan terbaik sebagaimana yang dipaparkan dalam *Surah Ali 'Imran* (3) ayat 19 dan *Surah al-An'am* (6) ayat 153.<sup>13</sup> Seterusnya manusia yang dimaksudkan oleh Bennabi untuk membentuk dan membangunkan kebudayaan Islam umumnya merujuk kepada semua yang bergelar manusia, namun umat Islam merupakan golongan manusia yang dipertanggungjawabkan secara khusus dalam membentuk dan membangunkan kebudayaan Islam.<sup>14</sup> Berikut ialah huraian ringkas mengenai peranan manusia dalam membangunkan kebudayaan Islam.

### **1. Mengamal dan mempraktikkan ajaran agama dalam kehidupan seharian**

Agama merupakan suatu asas dan elemen yang membentuk serta mempengaruhi kebudayaan. Agama yang dimaksudkan oleh Bennabi di sini ialah agama Islam. Dalam konteks ini, manusia berperanan mengamal dan mempraktikkan ajaran yang dituntut oleh agama Islam dalam kehidupan seharian. Peranan manusia tersebut merangkumi tunduk dan sujud kepada-Nya dengan mengucapkan dua kalimah shahadah, menunaikan ibadah solat, puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Peranan tersebut merupakan suatu pertanggungjawaban kepada setiap manusia khususnya orang Islam sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Ta'ala dalam *Surah al-An'am* (6) ayat 162 yang bermaksud; "*Katakanlah: 'Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.'*"<sup>15</sup>

Dalam konteks kebudayaan, agama yang merujuk kepada agama Islam merupakan pemangkin (*catalyseur*) yang memberi panduan kepada manusia dalam membina dan memulakan kitaran peradaban.<sup>16</sup> Ini bermakna, manusia yang patuh dan taat dalam mengamal dan mempraktikkan ajaran agama berkeupayaan membina dan membangunkan sebuah peradaban yang kekal utuh dalam tempoh yang lama.

### **2. Mencetuskan pelbagai aktiviti kesenian**

Sesungguhnya manusia berperanan mencetuskan pelbagai aktiviti kesenian berdasarkan akal fikiran serta pengaruh daripada persekitarannya. Aktiviti kesenian tersebut misalnya berkomunikasi (proses interaksi di antara sesama manusia), melukis, mengukir, membina dan mewarna yang secara tidak

---

<sup>13</sup>Malik Bennabi (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*, c.4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 191.

<sup>14</sup>Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2003) *The Questions of Ideas in the Muslim World*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 74-75.

<sup>15</sup>Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*, h. 163.

<sup>16</sup>Malik Bennabi (1987), *op.cit.*, h. 45.

langsung menghasilkan pelbagai jenis kesenian seperti seni bahasa, seni lukis, seni ukiran, seni bina dan seni warna.<sup>17</sup> Aktiviti kesenian yang dilakukan oleh manusia dapat membentuk dan membangunkan kebudayaan Islam apabila ianya dicetus dan dihasilkan selaras dengan ajaran Islam.

Dalam konteks kebudayaan, kesenian merupakan suatu unsur yang indah yang wujud dan kesannya dapat dirasakan oleh setiap manusia. Menurut Bennabi, kesenian bermaksud keindahan yang wujud dalam lingkungan sosial yang merangkumi elemen warna, suara, bau, pergerakan dan bentuk. Ia memberikan ilham serta buah fikiran kepada manusia dan membentuk citarasanya yang tersendiri berdasarkan keindahan di sekelilingnya.<sup>18</sup> Setiap daripada elemen kesenian tersebut turut berkemampuan dalam mempengaruhi emosi seseorang dalam menjalani kehidupan sehariannya.

### **3. Mengamal dan mempraktikkan moral dan undang-undang**

Seterusnya manusia turut berperanan dalam mengamal dan mempraktikkan moral dan undang-undang dalam kehidupan mereka. Moral dan undang-undang yang berlandaskan prinsip dan ajaran Islam yang perlu diutamakan oleh manusia untuk diamal dan dipraktikkan dalam kehidupan masing-masing. Ini kerana, moral dan undang-undang yang berasaskan Islam merupakan suatu yang perlu dipatuhi oleh manusia untuk memastikan keamanan dan keharmonian dapat dikekalkan dalam lingkungan masyarakat.<sup>19</sup>

Dalam konteks kebudayaan, Bennabi menentang moral dan undang-undang sebagai suatu aspek yang terkandung dalam kebudayaan. Pada pandangan Bennabi, moral (*akhlak*) ialah suatu konsep yang membicarakan mengenai baik atau buruk. Moral merangkumi dua asas utama iaitu hak (*right*) yang bermaksud apa yang kita ambil dan perolehi daripada masyarakat, dan tanggungjawab (*duty*) yang bermaksud apa yang diberikan oleh kita sebagai seorang individu dalam sesebuah masyarakat. Seterusnya ialah undang-undang yang dimaksudkan oleh Bennabi sebagai satu bentuk peraturan yang ditetapkan dan dilaksanakan untuk kebaikan manusia sejagat. Ia mengawal kewujudan manusia dan segala pencapaiannya di bumi. Semua undang-undang sama ada yang datang melalui wahyu Tuhan ataupun yang dibuat oleh manusia, pada hakikatnya merupakan satu langkah pertahanan untuk menjaga hubungan sosial. Tanpa undang-undang, hidup manusia tidak akan berjaya dan tidak mampu mencapai kemajuan dari segi moral dan kebendaan.<sup>20</sup>

### **4. Membangunkan sesuatu adat sehingga menjadi amalan dan warisan di kalangan masyarakat**

---

<sup>17</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*, h. 71-77.

<sup>18</sup> Malik Bennabi (1984), *Mushkilah al-Thaqafah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 82.

<sup>19</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Malik Bennabi (2003), *op.cit.*, h. 55-57.

<sup>20</sup> Malik Bennabi (2002), *On the Origins of Human Society: The Social Relations Network*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 112.



Manusia juga turut berperanan membangunkan sesuatu adat dalam lingkungan masyarakat masing-masing. Adat yang dibangunkan perlu selari dengan nilai-nilai agama iaitu Islam dan bersesuaian norma-norma masyarakat yang terlibat. Ini kerana adat yang dibangunkan selari dengan nilai agama Islam dan bersesuaian dengan norma masyarakat akan menjadi suatu amalan yang kekal lama dan dapat diwarisi generasi demi generasi dalam tempoh yang panjang selagi ianya dipraktikkan oleh masyarakat tersebut.<sup>21</sup>

Dalam konteks kebudayaan, adat resam diketengahkan oleh Bennabi sebagai suatu amalan yang diwarisi seperti upacara keagamaan, perayaan, ataupun kegiatan yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat. Bennabi turut menyatakan bahawa adat resam merupakan suatu amalan dan tradisi masyarakat yang dibentuk dan dibangunkan oleh manusia berdasarkan penetapan metafizik yang sedia ada. Ini kerana setiap adat resam yang dipraktikkan dan tabiat manusia yang biasa dilakukan adalah berpandukan pemikiran metafizik.<sup>22</sup>

## **5. Membangunkan masyarakat**

Selain peranan tersebut di atas, manusia juga memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat khususnya dari kalangan kaum atau bangsanya sendiri dengan berpandukan Islam sebagai asas utama dalam proses tersebut. Membangunkan masyarakat yang dimaksudkan ialah dari konteks membentuk perpaduan dan keharmonian di kalangan ahli masing-masing, serta kesanggupan seseorang membentuk institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya peradabannya sendiri dengan berasaskan ajaran Islam sebagaimana yang pernah berlaku semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w.<sup>23</sup>

Dalam konteks kebudayaan, masyarakat termasuk dalam institusi sosial yang merupakan salah satu aspek kebudayaan. Manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat merupakan agen penggerak dalam membangunkan sesebuah kebudayaan. Walau bagaimanapun manusia tidak boleh melakukannya secara bersendirian. Ini kerana manusia amat memerlukan manusia lain, selain naluri yang dimiliki oleh seseorang begitu terikat dengan individu yang lain. Keterikatan di antara setiap manusia adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah Ta'ala dalam *Surah al-Anfal* ayat 63 yang bermaksud "*Dan Dialah yang mempersatukan antara hati mereka (orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*"

## **6. Melibatkan diri dalam kegiatan perekonomian**

---

<sup>21</sup> Malik Bennabi (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*, h. 122.

<sup>22</sup> Malik Bennabi (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*, h. 68-69.

<sup>23</sup> Malik Bennabi (2003), *op.cit.*, h. 42.

Manusia turut berperanan melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan termasuk juga kegiatan berbentuk perekonomian. Manusia berperanan dalam menggunakan bahan-bahan semulajadi seperti tanah dan minyak, selain dana yang berbentuk wang ringgit dengan melakukan pelbagai aktiviti perekonomian untuk membangun dan memajukan kehidupan masing-masing. Setiap aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh manusia perlu selaras dengan ajaran Islam. Ini kerana sebarang kegiatan berbentuk ekonomi yang berlandaskan Islam membolehkan seseorang menyara hidup dirinya sendiri dan ahli keluarga masing-masing, selain turut memaju dan memperkukuhkan kebudayaan Islam.<sup>24</sup>

Dalam konteks kebudayaan, Bennabi menjelaskan bahawa ekonomi berasaskan Islam dapat memenuhi keperluan, kehendak, tabiat dan citarasa manusia berdasarkan pergantungan di antara sesama manusia dan pergantungan dengan Allah Ta'ala.<sup>25</sup> Ekonomi begitu ditekankan dalam kebudayaan berdasarkan peringatan Allah Ta'ala kepada umat manusia supaya mengambil faedah dan manfaat daripada setiap sumber alam semulajadi yang disediakan oleh Dia khusus untuk keperluan hamba-Nya. Peringatan-Nya secara berulang kali itu tercatat dalam *Surah al-Hajj* (22) ayat 65 yang membawa maksud "*Apakah kamu tiada melihat bahawasanya Allah menundukkan bagimu apa yang ada di bumi dan bahtera yang berlayar di lautan dengan perintah-Nya.*"

Berdasarkan peranan manusia tersebut di atas, Bennabi menjelaskan bahawa manusia perlu melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan di dunia ini untuk meraih kebahagiaan yang abadi di akhirat kelak. Pada Bennabi ianya bertepatan dengan perintah Allah Ta'ala dalam *Surah al-Qasas* (28) ayat 77 yang bermaksud; "*Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.*"<sup>26</sup>

Daripada peranan manusia tersebut juga telah membentuk dan membangunkan aspek-aspek dalam kebudayaan. Aspek-aspek kebudayaan yang dimaksudkan di sini ialah intipati yang terkandung di dalamnya yang mempengaruhi setiap pembentukan kebudayaan.<sup>27</sup> Peranan manusia tersebut iaitu 1) Mengamalkan dan mempraktikkan ajaran agama iaitu Islam dalam kehidupan seharian merujuk kepada aspek terpenting iaitu agama dan kepercayaan; 2) Mencetuskan pelbagai aktiviti kesenian merujuk kepada aspek kesenian; 3) Mengamalkan dan mempraktikkan moral dan undang-undang merujuk kepada aspek moral dan undang-undang; 4) Membangun sesuatu adat sehingga menjadi amalan dan warisan di kalangan masyarakat merujuk kepada adat resam; 5)

---

<sup>24</sup> Malik Bennabi (1986), *al-Muslim fi 'Alam al-Iqtisad*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 23.

<sup>25</sup> Asma Rashid (1991), "Iqbal (1877-1938) and Malek Bennabi (1905-1973) From Ilm-ul Iqtisad To Al-Muslim Fi 'Alam-il Iqti" (Kertas Kerja International Seminar On Malek Bennabi di Universiti Malaya, 1-4 September 1991), h. 18.

<sup>26</sup> Malik Bennabi (1986), *Ta'ammulat*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 156.

<sup>27</sup> Malik Bennabi (2003), *op.cit.*, h. ix.

Membangunkan masyarakat merujuk kepada aspek institusi sosial; dan 6) Melibatkan diri dalam kegiatan perekonomian merujuk kepada aspek ekonomi. Setiap aspek kebudayaan tersebut berkaitan di antara satu sama lain dan saling lengkap melengkapi dalam proses pembinaan sesebuah tamadun bangsa.

## Kesimpulan

Berdasarkan penghuraian di atas secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa manusia merupakan elemen yang berperanan dalam membentuk dan membangunkan kebudayaan Islam. Bennabi yang merupakan ilmuwan Islam pada abad ke-20 M. mengemukakan manusia sebagai suatu elemen utama peradaban yang berfungsi dalam setiap proses pembentukan dan pembangunan kebudayaan Islam. Dalam kebudayaan Islam, manusia yang dirujuk oleh Bennabi melibatkan semua bangsa manusia tetapi pertanggungjawaban tersebut adalah khusus untuk umat Islam dalam membentuk dan membangunkannya. Manusia yang mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tidak dapat ditandingi oleh makhluk lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan turut diketengahkan sebagai agen penggerak dalam setiap proses kebudayaan berkenaan. Akhirnya, tanpa manusia tidak akan wujud kebudayaan kerana manusia merupakan elemen utama yang menggerakkan setiap proses pembentukan dan pembangunannya.

## Bibliografi

Malik Bennabi (1960), *Hadith fi al-Bina' al-Jadid*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1984), *Mushkilah al-Thaqafah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1985), *Mudhakkirat Shahid Lil Qarn*, c. 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1986), *al-Zahirah al-Qur'aniyyah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1986), *al-Muslim fi 'Alam al-Iqtisad*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 23

\_\_\_\_\_ (1986), *Ta'ammulat*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1987), *Milad al-Mujtama'*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (1987), *Shurut al-Nahdah*, c.4. Damsyiq: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_ (2002), *On the Origins of Human Society: The Social Relations Network*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

\_\_\_\_\_ (2003), *The Question of Culture*. Abdul Wahid Lu'lu'a (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust & The International Institute of Islamic Thought.

- \_\_\_\_\_ (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Bayrut: Dar Albouraq, h. 71-77.
- \_\_\_\_\_ (2006), *Vocation De L'Islam*. Bayrut: Dar Albouraq.
- Asma Rashid (1991), "Iqbal (1877-1938) and Malek Bennabi (1905-1973) From Ilm-ul Iqtisad To Al-Muslim Fi 'Alam-il Iqti" (Kertas Kerja International Seminar On Malek Bennabi di Universiti Malaya, 1-4 September 1991).
- Ensiklopedia Dunia* (2005), M-Med, Jil. 13. DBP (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fawzia Bariun (1993), *Malik Bennabi: His Life And Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, Jil. II. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam; Teori Ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *The Nature Of Man And The Psychology Of The Human Soul: A Brief Outline And A Framework For An Islamic Psychology And Epistemology*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization.
- Zahra Boussalah (2005), "Malek Bennabi: An Analytical Study of His Theory of Civilization" dalam Kertas Kerja Seminar "*Muslims and Islam in the Chaotic Modern World: Relations of Muslims among Themselves and with Others*" di Temple University, Philadelphia, 30 September – 2 Oktober 2005.

# **Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan**

*Noor Hafizah bt. Mohd Haridi\**  
*Fakhrul Adabi b. Abd. Kadir\*\**

## **Abstrak**

*Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, merupakan salah sebuah jabatan yang bernaung sepenuhnya di bawah kerajaan Malaysia telah menubuhkan Institusi Pemulihan Akhlak yang menempatkan remaja bermasalah khususnya golongan remaja yang terlibat dengan kes-kes juvana. Berdasarkan statistik kemasukan sehingga 2010 seramai 1412 remaja bermasalah telah ditempatkan di institusi tersebut dan 1151 merupakan remaja berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sebagai salah sebuah agensi bertanggungjawab memberikan pemulihan khususnya pemulihan berbentuk spiritual. JKMM dengan kerjasama pihak JAKIM telah merangka program serta membangunkan modul Pendidikan Islam yang telah diselaraskan di setiap Institusi Pemulihan. Kajian ini bertujuan mengkaji aspek pelaksanaan program agama yang telah dijalankan di setiap Institusi tersebut dengan menganalisis dari aspek bentuk pelaksanaan serta permasalahan dalam melaksanakan program agama di Institusi tersebut. Hasil kajian merupakan dapatan terhadap modul agama yang digunakan oleh JKMM dalam usaha memberikan pemulihan khususnya pemulihan spiritual terhadap pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak.*

**Kata Kunci:** Program Agama, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Institut Pemulihan Akhlak

---

\* Calon Ph.D di Jabatan Dakwah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## Pengenalan JKMM

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, salah sebuah agensi di bawah kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat merupakan suatu jabatan kerajaan yang berorientasikan rakyat dan mempunyai hubungan secara langsung dengan kumpulan sasar di dalam memberikan bantuan dan perkhidmatan yang efektif.

Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, penyertaannya dalam usaha membentuk rakyat dan negara ini bermula sejak dahulu lagi sebelum pembentukan Malaysia.

Dalam jangkamasa 65 tahun, JKMM telah mengalami beberapa evolusi dalam memenuhi peranannya di dalam pembangunan negara ini. Bermula dengan penglibatan menangani pelbagai masalah yang timbul akibat dari Perang Dunia ke Dua ketika di bawah Pentadbiran Tentera British, peranan dan fungsi jabatan ini telah berkembang kepada sistem pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial terutama ketika Malaya baru mendapat kemerdekaan seterusnya apabila Malaysia mula membangun sebagai suatu kuasa ekonomi yang dihormati.

Permulaan abad ini melihat skop dan tanggungjawab JKMM diperluas dalam mengintegrasikan pembangunan sosial ke arah mewujudkan masyarakat penyayang selaras dengan Wawasan 2020 tanpa tidak mengenenpikan peranan dan tanggungjawab di dalam perkhidmatan pencegahan dan pemulihan.

## Agama dan Kehidupan

Agama memainkan peranan yang amat penting dalam kebanyakan sejarah ketamadunan manusia. Al-Mawdudi menyatakan bahawa seseorang manusia untuk hidup dengan baik dan bermakna mereka memerlukan kepada suatu sistem atau corak hidup<sup>1</sup>. Persoalan-persoalan seperti kenapa manusia diciptakan? Daripada mana ia datang? Ke mana kesudahan dan siapa yang menciptakan? Tidak akan dijawab melainkan dengan agama<sup>2</sup>. Kesimpulan yang dibuat ialah gejala beragama merupakan gejala yang amat jelas dan nyata dalam kehidupan manusia. Ia merupakan fitrah semulajadi manusia yang diciptakan Allah S.W.T di atas muka bumi sebagai khalifah.

### 1. Pengertian Agama

Menurut Kamus Dewan, perkataan agama bermaksud kepercayaan kepada Tuhan, sifat-sifat serta kekuasaannya dan penerimaan ajaran serta perintahnya. Selain itu, perkataan agama juga didefinisikan sebagai kepercayaan

---

<sup>1</sup> Sayyid Abu al-'Ala al-Mawdudi (1992), *Agama Yang Benar* dalam Syed Zafar al-Hassan et al.(ed), *Rangkaian Pengetahuan Islam*, Singapura: Omar Brithers Publications, h. 68.

<sup>2</sup> Abu 'A'la al-Mawdudi (1984), *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*. Halimuddin SH (terj), Singapura: Pustaka Nasional, h. 74.

kepada sesuatu dewa iaitu yang dipuja dan sebagainya serta menganggap dewa itu sesuatu yang berkuasa<sup>3</sup>.

Ketika membahaskan asal usul perkataan agama, Harun Din berpendirian bahawa perkataan agama bukanlah istilah yang berasal dari Islam. Ia dipinjam dari bahasa Sansekerta merujuk kepada sistem kepercayaan dalam ajaran Hindu dan Budhha. Kemudian perkataan agama bermaksud jalan terus yang digunakan oleh masyarakat Nusantara bagi menjelaskan istilah agama baru mereka iaitu Islam.<sup>4</sup>

Sebagai bukti dalam ajaran Buddha menyebut undang-undang pokok sebagai jalan. Jesus menyuruh pengikutnya menurut jalannya manakala syariat, tariqah dan sirat dalam ajaran Islam bermaksud jalan.<sup>5</sup>

## 2. Pengertian *Din*

*Al-Din* mempunyai banyak pengertian yang kadang-kadang berlawanan makna antara satu sama lain. Perkataan *al-Din* bermaksud kerajaan, khidmat, sultan, paksaan, ihsan, pemerintahan, perjalanan hidup, pentadbiran, ketinggian, keadaan, perutusan, ibadat, adat, pembalasan, ketaatan, kehinaan, tunduk patuh, kiraan, maksiat, kemenangan, Islam dan tauhid.<sup>6</sup>

Dari segi istilah *al-Din* ialah kepercayaan kepada adanya zat yang ghaib yang Maha Tinggi, Maha Perkasa dan Bebas dengan kemahuan dan iradahNya untuk bertindak, mengatur dan mengurus alam semesta, iaitu kepercayaan yang membolehkan bermunajat dengan zat yang Maha Tinggi dengan penuh harapan, bimbang, patuh dan pengagungan atau ringkasnya keimanan kepada zat ketuhanan yang layak diberikan ketaatan dan ibadah<sup>7</sup>. Ia juga bermaksud kepercayaan kepada kewujudan sesuatu Wujud yang Maha Tinggi, serta mendorong tingkahlaku berdasarkan kepercayaan tersebut.<sup>8</sup>

## Islam Sebagai Cara Hidup

Islam merupakan agama benar yang didatangkan oleh Allah S.W.T diturunkan untuk seluruh makhluk dan alam semesta. Tidak ada agama lain yang diakui kebenaran melainkan Islam. Allah S.W.T berfirman :

---

<sup>3</sup> Noresah bt. Baharom et. al. (1994), *Kamus Dewan*, Cet.13, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12.

<sup>4</sup> Bahasa Sanskerta termasuk dalam rumpun bahasa Indo-Jerman. Dalam Bahasa Belanda dan Inggeris, anggota-anggota rumpun itu, ditemukan kata *ga*, *gaan* ( Belanda) dan *go* (Inggeris) yang pengertiannya sama dengan *gam*, iaitu pergi. Setelah mendapat awalan dan akhiran a pengertiannya berubah menjadi jalan. *Ibid*, h. 253.

<sup>5</sup> *Ibid*. h. 254.

<sup>6</sup> Ibn Syarif (1984), *al- Adyan fi al-Qur'an*, Cet. 5. Saudi Arabia, Maktabah al-Akkaz, h. 20.

<sup>7</sup> Muhammad 'Abdullah Darraz (1970), *al-Din*, Kuwait: Dar al-Qalam, h. 52.

<sup>8</sup> Muhammad Kamal Ja'far (1970), *Fi al-Din al-Muqarran*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Jami'iyah, h. 20.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا  
جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ بِنَائِتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

*Maksudnya: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam, dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.*

Surah Ali-Imran ( 3): 19

Islam adalah agama yang diturunkan kepada para Rasul sejak Nabi Adam A.S. hinggalah kepada Nabi Muhammad S.A.W.<sup>9</sup> Tidak ada agama yang benar selain Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. Agama yang benar dan kekal sudah tentu bercirikan dengan ciri-ciri kesempurnaan yang menyeluruh. Sempurna dari segi nilai dan sistem yang terkandung di dalamnya dan menyeluruh dari konteks ruang lingkupnya. Sebagai satu sistem, Islam mampu mengatur, mentadbir hidup dan kehidupan seluruh makhluk, sama ada makhluk yang terdiri dari alam tumbuh-tumbuhan, alam haiwan dan lebih-lebih lagi yang dikatakan alam manusia.

Islam sebagai agama atau sistem hidup yang mengatur seluruh kehidupan alam semesta mempunyai peraturan dan pengajaran yang merupakan asas-asas, prinsip-prinsip dan hukum hakam. Dasar-dasar ini termaktub di dalam kitab suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Keseluruhan dasar-dasar ini merupakan perintah-perintah, larangan-larangan, petunjuk-petunjuk untuk kesejahteraan dan kebahagiaan kehidupan manusia dunia dan akhirat. Untuk mencapai tujuan ini, Islam mengajarkan hal-hal yang berhubungkait dengan urusan duniawi dan juga hal-hal yang bersangkutan dengan urusan ukhrawi.

Oleh demikian, ajaran Islam berpaksikan kepada dua bentuk hubungan<sup>10</sup>. Pertama Islam mengatur hubungan dengan manusia dengan Allah S.W.T yang merangkumi kepercayaan dan penyembahan. Dengan kata lain, Islam mengajarkan tentang sistem Iman dan ibadat yang kedua-duanya bersifat vertikal atau menegak. Keduanya ialah ajaran yang mengatur hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Malah, menurut Muhammad Qutb,

<sup>9</sup> Muhammad Yusuf Kurit (1980), *Dirasah fi al-Nuzmu wa al-Saqafah al-Islamiyyah*, t.t.p: t.p, h. 85.

<sup>10</sup> Ahmad Syalabi (1989), *Muqaranah al-Adyan*, Cet .8, Kaherah : Maktabah Najdah al-Misriyyah, h. 262.



hubungan manusia dengan Allah S.W.T. itulah yang memberikan sifat hubungan manusia di antara mereka<sup>11</sup>. Oleh itu, Islam mempunyai ajaran-ajaran yang mencakupi aspek politik, undang-undang, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sebagainya. Kedua-dua ajaran ini bersifat horizontal ataupun mendatar<sup>12</sup>.

Kedua-dua ajaran ini mestilah dilaksanakan secara harmoni tanpa adanya pemisah di antara satu sama lain. Sebarang pemisah akan mengakibatkan kemusnahan dan kerugian yang berkekalan kepada pelakunya. Said Hawwa menyatakan bahawa Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T. adalah sempurna. Barangsiapa menerima Islam keseluruhannya ia adalah muslim sebaliknya sesiapa yang menerima sebahagian sahaja ajaran Islam maka ia telah mencampur adukkan antara Islam dengan jahiliyyah<sup>13</sup>. Firman Allah S.W.T. :

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ  
مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ<sup>١٤</sup> ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ  
الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

*Maksudnya: Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh nabi-nabi Dengan tiada alasan yang benar. semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).*

Surah Ali-Imran (3) : 112

## Pengertian Program Agama

Menurut Kamus Dewan, program bermaksud rancangan yang menentukan dasar yang akan dijalankan sama ada dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya.<sup>14</sup> Di dalam *Mu'jam al-Wasit* menjelaskan program merupakan kandungan yang mengandungi satu rancangan yang bertulis.

<sup>11</sup> Sayyid Muhammad Qutb (1988), *Hazn al-Din*, Suwito Suprayogi (terj), Selangor, Thinkers Library Sdn. Bhd, h. 123.

<sup>12</sup> Subhi al-Salih (1986), *Sistem Sosial dan Pertahanan dalam Islam*. Osman Hj. Khalid (terj) Kuala Lumpur: Bhg. Hal Ehwal Islam JPM, h. 5.

<sup>13</sup> Sa'id Hawwa (1993), *al-Islam*, Cet. 2. Mesir: Dar al-Salam, h.17.

<sup>14</sup> Teuku Iskandar (2002), *op.cit.*, h. 1057.

Rancangan ini akan dilaksanakan dan memberi kesan positif<sup>15</sup>. Dalam *Kamus al-Munjid fi Lughah wa A'lam* mengatakan program adalah kertas yang mengandungi agenda bertulis yang menerangkan sesuatu rancangan beserta dengan syarat-syarat yang akan dilaksanakan<sup>16</sup>.

Menurut Kamus Oxford, program didefinisikan sebagai rancangan terhadap apa yang dicadangkan atau membuat rancangan mengenai sesuatu dengan merancang dan menyusun atur semua perkara<sup>17</sup>. Menurut Betty Kirkpatrick, program merupakan rancangan yang terdapat pada hari persidangan sama ada berbentuk agenda, kalendar, jadual, sukatan pelajaran, senarai sesuatu peristiwa ataupun susunan rancangan untuk sesuatu hari.<sup>18</sup>

William berpendapat program ialah huraian secara formal dan bersiri tentang sesuatu kenyataan atau isu yang berlaku terutama dalam mesyuarat rasmi atau dalam laporan persidangan yang telah dicetak atau diterbitkan<sup>19</sup>. Allen Walker Read, menyatakan program ialah rancangan atau kursus yang dicetak mengikut prosedur sama ada dalam bentuk acara, butiran, persidangan dan sebagainya<sup>20</sup>. Eric Buckley, menyatakan program ialah sebagai satu karangan atau penghujahan yang panjang lebar dalam sesuatu ataupun di dalam pengenalan laporan tahunan<sup>21</sup>.

Dengan ini dapat disimpulkan program ialah satu rancangan yang mengandungi dasar dan matlamat dalam proses membuat dan menyusun atur sesuatu aktiviti. Supaya penjelasan ini dapat lebih difahami. Pengkaji akan menghuraikan program agama menurut tokoh-tokoh pendakwah di mana program agama didefinisikan sinonim dengan program dakwah.

Quraish Shihab menyatakan dakwah ialah usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, sama ada terhadap peribadi mahupun masyarakat. Perwujudan dakwah bukan sekadar usaha peningkatan pemahaman keagamaan dalam tingkahlaku dan pandangan hidup sahaja, tetapi juga menuju sasaran yang lebih luas. Apatah lagi pada masa sekarang, ia harus

---

<sup>15</sup> Ibrahim Mustafa et. al (1872), *Mu'jam al-Wasit*, Istanbul: Maktabah Islamiyyah, h. 52.

<sup>16</sup> Munir Ba' al Baki (1986), *al-Munjid fi Lughah wa A'lam*, Beirut: Maktabah Syarkiyah, h. 36.

<sup>17</sup> A.S Hornby (2000), *Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, London: Oxford Fajar, p. 1473.

<sup>18</sup> Betty Kirkpatrick (1995), *The Concise Oxford Thesaurus*, London: Oxford University Press, p. 633.

<sup>19</sup> William Little (1934), *The Shorter Oxford Dictionary*, Vol.II, Britain: Great Britain, p. 1594.

<sup>20</sup> Allen Walker Read (T.T.P), *The New International Webster's Comprehensive Dictionary of The English Language*, Encyclopedia Edition, London : Trident Press International, p. 107.

<sup>21</sup> Eric Buckley (1978 ), *The Oxford Dictionary*, Vol. VII, London: Oxford University Press, p. 1439.

lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam yang lebih menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan<sup>22</sup>.

Menurut Ibn Taimiyyah dakwah bermaksud menyeru kepada beriman kepada Allah S.W.T serta segala yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. serta beriman dengan Rukun Iman, Islam dan meyakini konsep Ihsan<sup>23</sup>. Dakwah juga didefinisikan oleh Bahi al-Khuli sebagai memindahkan manusia dari satu peringkat ke satu peringkat.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan dakwah merupakan usaha menyeru umat Islam beriman kepada Allah S.W.T. dan merealisasikan ajaran Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan yang dilakukan melalui cara dan metodologi dakwah yang tertentu, untuk mencapai kehidupan dunia dan akhirat.

Kesimpulan dari pendapat di atas program dakwah ialah satu seruan atau ajakan yang mengandungi mesej atau dasar yang ada pengisian mengenai Islam termasuklah berita gembira dan amaran yang menggerunkan agar manusia sentiasa beriman kepada Allah S.W.T. dan mengamalkan ajaran Islam secara konsisten dan menyeluruh merangkumi semua aspek kehidupan. Sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh Abd. Karim Zaydan menyatakan bahawa program dakwah atau agama hendaklah dilaksanakan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dengan menyeru manusia agar beriman kepada Allah S.W.T. serta melaksanakan amar ma<sup>c</sup>ruf nahi mungkar.

Bagi memastikan program agama memberi kesan yang positif kepada sasaran, ia hendaklah dilaksanakan oleh mereka yang berpengalaman yang luas dalam pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan metode-metode tertentu disertai dengan perancangan yang kemas, dan rapi.

#### a. Matlamat Program Agama

Matlamat program agama adalah signifikan dengan matlamat program dakwah atau matlamat dakwah itu sendiri. Antara elemen utama dalam dakwah ialah mengenal pasti matlamat<sup>24</sup>. Tuntutan dakwah melibatkan rangkaian kegiatan atau proses dalam rangka mencapai matlamat tertentu. Matlamat ini berfungsi sebagai garis panduan atau pedoman bagi gerak langkah kegiatan dakwah. Ia boleh dijadikan panduan bagi menilai sejauhmana matlamat yang digariskan mencapai tujuannya. Oleh itu penetapan matlamat yang jelas dapat membantu pendakwah dalam melakukan perancangan, strategi dan bentuk pelaksanaan yang akan digunakan bagi mencapai objektif yang digariskan. Tanpa mengetahui matlamat dakwah dengan jelas, setiap pendakwah tidak mampu melaksanakan

---

<sup>22</sup> Quraish Shihab (1996), *Membumikan al-Quran*, Bandung: Perpustakaan Mizan, h. 194.

<sup>23</sup> Muhammad Amin Hassan Muhammad Bani Amir (1999), *Asalib al-Da'wah wa al-Irsyad*, Universiti Yarmouk: Jordan, h. 4.

<sup>24</sup> Kamus Dewan (2002), *op.cit.*, h.

tanggungjawab dakwah dengan baik. Terdapat pelbagai persepsi berhubung matlamat dakwah yang diutarakan oleh tokoh-tokoh pendakwah.

Menurut Ali Mahfudz, matlamat dakwah ialah usaha memberi dorongan kepada manusia ke arah melakukan kebaikan untuk mendapat petunjuk Allah S.W.T. Menyuruh melakukan perkara-perkara kebaikan dan melarang dari melakukan perkara-perkara kejahatan agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>25</sup>

Menurut Muhammad al-Sayyid al- Wakil, matlamat dakwah ialah untuk membawa manusia ke arah kebaikan dan petunjuk dengan menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran<sup>26</sup>. Dengan ini dapat menyelamatkan manusia dari kecelakaan dunia dan akhirat serta membawa kepada jalan yang benar, yang menjadi matlamat kepada turunya agama Islam kepada umat manusia.

Yusuf al-Qaradawi menjelaskan matlamat program dakwah ialah untuk membawa orang lain kepada agama Allah S.W.T. dan mengikut petunjuknya dengan mengesakan Allah S.W.T. dalam peribadatan, membebaskan pemikiran manusia dari kongkongan *taghut* dan karut marut, mengajak manusia ke arah pemikiran yang berdasarkan logik rasional, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad ke jalan Allah S.W.T.<sup>27</sup>, dari keadaan sempit kepada kelapangan dunia dan akhirat. Di samping itu, ia bertujuan membentuk akidah manusia yang sedia ada kepada akidah tauhid yang bersih<sup>28</sup>

Rauf Syalabi berpendapat, matlamat dakwah merupakan usaha membawa perubahan kepada manusia dari pemikiran bukan Islam kepada Islam, dari kegelapan kepada cahaya Iman, dari keadaan sempit kepada kelapangan dunia dan akhirat. Di samping itu, ia bertujuan membentuk akidah manusia yang sedia ada kepada akidah tauhid yang bersih.<sup>29</sup>

Abdul Aziz Mohd Zin menyatakan matlamat dan hala tuju dakwah ialah membawa masyarakat ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, melalui pelaksanaan tugas sebagai khalifah di muka bumi Allah S.W.T. Dakwah menghala masyarakat kepada umat terbaik, umat tertinggi, umat terkuat dan termulia di kalangan umat yang ada, untuk diselaraskan dengan kedudukan Islam yang tinggi dan mulia<sup>30</sup>

Keterangan di atas menjelaskan bahawa dalam apa usaha dan aktiviti yang dibuat adalah bertujuan mengajak manusia mengenal Islam, menerimanya serta beramal secara konsisten. Secara tidak langsung, program dakwah yang

---

<sup>25</sup> Ali Mahfudz (1975), *op.cit.*, h.18.

<sup>26</sup> Muhammad al-Sayyid al-Wakil (1986), *Usul al-Dakwah wa Adab al-Duah*, al-Mansurah: Dār al-Wafa', h. 9.

<sup>27</sup> Sayyid Qutb (1971), *Fi Zilal al-Quran*, jil. 13, cet. 7, Beirut: Lubnan, h. 243-244.

<sup>28</sup> Rauf Syalabi (1882), *Sikulugiyat al-Ra'i wa al-Da'wah*, Kuwait: Dar al-Kalam, h. 49.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Abd. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit.*, h. 28.

dilaksanakan dapat menyelamatkan manusia dari kegelapan dan kesesatan dan membawa manusia ke arah kehidupan yang diredhai Allah S.W.T.

Sebagai kesimpulan, program dakwah merupakan usaha-usaha perancangan yang dibuat bertujuan untuk menyeru, mengajak dan seterusnya mendidik manusia supaya menerima Islam dan menghayati segala ajaran dalam kehidupan seharian, sama ada dalam kehidupan secara individu, masyarakat dan negara melalui cara yang telah ditetapkan oleh Islam. Sehubungan itu, konsep berdakwah seharusnya bermula dari asas yang baik sehingga berjaya mencapai kejayaan dan kemenangan dan bukannya berakhir dengan keruntuhan dan kehancuran.

### **Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak**

Program Agama merupakan salah satu dari modul pemulihan yang telah ditetapkan oleh pihak JKM. Program ini merupakan salah satu pengisian yang wajib dilaksanakan di setiap Institusi di bawah kelolaan JKM. Program ini tidak lain bertujuan membantu dalam usaha memberikan terapi serta pemulihan dalam koteks dalaman khususnya di kalangan pelatih yang ditempatkan di Institusi Pemulihan Akhlak.

#### **a. Modul Kurikulum Pendidikan Islam**

##### **i. Pengenalan**

Modul Kurikulum Pendidikan Islam ( Asas-Asas Fardhu Ain ) telah disusun, dikaji dan dimantapkan semula berdasarkan kurikulum asal melalui Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal di Islam di Institusi pada 19 – 22 Mac 2007.

Kurikulum ini adalah sebagai asas rujukan dan panduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran agama kepada semua pelatih dan penghuni di institusi di bawahnya.

Kurikulum ini dibahagikan kepada bidang seperti Akidah, Feqah (Ibadah), Akhlak dan Tilawah al-Quran serta disesuaikan mengikut tahap pengetahuan yang ada pada pelatih atau penghuni.

Kurikulum ini juga dijadikan asas perbincangan mengenai asas-asas fardhu ain yang menekankan konsep keyakinan dan ibadah di dalam setiap diri insan sebagai amalan dan penghayatan terhadap agama Islam secara keseluruhan.

##### **ii. Objektif.**

#### **a. Menilai tahap pengetahuan dan kefahaman agama penghuni.**

- b. Membolehkan perancangan pendidikan agama yang sesuai diberi kepada penghuni.
- c. Memberi kesedaran awal mengenai kepentingan agama dalam kehidupan mengikut syariat Islam sebenar.
- d. Menjadikan penghuni di institusi komited dengan amalan, aktiviti agama dan kerohanian ke arah pembentukan insan yang berakhlak mulia serta mukmin sejati.

### iii. Kandungan

#### a. Bidang Akidah

Bidang akidah merupakan asas dalam konteks silibus pengajian dalam modul kurikulum pendidikan Islam. Di antara perkara yang dibincangkan dalam bidang ini iaitu penjelasan dari aspek akidah seperti pengertian dan perkara-perkara yang merosakkan Iman. Pengertian Iman, Islam dan Ehsan merangkumi aspek pengertian Iman, Islam dan Ehsan.

Rukun Iman merangkumi aspek kepercayaan kepada Allah S.W.T. dengan membincangkan nama-nama Allah S.W.T., sifat wajib, mustahil dan harus, dalil kewujudan Allah S.W.T. serta hikmah atau kelebihan beriman kepada Allah S.W.T.

Percaya kepada Malaikat membincangkan mengenai pengenalan dan kejadian malaikat, nama-nama malaikat dan tugasnya, perbezaan antara malaikat, manusia dan jin serta hikmah beriman kepada malaikat. Percaya kepada kitab membincangkan berhubung pengertian kitab, jumlah kitab serta nama-nama Rasul yang menerimanya serta hikmah beriman kepada kitab (al-Quran).

Percaya kepada Rasul membincangkan berhubung pengertian rasul, perbezaan antara Nabi dan Rasul, nama-nama Rasul yang wajib diketahui dan jumlahnya, sifat-sifat yang mustahil dan harus bagi rasul, rasul-rasul yang bergelar Ulul 'Azmi serta hikmah beriman kepada Rasul.

Percaya kepada hari Akhirat memfokuskan perbincangan berhubung pengertian hari akhirat, tanda-tanda hampir kiamat, alam kubur, padang masyar, hisab, titian dosa dan pahala serta syurga dan neraka.

Percaya kepada Qada' dan Qadar membincangkan berhubung pengertian Qada' dan Qadar, hubungan Qada' dan Qadar dalam kehidupan serta hikmah beriman dengan Qada' dan Qadar.

Rukun Islam juga turut diterapkan dalam proses pemulihan di kalangan pelatih di Institusi Pemulihan Aklak JKM. Antara kandungan Rukun Islam yang diterapkan ialah mengucap dua kalimah syahadah iaitu membincangkan konsep dua kalimah syahadah dari segi bahasa dan istilah, lafaz dan makna dua kalimah syahadah serta perkara yang membatalkan dua kalimah syahadah.

Rukun Islam juga turut menekankan elemen solat dalam konteks membincangkan pengertian, hukum dan dalil. Pendidikan berhubung berpuasa di bulan Ramadhan membincangkan aspek pengertian, hukum dan dalil berpuasa. Elemen zakat juga turut diterapkan dalam proses pendidikan dengan membincangkan aspek pengertian, hukum dan dalil. Modul ini juga turut menerapkan elemen haji dengan membincangkan aspek pengertian, hukum, dalil, hikmah, tujuan dan faedah.

b. Bidang Akhlak

Modul ini juga turut membincangkan berhubung akhlak. Perbincangan mengenai akhlak merangkumi sifat taubat. Pembahagian akhlak dibahagikan kepada lima aspek utama iaitu adab dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab dengan al-Quran.

Modul ini juga turut membincangkan berhubung sifat-sifat terpuji dan tercela, adab-adab berdoa, tempat mustajab berdoa, contoh akhlak Rasulullah S.A.W, konsep pergaulan dan konsep aurat dan pakaian dalam Islam.

c. Bidang Tilawah

Modul pemulihan pendidikan Islam ini turut membincangkan berhubung pengenalan tilawah al-Quran, asas pelajaran tilawah, jawi, tajwid serta asas pengajian al-Quran.

Berdasarkan modul yang telah digubal, pelatih juga diminta untuk mengamalkan surah-surah al-Quran pada tiap-tiap pagi dan petang, sebelum tidur dan tiap-tiap malam.

Menjadi kewajipan pada setiap pelatih untuk membaca surah surah pilihan seperti surah *Yaasin*, *al-Mulk*, *al-Waqiah* dan *al-Dukhan* pada setiap malam. Manakala pada malam Jumaat, pelatih akan membaca surah *Yaasin*, *al-Dukhan*, *al-Kahfi*, *al-Jumu'ah*. Pada hari Jumaat pula, pelatih dikehendaki membaca surah *Yaasin* dan *al-Dukhan*.

iv. Kaedah Pengajaran

Berdasarkan modul yang telah digubal, terdapat beberapa kaedah yang diguna pakai dalam pelaksanaan pengajaran di setiap institusi. Di antara kaedah tersebut ialah kuliah, perbincangan dan soal jawab, bercerita, sumbang saran, latih tubi dan amali serta demonstrasi dan tayangan slide.

v. Kaedah Penilaian

Terdapat dua kaedah penilaian yang digunapakai oleh pegawai agama di Institusi Pemulihan terhadap pelatih. Kaedah tersebut ialah Ujian Lisan (Amali dan Praktikal) dan Ujian Bertulis.

## Kesimpulan

Berdasarkan keterangan diatas, pengisian dalam Modul Pendidikan Islam yang telah digubal oleh pihak JKM, merupakan salah satu usaha dalam meningkatkan tahap pengetahuan, penghayatan serta pengamalan khususnya dalam konteks akidah, ibadah dan akhlak di kalangan penghuni yang ditempatkan di mana-mana institusi JKM. Kajian ini khususnya bertujuan mendapatkan gambaran sebenar dalam konteks pelaksanaan program tersebut di Institusi JKM khususnya di Institusi Pemulihan Akhlak berhubung pelaksanaan dan keberkesanan program agama di kalangan pelatih. Kajian akan dijalankan melalui beberapa kaedah iaitu temuramah pegawai agama, temuramah pelatih, soal selidik kepada pegawai dan pelatih serta observasi yang akan dilakukan.

Melalui kajian awal yang telah dijalankan kepada pegawai agama di Institusi Pemulihan mendapati pegawai agama di Institusi Pemulihan sangat bersetuju solat berjemaah, membaca al-Quran dan kelas agama dijalankan di Institusi Pemulihan sebanyak (100%). Responden sangat bersetuju (45.5%) dan bersetuju (54.5%) amalan berzikir dilaksanakan serta ceramah/forum (36.4%) dan (63.6%). Responden juga sangat bersetuju (54.5%), bersetuju (27.3%) dan kurang setuju (18.2%) Solat *Dhuha* dilaksanakan di Institusi Pemulihan ini. Bagi amalan *qiamullail* pula, responden sangat setuju (54.5 %), setuju (36.4 %) dan sangat tidak setuju (9.1%). Manakala bagi *qiamullail* dilaksanakan setiap hari, responden setuju (9.1%), kurang setuju (54.5%), tidak setuju (9.1%) dan sangat tidak setuju (27.3%).

Namun kajian seterusnya akan dijalankan pula kepada pelatih di Institusi Pemulihan bagi mengetahui pelaksanaan program agama terhadap setiap pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

## Bibliografi

- A.S Hornby (2000), *Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, London: Oxford Fajar.
- Ahmad Syalabi (1989), *Muqaranah al-Adyan*, Cet .8, Kaherah: Maktabah Najdah al-Misriyyah.
- Allen Walker Read (T.T.P), *The New International Webster's Comprehensive Dictionary of The English Language*, Encyclopedia Edition, London: Trident Press International.
- Betty Kirkpatrick (1995), *The Concise Oxford Thesaurus*, London: Oxford University Press.



- Eric Buckley (1978 ), *The Oxford Dictionary*, Vol. VII, London: Oxford University Press.
- Ibn Syarif (1984), *al- Adyan fi al-Qur'an*, Cet. 5, Saudi Arabia: Maktabah al-Akkaz.
- Ibrahim Mustafa et. al.(1872), *Mu<sup>h</sup>jam al-Wasit*, Istanbul: Maktabah Islamiyyah.
- Muhammad 'Abdullah Darraz (1970), *al-Din*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Muhammad al-Sayyid al-Wakil (1986 ), *Usul al-Dakwah wa Adab al-Duah*, al-Mansurah: Dār al-Wafa'.
- Muhammad Amin Hassan Muhammad Bani Amir (1999), *Asalib al-Da'wah wa al-Irsyad*, Universiti Yarmouk: Jordan.
- Muhammad Kamal Ja'far (1970), *Fi al-Din al-Muqarran*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Jami'iyah.
- Muhammad Yusuf Kurit (1980), *Dirasah fi al-Nuzmu wa al-Saqafah al-Islamiyyah*, t.t.p: t.p.
- Munir Ba<sup>c</sup>al Baki (1986), *al-Munjid fi Lughah wa A'lam*, Beirut: Maktabah Syarkiyyah.
- Noresah bt. Baharom et. al. (1994), *Kamus Dewan*, Cet.13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rauf Syalabi ( 1882 ), *Sikulugiyat al-Ra'l wa al-Da'wah*, Kuwait: Dar al-Kalam.
- Sa'id Hawwa (1993), *al-Islam*, Cet. 2, Mesir: Dar al-Salam.
- Sayyid Muhammad Qutb (1988), *Hazn al-Din*, Suwito Suprayogi (terj), Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Sayyid Qutb (1971), *Fi Zilal al-Quran*, Jil. 13, Cet. 7, Beirut: Lubnan.
- Subhi al-Salih (1986), *Sistem Sosial dan Pertahanan dalam Islam*, Osman Hj. Khalid (terj), Kuala Lumpur: Bhg. Hal Ehwal Islam JPM.
- William Little (1934), *The Shorter Oxford Dictionary*, Vol.II, Britain: Great Britain.
- Abu 'A'la al-Mawdudi (1984), *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*. Halimuddin SH (terj), Singapura: Pustaka Nasional.
- Quraish Shihab (1996 ), *Membumikan al-Quran*, Bandung: Perpustakaan Mizan.

Sayyid Abu al-'Ala al-Mawdudi (1992), Agama Yang Benar dalam Syed Zafar al-Hassan et. al. (ed), *Rangkaian Pengetahuan Islam*, Singapura: Omar Brithers Publications, h. 68.

# Isu-Isu Dakwah Majalah Milenia Muslim Menjana Masyarakat Intelektual

Nabilah binti Mohd Razif\*

## Abstrak

Artikel ini menghimpunkan segala isu-isu dakwah yang dipaparkan selama dua tahun itu di dalam ruangan Majalah Milenia Muslim iaitu pada tahun 2007-2008. Bidang ini dipilih kerana penulis ingin mendapatkan penjelasan secara terperinci tentang skop isu-isu dakwah yang dimuatkan dalam majalah Islam dan pengaruhnya dalam membentuk masyarakat yang intelek dan bertaqwa. Tidak dinafikan bahawa sambutan masyarakat Malaysia terhadap majalah Islam ini tidak sehebat penangan daripada majalah hiburan kerana sebenarnya masyarakat masih belum sedar lagi akan kepentingan mempelajari ilmu-ilmu Islam akan membawa kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Dengan menyedari hakikat yang demikian, maka relevan dinyatakan dan dibahaskan tentang isu-isu yang dibawa oleh Majalah Milenia Muslim ini dalam mendidik masyarakat, meneguhkan jati diri dan meningkatkan tahap integriti manusia sebagai umat Islam di samping membuka minda masyarakat supaya menjadi umat yang intelek dan memahat paku taqwa yang kukuh dalam diri setiap individu muslim. Melalui kajian ini juga dapat difahamkan bahawa Majalah Milenia Muslim memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan Islam, memberi gambaran Islam yang sebenar-benarnya dan perkembangan ilmu Islam dalam seluruh cabang kasar dan halus kehidupan terutamanya dalam menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat yang berilmu dan bertaqwa. Keperluan terhadap bahan bacaan sebegini sangat diperlukan oleh masyarakat sekarang yang semakin hanyut dan tenggelam dengan nikmat dunia sehingga mengabaikan akhirat.

**Kata Kunci:** Majalah Milenia Muslim, Isu-Isu Dakwah

## Pendahuluan

Memasuki zaman global pada hari ini, pola *dakwah bit at-tadwin* atau dakwah melalui tulisan baik dengan menerbitkan kitab-kitab, buku, majalah, internet, dan tulisan-tulisan yang mengandungi pesanan dakwah adalah sangat penting dan efektif dalam melaksanakan misi pengembangan Islam. Pelbagai keuntungan diperolehi daripada pola *dakwah bit at-tadwin* ini antaranya ialah dari sudut kewangan, dan kebebasan dalam penulisan.

---

\* Pelajar Ijazah Sarjana Di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Keuntungan lain dari dakwah melalui model ini ialah ia tidak akan musnah meskipun sang daie, atau penulisnya sudah meninggalkan dunia yang fana ini. Metode *dakwah bit-tadwin* ini telah pun dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud:

*"Sesungguhnya tinta para ulama adalah lebih baik dari darahnya para syuhada".*

Islam tersebar luas kepada manusia atas usaha dakwah yang dilaksanakan melalui pelbagai wasilah. Salah satu daripada wasilah dakwah yang penting dan digunakan secara meluas ialah melalui wasilah majalah. Majalah yang kini semakin mendapat tempat dalam lapangan masyarakat yang semakin celik ilmu benar-benar sangat memberi pengaruh besar kepada pemikiran dan pengetahuan masyarakat tentang ilmu-ilmu semasa dan ilmu-ilmu Islam. Tidak dinafikan selain daripada melihat dan mendengar, pembacaan juga sangat penting dalam menjadi salah satu cara untuk manusia mempelajari dan mengetahui tentang sesuatu perkara.

Majalah lebih bersifat fleksibel dalam usaha menyampaikan dakwah berbanding media cetak lain seperti surat khabar yang lebih dominan dengan berita-berita semasa, buku-buku pula mempunyai cabaran yang tersendiri kerana masyarakat sekarang dilihat agak kurang berminat untuk mentelaah buku-buku demi mendapatkan sesuatu maklumat. Ini mungkin kerana sifat buku itu sendiri agak berat dan membosankan gaya persembahannya. Ini berlainan dengan majalah yang mana semakin canggih teknologi, maka semakin canggihlah gaya penampilan dan persembahannya, baik dari sudut fizikal mahupun isi kandungannya. Ia mengandungi gambar-gambar, iklan-iklan, pembahagian ruangan-ruangan maklumat yang pelbagai dan sebagainya. Ia tidak terlalu menjurus hanya kepada maklumat-maklumat yang berat tetapi ada unsur santai diselitkan. Maka dengan ini, majalah telah menjadi satu daya penarik kepada masyarakat untuk menimba pelbagai ilmu melalui majalah. Apatah lagi kini majalah ilmiah sudah begitu banyak berada dipasaran, Cuma tinggal untuk memilih yang mana lebih sesuai dengan konsep pembacaan individu kerana setiap majalah mempunyai identiti yang tersendiri dalam memuatkan isu-isu perbincangan mereka.

Perkembangan yang pesat di dalam negara ini telah banyak menimbulkan persoalan di kalangan orang ramai khususnya pencinta-pencinta Islam. Persoalan-persoalan tersebut antara lainnya ialah yang menyentuh soal-soal dakwah, akidah, ibadah, akhlak, pelajaran, ekonomi, hukum-hakam, pentadbiran, politik dan pelbagai isu lain lagi. Semakin pesat kemajuan perkembangan teknologi dunia, semakin banyak persoalan yang timbul. Dan hanya Islam yang mampu menjawab segala persoalan tersebut. Oleh hal yang demikian, rasanya perlu persoalan-persoalan tersebut diketengahkan dan dipaparkan kepada orang ramai supaya penyelesaiannya dapat difikirkan dan dikongsi bersama.

Untuk merealisasikan usaha tersebut, salah satu wasilah perlu dilaksanakan bagi memastikan ia menjadi realiti. Maka, disini wasilah yang terpilih

ialah penulisan melalui media cetak iaitu majalah sebagai medan wacana ilmiah bagi membincangkan persoalan-persoalan tersebut. Majalah memainkan peranan penting dalam menanjak keintelektualan serta ketaqwaan umat Islam dalam era globalisasi kini. Ia telah menjadi satu mekanisma penting untuk mengungkapkan pelbagai isu yang bersangkutan paut dengan manusia, masyarakat, agama dan negara. Pada masa kini majalah berhadapan dengan tugas yang sangat berat untuk mendidik masyarakat dalam menghayati hakikat Islam yang sebenar khususnya majalah yang memegang konsep Islam sebagai tema majalah.

Dengan menyedari hakikat yang demikian, maka relevan dinyatakan dan dibahaskan fungsi serta kepentingan majalah dalam mendidik masyarakat, meneguhkan jati diri dan meningkatkan tahap integriti manusia sebagai umat Islam di samping membuka minda masyarakat supaya menjadi umat yang intelek dan memahat paku taqwa yang kukuh dalam diri setiap individu muslim.

### **Pengenalan Majalah Milenia Muslim**

Majalah milenia muslim merupakan sebuah majalah Islam yang diterbitkan oleh Syarikat MMP Communications iaitu syarikat yang sama menerbitkan majalah Anis, Asuh dan Forward. Majalah Milenia Muslim bukanlah sebuah majalah yang sudah lama bertapak dalam industri media cetak tanah air, namun ia jua bukan sebuah malajah baru, namanya kini sudah semakin dikenali ramai dan mendapat sambutan yang menggalakan daripada masyarakat yang semakin celik ilmu.

Majalah Milenia Muslim membawa objektif tertentu yang sangat luas dimensi dakwah yang cuba dilontarkan kepada masyarakat pelbagai sasaran. Antara objektifnya ialah :

- a. Menjadi salah satu medium untuk membawa masyarakat mendekati Allah S.W.T.
- b. Merapatkan hubungan sesama manusia dan mengeratkan ukhwah antara umat Islam dengan perkongsian ilmu.
- c. Memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat tentang syumul dan fleksibelnya Islam sebagai satu-satunya agama yang akan membawa kesejahteraan di hidup di dunia dan di akhirat kelak.
- d. Memperkasakan penggunaan dan kefahaman ayat suci al-Quran dan al-Hadith dalam kehidupan seharian.

Berpaksikan misi “*Merapatkan hubungan sesama manusia dan merapatkan hubungan manusia dengan Pencipta melalui perkongsian ilmu*” serta bervisikan “ *Memberi sumbangan kepada manusia dengan ilmu pengetahuan berlandaskan Islam yang menepati keperluan kehidupan manusia dunia dan akhirat*”. Malah diperkukuhkan pula dengan motto “ *Berprinsipkan al-Quran dan as-Sunnah*”. Majalah milenia muslim ini dilihat mempunyai identiti yang tersendiri yang membezakannya dengan majalah yang lain malah turut menjadikannya

sedikit istimewa. Dengan ini barulah majalah ini dikatakan mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Antara faktor yang dapat membezakan antara satu majalah itu dengan majalah yang lain ialah konsep yang dibawa dalam menyusun pengisian dalaman majalah.

Majalah Milenia Muslim mempunyai beberapa konsep yang telah ditetapkan iaitu dakwah, pendidikan dan maklumat semasa. Isi kandungan majalah ini keseluruhannya mengandungi unsur dakwah walau dalam apa jua isu yang dimainkan. Penekanan terhadap konsep dakwah sangat dititik beratkan kerana Majalah Milenia Muslim mempunyai matlamat tersendiri iaitu membentuk masyarakat Malaysia yang berjiwa pendakwah dengan pengetahuan yang luas tentang ilmu duniawi dan ukhrawi tanpa mengira siapa pun mereka.

Selain itu konsep pendidikan yang diterapkan dalam majalah ini ialah pendidikan dari sudut rohani, intelektual, mentaliti dan akhlak. Oleh kerana masyarakat sekarang dilihat sangat peka dengan isu semasa, maka Majalah Milenia Muslim menggarap segala isu yang berlegar di bumi Malaysia ini dan isu-isu hangat dunia. Ini bertepatan dengan konsep pendidikan yang dipegang oleh majalah ini untuk membentuk masyarakat yang berilmu pengetahuan.

Namun apa yang terpenting sekali dalam konsep yang dipahat oleh majalah ini ialah konsep yang berteraskan al-Quran dan al-Hadith tanpa mengira isu yang dipaparkan kerana Islam itu merupakan agama yang syumul, maka segala perkara dapat dikaitkan dengan al-Quran dan al-Hadith. Ini dapat memberangsangkan pemikiran masyarakat supaya terbuka dan terdidik mindanya dengan landasan Islam sebenar.

### **Isu-isu Dakwah Dalam Majalah Milenia Muslim**

Dalam kajian ini, penulis telah membahagikan isu-isu dakwah yang dimuatkan dalam Majalah Milenia Muslim kepada beberapa bahagian supaya ia dapat dilihat dengan lebih jelas dan mudah difahami. Isu-isu dakwah yang dibincangkan akan memberi penumpuan khusus terhadap aspek-aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Yang mana aspek-aspek yang perlu diberi penekanan dan di dalamnya sudah terangkum aspek-aspek lain secara tidak langsung.

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Akidah**

Masyarakat Islam sedang menghadapi pelbagai kegawatan terutamanya krisis keruntuhan aqidah tauhid dalam diri individu, keluarga, masyarakat dan umat. Inilah ujian terbesar daripada Allah S.W.T. kepada umat Islam iaitu ujian terpisahnya kehidupan mereka daripada aqidah sebenar yang menjadi teras kehidupan antara hamba dengan Khaliq (Allah S.W.T.).<sup>1</sup>

Namun begitu, di antara sebilangan besar umat Islam yang hanyut dalam lautan jahiliyyah moden, masih ada segelintir yang berjaya memaut dahan-dahan

---

<sup>1</sup> Abdul Rahman Rukaini (2001), *Tauhid*. Selangor : Synergymate Sdn. Bhd. hlm,v

penyelamat iaitu aqidah tauhid yang kukuh yang menjadi benteng kejayaan, kemajuan dan keunggulan umat Islam. Segelintir golongan inilah yang bertungkus lumus menongkah arus cabaran dan rintangan yang melanda dengan meneriakkan semboyan kalimah tauhid di mana-mana, walaupun kadang-kadang mereka dipandang sepi dan sinis, semangat perjuangan sentiasa meluap-luap demi memartabatkan Islam tercinta dan mengembalikan saudara seislam yang sudah hanyut dan lalai supaya kembali mengabdikan diri pada Allah S.W.T.

Melihat kepada kepentingan aqidah yang sebenar dalam hidup manusia, maka Majalah Melenia Muslim menitik beratkan perkara ini dengan membantu melalui penulisan berkisar sifat sebenar aqidah yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu muslim.

**“Kenalilah Dengan Lebih Dekat: Ketuhanan”** merupakan artikel yang membincangkan isu kewujudan Allah S.W.T. yang bersifat Maha Ghaib. Sifat Allah S.W.T. yang tidak dapat dilihat oleh mana-mana makhluk ciptaanNYA tetapi boleh dirasa kewujudanNYA dengan hati yang suci. Kita sebagai umat islam dilarang untuk memikirkan secara mendalam tentang sifat Allah S.W.T. kerana akal manusia terbatas untuk mengetahui perkara ghaib dan jika manusia terus-terusan memikirkannya, maka akan timbullah pemikiran yang bukan-bukan yang dicampur dengan bisikan halus dari syaitan yang sentiasa ingin memesongkan aqidah manusia daripada mentauhidkan Allah S.W.T.

Artikel seterusnya ialah mengisahkan bagaimana seorang berbangsa Cina yang jiwa kosongnya memperoleh kantung Islam bagi mengisi jiwanya yang kosong menjadi penuh dengan ketenangan, malah mengubahnya daripada seorang yang bersifat panas baran kepada seorang yang lemah lembut. **“Hidayah Suburkan Jiwa Kontang ”** merupakan sebuah artikel dari kolum Gemilang Islam. Teong Aik atau nama muslimnya Muhammad Amir al-Karim Ng Abdullah sebelum memeluk Islam merupakan seorang yang sangat panas baran sehingga apa sahaja perkara boleh menjadikannya marah. Hatinya tidak pernah tenteram dan sentiasa berserabut. Bukan sahaja kawan-kawannya tidak suka berkawan dengannya, malah ahli keluarganya juga sering manjauhan diri daripadanya kerana sifatnya itu. Oleh yang demikian, beliau banyak menghabiskan masa di pusat-pusat hiburan hingga ke lewat malam kerana pada fikirannya itu mungkin boleh melegakan kekusutan jiwanya. Tapi hampa, apa yang diharapkannya meleset. Jiwanya semakin kacau. Akhirnya beliau mula mencari pembimbing hidupnya. Pada mulanya beliau langsung tidak terfikirkan Islam kerana pada pemikirannya Islam hanya untuk orang Melayu. Tetapi atas kehendak Allah S.W.T. akhirnya Islam menjadi pilihannya apabila beliau mendapati hanya agama ini yang mampu memberi ketenangan dan meleraikan kekusutan jiwanya selama ini. Sekarang berkat keyakinan yang tinggi terhadap pertolongan Allah S.W.T. pengislaman beliau diterima mudah oleh keluarganya dan kini beliau menjadi pengerusi Perkim Gerak yang membantu golongan berbangsa Cina untuk memeluk Islam. Beliau sangat bersyukur kerana pekerjaan yang dilakukan sekarang bukan sahaja membantunya mendalami Islam malah beliau juga turut sama dapat membantu manusia lain mengenali Islam dengan lebih dekat. Kini

beliau sangat senang dan tenang dengan dirinya sekarang berkat keyakinan terhadap Allah S.W.T. yang sentiasa bersama hambaNYA yang mengingatiNYA. Benarlah apa yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

*Maksudnya : “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”<sup>2</sup>*

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Moral Dan Akhlak**

Akhlak merupakan sesuatu yang amat penting kerana peranannya yang besar dalam mengatur semua tingkah laku manusia. Mungkin kita boleh katakan bahawa semua tingkah laku manusia adalah selari dengan nilai atau sifat yang sehati di dalam diri. Tepat sekali kata-kata Imam al-Ghazali di dalam kitabnya Ihya’ Ulum Ad-Din: “ setiap sifat yang tersemat di dalam hati akan tercerna kesannya pada anggota badan malah anggota ini sudah tentu akan hanya bergerak menurut sifat ini.” Jadi semua tingkah laku manusia berkait rapat dengan nilai dan sifat yang ada dalam diri seseorang. Ibarat pokok yang akarnya di dalam bumi. Ini bermakna, tingkah laku yang baik bergantung kepada akhlak yang baik sama seperti pokok yang bergantung kepada akarnya. Jika baik akarnya maka baiklah pokok itu, dan jika rosak akarnya maka rosaklah pokok itu.<sup>3</sup>

Al-Ghazali dan al-Tusi pada dasarnya bersetuju dengan Miskawayh bahawa akhlak seseorang bersifat fleksibel dan boleh diasuh menjadi mulia melalui latihan dan pendidikan yang sesuai. Al-Ghazali misalnya, merumuskan bahawa fungsi utama agama Islam adalah untuk mereformasikan akhlak manusia.<sup>4</sup> Ini sangat bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

انما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

*Maksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia”.*

Akhlak akan memandu seseorang memilih kebaikan dan kemudiannya menterjemahkan kebaikan-kebaikan tersebut dengan perbuatan-perbuatan lahiriah yang baik dan bertepatan dengan penilaian akal dan kehendak syariah.<sup>5</sup>

Dengan demikian, akhlak mempunyai kedudukan dan kepentingan yang sangat primer dan dominan dengan Islam. Akhlak menjadi wasilah bagi seseorang

---

<sup>2</sup> Al-Quran Surah al-Maidah ( 5 ) : 3.

<sup>3</sup> Abdul Karim Zaidan (2002), *Islam Dan Dakwah*. Solehan Ayub (terj). Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd. hlm, 91.

<sup>4</sup> Mohd Nasir Omar (2005), *Akhlak Dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h: 23.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm, 36.



muslim untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan sekaligus kehidupan di akhirat kelak.<sup>6</sup>

Antara contoh artikel yang berhubung dengan akhlak ialah ‘**Tegas Dan Berhemah Acuan Personaliti Rasulullah Dan Sahabat.**’ Seperti mana yang terbukti di dalam al-Quran dan Hadith, Rasulullah s.a.w. merupakan seorang manusia yang mempunyai akhlak yang sangat mulia tiada bandingan dan para sahabat juga tidak kurang juga ketinggian akhlak yang mereka miliki hasil didikan daripada Rasulullah s.a.w.. Maka dalam artikel ini menerangkan bagaimana Rasulullah s.a.w. telah mengekalkan personaliti berhemah dan sabar yang tinggi sekalipun dalam menghadapi peperangan yang amat dahsyat serta kekejaman orang kafir terhadap Baginda s.a.w. Baginda s.a.w tetap menjunjung akhlak mulia, bertindak penuh bijaksana, sabar dan lembut dalam tegas sehingga musuh-musuhnya menjadi sedar dan insaf lalu akhirnya menyerah dan menjadi pengikut setia.

Contoh artikel lain pula ialah ‘**Budaya Berjabat Tangan Dengan Bukan Mahram.**’ Masyarakat Melayu terkenal dengan masyarakat yang mementingkan adab sopan santun dan budi pekerti mulia. Antara adab yang sentiasa dipraktikkan dalam masyarakat ialah bersalam atau berjabat tangan di antara satu sama lain apabila bertemu. Perbuatan ini merupakan sesuatu yang amat baik kerana ia dapat mengeratkan silaturrahim dan persaudaraan di dalam masyarakat. Namun ia tidak bermakna boleh bersalaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Tetapi sejak akhir-akhir ini dilihat budaya bersalaman dengan semua orang tanpa mengira jantina dan melanggar batas yang ditetapkan syariat semakin berleluasa dan semakin diterima masyarakat. Maka artikel ini diterbitkan untuk menjernihkan kembali fenomena ini dengan menerangkan betapa bahayanya budaya ini jika dibiarkan terus-terusan yang mana ia sangat bercanggah dengan prinsip akhlak Islam yang melarang lelaki dan perempuan ajnabi bersentuhan. Bukan itu sahaja malah fenomena ini juga akan turut menghakis nilai-nilai murni dan adab tatasusila yang diamalkan dalam masyarakat Melayu selama ini.

Rasulullah s.a.w. sendiri tidak pernah bersalaman dengan perempuan ajnabi seperti mana yang diterangkan dalam sebuah hadith riwayat Imam Ahmad yang bermaksud “ *Daripada Abdullah bin Amr’ r.a., bahawa sesungguhnya rasulullah s.a.w. tidak pernah berjabat tangan dengan wanita di dalam bai’ah.*”

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Ibadah Dan Rohani**

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Maksudnya : “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”<sup>7</sup>*

---

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm, 39.

<sup>7</sup> Al-Quran Surah al-Dzariyat (51) : 56.

Ibadah dalam Islam berperanan dalam mengatur hubungan individu dengan Tuhannya disamping sebagai satu cara menampilkan ubudiyyah kepada Allah S.W.T. secara zahir dan batin. Selain itu juga ibadah dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama umat Islam di seluruh dunia ini. Oleh itu ibadah adalah hak Allah S.W.T. yang perlu dilaksanakan oleh semua hamba-hambaNYA yang mengucapkan kalimah *La Ilaha Illallah*. Kesemua jenis ibadah perlu dipelihara dan dimantapkan. Ia tidak boleh sama sekali dipandang ringan atau dibuat sambil lewa kerana ibadah memainkan peranan dalam mempertingkatkan dan memantapkan keimanan dan ketaqwaan. Umpama air atau udara bagi tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia, tanpanya manusia, haiwan serta tumbuhan akan mati. Begitu juga dengan ibadah, manusia tanpa ibadah akan mengakibatkan hati dan jiwa mereka mati dan apabila hati dan jiwa manusia sudah mati, maka akan rosaklah dunia ini dibinasakan oleh mereka.

Ibadah yang dilakukan dengan sempurna sebenarnya akan memberi kesan yang sangat ketara kepada tingkah laku manusia kerana ibadah-ibadah ini berperanan membersihkan jiwa dan menjadikan manusia lebih peka bersama Allah S.W.T. sama ada dalam keadaan bersendirian ataupun di khalayak ramai. Ibadah-ibadah yang dituntut dalam Islam ini juga berupaya melahirkan individu yang takutkan Allah S.W.T. Ini sekali gus menghalang mereka untuk melakukan maksiat atau sesuatu yang memudaratkan orang lain. Malah mereka akan sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan. Sudah tentu masyarakat akan bertambah harmoni apabila semakin ramai individunya yang menjadi golongan yang baik dan takutkan Allah S.W.T.. Elemen-elemen baik di dalam masyarakat ini akan bertambah dan elemen-elemen buruk pula akan berkurangan. Atas dasar ini kita perlu mengakui bahawa ibadah dalam Islam mampu melahirkan individu dan masyarakat yang baik di samping mampu membawa kebaikan kepada individu dan masyarakat.<sup>8</sup>

Penulisan bertajuk **'Meniti Puncak Zikir'** membicarakan bagaimana seseorang muslim ingin mencapai *zuk* atau *al-Garik* iaitu tenggelam dan terpesona dengan mengingati Allah S.W.T.. Terlebih dahulu sebelum kita dapat mencapai saat *al-Fanaa* iaitu lenyap di dalam kekhusyukkan zikir kepada Allah sehingga seolah-olah kita melihat Allah S.W.T. Kita perlu mendalami ilmu agama dan ilmu ketuhanan dan menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian barulah kita boleh mencapai kemuncak *zuk zikir* ke Hadrat Ilahi. Ketika berzikir itu juga kita perlu mengarahkan segala anggota badan luaran dan dalaman untuk hanya mengingati Allah S.W.T. dan lupakan seketika soal dunia ini. Maka dengan itu kita akan mendapat ketenangan yang hakiki dan akan timbul penghayatan yang sebenar terhadap kalimah-kalimah zikir Lillahi Taala.

Penulisan lain yang mendidik masyarakat tentang kesyumulan ibadah ialah penulisan yang bertajuk **'Bersedekah Ikhlas Kerana Allah'**. Corak persembahan artikel ini ialah penceritaan. Ia memuatkan dua buah kisah pendek berkenaan

---

<sup>8</sup> Abdul Karim Zaidan (2002), *Op.cit.*, hlm, 53.

dengan sedekah yang diterima oleh Allah S.W.T. adalah sedekah yang ikhlas serta ganjaran yang sangat tinggi terhadap sesiapa yang bersedekah dengan keikhlasan yang sebenar-benarnya.

Situasi masa kini kita dapat lihat bahawa sedekah atau derma yang disalurkan oleh seseorang atau sesebuah institusi begitu gah sekali pengkhabarannya di dada-dada akhbar dengan tujuan mendapat nama dan untuk memberitahu kepada semua orang bahawa mereka telah membuat amal kebajikan. Tetapi ini bukanlah apa yang dikehendaki oleh Islam. Islam menuntut umatnya supaya bersedekah dengan penuh keikhlasan dan diniatkan kerana Allah S.W.T. Dan sangat mulia sedekah itu jika ia dilakukan secara sembunyi-sembunyi tanpa sesiapa pun yang mengetahuinya. Ada sebuah hadith yang menerangkan tentang tujuh golongan yang akan berada di bawah naungan arasy Allah, salah satunya ialah sesiapa bersedekah ikhlas ialah yang mana tangan kiri memberi sedekah, tetapi tangan kanan tidak tahu akan tangan kiri yang membuat amal itu. Sampai begitu sekali tuntutan Islam dalam menyeru umatnya membuat kebaikan tanpa boleh wujud unsur riya atau menunjuk-nunjuk kepada orang lain.

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Minda Dan Akal Fikiran**

Allah mengurniakan otak dan nafsu kepada manusia dan binatang. Walau bagaimanapun, manusia sangat istimewa sifatnya kerana bukan sahaja diberikan otak malah dikurniakan juga akal fikiran atau minda. Sementara binatang hanya dikurniakan otak tanpa adanya akal fikiran. Maka perbezaan manusia dengan binatang selain fizikal ialah akal fikiran. Sementara itu, perbezaan antara manusia dengan manusia yang lain adalah tahap penggunaan akalanya. Manusia dikurniakan anugerah akal fikiran agar dapat mengawal dan mengekang nafsu mereka yang tidak terbatas itu.<sup>9</sup>

Minda atau akal adalah sebesar-besar anugerah Allah kepada manusia. Dengan minda, manusia mampu berhubung dengan alam ghaib, berhubung dengan manusia lain, dan berhubung dengan alam sekelilingnya. Dengan minda juga manusia memperoleh, menyimpan dan menggunakan ilmu pengetahuannya. Muhammad Abd. Rauf menulis: “ *Man has immaterial, intangible but enduring faculty of power, mysteriously conneced with the body, whereby man thinks, understands, decides, judges, wills, hesitates, infers, feels, hopes, fears, chooses, invents, intends, anticipates, and so on. (hal, xiii)* Demikian sebenarnya, bahawa terdapat hubungan yang erat dengan antara mind and body.

Hakikatnya, fungsi minda atau akal adalah untuk melihat ciptaan dan kebesaran serta mengingatiNYA selalu. Ayat-ayat al-Quran banyak menyeru supaya manusia selalu mengingati Allah S.W.T.. Semua ini merupakan proses akal dan minda manusia untuk berkembang selain manusia perlu menggunakan akal dan fikiran dalam banyak perkara supaya pemikiran bercambah dan luas

---

<sup>9</sup> Mohd Azhar Abd Hamid (2001), *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*. Johor : Penerbit Universiti Teknoligi Malaysia. hlm, 9.

pengetahuan. Umat yang tidak menggunakan akal dan minda dikutuk oleh Allah S.W.T.<sup>10</sup>

Akal fikiran hendaklah diprogramkan secara radikal, universal dan sistematik, selain digarap secara terkawal dalam satu acuan iaitu berdasarkan paradigma tauhid. Hanya menerusi skema dan jalan tauhid sahaja barulah cara dan hala berfikir manusia akan menjadi lebih bersih, jernih dan suci. Hal ini sangat penting dan perlu diberi perhatian. Tidak ada gunanya sebaik dan sehebat manapun pemikiran kita, jika ia menyalahi batas dan hukum yang telah digariskan oleh Allah s.w.t.. Oleh itu, untuk memperolehi keberkatan hidup di dunia dan di akhirat dengan acuan yang betul dan benar sahaja kita boleh mengecapi kemanisannya.<sup>11</sup>

Secara keseluruhannya, semua isi kandungan Majalah Milenia Muslim ini adalah berteraskan kepada pembangunan minda dan akal. Oleh itu, penulis memilih artikel yang agak berkait rapat dengan minda dan akal. Artikel yang terpilih ialah artikel bertajuk “ **Hedonisme Karatkan Minda Kelas Pertama**”. Artikel ini mengajak masyarakat sama-sama membuka minda meneliti kembali erti kemerdekaan yang telah negara kita Malaysia kecapai sekarang. Adakah ia kemerdekaan hakiki iaitu kemerdekaan dari segala aspek kehidupan manusia atau ia sekadar kemerdekaan pada zahir Negara Malaysia sahaja sedangkan sistem dan rakyat masih lagi terjajah dari segala sudut?? Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan sebenarnya, namun ramai yang cuba berdalih membela kenyataan bahawa sebenarnya anak merdeka yang dilaung-laungkan hari ini sebenarnya masih dijajah lagi secara halus dengan suntikan terhadap pemikiran, gaya hidup, pendidikan dan seluruh aspek kehidupan dalam dunia moden hari ini. Paling parah ialah penjajahan minda! Impaknya ia melumpuhkan dan mengaratkan pemikiran kita dalam mencorak tamadun dan identiti sendiri atas dasar nilai agama dan budaya bangsa. Antara terapan jajahan yang meluas wabaknya kini ialah budaya hedonisme yang telah sebatikan dalam diri masyarakat Malaysia sekarang. Hampir 24 jam dalam sehari kita dihidangkan dengan pengagungan budaya hedonisme ini sama ada dalam bentuk media elektronik ataupun media cetak. Semuanya membincangkan tentang hiburan. Budaya hedonisme ini hanyalah menggalakkan masyarakat meraikan jiwa nurani dengan alunan muzik dan lagu-lagu yang melelekan dan langsung tidak membangunkan intelektual jauh sekali mahu melahirkan masyarakat berminda kelas pertama. Begitu juga dengan bahan bacaan yang dipilih masyarakat hanya berunsur hiburan semata-mata. Jika keadaan ini berterusan, mampukah kita untuk melahirkan masyarakat berminda kelas pertama dalam keadaan budaya hedonisme yang sedang rancak menular tanpa mengira peringkat umur dan status?.

---

<sup>10</sup> Mohd Yusuf Hasan ( 2000), *Pemikiran Saintifik*. Selangor : Pearson Education Malaysia Sdn Bhd. hlm, 35.

<sup>11</sup> Mohd Azhar Abd Hamid (2001). *op.cit.*, hlm, 3.

Artikel lain yang penulis pilih ialah “ **Amalan Membaca Menyubur Budaya Ilmu**”. Skop perbincangannya ialah berkisar tentang budaya ilmu. Suatu budaya yang boleh ditakrifkan sebagai nilai dan aktiviti masyarakat dan individu untuk memperkayakan minda dengan ilmu pengetahuan seterusnya membangunkan masyarakat ke arah matlamat yang ingin dituju. Artikel ini menyatakan budaya ilmu meliputi tiga budaya iaitu budaya membaca, berkarya dan mengkaji. Amalan membaca ternyata mampu menyuburkan budaya ilmu terutamanya bagi memperkasakan pendidikan. Daripada amalan membaca ini, maka bercambahlah minda yang kreatif untuk menjana usaha, maka terciptalah inovasi penciptaan sesuatu yang baru. Bermula dengan amalan semudah membaca, sesuatu tamadun mampu dirancang dan dibentuk dengan pemikiran yang rasional serta iltizam yang konsisten untuk memacu kegemilangan. Penulis artikel ini juga menyatakan bahawa bertitik tolak daripada budaya membaca ini akan terhasil masyarakat intelektual dengan pemikiran kritis dan kreatif. Sekiranya budaya ini digarap dengan baik, akan melonjakkan semangat untuk membangunkan agama, bangsa dan negara serta tamadun yang berpasakkan iman, ilmu dan amal sebagai tiang utama. Artikel ini juga ada menyentuh tentang budaya membaca akan membentuk masyarakat yang berinisiatif untuk berkarya dalam meluahkan pendapat hasil daripada pelbagai pembacaan. Apabila budaya membaca dan budaya berkarya berjalan seiringan, maka pasti tidak ketinggalan budaya mengkaji dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima dan dalam usaha mengembangkan ilmu yang didapati tersebut. kesimpulannya daripada artikel ini kita dapat kaitkan sebenarnya amalan membaca ini secara langsung mampu menyuburkan budaya menuntut ilmu yang berterusan, dan merangsang budaya menulis dan mengkaji sesuatu ilmu baru atau menyambung pengajian ilmu lama.

Al-quran menitik beratkan makhluk kejadian Allah dan kebangkitan ilmu ke arah kebenaran dan hak untuk manusia berperanan sebagai hamba dan khalifah.<sup>12</sup>

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Hisbah ( Penguatkuasaan Syarak )**

Seorang muslim mestilah memastikan setiap perbuatan dan percakapannya bertepatan dengan ajaran Islam. Untuk tujuan itu, Allah S.W.T. telah menetapkan hukum-hukum tertentu dan peraturan-peraturan tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh manusia. Selain itu, hukum dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. adalah sebagai satu wasilah manusia untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia tanpa mengabaikan akhirat. Ini kerana objektif undang-undang Islam adalah mengawal, menjaga, melindungi individu dan masyarakat, mempertahankan negara daripada dicerobohi musuh dan memberi yang sepatutnya kepada rakyat di samping

---

<sup>12</sup> Mohd Yusuf Hasan ( 2000), *op.cit.*, hlm, 35.

menghukum mereka yang melanggar undang-undang itu.<sup>13</sup> Seperti firman Allah S.W.T. yang berikut :

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ مَا عُدِّي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ إِنَّ الْحُكْمَ لِلَّهِ يَقِصُّ الْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ

*Maksudnya : “Katakanlah: “Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa); hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; Ia menerangkan kebenaran, dan Dialah sebaik-baik yang memberi keputusan”.*<sup>14</sup>

Walaubagaimanapun, masih ramai dari kalangan umat Islam sendiri yang masih tidak tahu mengenai syariat Allah S.W.T.. Kejahilan ini telah menyebabkan mereka terjebak dengan maksiat dan melanggar perintah Allah S.W.T. serta memandang rendah sistem undang-undang yang ditetapkan Allah S.W.T. dengan menyatakan ianya tidak lagi relevan diamalkan pada zaman serba canggih ini. Dalam masa yang sama juga ada daripada kalangan mereka yang tahu tentang peraturan dan undang-undang yang Islam gariskan, tetapi masih melakukan dosa dan mengikut sistem yang ditetapkan oleh manusia kerana mereka diracuni hawa nafsu serta hasutan musuh ketat manusia yang tidak nampak dek mata kasar iaitu syaitan dan Iblis laknatullah. Fenomena ini menyebabkan hidup umat Islam kini mundur dan hanya terpengaruh dengan ideologi Yahudi yang ingin menghancurkan umat Islam. Tiada ketenangan dikecapi oleh golongan ini. Walaupun mungkin mereka berharta, tetapi kekayaan itu digunakan pada jalan yang salah malah tidak akan pernah rasa cukup dengan apa yang ada. Ini merupakan natijah apabila manusia berpaling tadah dengan syariat Islam. Hidup hanya berpandukan undang-undang yang dicipta oleh manusia yang bersifat lemah ini, malah apa yang diharamkan oleh Allah S.W.T. dihalalkan demi kepentingan diri.

Oleh yang demikian harus ada segolongan umat Islam yang memahami kepentingan ilmu syariah ini memikul tanggungjawab untuk menerangkan kepada golongan manusia yang jahil tentangnya supaya hidup mereka lebih bahagia dan berjaya bukan sahaja di dunia, bahkan di akhirat kelak. Dalam sebuah firman Allah S.W.T:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

*Maksudnya : “Iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka*

<sup>13</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali (2004), *Sains Politik Islam*. kuala Lumpur: PTS Publications & Distrubutors Sdn. Bhd. hlm, 7.

<sup>14</sup> Al-Quran, *Surah al-An'am* ( 6 ) : 57.

*menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar (1042), Dan (ingatlah) bagi Allah jumlah kesudahan segala urusan.”<sup>15</sup>*

**“Peluang Pemerkasaan undang-Undang Islam Wajar Segera Diambil”.** Artikel ini membincangkan tentang kedudukan Islam di Malaysia perlukan kepada pemerkasaan sistem Islam yang lebih jelas, apatah lagi kini Malaysia yang berada di ambang matang apabila sudah mencecah usia 51 tahun kemerdekaannya yang seharusnya sudah mampu berdiri sendiri dengan keupayaan idealisme asli rakyat tempatan tanpa terlalu bergantung kepada orang luar. Artikel ini juga ada menyentuh sedikit tentang keistimewaan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia serta Yang Dipertuan Agong merupakan ketua agama bagi negara kita. Penulis artikel ini berharap agar cadangan-cadangan yang ingin memperkasakan kedudukan Islam dan sistem undang-undang syariah wajar diperhati dan diambil berat. Mudah-mudahan umat Islam di Malaysia sempat merasai sistem lengkap Islam secara syumul sebelum peluang ini tertutup buat selama-lamanya.

Artikel lain yang membahaskan soal undang-undang dari sudut Islam ialah **‘Katakan Tidak Kepada Rasuah’**. Rasuah adalah musuh utama negara. Masalah rasuah telah menjadi barah yang semakin serius dan virus yang amat bahaya kepada pembangunan sesebuah negara. Gejala rasuah kini dilihat semakin berleluasa dan sudah menjadi amalan yang dianggap biasa sahaja bagi sesetengah pihak. Wabak sosial ini secara perlahan boleh meruntuhkan sesebuah negara sekiranya tidak dibanteras segera dengan penuh bijaksana. Syed Hussein al-Attas dalam magnum opus berkenaan rasuah di negara kita melalui buku *Rasuah, Sifat, Sebab Dan Fungsi Sociology Of Corruption* meletakkan ringkasan ciri-ciri rasuah sebagai suatu pengkhianatan terhadap kepercayaan serta penipuan terhadap pemerintah, lembaga swasta atau masyarakat umumnya. Ini gambaran serta bukti betapa berat dan berbahayanya gejala rasuah ini.<sup>16</sup> Penulisan ini memberikan beberapa pandangan tokoh-tokoh yang ada menulis karya tentang rasuah. Antaranya ialah pandangan Robert C. Brooks, Samuel P. Huntington dan Syed Hussein al-Attas. Ia merupakan satu artikel yang padat dengan fakta yang tepat tentang keburukan rasuah terhadap ekonomi negara dan sahsiah manusia yang sangat perlu untuk dibanteras dengan segera. Untuk itu undang-undang adalah senjata utama kepada Badan Pencegah Rasuah dalam melaksanakan keadilan, membanteras rasuah, salah laku dan amalan buruk penjawat awam khususnya dan masyarakat umumnya.

Selain itu, paling penting artikel ini membincangkan soal ini daripada sudut pandangan Islam serta dikeluarkan dalil-dalil naqli tentangnya. Tiada satu pun masyarakat, negara atau agama yang mengiktiraf dan menerima rasuah sebagai satu amalan dan cara hidup. Islam sendiri dengan tegas melarang amalan keji ini

---

<sup>15</sup> Al-Quran, *Surah al-Hajj* (22) :41.

<sup>16</sup> Majalah Milenia Muslim, Februari 2007, Thn 5, Bil 54. Dalam artikel *Katakan Tidak Kepada Rasuah. Kula Lumpur*: Penerbit MMP Communications Sdn Bhd. hlm, 42.

diamalkan sama ada pemberi atau penerimanya. Dalam konteks Islam, rasuah dianggap perbuatan yang keji seumpama najis yang perlu dielak sedaya upaya. Seperti mana firman Allah S.W.T. yang memberi peringatan kepada manusia :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

*Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya.”<sup>17</sup>*

Terdapat beberapa buah hadith Rasulullah s.a.w. yang melarang amalan ini. Antaranya ialah sebuah hadith yang membawa maksud seperti berikut: “*Sesungguhnya daging yang tumbuh daripada makanan yang haram itu haram di sisi Allah S.W.T. masuk syurga dan sesungguhnya pemberi dan penerima rasuah tempatnya di dalam neraka.*”

Penulis artikel ini juga tidak lupa dalam memberitahu cara bagaimana untuk mengelak daripada terjebak dengan rasuah. Penekanan terhadap pembanterasan amalan ini sangat dititik beratkan dalam penulisan ini kerana kesannya sangat ketara dan boleh merosakkan manusia, masyarakat, negara dan agama dari pelbagai aspek. Akhir sekali, penulis artikel ini memberi saranan bahawa masyarakat perlu dibimbing dan diberi maklumat secukupnya agar gejala rasuah ini tidak mendapat tempat di dalam setiap lapisan struktur masyarakat. Kehidupan masyarakat dan pembinaan negara hendaklah dibebaskan daripada secebis pun gejala ini secepat yang mungkin. Tunas rasuah perlu dihapuskan seawal mungkin agar penyakit ini dapat dirawat dan dikawal sebaik mungkin. Oleh itu, sistem undang-undang harus diperketatkan dalam usaha memusnahkan wabak yang merebak ini.

## Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Sosial

Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun di dalam bukunya, *al-Mukaddimah* bahawa kehidupan bermasyarakat adalah suatu keperluan asasi bagi manusia. Ini disokong oleh teori bahawa manusia ini secara tabiinya adalah bermasyarakat. Ini bermakna hidup bermasyarakat merupakan suatu keperluan yang wajib bagi manusia memenuhi kehidupan di dunia ini. Manusia tidak mungkin mampu untuk hidup berseorangan. Teori ini disokong oleh realiti kerana manusia dilahirkan di dalam suatu masyarakat, dia membesar dan mati di dalam masyarakat ini.<sup>18</sup> Seperti mana firman Allah S.W.T. yang menerangkan konsep kemasyarakatan :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

---

<sup>17</sup> Al-Quran, Surah al-Baqarah (2) : 172.

<sup>18</sup> Abdul Karim Zaidan (2002), *op.cit.*, hlm, 121.



*Maksudnya : “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”.*

Antara artikel contoh dari sudut sosial ini ialah **‘Penyubur Spritual Ummah’**. Artikel ini mengulas kenyataan Pegawai Agama Istana Negara Datuk Abu Hasan Din al-Hafiz tentang kesepian masjid daripada masyarakat Islam. Beliau menyatakan masjid kini hanya gah dari segi stuktur dan materialnya sahaja tetapi ruh masjid itu sendiri tidak ada. Beliau mengharapkan kegemilangan masjid dapat dikembalikan seperti mana gemilangnya masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. iaitu apabila ia dimakmurkannya 24 jam. Beliau sangat menekankan hal ini kerana masjid merupakan salah satu institusi yang boleh menyatukan umat Islam tanpa mengira profesion, status sosial atau taraf pendidikan. Tidak dinafikan bahawa masjid merupakan salah satu sumber kemuliaan umat Islam. Datuk Abu hasan juga menyatakan bahawa selagi umat Islam ini atau sebahagian besar umat ini terasing daripada masjid, selagi itulah kita hanya akan menjadi buih-buih di lautan.

Kita harus sedar akan kepentingan masjid yang mana pada zaman Rasulullah s.a.w. ia merupakan satu tempat yang berjaya membentuk satu sistem sosial yang unggul. Dari masjidlah bermula segalanya dan teratur satu sistem sosial yang tiada bandingannya sehingga sekarang. Maka tidak ada keraguan lagi untuk masjid-masjid yang berada di bumi Malaysia ini perlu kepada pengimaran yang sebenar supaya kita dapat mengembalikan kegemilangan umat Islam dan memperbaiki sistem sosial negara ini.

Contoh artikel lain yang membincangkan isu dakwah dari aspek sosial ialah **‘Sampah Oh Sampah’** adalah mustahil jika di Malaysia ini kita tidak melihat sampah di merata tempat. Sampah dapat dilihat dimana sahaja sama ada di tepi jalan, di taman, di kedai makan, tandas awam bahkan di sebelah papan tanda di larang membuang sampah juga tidak ketinggalan sampah bertaburan. Ini adalah suasana negara kita ini sejak dari dahulu sehingga sekarang. Tidak perlulah kita hendak menunding jari kepada sesiapa pun, lihat diri kita sendiri sebagai masyarakat Malaysia ini sebenarnya bersikap tidak mengapa dan langsung tidak peka dengan persekitaran sama ada bersih atau tidak, peduli apa! Ini merupakan sikap kita yang perlu dibuang jauh-jauh. Tidakkah kita mengimpikan sebuah negara yang bersih yang mana sampah pun susah nak dicari? Atau persoalan yang lebih khususnya, tidak sayang alam semestakah kita? majoriti di Malaysia merupakan umat Islam. Islam menuntut kebersihan yang tinggi daripada umatnya sehingga di katakan kebersihan itu merupakan cabang daripada iman. Namun kita tidak laksanakan tuntutan itu. Sikap pentingkan diri lebih memonopoli diri kita dari

mengambil kisah soal kebersihan alam sekitar. Mungkin kita beranggapan tandas awam itu bukan milik kita, taman itu bukan milik kita, dan harta benda awam yang lain tu juga bukan milik kita, itu semua milik kerajaan. Tapi hakikat sebenarnya kita adalah sebahagian daripada kerajaan. Nak diharapkan pada pekerja bandaran sahaja mana mungkin, kerana pekerja bandaran tidak seramai rakyat Malaysia. jadi kesedaran dalam diri setiap individu yang menjadi penghuni Malaysia harus bersama-sama bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan alam sekitar. Barulah bandaraya sekeliling kita menjadi bersih tanpa sampah atau bau yang tidak menyenangkan. Sama-samalah kita fikirkan kenapa negara lain seperti Singapura mampu menjadi sebuah negara yang bersih. Ini kerana rakyatnya yang berdisiplin dan mempunyai kesedaran walaupun mungkin kita menyatakan negara Singapura merupakan negara denda tapi dari situlah bermulanya pendisiplinan rakyatnya.

### **Isu-Isu Dakwah Dari Sudut Ekonomi**

Suatu hakikat yang tidak dapat tidak manusia akan lakukan ialah mereka akan berusaha sedaya mungkin untuk memenuhi tuntutan hidup mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya sama ada ia dianggap perlu ataupun tidak. Sudah tentu segala usaha gigih yang dilakukan oleh setiap anggota masyarakat ini juga perlu bagi memenuhi keperluan hidup orang lain kerana manusia tidak dapat memenuhi segala keperluan hidupnya sendiri. Segala aktiviti manusia dalam soal ini dan segala hal yang berhubung kait dengan aktiviti ini dinamakan sebagai aktiviti ekonomi. Oleh kerana manusia hidup di dalam suatu komuniti, ini bermakna mereka tidak akan memperolehi kebebasan mutlak untuk melakukan apa sahaja menurut kehendak mereka termasuklah aktiviti ekonomi. Aktiviti ini perlu diselaraskan supaya dapat diterima oleh semua anggota masyarakat dan dapat mendatangkan kebaikan kepada semua. Segala dasar dan peraturan yang mengatur aktiviti ekonomi individu sesebuah masyarakat akan seterusnya membentuk sistem ekonomi masyarakat tersebut. sistem ini walau apa pun bentuknya mesti berlandaskan kepada suatu asas atau konsep dengan ciri-ciri tersendiri yang selari dengan dasar dan peraturan serta asas tadi. Oleh kerana salah satu ciri Islam ialah syumul, ini bermakna Islam sudah tentu mempunyai sistem tersendiri yang mengatur aktiviti ekonomi manusia dengan meletakkan dasar dan peraturan tertentu yang bertepatan dengan konsep Islam. Segala dasar dan peraturan serta segala asas inilah yang membentuk sistem ekonomi Islam.

Dalam usaha mempromosikan dan menyebarkan sistem ekonomi berlandaskan Islam ini, Majalah Milenia Muslim pastinya tidak mahu ketinggalan juga dalam menyumbang usaha ke arah itu. Antara artikelnnya ialah **‘Memartabatkan Tahap Sosioekonomi Umat Sejagat Menerusi Sistem Wakaf’**. Maha suci Allah S.W.T yang mensyariatkan wakaf . Wakaf merupakan perkataan dari Bahasa Arab. Kata jamaknya ialah *awqaf*. Sistem dan instrumen wakaf terus dijamin Allah S.W.T. akan keberkesanannya untuk kebaikan umat sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke hari kiamat. Wakaf diramalkan dan pernah mampu

melonjakan tahap sosioekonomi umat sejagat. Sudah sampai masanya umat Islam kembali kepada acuan sendiri biarpun terpaksa berdepan dengan globalisasi acuan sekularisme dan kapitalisme dan tidak mustahil bila umat Islam berbuat demikian, umat yang diamanahkan sebagai khalifah Allah S.W.T. di dunia ini nanti akan mengacu dan memandu globalisasi. Artikel ini membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan wakaf seperti Seminar Awqaf Antarabangsa 2008 yang diadakan di Persada Johor pada bulan Ogos 2008. Yang mana seminar ini dihadiri oleh pelbagai bangsa dari pelbagai negara seperti Melayu, Cina, Turki, Benggali, Arab dan sebagainya. Seminar ini dilihat merupakan salah satu usaha serius untuk meningkatkan imej wakaf yang bersifat sejagat. Penulisan ini juga banyak menceritakan tentang usaha dan kejayaan Johor Corporation (Jcorp) yang mengamalkan wakaf dalam sistem pengurusan mereka sehingga salah seorang pembentang kertas kerja, Prof. Murad Cizakca secara jujur menyifatkan pengurusan wakaf oleh Jcorp sebagai yang terancang dalam amalan kewangan Islam masa kini hasil daripada analisis sistem model wakaf seluruh dunia. Jcorp masa ini begitu unggul dengan projek wakaf kesihatan yang membabitkan rangkaian hospital dan klinik wakaf An-Nur di seluruh negara. Selain itu artikel ini tidak terlepas pandang dalam membincangkan tentang tujuan-tujuan yang sangat bermanfaat dalam pembangunan pendidikan, perlaksanaan aktiviti-aktiviti dakwah, pengangkutan awam dan banyak lagi.

Sebenarnya wakaf tunai sudah pun diiktiraf oleh Kerajaan Uthmaniah, Turki sejak abad ke-15 dengan tujuan pembangunan empayar Uthmaniah yang meliputi Baitul Maqdis. Dan pada akhir abad ke -16, ia telah diamalkan secara meluas di Wilayah Anatolia dan Rumeli.<sup>19</sup> Pendapat Datuk Seri Najib Tun Razak ada disertakan bahawa sewaktu beliau merasmikan 'Wakaf Al-Quran Dan Salam Ramadhan' pada Ogos lalu yakin dan percaya bahawa wakaf dapat menjana ekonomi negara selain daripada memenuhi tanggungjawab sosial. Penulisan artikel ini juga membuat kesimpulan bahawa sesungguhnya wakaf telah terbukti efisien dalam meningkatkan tahap sosioekonomi umat Islam sejagat.

Selain itu, artikel yang bertajuk '**Pembentukan Rangkaian Dagang Strategik Islam**' juga merupakan salah satu penulisan yang membincangkan tentang isu ekonomi Islam. Penulisan dalam artikel ini lebih bersifat memprovok kesedaran di kalangan umat Islam khususnya anggota pertubuhan persidangan Islam (OIC) tentang kepentingan pembangunan ekonomi di kalangan umat Islam dan kekuatan ekonomi umat Islam yang sebenarnya wujud tetapi tidak dimonopoli dengan baik oleh umatnya. Provokasi yang dilakukan adalah dengan menyatakan tentang peranan yang OIC perlu mainkan dalam mengatur satu bentuk strategi demi meningkatkan sosioekonomi umat Islam sedunia yang mana masih ramai

---

<sup>19</sup> Majalah Milenia Muslim, November 2008, Thn 7, Bil 75. Dalam artikel *Memartabatkan Sosioekonomi Umat Sejagat Menerusi Sistem Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit MMP Communications Sdn Bhd. hlm, 50.

dikalangan umat Islam yang masih hidup di dalam kemiskinan. Fakta-fakta tentang jumlah kemiskinan masyarakat Islam dunia serta kekayaan sebenar yang negara-negara Islam miliki juga dibentangkan dalam penulisan ini. Disini penulis rakamkan sedikit petikan daripada artikel ini yang boleh menggambarkan apa sebenarnya inti pati artikel ini dalam memberi kesedaran kepada anggota OIC tentang kepentingan mereka dalam memainkan peranan membangunkan ummah. *‘ OIC perlu memainkan peranan dan meningkatkan kesedaran antarabangsa di kalangan ahli-ahlinya bahawa pembangunan ekonomi adalah penting untuk digerakkan. Kemajuan dari segi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dilihat mampu memberikan kesan kepada jatuh bangunnya umat Islam dipersada antarabangsa. OIC juga seharusnya sedar bahawa sebagai tanggungjawab sosial dan moralnya, setiap anggota perlulah bekerjasama di antara satu sama lain untuk membantu negara-negara Islam yang kurang membangun. Ini kan membolehkan jurang kekayaan dapat dirapatkan, serta membantu negara-negara Islam yang kurang membangun untuk keluar daripada kepompong kemiskinan yang dilihat melanda sebahagian negara-negara Islam di dunia’.*<sup>20</sup>

## Kesimpulan

Majalah Milenia Muslim merupakan sebuah majalah ilmiah yang memainkan peranan penting dalam memberi didikan kepada masyarakat di Malaysia supaya menjadi masyarakat yang berilmu dan sekaligus bertaqwa dan beramal dengan ilmu tersebut. Kewujudan Majalah Milenia Muslim ini amatlah diperlukan oleh masyarakat Islam sekarang yang hidup di dalam era langit terbuka, khususnya masyarakat Islam di Malaysia.

Majalah Milenia Muslim yang bukan sekadar sebuah majalah yang dihasilkan untuk menyampaikan maklumat semata-mata tetapi peranannya lebih daripada itu, iaitu dalam mendidik dan mentarbiyah masyarakat ke arah penghayatan dan pengamalan ajaran agama Islam dari segenap penjuru kehidupan serta menjadikan masyarakat Islam sebagai sebuah umat yang mempunyai integriti sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. di muka bumi ini.

Justeru itu, Majalah Milenia Muslim ini, jika isi kandungannya dihayati dan diamalkan, masyarakat Malaysia akan menjadi sebuah masyarakat yang aktif mindanya serta luas pengetahuannya tentang ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi. Berikutan dengan hal ini, perubahan yang besar ke arah kebaikan bukan sahaja akan berlaku terhadap diri setiap individu dalam masyarakat malah kemajuan dalam segala sudut akan dapat dikecapi hasil momentum perubahan yang dibawa oleh dakwat pena dakwah dalam Majalah Milenia Muslim.

---

<sup>20</sup> Majalah Milenia Muslim, Februari 2007, Thn 5, Bil 54. Dalam artikel *Pembentukan Rangkaian Dagang Strategik Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit MMP Communications Sdn Bhd. hlm, 38.

## Bibliografi

Abdul Fatah Hasan (2006), *Tenaga Dan Keremajaan Minda*. Kuala Lumpur :

Abdul Karim Zaidan (2002), *Islam Dan Dakwah*. Solehan Ayub (terj). Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.

Abdul Rahman Rukaini (2001). *Tauhid Penyelamat Ummah*. Selangor : Synergymate Sdn. Bhd.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (2000), *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Hamed Mohd Adnan (2003), *Penerbitan Majalah Di Malaysia, Isu-isu dan Cabaran*. Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd.

John Arul Philips (1997), *Pengajaran Kemahiran Berfikir, Teori Dan Amalan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mansur Ahmad Saman (1995), *Penulisan & Media*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Sidin Ahmad Ishak (1998), *Penerbitan & Buku Buku Melayu 1807-1906*.

Mohd Azhar Abd Hamid (2001), *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nakhaie Ahmad (2001), *Pendakwah Dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun*. Kuala Lumpur : Terbitan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Mohd Nasir Omar ( 2005), *Akhlak Dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Rumaizuddin Ghazali (2004), *Sains Politik Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distrubutors Sdn. Bhd.

Mohd Yusuf Hasan ( 2000), *Pemikiran Saintifik*. Selangor : Pearson Education Malaysia Sdn Bhd.

Nor Raudah Siren, Yusmini Mohd Yusoff & Mahmudah Nawawi (2006), *Dakwah Islam Semasa, Konsep Dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya.

Majalah Milenia Muslim Januari 2007-Disember 2008. Kuala Lumpur: Penerbit MMP Communications Sdn Bhd.



# **Dunia Islam Dengan Kedudukan Geografinya Yang Strategik Serta Kepelbagaian Sumber Hasilnya: Analisa Tuntutan Kesatuan Dan Kerjasama Yang Lebih Sempurna**

*Ahmad Zaki Ibrahim @ Berahim\**

## **Abstrak**

*Dunia dan umat Islam dilihat dari sudut kedudukan geografinya, yang sebahagian besar berada pada kawasan laluan utama dunia dan kaya pula dengan kepelbagaian sumber ekonomi yang menjadi keperluan asas dunia meliputi hasil-hasil pertanian dan galian yang boleh menjadi faktor penting untuk kemajuan dan pembangunan dalam sektor perdagangan. Dari sudut tenaga manusia pula, catatan terkini memperlihatkan umat Islam kini telah menjangkau jumlah sebanyak 1.57 billion dengan nisbah satu kepada empat orang penduduk dunia. Berasaskan kedudukan ini, agama Islam telah bergerak untuk berada sebagai agama kedua terbesar di dunia selepas Kristian yang dicatatkan mempunyai 2.1 billion penganut. Dilihat dari sudut taburan pula kelihatan penganut Islam di beberapa negara dimana kedudukannya adalah minoriti, namun jumlahnya adalah lebih besar berbanding beberapa negara Islam lain dimana penganutnya adalah majoriti. Sebagai contoh penganut Islam di Cina adalah lebih besar dari penduduk Islam di Syria. Keadaan ini memperlihatkan potensi besar dunia dan umat Islam. Jika tahap kesatuan dan kerjasama antara negara-negara dan umat Islam dapat dipertingkatkan kepada kualiti yang lebih baik dan sempurna. Kertas ini cuba dikemukakan untuk diperincikan bagi tujuan menimbulkan kesedaran dunia dan umat Islam kearah memperbaiki kerjasama bagi kebaikan bersama dan pembangunan baru dunia dan umat Islam.*

**Kata kunci:** Kesatuan dan kerjasama asas kekuatan umat Islam.

## **1. Pendahuluan**

Allah mempersembahkan kepada umat manusia risalahnya yang terakhir.<sup>1</sup> Bagi maksud itu maka dipilih perutusanNya yang terakhir Nabi Muhammad S.A.W yang

---

\* Dr. Ahmad Zaki Ibrahim @ Berahim adalah pensyarah dan Prof. Madya di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Allah dalam perutusan Rasul-rasulNya memperhitungkan pencapaian Sains dan teknologi yang menguasai umat manusia. Ketika teknologi umat manusia dalam sektor perhubungan memperlihatkan manusia yang hidup dibahagian geografi tertentu masih sukar berhubung antara satu sama lain telah menyebabkan Allah mengutuskan Rasul di kalangan umat manusia dengan membawa risalahNya yang bersifat khas untuk komuniti tertentu sahaja. Ketika Sains dan teknologi perhubungan di kalangan umat manusia telah sedikit maju, di mana komuniti manusia yang hidup di bahagian geografi yang terpisah

lahir dan hidup di Asia Barat dengan aktiviti ekonominya, adalah dalam sektor perdagangan. Dilihat dalam konteks kedudukan geografi Asia Barat (atau khasnya Semenanjung Tanah Arab), ia adalah kawasan paling tengah dunia. Gabungan dari kedudukan geografi Asia Barat di mana bermula kebangkitan Islam dan kedudukan aktiviti ekonomi masyarakatnya dalam sektor perdagangan telah menjadikan Islam (risalah ilahiah terakhir) yang bersifat untuk seluruh umat manusia, dengan pantas tersebar dan dianuti oleh pelbagai komuniti manusia di Asia, Afrika dan Eropah. Dilihat dari sudut falsafah perutusan ini, jelas memperlihatkan bahawa Allah S.W.T memperhitungkan aspek strategi dalam pemilihan Rasulnya yang terakhir untuk membawa risalah IslamNya adalah bagi memberi laluan kemudahan umat manusia mengenali, menganuti dan mempraktikkannya. Berasaskan itu, umat Islam seharusnya yang berada dikedudukan strategik ini perlu mempraktikkan penyebaran dan penghayatan Islamnya secara sempurna, untuk mempengaruhi komuniti non Islam (bukan Islam) tertarik dengan Islam sama ada dalam bentuk menganutinya atau bernaung dan mempraktikkan sistem Islam dalam kehidupan mereka pula.<sup>2</sup> Jika sebaliknya iaitu umat Islam membelakangi penghayatan Islam dalam bentuk mempraktikkan dalam amalan hidupnya sistem yang lain seperti sekular umpamanya, bererti mereka kurang menyakini keutamaan sistem Islam berbanding sistem lain. Berasaskan ini untuk maksud mengembalikan keunggulan dan keutamaan Islam kedudukan strategik geografi dan aktiviti hidup dalam sektor ekonomi perlu digabungkan dengan kesediaan setiap peringkat umat Islam mempraktikkan Islam sesempurnanya dan menyeluruh dalam seluruh aktiviti kehidupannya. Oleh kerana kertas ini disediakan bagi mengenengahkan kefahaman umat Islam dari sudut dunia geografi dunia Islam adalah strategik, ianya dapat dilihat dalam gambaran berikut.

---

telah mula boleh berhubung antara satu sama lain seperti mengguna perahu, maka serentak dengan itu Allah mengutus Rasul yang risalahNya untuk beberapa komuniti masyarakat manusia. Apabila kemajuan perhubungan di kalangan manusia telah berada di ambang kemungkinan telah boleh berhubung antara satu sama lain dengan mudah walau jarak kedudukan mereka dengan jarak yang agak jauh sekalipun telah boleh berhubung dengan mudah melalui kapal-kapal yang dapat meredah lautan dalam atau melalui penerbangan yang boleh meredah udara atau melalui perhubungan telefon dan lain-lain, maka Allah mengakhiri perutusan Rasul dengan risalah Islamnya bersifat seluruh umat manusia tanpa dibatasi oleh jarak geografi dan jarak masa. Kedudukan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W untuk seluruh manusia dan terakhir dijelaskan Allah dalam beberapa firmanNya seperti dalam ayat 28 Surah *Saba'* dan lain-lain.

<sup>2</sup> Allah melalui beberapa firmanNya seperti melalui ayat Surah *al-Baqarah* ayat 256 menjelaskan tiada paksaan dalam penganutan Islam, tetapi menuntut umat Islam berpegang teguh ikatan dengan tali Allah (agama Allah), melaluinya akan terserlah kebaikan kepada umat Islam dalam kehidupannya, melaluinya akan memberi laluan kepada komuniti manusia belum Islam akan tertarik untuk ikut bersama sebagai penganut Islam. Melaluinya juga akan terserlah persaudaraan umat manusia sejagat dalam bentuk lebih kukuh. Kebaikan Islam kepada umat manusia berbanding pengamalan sistem Islam adalah dalam bentuk persaudaraan dan perpaduan umat yang utuh dan. Itizam dengan ajaran dan sistem seperti maksud firman Allah ayat 103 Surah *al-Imran*.



## **2. Kedudukan Geografi Yang Strategik**

Dunia Islam menikmati keutamaan yang banyak memperlihatkan ciri kepentingan yang cukup berharga hingga dalam beberapa era sejarah menjadi medan rebutan antara beberapa kuasa besar dunia dengan dimensi penjajahannya. Dari sudut kedudukan geografinya yang strategik disebabkan ia berada hampir ditengah dunia, ia mengambil perkiraan sekitar 20 KM dari Timur ke Barat (dikira dari Aryan di Indonesia) ke Sanghal di Pantai Atlantik dan mengambil jarak sekitar 7 ribu KM dari utara ke Selatan (dikira dari Banjaran Aral di Utara hingga ke Mu'zambik di Selatan). Berasaskan kedudukan ini, dunia Islam merupakan pemegang kusa laluan perairan utama dunia dari laut, teluk dan selat disamping dunia Islam adalah pihak yang menguasai dan menyelia pintu-pintu masuk perairan laut utama. Diantaranya ialah;

### **i) Laut-laut utama di bawah pengawasan dunia Islam.**

Antara laut-laut utama dan pintu masuk penyeliaan dunia dan pihak berkuasa politik dunia Islam adalah seperti berikut;

#### **a) Laut Mediterranean**

Laut Mediterranean adalah antara laut utama dunia sejak zaman klasik hingga waktu kini. Kedudukan menjadi lebih penting setelah pembukaan Terusan Suez yang menyambungkan Laut Mediterranean dengan Laut Merah hingga mencetuskan peperangan tiga serangkai antara Inggeris, Perancis dan Egypt bagi memperolehi penguasaan dan penyeliaan ke atas terusan tersebut. Pada suatu dekad tertentu Laut Mediterranean dianggap dan dikira sebagai Buhairah Islam ( Tasik Islam) kerana di bahagian utara dan selatan laut itu dan pantai-pantainya adalah negara-negara Islam termasuk di sebahagian Eropah ketika Sepanyol dan Portugis di bawah kekuasaan Islam. Sebahagian dari pantai sebelah utaranya terletak negara seperti Albania dan Asia kecil. Berikutan perkembangan sains dan teknologi perhubungan udara telah menjadikan Laut Mediterranean sebagai laluan utama dan perlu dilalui bagi hubungan udara dan laut moden.

#### **b) Laut Merah**

Laut Merah dari awal kebangkitan Islam hingga kini merupakan laut milik dunia Islam kerana hampir keseluruhan pantai di barat Asia dan utara Afrika terletak dunia negara-negara umat Islam. Perkembangan menjadi lebih penting, berikutan penyambungannya dengan Laut Mediterranean hasil penggalian Terusan Suez. Kedudukan ini menjadikan ia berkedudukan menjadi laluan perhubungan laut paling utama di dunia. Laut Merah ini dari ukurannya adalah kira-kira sekitar 3384 KM panjang dan lebarnya berasas ukuran paling luas pula adalah sekitar 240 KM sahaja. Manakala pintu masuknya di permulaan selatan sekitar Teluk Mendab pula jarak perairannya hanya sekitar 33 KM sahaja. Keadaan ini ia

menjadi laluan mudah dan paling dekat antara Timur Afrika dan selatan barat Asia.<sup>3</sup> Berikutan penemuan petrol di kawasan ini telah menjadikan Laut Merah dan Laut Mediterranean menjadi laluan perniagaan dan perdagangan utama dan asasi bagi dunia seluruhnya di samping laluan asasi ketenteraan dan paling dekat antara Laut Mediterranean dan Laut Hitam dan antara Lautan Atlantik dengan Lautan Hindi dan Teluk Hindi.<sup>4</sup>

c) Laut Arab

Laut Arab yang bermula dari teluk yang merupakan pintu masuk ke Laut Merah hingga ke India memperlihatkan hampir keseluruhan pantainya adalah dimiliki oleh dunia Islam. Ia juga merupakan antara laluan utama kerana menghubungkannya dengan Laut Merah dan selanjutnya ke Laut Mediterranean melalui Terusan Suez, berikut penggaliannya.

d) Teluk Arab

Teluk Arab merupakan Buhairah (tasik) milik dunia Islam kerana pada pantai-pantainya terletak Semenanjung Arab, Timur Iraq dan Iran.

e) Laut Hitam

Laut Hitam juga dapat dikira sebagai tasik Islam jika dikira sebelum perluasan kuasa Rusia hingga ke pantai-pantainya, kesan perjanjian Künak Qınarjı pada tahun 1774M yang telah memberikan hak kepadanya menjadi laluan masuk bagi negaranya dan berjaya menjadikan laut tersebut untuk laluan kepada kapal-kapal dagangnya<sup>5</sup>. Hak laluan ini adalah amat penting kepada Rusia bagi pengeluaran hasilnya ke dunia luar dan kemasukan hasil keperluan rakyatnya, kerana sebahagian laut penyaliaannya di bahagian utara negara itu adalah membeku pada musim sejuk, oleh itu ia tidak sesuai dibangunkan pelabuhan utama.

f) Laut Cina Selatan

Hampir keseluruhan Laut Cina Selatan adalah juga antara laut dikuasai sebahagian besarnya oleh dunia Islam, kerana pada Laut Cina Selatan terletak negara-negara seperti Brunei sebahagian dari Malaysia (Malaysia Barat dan Timur), Borneo Indonesia, Sulawesi (Indonesia) dan Filipina Selatan dan lain-lain.

g) Laut Benghal

---

<sup>3</sup> Amir Abdullah, *al-Geographiah al-Tarikhiah Li Hawdhi al-Bahru al-Ahmar*, h. 9.

<sup>4</sup> Abdullah al-Misri (1989), *Hadhira al-Alam al-Islami Wa Kadhaya al-Mu'asarah*, Dar al-Ummu al-Qura, Saudi Arabia, h. 4.

<sup>5</sup> Al-Na'imi, Dr Ahmad al-Nuri (1981), *Turkia Wa Halaf Syimal al-Atlas*, Dar al-Wataniyah : Baghdad, h. 61.

Laut Benghal juga ikut menjadi laut yang dikuasai dan diselia sepenuhnya oleh dunia Islam kerana padanya terletak negara Bangladesh, negara iklim Arakan yang sebahagian didiami umat Islam di negara Burma.

Berasaskan gambaran dan kedudukan ini jelaslah memperlihatkan bahawa masyarakat dan negara-negara dan umat Islam menjadi penyelia utama kepada beberapa laut utama dan asasi dunia. Dilihat dari sudut kedudukan laut sebagai antara sumber keperluan asasi manusia serta sebagai sumber ekonomi penghasilan makanan seperti ikan, mutiara dan lain-lain. Kedudukan ini dikuasai umat Islam semenjak memperlihatkan perkembangan Islam pada dekad awal lagi kerana agama Islam telah dianuti oleh masyarakat kawasan ini dan menjadikan hingga kini dihuni oleh lebih 80% masyarakat Islam. Ia merupakan kemurahan Allah meletakkan umat Islam dan dunianya berada pada kawasan strategik dunia. Jika dunia ini diperintah berasaskan sistem Islam akan mempertingkatkan keunggulan Islam, pada pandangan masyarakat dunia.

ii) Teluk-teluk kekuasaan dunia Islam

Disamping umat Islam dan dunia Islam terletak di kawasan laut utama dunia umat dan dunia Islam juga menguasai dan menyelia teluk-teluk utama dan strategik dunia antaranya adalah seperti berikut:

a) Teluk Hindi

Teluk ini yang terletak sebahagian besar dari pantai Afrika Timur melibatkan negara dari Somalia dan Tanzania dikuasai oleh negara Islam Afrika Timur dan di bahagian lain dari pantai-pantai Asia Selatan semenjak pintu masuk di Teluk Mendab ke Karachi di Pakistan hinggalah ke Pantai Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Indonesia adalah di bawah seliaan pihak berkuasa dunia dan negara dan umat Islam sepenuhnya.

b) Teluk Atlantik

Umat dan dunia Islam ikut menguasai dan menyelia sebahagian besar teluk di Lautan Atlantik yang melibatkan Pantai Barat Afrika bermula dari Tanjah di utara hingga ke Selat Biapra di selatan Afrika.

c) Teluk Di Laut China Selatan

Teluk utama di persekitaran Laut Cina Selatan di mana terletak negara seperti Indonesia, Malaysia dan sebahagian Filipina adalah juga antara teluk-teluk di kuasai sepenuh oleh dunia dan umat Islam. Ia aspek lain yang memperlihatkan dunia Islam menyelia kawasan strategik dunia yang merupakan laluan utama dunia pula.

iii) Selat-selat dan terusan seliaan dunia Islam

Selain laut utama dan teluk-teluk utama dikuasai dan terletak di bawah pengawalan dunia Islam, terdapat juga beberapa selat yang merupakan laluan utama yang dikuasai sepenuhnya oleh dunia dan masyarakat Islam antaranya ialah;

a) Selat Melaka dan Singapura

Selat Melaka dan Singapura adalah laluan penghubung antara Teluk Hindi dengan Laut Cina Selatan. Ia merupakan selat laluan utama dunia antara barat dan timur atau Asia Timur secara khususnya disamping ia antara laluan ke dunia selatan seperti Australia dan New Zealand. Berasaskan ini ia adalah antara selat laluan strategik utama dunia di mana padanya terletak negara Islam utama seperti Indonesia dan Malaysia.

b) Selat Jabal Tarik

Selat ini dinamakan berdasarkan pimpinan tentera Islam utama yang bertanggungjawab membuka Sepanyol dan Portugis dalam dekad sejarah lalu. Selat ini menjadi laluan penghubung utama antara laluan Atlantik dengan Laut Mediterranean di mana di sebelah utara barat Afrika adalah dunia Islam. Bahkan dalam dekad sejarah lalu ketika Sepanyol sebahagian dunia Islam bahagian Selatan Eropah juga adalah dunia Islam.

c) Selat Dardanil dan Bosfor

Selat ini menduduki penghubung kepada Laut Merah dan menjadi laluan utama penghubung antara Laut Mediterranean dan Laut Hitam.

d) Selat Mendab dan Teluk Edan

Selat ini menjadi penghubung antara Laut Merah, Laut Arab dan Lautan Hindi. Selat ini menjadi pintu laluan utama di mana keluasannya sekitar 33 KM sahaja.

e) Selat Hurmuz dan Teluk Amman

Selat ini merupakan penghubung utama antara Teluk Arab dan Lautan Hindi di Asia.

f) Selat Benzart

Selat Benzart adalah penghubung utama bagi Laut Mediterranean di sebelah barat dengan beberapa bahagian di sebelah timur.

g) Terusan Suez

Terusan Suez adalah laluan air hasil buatan manusia utama yang merupakan laluan utama dan strategik dibina atas bumi negara Islam

secara keseluruhannya iaitu Egypt. Ia adalah laluan penghubung antara Laut Mediterranean dan Laut Merah secara khususnya, bahkan ia menjadi laluan penghubung utama antara Asia di Timur dengan Eropah dan Amerika di sebelah baratnya. Ia laluan air buatan manusia utama dunia.

Berasas penyeliaan dan penguasaan dunia Islam dan umatnya terhadap lautan, teluk-teluk dan selat-selat serta terusan utama dunia telah meletakkan dunia Islam cukup utama dari sudut strategik dalam bidang ekonomi dan ketenteraan dalam menentukan perimbangan kuasa di dunia ini. Keadaan inilah yang menjelaskan tentang perselisihan dan percakaran yang terkadang menjadi panas antara beberapa pihak yang mempunyai kepentingan dan berkeinginan mempunyai pengaruh berkekalan di beberapa kawasan dunia Islam. Pihak yang merupakan kuasa besar dunia pula berkekalan bekerja dalam menentukan dunia Islam kekal dalam bercakaran dan sentiasa membangkitkan isu yang menimbulkan percakaran dan perselisihan untuk mereka mudah kekal menguasai umat dan negara Islam. Keadaan ini menjadi faktor yang boleh ditafsirkan menjadikan negara kuasa besar dunia antara faktor menimbulkan perselisihan di antara beberapa negara Islam di Maghribi al-Arabiyy, perselisihan di Tesyad, Selatan Sudan, isu-isu umat Islam di Ethiopia, Aritheria dan Sumal. Demikian perselisihan antara Yaman Selatan dan utara satu masa dan kini perselisihan di seluruh Yaman antara pimpinannya Ali Abdullah Salleh dan rakyatnya. Demikian tafsiran sebenar dari pergolakan yang berlaku dalam perselisihan Iraq dan Iran dan kesan lanjut hingga mengakhiri regim Saddam Hussien. Demikian dalam pergolakan di Lubnan dan sokongan barat khusus Inggeris dalam membangunkan negara Israel di sebahagian bumi Palestin, perselisihan di antara Malaysia dan Indonesia pada satu dekad lalu kesan penyertaan sebahagian dari Borneo ke dalam Malaysia. Demikian juga apa yang berlaku dalam isu pemisahan Bangladesh dari Pakistan dan dalam isu peperangan yang agak lama di Afghanistan. Sesungguhnya apa yang harus difahami oleh dunia Islam dari segala isu-isu berbangkit dari segala perselisihan itu ialah kedua-dua kuasa tentera terbesar di dunia semasa iaitu kuasa komunis di Soviet dan kuasa tentera barat cuba berusaha untuk mencegah atau menghalang kesatuan dan kerjasama serta persefahaman di antara beberapa bahagian dunia Islam. Walau betapa besar harga dan nilai sekalipun. Apa yang terpenting atau mungkin suatu yang dipersetujui bersama oleh kuasa besar kedua-dua ketenteraan dunia itu adalah melihat kekalnya dunia Islam atau antara dunia Islam terus kekal dalam pertentangan dalam memastikan secara bersama kepentingan masyarakat Islam dan keutamaan dunia Islam terus kekal hancur tanpa dinikmati sendiri umat atau untuk kemashalatan dunia Barat dan dunia timur dari kalangan tokoh politik dan penguasa ekonomi dunia.

Disamping hamper seluruh dunia Islam dilingkungi laut yang utama terdapat pada bumi negara-negara Islam diseluruh dunia sungai-sungai yang membantu mempertingkatkan kemajuan sektor pertanian. Antara sungai utama seperti Sungai Nil, Sungai Singhal, Sungai Neiger, Sungai

Conggo di Afrika, Sungai Indus, Sungai Euprates dan Sungai Tigris di Benua Asia, Sungai Kapuas, Sungai Mahakan dan Sungai Barito. Manakala di Malaysia, sebagai negara khatulistiwa terdapat banyak sungai seperti Sungai Pahang, Sungai Perak. Terdapat banyak sungai-sungai utama dan penting di dunia Islam. Boleh menjadi faktor kearah pencapaian kemakmuran yang menyeluruh kepada masyarakat Islam di seluruh dunia Islam jika terdapat kerjasama dan kesepaduan yang kukuh.

### **3. Kedudukan Dunia Islam Di Pusat Laluan Hubungan Antarabangsa**

Dunia Islam berada di tengah dunia telah menjadikan kedudukannya strategik bagi laluan darat, laut dan udara yang memudahkan hubungan antarabangsa. Ia sewajarnya memberi keuntungan utama bagi kepentingan dalam sektor ekonomi masyarakat Islam umumnya. Asasnya adalah menjadikan dunia Islam berada di pusat hubungan antarabangsa. Kepentingan dan keutamaan ini berasaskan faktor berikut:

- a) Kedudukan dunia Islam di tengah dunia klasik (melibatkan Asia Afrika dan Eropah). Seperti juga ia masih berkekalan dipertengahan dalam konteks dunia baru semasa yang melibatkan Amerika Utara ( Amerika Syarikat dan Kanada), Amerika Selatan dan Benua Australia, Asia dan Eropah.
- b) Dengan kedudukan di pertengahan dalam konteks dunia klasik dan moden menjadikan dunia Islam hak aktiviti dan mengawal selia laut dan pantai, utama dunia, teluk-teluk dan selat-selat utama dan strategik dunia.
- c) Melalui penyeliaan terhadap laut dan pantai utama dunia menjadikan pelabuhan dan lapangan udaranya menjadi persinggahan bagi pengeluaran dan kemasukan hasil keperluan yang mudah bagi seluruh dunia Islam.
- d) Di sudut lain dunia Islam memperlihatkan hampir keseluruhan udaranya sesuai dilalui dan didarati oleh penerbangan udara yang merupakan alat perhubungan utama terpanjang dunia semasa untuk sepanjang masa dan hari tanpa sebarang gangguan oleh liputan salji dan seumpamanya seperti dialami sesetengah lapangan udara negara-negara bukan Islam.

Keutamaan ini telah bertambah penting berikutan pembukaan Terusan Suez yang memudahkan dan mendekatkan hubungan antara dunia timur dan barat dari sudut laluan laut. Sebagai memperakui kepentingan dunia Islam pihak berkuasa di kementerian luar Perancis pada tahun 1952 ketika menggambarkan dan memperakui kepentingan dunia Islam telah mempertegaskan bahawa dunia Islam adalah kawasan di mana banyak pihak di dunia sama ada pimpinan ekonomi tentera dan kuasa politik adalah terikat dengannya di mana mereka (masyarakat Islam dari tokoh politik, tentera dan ahli ekonomi Islam) sehingga kini masih belum berkefahaman yang jelas dan sempurna mengenainya. Masyarakat Islam perlu dikekalkan kecewa, kekal dihindar kemunduran dan perpecahan sesama sendiri. Walaupun penganut Islam memperlihatkan kecenderungan untuk menikmati masa depan lebih baik, kebebasan lebih sempurna, namun mereka kekal dengan kurang aktif untuk berkerja keras disamping terus kekal dengan kekacauan sesama sendiri. Dalam konteks ini menjadi tanggungjawab kita (barat)

mengekal mereka (dunia Islam) terus kekal dengan tidak membangun dan maju serta terhasil cita-cita mereka untuk lebih baik. Aspek ini adalah amat penting kerana jika barat gagal dalam usaha menggagalkan kemajuan mereka (dunia Islam) akan meletakkan dunia barat dalam keadaan merbahaya dan apa yang kita (barat) bina untuk kebangunan sendiri seolah-olah di terbang angin jauh untuk dinikmati. Sesungguhnya kesedaran untuk perubahan dikalangan masyarakat Arab Islam khasnya dan diikuti lain-lain institusi kekuatan dan pergerakan politik masyarakat Islam utama merupakan peringatan awal kepada kemungkinan terjadi kepada dunia barat untuk menjadi penamat kepada peranannya dalam kepimpinan dunia.<sup>6</sup>

Perakuan dari pihak berkuasa di kementerian luar Perancis (satu negara Eropah utama dalam kondisi semasa) tidak sahaja harus membangga umat dan dunia Islam tentang keutamaannya sahaja, tetapi sewajibnya dilihat oleh umat Islam dari kalangan pimpinan politiknya, para pentadbir dan ahli koperatnya sebagai cabaran untuk mereka membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa mereka lebih integriti dan berakhlak tinggi dalam perlaksanaan tugas dan kewajiban kesan tuntutan ajaran Islam. Sebarang kesilapan dalam hidup baik dalam amalan agama (ibadat) atau keduniaan (pembangunan pentadbiran dan pembangunan negara). Secara sepadu sebagai sebahagian kesilapan amalan agama di mana kesilapan akan diperhitungkan untuk menerima balasan baik atau buruk di akhirat. Di sini keunggulan ajaran dan sistem Islam yang tidak memisahkan atau mensekularkan aspek keduniaan dari agama anutan. Melaluinya<sup>7</sup> masyarakat dan dunia Islam akan menerima pulangan dalam bentuk

---

<sup>6</sup> Syakir, Mahmood (1981), *Iktisadiyyat al-Alam al-Islamiy*, Muassasah al-Risalah: Beirut, h. 32.

<sup>7</sup> Di kalangan ulama Islam hampir sependapat berkesimpulan pemerintahan dan pentadbiran negara adalah tuntutan wajib utama umat Islam berasaskan dalil berikut:

- a) Ijma' ulama semenjak era sahabat melihat bahawa Rasulullah S.A.W dalam hidupnya adalah berasaskan dua kedudukan. Pertama sebagai membawa agama (risalah ilahiah), kedua adalah sebagai pimpinan (Ketua Negara Islam) terawal bagi memperlihatkan contoh pelaksanaan pemerintahan Islam berasaskan sistem dan ajaran agama. Sebab itu apabila Rasulullah S.A.W wafat, maka bersegera diadakan persidangan bagi pemilihan pimpinan pemerintahan menggantikan baginda S.A.W.
- b) Islam memperakui manusia sebagai makhluk social untuk berpaksi membangun tamadun. Bagi mengelak huru hara dan kekacauan, perlu ada kepimpinan dan sistem pemerintahan, pentadbiran dan pembangunan dalam segala sektor.
- c) Pemerintahan adalah asas terlaksana kewajipan agama. Al-Imam al-Ghazali menegaskan sistem agama melalui pengetahuan dan ibadat. Kedua-dua tidak tercapai kecuali melalui kesihatan, kebaikan, kehidupan dan kesempurnaan keperluan seperti kediaman dan keperluan kehidupan lain. Semua itu memerlukan sistem negara dan ia tuntutan ajaran Islam.
- d) Keberhasilan keadilan yang sempurna adalah melalui sistem pemerintahan dan pentadbiran yang adil dan selesa, melaluinya jaminan penghayatan pemerintahan dan pentadbiran yang adil. Melaluinya jaminan para pelaksana pemerintahan dan pentadbiran lebih berintegriti kerana kesilapan di bawah pengawasan Allah dan akan diadili dibalas di akhirat.

ahli politik, tokoh koperat dan para pentadbirnya yang diredhai Allah di akhirat dan membangun serta maju di dunia. Dengannya terserlah keutamaan Islam sebenar dari sudut praktikal untuk menjadi daya tarik mereka ke arah Islam, hingga membuktikan Islam agama sejagat untuk rahmat seluruh umat manusia.

#### **4. Kekayaan Dan Kepelbagaian Sumber Hasil**

Sebagai rahmat Allah kepada umat Islam menerima dan menganut agama Islam yang disediakan Allah telah menempatkan kepada dunia Islam dan masyarakatnya dengan kekayaan hasil dan kepelbagaianya yang memperlihatkan keistimewaan dunia Islam dari sudut kepentingan ekonomi umat Islam khususnya dan manusia sejagat umumnya. Kekayaan dan kepelbagaian sumber ekonomi itu adalah melibatkan sektor pertanian, penternakan dan galian. Kekayaan bahan dalam sektor itu pula menjadi faktor asas untuk pembangunannya. Dalam sektor perdagangan pula, berasaskan kedudukan georafinya dilaluan strategik dunia. Berikut adalah gambaran kepada kekayaan sumber hasil utama dan kepelbagaianya, hasil-negara-negara umat Islam.

##### **i) Sumber Hasil Sektor Pertanian**

Dunia Islam memiliki keluasan tanah yang sesuai untuk dimajukan dalam sektor pertanian kerana ia diairi oleh laluan sumber air asli. Dari sungai-sungai utama yang wujud di hampir seluruh dunia Islam seperti Sungai Nil, al-Neger, al-Malawiyyah dan di benua Afrika, Sungai Eupratis dan Tigris, Sind, Ghanjus, Serdania, Amoderia, Aedisy, Laitani di sekitar tanah besar Asia, manakala di pulau Indonesia dan Malaysia terdapat sungai-sungai di hampir semua pulau-pulau utama dan seluruh wilayah Malaysia Timur dan Barat seperti Sungai barito, Sungai Kapuas, Sungai Sarawak, Sungai Pahang, Sungai Perak, Sungai Sungai Kelantan. Sebahagian negara Islam seperti Alam Melayu berada di kawasan khatulistiwa sentiasa dibasahi hujan hampir setiap masa.

Hasil teknologi moden sumber air asli dari sungai-sungai utama di dunia Islam dapat disalurkan di kawasan yang lebih luas melalui saluran buatan manusia bagi memajukan sektor pertanian melibatkan kawasan tanah yang lebih luas.

Berasaskan sempadan dunia Islam yang luas dengan dilingkupi pelbagai suhu udara. Beberapa negara Islam seperti kepulauan Indonesia, Malaysia dan Selatan Sudan, umpamanya adalah berada di kawasan khatulistiwa di mana udaranya adalah panas tetapi menerima taburan hujan yang tinggi pada sepanjang tahun. Keadaan ini menyebabkan buminya ditumbuhi pelbagai pokok menjadikan hutan di buminya adalah tebal dengan sebahagiannya adalah pokok dengan kualiti kayu yang keras dan buah-buahan yang bermutu tinggi.

Sebahagian negara umat Islam lain pula berada di kedudukan udara sederhana kering iaitu suhu udara Laut Mediterranean seperti dialami oleh negara yang terletak di persekitaran pantai Laut Maditeranean Selatan, Timur dan Utara.

---

Lihat kupasan dan huraian terperinci mengenainya dalam tulisan Dr Thiyauddin al-Rais' (1979), *al-Nathariyyat al-Siasiyah al-Islamiah*, Dar al-Thurath: Cairo, h. 126-142.



Sebahagian negara dan umat Islam pula tinggal di negara dengan kualiti udara panas yang tinggi. Keadaan dialami negara Islam di Sahara Afrika, Semenanjung Arab, Selatan Sudan, Afrika dan Negara seperti Selatan Pakistan, Sahara India, Iran, Anadhol dan Turkistan.

Sebahagian negara umat Islam seperti di Sudan, Tesyad, Neijar, Mali dan Sanghal pula berada dalam litupan udara panas yang tinggi dengan taburan hujan pada musim tertentu sahaja menyebabkan bumi dilitupi tumbuhan berupa rumput rumput yang sesuai untuk aktiviti penternakan binatang seperti lembu, kambing dan seumpamanya. Sebahagian negara dan umat Islam lagi berada dalam kualiti udara panas iaitu mengalami bermusim secara tetap seperti panas hujan dan sederhana. Keadaan hutannya agak tebal dan Negara-negara yang mengalami udara seperti ini adalah Bangladesh, Yaman, Uman, Naigeria, Negaradi, Pantai Telok seperti Ghenya dan Habsyah.

Berdasarkan kepelbagaian iklim yang dialami negara Islam dunia Islam menjadi pengeluar bahan pertanian yang berbeza. Dengan kekayaan dan kepelbagaian hasil pertanian. Bagi negara Islam yang tidak mengeluarkan bahan pertanian tertentu boleh memanfaatkan melalui pengeluaran negara Islam lain. Antara barang pertanian yang terdapat di negara-negara Islam adalah seperti berikut :

- a) Beras atau padi yang menjadi sumber makanan asasi banyak masyarakat Islam boleh di dapati di Malaysia, Bangladesh, Pakistan, Egypt dan Indonesia.
- b) Gandum yang merupa sumber makanan asasi manusia kedua terpenting kepada banyak masyarakat Islam dan bukan Islam adalah boleh diperolehi di Iran, Afghanistan, Turki, Pakistan, Syiria, Mesir, Iraq, Mahgribi al-Arabi dan lain-lain negara.
- c) Sayur-sayuran dan buah-buahan banyak didapati di negara umat Islam di persekitaran Laut Maditerranean. Umpamanya pisang dari Somalia dan Afrika Barat. Hasil Hamdhiyyat di Turki dan dan utara Afrika, negara-negara Islam sekitar Syam seperti Syria dan Palestin. Manakala tamar dan anggur boleh diperolehi dikebanyakan Negara-negara Arab dengan udara keringnya.
- d) Kapas dengan pelbagai kualiti boleh didapati dikebanyakan negara-negara Islam seperti Mesir, Sudan, Turki, Pakistan, Afganistan, Iran dan Maghrib al-Arabi, negara-negara Islam bekas kesatuan Soviat Union seperti Turkistan, Serdania, Amodavia, Azrabijan, Daghistan Barat dan sekitar laut Qazwin. Dilihat besar negara-negara Islam dalam pengeluaran kapas catitan beberapa pihak menjelaskan bahawa negara-negara Islam telah membekalkan 40 % keperluan kapas dunia. Kemajuan teknologi moden sekarang telah menjadikan manusia bukan sahaja memanfaatkan kapas untuk menghasilkan pakaian sahaja kerana biji-bijian kapas boleh diproses untuk menghasil minyak bagi keperluan memasak.

- e) Bijian buah-buahan untuk menghasilkan minyak masak. Pelbagai buah-buahan dan bunga-bunga bagi penghasilan minyak masak dihasilkan oleh dunia Islam seperti kelapa sawit, zaitun dan bunga matahari. Buah-buahan dan biji-bijian ini dikeluarkan negara seperti Indonesia, Malaysia, Bangladesh dan negara-negara Islam di persekitaran Laut Mediterranean.
- f) Gula tebu dan gula banjar; negara-negara Islam menjadi pengeluar utama gula tebu dan gula dari pokok banjar. Ia dikeluarkan oleh negara-negara seperti Pakistan, Indonesia, Bangladesh, Mesir, Turki, Syria, Iran dan Afganistan.
- g) Getah; Negara-negara umat Islam juga menjadi pengeluar utama getah seperti Naigeria, Indonesia dan Malaysia. Lebih dari 75 % keperluan getah dunia adalah dihasilkan Negara-negara Islam.

Lain-lain bahan utama keperluan utama dunia adalah dikeluarkan oleh dunia Islam seperti biji Zurrah, Sya'ir, Bersim, Syaufan dan lain yang dikeluarkan dan ditanikan di beberapa negara Islam.

## **ii) Sumber Binatang**

Dunia Islam dengan pelbagai iklim menjadi negara yang memiliki padang ragut atau lain-lain bahan makanan ternakan yang luas dan banyak serta sesuai untuk ternakan yang menjadi sumber makanan utama dunia. Sebagai contoh beberapa kepulauan Indonesia, Sudan, Mali Tesyad dan utara Negeria mengeluarkan Savana. Manakala Mali, Movitania, Negar, Tengah Sudan, Sumalia, al-Geria, Moroko, Turkistan dan beberapa kawasan di Iran menjadi pengeluar Istabas.

Beberapa negara Islam memperlihatkan kewujudan padang ragut dengan keluasan tanah sesuai dengan jenis rumput makanan binatang seperti lembu, kerbau, unta, kambing biri-biri, dan lain-lain. Berasaskan ini negara-negara yang terletak di Sahara Afrika, sama ada Semenanjung Arab dan Selatan Iran memajukan penternakan unta. Manakala negara-negara seperti Turkistan, Afganistan, Iran dan lain-lain memajukan penternakan seperti keldai, lembu, kerbau dan kambing biri-biri. Ternakan juga ikut dimajukan di Sahara Barat, Turki, Saudi Arabia. Berasaskan ini negara-negara Islam menjadi pengeluar pelbagai ternakan untuk keperluan dunia umumnya dan dunia Islam khususnya.

## **iii) Kekayaan Bahan Keperluan Dari Laut**

Dunia Islam dilindungi oleh takungan air laut yang luas yang memberi kesan kepada tekanan suhu dan kelembapan buminya. Pada bumi negara-negara Islam juga seperti dimaklumi dialiri oleh pelbagai sungai-sungai panjang dan besar, di samping takungan air berbentuk tasik-tasik semula jadi atau tasik-tasik yang terjadi oleh teknologi manusia disebabkan pembikinan ampangan-ampangan hidro elektrik seperti tasik yang tercipta kerana pembinaan ampangan Aswam di Egypt dan lain-lain. Berasaskan ini dunia Islam amat kaya dengan sumber hasil air tawar dan masin (air laut). Semua ini boleh mempertingkatkan

kekayaan negara Islam dari sumber air, laut dan tasik. Di antara sumber hasil negara Islam dari sumber air ialah :

a) Ikan

Sumber makanan berupa ikan banyak diperolehi di negara-negara seperti Pakistan, Turki, Malaysia, Indonesia, Mesir, Arab Saudi dan Arab Morocco. Catitan yang pernah dikeluarkan oleh kajian Institut Akademi Laut Mesir bagi kajian yang dibuat berakhir 1984 menyatakan negara-negara Arab yang berada disekitar Laut Mediterranean dan Laut Merah sahaja menyebut negara-negara tersebut membekalkan keperluan dan mengeluarkan sekitar 40 % pengeluaran ikan dunia.<sup>8</sup>

b) Asfanj

Penghasilannya banyak diperolehi pada laut dan pantai Laut Merah dan Laut Mediterranean.

c) Mutiara

Mutiara satu bahan berharga tinggi dan diperolehi melalui kegiatan penyelaman di Laut Merah dan sekitar Pakistan. Walaupun mutiara masih tinggi dan berharga namun akhir-akhir ini sedikit terjejas disebabkan penghasilan mutiara buatan teknologi manusia yang harganya sedikit lebih murah.

#### iv) Sumber Kekayaan Hasil Perlombongan

Dunia Islam kaya dengan hasil galian yang menjadi keperluan dunia. Sebahagian simpanan sumber galian utama ini dikira akan terus kekal meletakkan dunia Islam di kedudukan sebagai pengeluar utama dunia. Di antara sumber galian diusahakan dikebanyakkan negara-negara Islam ialah:

a) Petrol dan Gas Tabi'l

Negara-negara Islam kini masih kekal sebagai pengeluar dan pembekal petrol dan gas Tabi'i utama dunia. Catitan menjelaskan negara-negara Islam mengeluarkan dan menjadi pembekal 75 % keperluan petrol dan gas dunia. Sumber utama bekalan minyak negara Islam diperolehi sekitar kawasan seperti Telok Suez, Asia Tenggara, antara Laut Qazwin dan laut Hitam, utara dan Barat Afrika dan Arab Telok.

Pada peringkat awal pengeluaran petrol memperlihatkan banyak syarikat-syarikat asing yang bertanggungjawab mengusaha operasi pengeluaran petrol dan gas dari negara-negara Islam untuk lebih banyak memberi pulangan keuntungan kepada syarikat asing, mereka bukan negara pengeluar. Keadaan menjadi pendorong kepada negara pengeluar petrol mengasaskan OPEC pada tahun 1960. Usaha hasil daripada kerja

---

<sup>8</sup> Laporan dikeluarkan Akhbar Jaridah al-Syark al-Awsad pada Ahad 18.1.1985, h. 4.

keras Saudi Arabia yang menjadi antara negara Islam pengeluar petrol utama dunia.

Postet satu bahan dalam pengeluaran simen dikeluarkan banyak di Negara seperti Morocco, al-Geria, Tunisia, Mesir, Syria dan Jordan. Manakala galian kobelt pula dikeluarkan oleh negara seperti Morocco dan lain-lain. Negara-negara Islam juga membekal 45 peratus dari kerum yang banyak diperolehi di Palestin, Sudan, Turki dan Iran. Bijih Besi ditemui di negara-negara seperti Malaysia, Iran, Turki, Mesir, Pakistan, Ghena, Mauritania, Morocco, al-Geria dan Tunisia. Manakala bijih timah yang diperlukan dunia. Ia pula banyak didapati dinegara-negara seperti Malaysia, Indonesia, negara-negara teluk, Iran, Turkistan, Iran dan Negeria.

Bukan sekadar bahan-bahan tersebut tetapi negara-negara Islam juga terdapat dan ditemui banyak bahan-bahan galian yang berharga dan menjadi keperluan dunia lain seperti sodium, kalsium, emas dan perak.

#### **v) Perkilangan**

Hasil daripada kekayaan negara-negara Islam dalam sektor perlombongan, pertanian dan lain menjadi aset penting memperkembangkan sektor perkilangan negara-negara Islam boleh muncul menjadi negara perusahaan dan perkilangan bahkan boleh muncul menjadi negara perusahaan dan perkilangan utama dunia. Aspek ini didorongkan oleh beberapa faktor. Antaranya :

- a) Terdapatnya sumber bahan yang kaya dan dengan pelbagai kualiti dari bahan-bahan pertanian, penternakan, perlombongan dan sumber hutan yang luas.
- b) Terdapat jumlah sumber penggerak utama perkilangan yang tinggi seperti petrol dan gas asli dan sumber asli dan Tabi'i yang sesuai untuk penjanaan elektrik dari sumber air seperti pembinaan ampangan untuk penjanaan elektrik dan juga sesuai untuk penjanaan elektrik melalui sumber matahari disamping kaya dengan pengeluaran arang batu.
- c) Terdapat sumber modal yang tinggi untuk memajukan sektor perkilangan kesan dari pengeluaran petrol dari buminya.
- d) Terdapat sumber tenaga buruh yang besar khusus dari negara-negara seperti Indonesia, Bangladesh, Mesir, Pakistan, Syria dan Tunisia.
- e) Terdapat sumber asas pasaran kepada barang keluaran kilang baik pasaran dalaman atau luaran negara. Keadaan ini disebabkan keluasan pasaran dalaman masyarakat Islam kerana keleluasan sempadan negara Islam atau sesetengah negara memperlihatkan kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Indonesia, Bangladesh, Pakistan dan lain-lain. Faktor lain membantu faktor pasaran adalah disebabkan kemudahan perhubungan antara negara Islam melalui darat, laut atau udara kerana kedudukan dalam dan antarabangsa

Berdasarkan perkembangan ini negara-negara Islam dan masyarakatnya mempunyai potensi tinggi untuk maju dan membangun dalam semua sektor kegiatan ekonomi termasuk, pertanian, penternakan, perlombongan, perkilangan dan perdagangan. Negara-negara Islam yang mengeluarkan bahan tertentu di negaranya sendiri agak kurang boleh memanfaatkan pengeluaran dari negara Islam lain dengan hubungan perdagangan yang baik boleh memaju seluruh negara Islam dalam pelbagai sektor ekonomi.

## **5. Tuntutan Dan Asas Perpaduan Dan Kerjasama**

Islam agama yang disediakan Allah untuk seluruh umat manusia. Berasaskan ini penganut Islam terdiri dari pelbagai bangsa dengan pelbagai warna kulit dan perbezaan bahasa pertuturan sama ada mereka hidup dalam satu negara atau berbeza Negara. Dari sudut asasnya umat Islam dituntut oleh agama Islam untuk bersatu dan bekerjasama antara mereka dalam menegakkan kebaikan, keadilan dan kebajikan sejagat berasaskan tuntutan. Firman Allah melalui surah *al-Anbiya'* ayat 92-93 menegaskan umat Islam sewajibnya menjadi umat yang sentiasa bersatu dan bekerjasama dengan baik, adil dan penuh berkebakikan kerana penganutan agama yang satu dengan satu asas pokoknya. Sebarang tindakan ummat manusia berselisihan dan bercakaran sesama sendiri adalah dalam pemerhatian Allah dimana kita akan kembali kepadaNya dan mereka akan menerima pembalasan Allah. Dengan peringatan Allah ini seharusnya memperteguhkan usaha kesatuan dan kerjasama di antara Negara-negara Islam dan lainnya.

Banyak asas yang seharusnya difahami oleh umat Islam menuntut mereka ke arah kesatuan dan kerjasama yang baik. Dari sudut aqidah dan keimanan umat Islam adalah umat yang mentauhidkan Allah yang satu yang menjadi sumber keperluan bahan yang terdapat di dunia. Di samping kesatuan umat Islam dari sudut kenabian dan risalah yang menjadi panduan dalam penghayatan hidup.<sup>9</sup> Hasil dari kedudukan ini sepatutnya memberi kesan dan pengaruh kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. dari sudut menghayati nilai, budaya dan sistem pengurusan hidup dan bumi di kalangan mereka, walaupun berbeza tempat kehidupan mereka. Penghayatan seperti itulah yang dimaksudkan oleh peringatan Allah melalui firmanNya dalam surah *al-Anfal* ayat 63 yang bermaksud

*“...Dan Dialah yang menyatupadukan di antara hati mereka (orang yang beriman). Kalaupun engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia maha Kuasa lagi maha Bijaksana”.*

Dari sudut asas sistem hidup dalam kehidupan peribadi, kemasyarakatan, ekonomi, politik, ketenteraan, pendidikan dan lain berasas himpunan sumber yang sama iaitu al-Quran. Kedudukan hadith adalah sebagai asas perincian pernyataan

---

<sup>9</sup> Lihat maksud firman Allah Surah al-Ikhlâs dan maksud firman Allah surah *al-Baqarah* ayat 285.

al-Quran. Qias pula bermaksud perluasan cakupan hukum dan sistem yang dinyatakan dalam kitab al-Quran untuk perkara yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran kerana persamaan faktor melingkunginya. Manakala ijma' pula penentuan sistem dan berasaskan persamaan perspektif mengenainya di kalangan ulama' Islam yang berkedudukan lebih berkeahlian dalam pemahaman pernyataan al-Kitab. Berasaskan ini bagi umat Islam lebih mudah sepatutnya untuk kesatuan kesimpulan antara mereka kerana asas pokok yang satu dalam penentuan hukum dan sistem disamping terdapat asas yang mempunyai perkaitan dengan sumber asas dalam penentuan sistem dan hukum dalam perkara yang lahir berasas perkembangan dan penemuan baru. Melalui asas kukuh ini sepatutnya lebih mudah untuk umat Islam menghasilkan kesatuan budaya dan kesatuan pendekatan. Bahkan ianya lebih mudah bagi umat Islam disemua bahagian geografi dunia mempunyai bahasa pertuturan diperingkat antara bangsa jika mereka menyedari keperluan asas penguasaan bahasa Arab (bahasa pengucapan al-Quran) sebagai asas pemahaman al-Quran sumber asas sistem dan hukum Islam.

Dari sudut sejarahnya pula dilihat secara asas hampir dunia Islam dan umat Islam melalui pengalaman sejarah yang hampir sama. Keadaan ini meletakkan permasalahan dihadapi mereka hampir sama. Hampir seluruh Negara Islam dalam kondisi semasa adalah dari negara-negara dan umat Islam dijajah oleh pelbagai kuasa penjajah Eropah seperti Inggeris, Perancis dan lain. Jika terdapat sebahagian kecil negara Islam yang tidak dijajah seperti Turki namun ianya atas tekanan kuasa penjajah Barat di era kelemahan telah menguasai pimpinan masyarakat tempatan telah menjadikan Turki berkedudukan seperti negara Islam yang dijajah Barat hingga mereka meletakkan kedudukan Turki sebagai negara sekular barat lain.

Dilihat dari sudut amalan ibadat khusus yang menjadi kewajipan umat Islam memperlihatkan dorongan dan tuntutan umat Islam sejagat untuk bersatu dan bekerjasama antara mereka demi kepentingan kehidupan harian mereka dan memperlihat daya tarikan kepada umat lain bersama mengambil asas dan sistem Islam, selari dengan kedudukan agama Islam rahmat untuk seluruh umat manusia. Dalam konteks ibadat haji umpamanya boleh dikembangkan untuk menjadikan muktamar tahunan pimpinan politik dan korporat umat Islam dalam memperbincangkan aktiviti mereka kearah menyumbang kebajikan sejagat. Dalam ibadat puasa pula sepatutnya menyedarkan mereka tentang betapa perit dan seksanya golongan fakir dan miskin yang terpaksa menjalani rasa lapar dan dahaga bukan dalam tempoh masa terbatas, tetapi sebahagian adalah bersifat sabanhari, bulan dan tahun. Untuk itu sepatutnya menyedarkan golongan korporat memperhitungkan aktiviti mereka ke arah memperkecil dan mengurangkan golongan menderita seperti itu dalam masyarakat dan dunia Islam. Manakala dalam ibadat sembahyang seluruh umat Islam berkiblat kepada arah yang sama. Berasaskan itu sepatutnya menyedarkan mereka untuk kembali kepada system yang satu pula dalam kegiatan mereka iaitu sistem Islam. Dengan mempraktikan itu semua membuktikan ketepatan dengan keutamaan Islam dan sistemnya, ianya juga asas perakuan setiap masyarakat Islam tentang keutamaan Islam berbanding sistem lain.

## 6. Kesimpulan

Demikian sedikit gambaran tentang keutamaan Islam. Allah S.W.T telah menyediakan taufik kepada sebahagian ummat manusia yang berada di kawasan strategik dunia untuk menjadi penganut Islam peringkat awal. Seluruh penganut Islam (masyarakat Islam semasa) peringkat awal ini sepatutnya menggunakan kedudukan strategik yang kekal hingga waktu ini dengan perlaksanaan Islam yang menyeluruh dan sempurna dalam seluruh aktiviti dengan menegak Islam secara baik. Ia akan menjadi daya tarik kepada golongan belum Islam tertarik sama kepada Islam. Ia juga membuktikan kita bekerja bagi menempatkan secara praktikal tentang kesempurnaan Islam untuk menjadi agama dan sistem kepada seluruh umat manusia sejagat, seperti ditegaskan oleh firman Allah. Ayat itu juga harus difahami oleh umat Islam tuntutan Islam untuk memperluaskan penganutan untuk seluruh umat manusia lain yang belum Islam.

Dalam konteks kekayaan dan kepelbagaian hasil dan sumber ekonomi pada dunia Islam pula adalah satu lagi nilai rahmat tinggi Allah kepada umat dan dunia Islam. Berasaskan ini ia harus diperhitungkan oleh umat Islam dari kalangan ahli politik, tokoh korporat umat dan umat Islam seluruhnya memperlihatkan pengurusan kepada kekayaan dan kepelbagaian sumber ekonomi negara Islam untuk memperlihatkan pengurusannya secara adil dan saksama untuk kebajikan umat sejagat, bukan memperhitungkan kepentingan sendiri sahaja. Jika ini dapat dilakukan akan menselarikan perakuan kita tentang keutamaan Islam dari sudut teori dan praktikal secara bersama faktor lain memperlihatkan keutamaan dan keunggulan Islam mempertegaskan keunggulan dan keutamaan serta memperluaskan penyebaran ajaran Islam tanggungjawab bersama umat dan berkekalan hingga dunia ini berakhir.

## 7. Bibliografi

Jamil Abdullah al-Misri (1989), *Hadhir al-Alam al-Islami Wa Kadhaya al-Mu'asarah*, Dar al-Ummu al-Qura, Saudi Arabia.

Al- Na'imi, Dr Ahm ad-Nuri (1981), *Turkia Wa Halaf Syimal al-Atlasi*, Dar al-Wataniah : Baghdad.

Amir Abdullah, *al-Geographiah al-Tarikhiyah Li Hawdhi al-Bahru al- Ahmar*.

Dr Thiyauddin al-Rais' (1979), *al-Nathariyyat al-Siasiyah al-Islamiah*, Dar al-Thurath: Cairo.

Syakir, Mahmood (1981), *Iktisadiyyat al-Alam al-Islamiy*, Muassasah al-Risalah: Beirut.





# Islam Between Human Inspiration And Divine Revelation: A Counter-Argument To The Theory Of Cultural Vacuum By Hourani

Zulkarnain Mohamed\*

*Albert Hourani in his work entitled Islam in European Thought (1991) proposes a state of cultural vacuum, in which the Arabs before Islam were, as a theory on cultural formation to “establish” that Islam was inspired by various human cultures or religions of the non-Arabs, mainly of the Christians, Persians and Hindus. The theory implies that Islam was a human inspiration, and this is contradictory to the Islamic sources of the Qur’an and Hadith including the opinions of the Muslim scholars. This study is a counter-argument to the theory and it is intended to argue that the theory is based on perception or allegation, which is outward, not directly related to the essence of the subject of criticism or analysis, i.e. the essence of Islam which is inward and more reliable. Besides, this study is intended to assert that any analysis of Islam should be based on the textuality of the main Islamic source, the Qur’an. This study adopts textual analysis, which is related to the Qur’an, besides a historical study of the developments of the religions or cultures that are said to have shaped Islam and especially the Qur’an. To conclude, this study argues that the Qur’an, as the main essence of Islam was not influenced by other contemporary cultures or religions, the Qur’an cannot be identified with the cultural and religious influences. Thus it is divine, far from human senses of knowledge and perception because it breaks the barriers of the human senses.*

**Keywords:** *the Qur’an, human inspiration and divine revelation*

## Introduction

*Islam in European Thought* (1991) by Albert Hourani is an echo of the traditional western view that regards Islam as humanly inspired religion unlike Christianity and Judaism that are said to be related with divine scriptures and prophets. Besides Hourani’s work, there are many other works that can be grouped together because they come to the same conclusion as proposed by Hourani in spite of their diverse views. This diversity can be summarized in three interests of study, i.e. *prophecy, scripture and culture* as can be seen in the works of Reynold A. Nicholson (1930), Clement Huart (1966) and H.T. Norris (1983). The interests were then developed into two grand ideas of establishing a school of thought

---

\* Currently Senior Lecturer in the Dept. of Arabic Studies & Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, the National University of Malaysia, interested Islamic literature and Influence and Counter-influence of Western and Islamic Literature.

called orientalism, and setting up learning institutions devoted to the thought funded by the Church and the authorities. In this discussion, the theorization on Islam that is related to thought of Hourani is the end product of the development. Admittedly, past European scholars initiated the study of Islam because Islam had long come into the European soil and moulded its civilization as can be seen in the history of Muslim Spain. The initiative can be seen as counter-intellectualism or counter-influence by European scholars who were concerned and eager in asserting self-identity after sort of long being diluted in the previously Muslim dominated Spanish society for about eight centuries.

The European counter-intellectualism brought about the European enterprises in exploring the Muslim world in various fields of religion, culture and history. Thus, arose such European scholars as Huart, Nicholson, Goldziher and so on who were part of the scholars interested in Islam and were later acknowledged in the west as prominent scholars on Islam. Then their works were successively studied and their worldview on Islam was institutionalized as academic field, as been mentioned by Ismail Ali Muhammad (2000) and Edward Said (1991). Personally, Said is quite clear in his view on the institutionalization of the study of Islam when he suggests the study of Islam was not mere scholarly interest but adopted by European Church institution, and later financed by European and American universities until Islam became the subject of interest throughout the west.

Basically, the work presently being analyzed is an edited and reviewed compilation of Hourani's previously published articles, as has been admitted in his introduction, regarding the most conspicuous viewpoints of prominent European scholars on the three previously stated questions of prophecy, scripture and culture. The title of the work underlines a chapter within his work that bears the similar title, and generally represents the main thesis of the work, except for the last three chapters that seem to be devoted to lessen the implication that Islam is adapted from Christianity and Judaism. However, the three chapters are hardly antithetical to the traditional western views on Islam. The last chapters can be regarded as a distraction from the density of the hostile western views on Islam to a more lenient stance, i.e. the emphasis on the establishment of Islam itself, rather than its origin. At the same time, he leaves the western hostility to Islam unsolved by merely reflecting on the hostility without transcending the boundary to Islamic perspective, i.e. Islamic references.

As of the work being analyzed here, it can be said as representative of the theorization phase of orientalism because the writer tries to be *conclusive* and *final* in his coverage of the diverse views on principles and foundation underlying orientalism. Generally, he seems to try to rediscover the orientalist of various era and European nationalities. It is necessary to mention here that it was European scholars who pioneered orientalism on Islam to the extent of their works being considered to form the tradition and works being used in institutionalizing both European and American academic interests on Islam (Muhammed A. Al-Da'mi, 2002). Exclusively, Hourani's analysis emphasizes a strong underlying message on the existence of a cultural vacuum that paved the way for the coming of Islam, Muslim society and Islamic Scripture.

